

Menerajui Asia



Maybank

LAPORAN TAHUNAN 2013

Menghubungkan
Dunia di Asia



15.1%

Pulangan atas Ekuiti

Regionalisasi

Pertumbuhan pembiayaan dan PBT yang tinggi di pasaran luar negara

**Pulangan
Pemegang Saham**

Dividen sesaham 53.5 sen

Pendapatan sesaham 75.8 sen



NEW YORK

LONDON

MENGHUBUNGKAN DUNIA DI ASIA

**MERAIH MANFAAT
ALIRAN PERNIAGAAN
DI SELURUH DUNIA
KE ASIA MENERUSI
RANGKAIAN KAMI**



Capaian



Peluang



Pasaran



Komuniti



Orang Ramai

KANDUNGAN



Laporan Tahunan ini
boleh didapati di laman web
www.maybank.com/ar2013



Untuk hubungi kami, sila rujuk
muka surat 181 bagi Maklumat
Korporat dan muka surat 182
bagi Direktori Kumpulan



Penyata kewangan boleh
didapati di bahagian Penyata
Kewangan dalam Laporan
Tahunan 2013 ini



Muka surat 6

PENYATA Pengerusi

“Sekali lagi syarikat telah mencapai prestasi yang kukuh dengan rekod Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) yang meningkat serta mencatatkan pertumbuhan dua angka kepada RM6.55 bilion dalam Tahun Kewangan 2013 (TK2013).”



Muka surat 8

PENYATA PRESIDEN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

“Strategi penting dalam menguruskan Kumpulan Maybank adalah memastikan kekuatan penyata kewangan kami. Pelanggan-pelanggan kami yang telah memilih untuk melaburkan dana mereka dalam institusi kami mesti diberi jaminan bahawa simpanan mereka selamat, bukan hanya untuk hari ini tetapi juga untuk generasi yang akan datang.”

SEPINTAS LALU

4 Ulasan 2013

MESEJ KEPADA PEMEGANG SAHAM

6 Penyata Pengerusi
8 Penyata Presiden &
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

SIAPA KAMI

14 Visi, Misi & Nilai Teras
15 Kod Etika & Perilaku
16 Profil Korporat & Rangkaian Global
18 Entiti Perniagaan Utama
20 Sejarah, Inovasi & Kepimpinan
23 Struktur Korporat Kumpulan
24 Struktur Organisasi Kumpulan

STRATEGI & PENCAPAIAN KUMPULAN



28 Strategi & Pencapaian Kami
32 Petunjuk Prestasi Utama
34 Ringkasan Lima Tahun Kewangan Kumpulan
36 Ringkasan Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan
37 Prestasi Suku Tahunan Kewangan Kumpulan
37 Faedah Utama Berkaitan Aset dan Liabiliti
38 Penyata Nilai Tambah
39 Maklumat Segmen
40 Saham Maybank
46 Maybank Dalam Media
52 Sorotan Peristiwa
61 Anugerah & Pengiktirafan

KE-54

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MALAYAN BANKING BERHAD

Sime Darby Convention Centre, Grand Ballroom, Tingkat 1, 1A Jalan Bukit Kiara 1,
60000 Kuala Lumpur, Malaysia

Isnin, 7 April 2014, 10 pagi

Rujuk muka surat 184 hingga 187 untuk maklumat mengenai Mesyuarat Agung Tahunan dan Kalendar Kewangan



Muka surat 16

PROFIL KORPORAT & RANGKAIAN GLOBAL

"Maybank merupakan antara kumpulan perkhidmatan kewangan peneraju di Asia yang juga merupakan bank keempat terbesar di Asia Tenggara dari segi aset."



Muka surat 28

STRATEGI KAMI

"Hasrat yang mahu dicapai oleh Maybank pada 2015 telah menjadi panduan bagi transformasi strategik kami sehingga ke hari ini. Ketika kami mencapai saat-saat penting ini, transformasi diteruskan dengan sepenuh hati dan kami terus mempercepatkan usaha untuk merealisasikan matlamat strategik kami dan meneroka laluan kejayaan masa hadapan yang lebih besar."



Muka surat 74

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI

"Dengan kepercayaan dan semangat untuk berkembang secara bertanggungjawab, kami telah memperkukuhkan lagi hasrat strategik kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia."



Muka surat 122

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

"Maybank mempunyai sejarah yang panjang dalam peranannya berada di tengah-tengah komuniti. Sejak awal lagi, kami menyasarkan untuk menjadi sebuah entiti milik semua rakyat Malaysia. Selari dengan misi menginsankan perkhidmatan kewangan, kami kini meluaskan pendekatan berasaskan komuniti ini ke seluruh rantau."

ULASAN PERNIAGAAN



- 66 Ulasan Kewangan Kumpulan
- 71 Ulasan Ekonomi & Industri Perbankan
- 74 Perkhidmatan Kewangan Komuniti
- 79 Perbankan Global
- 90 Operasi Luar Negara Maybank
 - 92 Antarabangsa
 - 93 Wilayah Besar China
 - 94 Maybank Filipina
 - 95 Maybank Indochina
 - 96 Lain-lain Unit Luar Negara
 - 96 Unit-unit Sekutu
 - 97 Singapura
 - 98 Indonesia
- 100 Insurans & Takaful
- 105 Perbankan Islam
- 108 Jawatankuasa Syariah
- 110 Modal Insan Kumpulan
- 115 Teknologi Kumpulan
- 118 Operasi Kumpulan

TANGGUNGJAWAB KAMI



- 122 Tanggungjawab Korporat
- 128 Perhubungan Pelabur

KEPIMPINAN KAMI



- 132 Lembaga Pengarah
- 134 Profil Lembaga Pengarah
- 140 Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan

TADBIR URUS KORPORAT

- 146 Penyata Tadbir Urus Korporat
- 160 Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman
- 162 Laporan Jawatankuasa Audit
- 165 Pengurusan Risiko
- 172 Pematuhan Kumpulan

LAIN-LAIN MAKLUMAT

- 174 Analisis Pemegang Saham
- 176 Klasifikasi Pemegang Saham
- 176 Perubahan Dalam Modal Saham
- 179 Hartanah Dimiliki oleh Kumpulan Maybank
- 180 Senarai 10 Hartanah Utama Dimiliki oleh Kumpulan Maybank
- 181 Maklumat Korporat
- 182 Direktori Korporat

MAKLUMAT AGM

- 184 Notis Mesyuarat Agung Tahunan Ke-54
- 186 Penyata Iringan Notis Mesyuarat Agung Ke-54
- 187 Kalendar Kewangan
 - Borang Proksi

ULASAN 2013

PATAMI RM6.55 bilion

Mencatatkan rekod keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) yang meningkat 14.0% kepada RM6.55 bilion didorong oleh pendapatan bersih yang tinggi yang disokong oleh kecekapan kos yang semakin baik.

(Sila rujuk pada muka surat 66 bagi Ulasan Kewangan Kumpulan)

Dividen Sesaham 53.5 sen

Dividen bersih sesaham 53.5 sen (TK2012: 52.5 sen) dengan jumlah dividen bersih pada tahun kewangan 2013 sebanyak RM4.71 bilion.

(Sila rujuk pada muka surat 66 bagi Ulasan Kewangan Kumpulan)

Nisbah Kos kepada Pendapatan 47.8%

Nisbah kos kepada pendapatan bertambah baik kepada 47.8% berbanding 48.6% pada tahun kewangan 2012, disebabkan oleh pertumbuhan overhead yang lebih perlahan sebanyak 8.4% berbanding pertumbuhan pendapatan bersih sebanyak 10.5%.

(Sila rujuk pada muka surat 66 bagi Ulasan Kewangan Kumpulan)

Pelantikan Pengurusan

- Kumpulan Maybank
- Bank Internasional Indonesia
- Insurans & Takaful
- Perbankan Pelaburan

Pelantikan Datuk Abdul Farid Alias sebagai PCEO Kumpulan dan Pengurusan bagi tiga entiti, termasuk struktur organisasi yang disusun semula untuk menyokong pertumbuhan serantau.

(Sila rujuk pada muka surat 8 bagi Penyata Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan)

Pembangunan Tenaga Mahir

- Pemenang bagi Anugerah Peneraju 100 Majikan Graduan Terbaik 2013

Maybank muncul sebagai Pemenang kategori Perkhidmatan Perbankan dan Kewangan untuk tempoh tiga tahun berturut-turut bagi Anugerah Peneraju 100 Majikan Graduan Terbaik 2013.

(Sila rujuk pada muka surat 110 bagi Ulasan Modal Insan Kumpulan)

Tanggungjawab Korporat

- Lebih daripada 119,000 jam bekerja untuk program sukarela komuniti


Lebih daripada 23,000 kakitangan Maybank menyumbang lebih daripada 119,000 jam bekerja untuk program sukarela komuniti. Menerusi acara tahunan utama kami, Cahaya Kasih, kami menyusun, memantau dan menilai impak sukarelawan kakitangan kami.

(Sila rujuk pada muka surat 122 bagi Ulasan Tanggungjawab Korporat)




Tinjauan Kewangan


Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank **RM6.55 bilion**




Pendapatan Sesaham **75.8 sen**




Pulangan atas Ekuiti **15.1 %**




Jumlah Aset **RM560.4 bilion**




Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan **RM355.6 bilion**




Nisbah Kecukupan Modal
Jumlah Nisbah Modal: 15.664%[@]




Dividen Kasar Sesaham **53.5 sen**



Pemodalan Pasaran **RM88.1 bilion**



Harga Saham **RM9.94**



* Tempoh kewangan enam bulan yang berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan tahun kewangan (TK) dari 30 Jun kepada 31 Disember.
Dikira berdasarkan kepada peruntukan semula wajaran tambahan modal RM3.66 bilion yang diraih pada Oktober 2012.
^ RWCR dan mengandaikan bahawa semua DRP dilabur semula.
@ Jumlah nisbah modal (TCR) dikira sejajar dengan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada 28 November 2012.


Ulasan Bukan Kewangan

MODAL INSAN
Lebih 47,000
warga kerja Maybank
di seluruh dunia

RANGKAIAN GLOBAL
Lebih 2,200 pejabat
di 20 negara

PELANGGAN
22 juta
di seluruh dunia

PENYATA PENGGERUSI



“Sekali lagi syarikat anda telah mencapai prestasi yang kukuh dengan rekod Keuntungan Selepas Cukai dan Keuntungan Minoriti (PATAMI) yang mencatatkan pertumbuhan dua angka kepada RM6.55 bilion dalam Tahun Kewangan 2013 (TK2013).”

“Kami amat berbesar hati kerana pemegang saham terus memberi sokongan kepada usaha pertumbuhan kami dan membolehkan kami mengekalkan kedudukan di Malaysia sebagai syarikat yang terunggul dari segi permodalan pasaran dengan margin yang kukuh – terima kasih.”

KEPADA PEMEGANG SAHAM,

Selepas setahun berlalu, kami berbesar hati melaporkan bahawa sekali lagi Syarikat telah mencatatkan prestasi yang kukuh dengan rekod Keuntungan Selepas Cukai dan Keuntungan Minoriti (PATAMI) yang mencatatkan pertumbuhan dua angka kepada RM6.55 bilion dalam Tahun Kewangan 2013 (TK2013). Sesungguhnya kami berbangga dapat terus mencapai pertumbuhan keuntungan yang kukuh di Indonesia dan juga dalam Perbankan Pelaburan serta Perbankan Islam, yang menjadi bidang keutamaan kami. Asas modal kami mengikut standard Basel III kekal kukuh dengan nisbah Modal Ekuiti Bersama Tahap 1 sebanyak 11.25% - ini amat penting ketika kami melalui kegawatan ekonomi yang berterusan di rantau pilihan kami, Asia Tenggara dan Wilayah Besar China.

Pengembangan operasi bagi memastikan Maybank sebagai sebuah bank serantau telah dilaksanakan dengan baik sejak memulakan penerokaan transformasi yang kami lalui lima tahun lalu. Kakitangan kami telah memainkan peranan penting dalam melaksanakannya dan kami juga telah mendapat pengiktirafan yang besar menerusi amalan kakitangan kami. Selain itu, kami juga diiktiraf sebagai majikan pilihan dalam industri perbankan dan kewangan di Malaysia. Dengan tahap penglibatan kakitangan yang tinggi setanding dengan yang terbaik di dunia, kami akan terus menumpukan kepada usaha untuk meningkatkan produktiviti kakitangan yang akan disokong oleh pelaksanaan sistem baru teknologi maklumat di seluruh rantau.

Sesungguhnya, kami amat bangga menyaksikan produktiviti bagi operasi di Malaysia semakin berkembang. Ini bukan hanya disebabkan oleh capaian kami yang lebih luas ke seluruh negara sehingga kami dapat melaksanakan dasar menggalakkan keakraban dengan seluruh pelusuk komuniti, tetapi juga membolehkan kami untuk menyumbang kreativiti dan inovasi bagi memanfaatkan asas pelanggan yang luas.

Sementara itu, tumpuan kami untuk mendekati komuniti akan diteruskan di seluruh rantau. Inisiatif kami termasuk meningkatkan keupayaan keluarga berpendapatan rendah menerusi pengenalan program pembiayaan dan pendidikan, memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang memerlukan dan menyediakan skim pembiayaan mikro kepada komuniti tempatan, terutamanya di Indonesia. Di Filipina, kami telah membantu memulihkan semula keluarga-keluarga yang terjejas akibat taufan Sendong pada 2011. Program tanggungjawab korporat (CR) ini bertujuan memberikan manfaat jangka panjang. Anugerah-anugerah yang diterima sepanjang tahun menjadi bukti kepada inisiatif cemerlang yang kami laksanakan terhadap komuniti di seluruh rantau ini. Maklumat lebih lanjut mengenai program CR yang kami jayakan boleh dirujuk di dalam Laporan Kemampanan 2013.

Kami amat berbesar hati kerana pemegang saham terus memberi sokongan terhadap pertumbuhan ini dan membolehkan kami mengekalkan kedudukan di Malaysia sebagai syarikat yang terunggul dari segi permodalan pasaran dengan margin yang kukuh – terima kasih. Untuk dividen akhir dalam tahun berkenaan, kami mencadangkan sebanyak 31 sen sesaham bersih atau agihan sebanyak RM2.75 bilion. Ini bermakna dividen bersih bagi 2013 berjumlah RM4.71 bilion yang mewakili 53.5 sen sesaham. Program pelaburan semula dividen seterusnya semakin mengukuhkan lagi asas kewangan kami dan terus menawarkan ganjaran kepada mereka yang melaburkan semula dividen masing-masing ke dalam Syarikat.

Satu perubahan yang tidak dijangka adalah peletakan jawatan bekas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) kami, Dato' Sri Abdul Wahid Omar. Beliau meninggalkan syarikat pada pertengahan tahun yang dikaji untuk menyertai Kerajaan Malaysia sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dato' Sri Wahid telah melaksanakan tugas yang cemerlang sepanjang lima tahun penglibatannya menerajui Kumpulan

dan memacu Maybank. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga dan kami mendoakan yang terbaik untuk beliau.

Lembaga Pengarah tidak berlekeh membuat keputusan untuk mengisi kekosongan jawatan ini dengan meletakkan Datuk Abdul Farid Alias, dahulunya merupakan Ketua Perbankan Global Maybank untuk memastikan kesinambungan dan meneruskan strategi serantau kami. Saya yakin kepimpinan Datuk Farid dan pengalamannya dalam meneruskan inisiatif strategik Kumpulan dalam tugas-tugasnya yang terdahulu, akan membolehkan kami mengukuhkan kedudukan sebagai kumpulan perbankan peneraju di Asia Tenggara.

Saya turut mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Alister Maitland, yang bersara sebagai pengarah Syarikat pada Mac 2013, selepas berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah sejak Ogos 2009.

Saya yakin kami boleh menjangkakan peluang yang lebih baik pada 2014 memandangkan kedudukan ekonomi negara-negara maju semakin pulih. Kami yakin kami berada dalam kedudukan yang baik untuk meneroka peluang bernilai sekiranya muncul. Ini kerana kami memiliki asas kewangan yang kukuh, kekuatan yang jelas berbeza dalam perkhidmatan kewangan Islam dan kepelbagaian asas pelanggan serantau.

Sokongan yang diberikan oleh pemegang-pemegang kepentingan ketika kami mara ke hadapan, amat kami hargai. Sekali lagi, bagi pihak Ahli Lembaga Pengarah, saya mengucapkan terima kasih kepada semua.



**TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN
MEGAT MOHD NOR**
Pengerusi

PENYATA PRESIDEN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

“Pendapatan rekod yang kami capai pada TK2013 bermakna pendapatan sesaham adalah sebanyak 75.8 sen, meningkat 4.3% berbanding TK2012. Kumpulan telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 31 sen, menjadikan jumlah dividen bersih sebanyak RM4.71 bilion bagi tahun kewangan berkenaan.”



“Strategi penting dalam menguruskan Kumpulan Maybank adalah bagi memastikan kekukuhan penyata kewangan kami. Pelanggan-pelanggan kami yang telah memilih untuk melaburkan dana mereka dalam institusi kami seharusnya diberi jaminan bahawa simpanan mereka selamat, bukan hanya untuk ketika ini tetapi juga untuk generasi akan datang.”

KEPADA PARA PEMEGANG SAHAM,

Buat pertama kalinya, penyata ini saya kemukakan kepada anda sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GPCEO) Maybank. Terutama sekali, saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah kerana memberi peluang kepada saya untuk melaksanakan tanggungjawab yang besar ini. Pada masa yang sama, saya turut berbesar hati dengan peluang yang diberikan untuk menjayakan apa jua peluang pertumbuhan yang boleh dicapai oleh Kumpulan Maybank. Dalam penyata ini, saya mahu berkongsi pandangan dengan anda tentang prestasi yang dicapai pada 2013, jangkaan bagi 2014 dan inisiatif kami tahun ini.

ULASAN PRESTASI 2013

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 (TK2013), syarikat anda mencatatkan Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) sebanyak RM6.55 bilion – keuntungan tertinggi pernah dicapai sepanjang 52 tahun sejarah penubuhan Maybank. Pencapaian ini adalah 14% lebih tinggi berbanding TK2012 disumbangkan oleh keuntungan sebelum cukai yang tinggi di Malaysia dan rantau ini.

Asas perolehan Kumpulan turut menyaksikan peningkatan 10.5% sepanjang tahun keuntungan yang disumbangkan oleh semua segmen perniagaan. Pendapatan berasaskan dana bersih meningkat 8.4% disebabkan oleh pembiayaan kasar Kumpulan yang meningkat 14%, manakala pendapatan berasaskan fi berkembang sebanyak 14.6%.

Saya juga amat berbesar hati untuk berkongsi mengenai pertumbuhan pembiayaan bagi Kumpulan iaitu sebanyak 14% yang melebihi sasaran sebanyak 12%. Pertumbuhan ini dicapai disebalik tempoh separuh pertama yang perlahan pada 2013. Begitu juga dengan deposit yang berkembang 14% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya berbanding jangkaan pertumbuhan sebanyak 12%.

Ketika kami terus menumpukan kepada regionalisasi, kami melihat Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) yang tinggi di Malaysia dan di rantau ini. PBT bagi operasi kami di Malaysia meningkat 12.1%, manakala PBT bagi operasi luar negara pula naik 12.7%. Di peringkat serantau, operasi kami di Singapura mencatatkan peningkatan PBT sebanyak 9.8% manakala pertumbuhan PBT bagi operasi di Indonesia pula mencatat sebanyak 18.8%.

Prestasi pada TK2013 disumbangkan oleh pemulihan dalam nisbah kos pendapatan berbanding kos sebanyak 47.8%. Tumpuan kami untuk terus mengukuhkan kualiti portfolio telah menambah baik nisbah rosot nilai bersih daripada 1.09% pada TK2012 kepada 0.95% pada TK2013. Pada masa yang sama, nisbah perlindungan kerugian pinjaman meningkat kepada 107.5% pada akhir Disember 2013.

Untuk maklumat ulasan perniagaan, sila rujuk kepada:

Perkhidmatan Kewangan Komuniti	Muka surat 74
Perbankan Global	Muka surat 79
Maybank Singapura	Muka surat 97
Insurans dan Takaful	Muka surat 100
Maybank Islamic	Muka surat 105

Rekod pendapatan dicapai pada TK2013, bermakna pendapatan sesaham adalah sebanyak 75.8 sen, naik 4.3% daripada TK2012. Kumpulan telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 31 sen, menjadikan jumlah dividen bersih sebanyak RM4.71 bilion bagi tahun berkenaan. Ini menjadikan nisbah pembayaran dividen sebanyak 71.9%.

Sebagai sebuah Kumpulan, kami meletakkan matlamat untuk menjana pulangan modal yang tinggi daripada perniagaan serantau. Prestasi yang dicatatkan pada TK2013, menghasilkan pulangan atas ekuiti (ROE) sebanyak 15.1%. Pencapaian ini merupakan pulangan yang dipandang tinggi bagi sebuah institusi kewangan yang beroperasi di ASEAN – sekumpulan negara-negara dengan profil pulangan risiko yang berbeza. Peranan kami adalah untuk memaksimumkan pulangan dan pada masa sama menganggarkan kedudukan risiko yang selamat dan stabil. Inilah juga pendekatan yang kerap kali diambil oleh Kumpulan Maybank.

Dalam lanskap semasa, pengurusan institusi kewangan memerlukan lebih banyak modal dan infrastruktur pengurusan risiko serta amalan yang lebih baik bagi memastikan kami kekal kukuh. Ini bukan hanya pendekatan yang akan diambil tetapi merupakan keperluan pihak pengawal selia yang ditetapkan oleh bank pusat di negara-negara yang kami sertai, dan khususnya pihak berkuasa di pasaran utama kami iaitu Bank Negara Malaysia. Memandangkan keperluan pihak berkuasa pengawal selia yang minimum, kami sentiasa menumpukan

kepada usaha untuk memiliki modal tambahan bagi memastikan kami mampu berdiri kukuh sebagai Kumpulan kewangan. Dengan nisbah modal sebanyak 15.66% kami percaya kami memiliki modal yang mencukupi untuk memenuhi keperluan Basel III dan juga keperluan perniagaan kami bagi tahun 2014.

MEMANDANG KE HADAPAN

Seterusnya, saya akan berkongsi maklumat mengenai pelan kami bagi 2014. Apabila anggota Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan (EXCO) dan saya mengemukakan pelan bagi Kumpulan pada 2014, kami menumpukan kepada operasi Kumpulan Maybank di sekitar kriteria yang berkenaan:

- Keperluan modal untuk menguruskan perniagaan yang mampan
- ROE minimum yang kami akan usahakan untuk anda
- Kedudukan risiko yang mampu kita hadapi dan anggarakan, dengan mengambil kira perkara-perkara di atas

Keperluan modal untuk menguruskan perniagaan yang mampan

Strategi penting dalam menguruskan Kumpulan Maybank adalah bagi memastikan kekukuhan penyata kewangan kami. Pelanggan-pelanggan kami yang telah memilih untuk melabur dana mereka dalam institusi kami, seharusnya diberi jaminan bahawa simpanan mereka selamat, bukan hanya untuk ketika ini, tetapi juga untuk generasi akan datang. Untuk memastikan kita tidak mengabaikan harapan daripada pendeposit-pendeposit, ini bermakna kita perlu mengambil pendekatan yang terancang untuk memastikan berapa modal yang diperlukan. Pada pandangan saya, risiko menyalurkan peruntukan yang berlebihan, berkemungkinan akan membawa kemudatan dalam pemberian pinjaman yang akan membawa risiko kepada pemegang-pemegang modal kami. Di Kumpulan Maybank, saya tidak ragu-ragu untuk memberi jaminan kepada pemegang saham kami bahawa jumlah modal kami berada pada tahap yang selesa.

PENYATA PRESIDEN & KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN

“Tumpuan utama agenda regionalisasi kami pada 2014 adalah untuk meningkatkan prestasi operasi di ASEAN termasuk Singapura, Indonesia, Filipina dan Indochina serta di luar ASEAN, termasuk Hong Kong dan Wilayah Besar China.”

Sasaran ROE & Kedudukan Risiko bagi 2014

Bagi TK2014, kami telah menetapkan sasaran ROE sebanyak 15.0%. Sasaran ini yang kami usahakan untuk anda dan kedudukan risiko yang dilalui adalah saling berkait. Di sinilah pertimbangan perniagaan perlu dibuat.

Kami merupakan institusi kewangan yang mempunyai portfolio yang pelbagai, baik dari perspektif perniagaan atau geografi. Kepelbagaian ini mencakupi kedua-dua strategi risiko dan pertumbuhan. Kombinasi portfolio yang baik, contohnya, membolehkan kami tidak terlalu terdedah kepada mana-mana bidang pendedahan. Daripada perspektif pertumbuhan, pengembangan kami ke pasaran-pasaran lain membolehkan kami meneroka peluang-peluang baru untuk masa hadapan. Selain itu, aspirasi ke arah Komuniti Ekonomi ASEAN mendorong kami untuk menjadikan rantau ini sebagai pasaran utama, selari dengan agenda regionalisasi kami.

KEUTAMAAN 2014 UNTUK REGIONALISASI & STRATEGIK

Regionalisasi bukan merupakan agenda baru buat kami di Kumpulan Maybank. Ketika kami ditubuhkan pada 1960, cawangan-cawangan kami dibuka serentak di Malaysia, Singapura dan Brunei. Selama bertahun-tahun, kami menambah cawangan dan membina perniagaan di semua 10 negara ASEAN, di tiga buah pusat kewangan global iaitu di Hong Kong, London dan New York. Kami juga meneroka pasaran sedang muncul seperti China dan India, Timur Tengah di Bahrain dan Arab Saudi serta tiga lagi pasaran-pasaran yang berpotensi iaitu di Papua New Guinea, Pakistan and Uzbekistan.

Tumpuan utama agenda regionalisasi kami pada 2014 adalah untuk meningkatkan prestasi operasi di ASEAN, termasuk di Singapura, Indonesia, Filipina dan Indochina serta di luar ASEAN termasuk di Hong Kong dan Wilayah Besar China. Ini kerana kami mahu memastikan untuk mendapat prestasi yang menggalakkan dari semua negara di mana kami beroperasi sepertimana tahap yang kami capai di Malaysia. Ini memerlukan kami untuk memberi keutamaan kepada (1) meningkatkan usaha regionalisasi (2) terus memulihkan produktiviti dan (3) perubahan budaya untuk memastikan prestasi yang tinggi.

Keutamaan Strategik 1: Meningkatkan Usaha Regionalisasi

Sejak awal 2014, kami telah meningkatkan struktur Kumpulan dengan keutamaan strategik. Struktur serantau ini membolehkan kerjasama lebih baik di seluruh negara dan membantu kami untuk menggerakkan lebih banyak tenaga kerja terbaik di seluruh rantau. Sebagai contoh, kami melantik Polle Sim yang telah berjaya membina perniagaan kami di Maybank Singapura untuk menggunakan pengalaman yang sama di Filipina, Wilayah Besar China dan Indochina. Begitu juga, Datuk Lim Hong Tat yang telah memulihkan Perkhidmatan Kewangan Komuniti di Malaysia dengan jayanya, kini akan bertanggungjawab menguruskan perniagaan Perkhidmatan Kewangan Komuniti di peringkat global, selain memegang peranan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maybank Singapura.

Ketika kami memikir tentang kelebihan berdaya saing, didapati keupayaan Perbankan Islam kami amat menonjol. Pada TK2013, PBT bagi Maybank Islamic meningkat sebanyak 17% kepada RM1.39 bilion. Muzaffar Hisham, Ketua Kumpulan Perbankan Islam dan CEO Maybank Islamic Berhad telah

menjadi tonggak bagi menjadikan Maybank Islamic sebagai bank ketiga terbesar global. Tahun ini, kami amat-amat menantikan apa yang mampu kami capai dalam perbankan Islam di rantau ini.

Sebagai peneraju perkhidmatan kewangan di Malaysia, perniagaan Insurans dan Takaful di bawah jenama Etiqa telah menjadi penyumbang penting. Kamaludin Ahmad, CEO Maybank Ageas Holdings Berhad telah membantu memastikan Etiqa mengekalkan kedudukannya sebagai syarikat insurans kedua terbesar dalam perniagaan insurans hayat dan keluarga, dan Nombor 1 dalam insurans am dan takaful. Kamaludin Ahmad telah dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful, dan pada masa sama beliau akan bertanggungjawab untuk mengembangkan kedua-dua perniagaan berkenaan di rantau ini.

Keutamaan Strategik 2: Penambahbaikan dalam Produktiviti

Ketika kami telah melihat kemajuan dalam beberapa petunjuk produktiviti, masih terdapat banyak perkara yang perlu dilakukan. Kami sedang membuat pelaburan yang wajar dalam seluruh sistem Kumpulan yang akan menyokong peningkatan produktiviti. Ini merupakan langkah strategik yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya, dan kami telah melantik Geoff Stecyk sebagai Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan untuk menerajui usaha ini. Sehingga ke hari ini, kami telah melancarkan Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan Global, Sistem Pengurusan Tunai Serantau, Sistem Kewangan Perdagangan Serantau dan Penyelesaian Cawangan Serantau. Masih terdapat beberapa isu lagi seperti yang diketengahkan oleh pelanggan-pelanggan, tetapi saya berjanji akan membuat yang lebih baik. Langkah ini telah dilaksanakan dengan matlamat utama untuk menawarkan pengalaman yang lebih baik kepada para pelanggan.

“Ingin saya kongsi dengan anda bahawa misi kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia merupakan penggerak yang amat penting dalam apa jua yang kami lakukan. Semakin kami maju ke hadapan, kami berharap dapat memastikan bahawa kata-kata ini bukan hanya pernyataan semata-mata, tetapi adalah janji kami untuk memberikan yang terbaik sedaya upaya kami.”

Untuk menerajui operasi Kumpulan, Jerome Hon telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan. Kami percaya ada banyak laluan yang boleh kami usahakan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti dengan menggunakan amalan terbaik yang telah kami capai dalam Kumpulan dan juga sebagai penanda aras di pasaran.

Keutamaan Strategik 3: Perubahan Tatacara ke arah Prestasi Tinggi

Keutamaan bagi semua inisiatif ini merupakan kesinambungan transformasi yang sedang dilaksanakan oleh EXCO Kumpulan untuk menambahbaik budaya kerja dalam organisasi. Direka dan diterajui oleh Nora Abd Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan, kami akan terus meningkatkan persekitaran dalaman bagi menggalakkan pembelajaran yang berterusan dan transformasi yang terus maju meliputi prestasi dan produktiviti tinggi, yang diterajui bersama oleh Michael Foong. Beliau yang juga merupakan Ketua Pegawai Strategi Kumpulan, memulakan perbincangan strategik di seluruh Kumpulan dan menerajui usaha untuk memperhalusi dan melaksanakan strategi-strategi kami.

Mohamed Rafique Merican dan Dr John Lee, masing-masing merupakan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Ketua Pegawai Risiko Kumpulan, bertanggungjawab untuk menambahbaik keupayaan kami untuk menguruskan aset dan liabiliti, tatacara risiko enterpris dan sistem maklumat serta budaya risiko yang menyumbang secara langsung kepada peningkatan kualiti aset kami.

TINJAUAN 2014 & INTIPATI KPI

Tinjauan ekonomi global pada 2014 dijangka amat dipengaruhi oleh prestasi ekonomi negara-negara utama. Keseluruhan pertumbuhan ekonomi global dijangkakan meningkat sebanyak 3.5% tahun

ini berbanding 3.1% pada 2013. Bagaimanapun, pergerakan pertumbuhan ASEAN kemungkinan akan bercampur-campur. Pada satu sisi, ia dijangka naik berikutan peningkatan dalam permintaan luaran, tetapi kesan sementara kegawatan ekonomi makro domestik dan ketidaktentuan politik di rantau ini juga dijangka akan memberi kesan kepada sebahagian ekonomi negara-negara ASEAN.

Sebaik kita bergerak daripada prestasi yang menggalakkan pada 2013, tumpuan kami kini kepada keutamaan strategik yang saya kongsi terlebih dahulu, dan memperhalusi serta melaksanakan strategi Kumpulan. Bersandarkan kepada perkara-perkara ini, sasaran kami bagi 2014 adalah seperti berikut:

Pulangan atas Ekuiti	15%
Pertumbuhan Pembiayaan Kumpulan	13%
Pertumbuhan Pembiayaan di Malaysia	12%
Pertumbuhan Pembiayaan di Singapura	13%
Pertumbuh Pembiayaan di Indonesia	17%-20%
Pertumbuhan Deposit Kumpulan	13%

PENGHARGAAN

Hasrat kami untuk meningkatkan nilai secara mampan tidak mungkin dapat dicapai tanpa sokongan ramai. Saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada para pelanggan, kakitangan dan pemegang saham kami di atas maklum balas dan kesetiaan serta sokongan berterusan yang diberikan.

Bagi pihak pengurusan Kumpulan, saya ingin melahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli Lembaga Pengarah Maybank dan setiap entiti dalam Kumpulan serta badan-badan pengawal seliaan di seluruh negara kami beroperasi di atas panduan berterusan yang diberikan.

Akhir kata, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada Dato' Sri Abdul Wahid Omar, bekas Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

yang meletakkan jawatan pada Jun 2013 apabila dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Seperti juga seluruh 47,000 warga kerja Maybank di seluruh dunia, saya amat berbangga dengan pelantikan beliau yang menjadi bukti terhadap pencapaian beliau selama ini, khususnya dari segi kepimpinan yang telah diberikannya untuk meletakkan Kumpulan Maybank pada kedudukannya ketika ini.

Sebelum saya mengakhiri pernyataan ini, saya mahu berkongsi dengan anda bahawa misi menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia merupakan penggerak yang amat penting dalam apa jua yang kami lakukan. Matlamat ini selari dengan kempen “Menghubungkan Dunia di Asia”, yang kami gunakan sebagai tema bagi Laporan Tahunan 2013 ini. Ia merujuk kepada pembinaan kekuatan di Maybank bagi menginsankan perkhidmatan kewangan, dengan memberikan penyelesaian perkhidmatan yang betul dan menyediakan keselesaan kepada para pelanggan menerusi teknologi.

Semakin kita maju ke hadapan, kami berharap dapat memastikan bahawa kata-kata ini bukan hanya pernyataan semata-mata, tetapi adalah janji kami untuk memberikan yang terbaik sedaya upaya kami. Kami percaya ia akan menonjolkan setiap usaha yang dilakukan untuk memberikan kesan yang positif kepada masyarakat.

Terima kasih.



Datuk Abdul Farid Alias
Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

**DENGAN LEBIH 2,200
CAWANGAN DI 20 NEGARA,
KAMI MENGHUBUNGKAN
ANDA KE SELURUH ASIA.**



CAPAIAN

**20 NEGARA
2,200 CAWANGAN**





VISI, MISI & NILAI TERAS

Visi

Menjadi Peneraju Perkhidmatan Kewangan Serantau

Misi

Menginsan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia

Nilai Teras




KERJA BERPASUKAN

Kami bekerja bersama-sama sebagai satu pasukan berdasarkan sikap saling menghormati dan penuh keikhlasan



INTEGRITI

Kami jujur, profesional dan beretika dalam segala urusan




KEMAJUAN

Kami bersemangat dalam memastikan peningkatan dan inovasi yang berterusan



KECEMERLANGAN & KEBERKESANAN

Kami komited dalam mencapai prestasi terbaik serta menawarkan perkhidmatan cemerlang



MENJALIN PERHUBUNGAN

Kami terus menjalinkan perhubungan jangka panjang yang menguntungkan

KOD ETIKA & PERILAKU

Maybank sebagai pemegang amanah dana awam, bertanggungjawab menjaga integriti dan kredibilitinya. Berdasarkan fahaman ini, Maybank telah menetapkan secara jelas Kod Etika dan perilaku untuk kakitangannya. Kod ini menggariskan prinsip yang jelas bagi memberi panduan kepada semua kakitangan Maybank dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Ia menetapkan piawaian amalan perbankan yang baik.

TUJUAN KOD INI ADALAH UNTUK:

1. Menjaga nama baik Maybank dan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap Kumpulan Maybank.
2. Mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap keselamatan dan integriti sistem perbankan.
3. Mengekalkan hubungan yang adil dan saksama antara Kumpulan Maybank dengan pelanggannya.
4. Menjaga integriti diri dan profesionalisme kakitangan Kumpulan Maybank.

KOD TERSEBUT MELARANG KAKITANGAN DARIPADA:

1. Melibatkan diri secara langsung atau tidak langsung dalam aktiviti perniagaan yang bersaing atau berkonflik dengan kepentingan Bank.
2. Menyalah guna atau menyelewengkan kedudukan mereka di dalam Bank bagi mengambil peluang untuk faedah diri sendiri atau faedah individu lain.
3. Menyalah gunakan maklumat. Kakitangan tidak seharusnya meniru, mengeluarkan atau menggunakan sebarang maklumat yang diperolehi sepanjang menjalankan tugas sama ada untuk faedah mereka sendiri atau orang lain secara langsung atau tidak langsung.

SEBAGAI TAMBAHAN, KAKITANGAN SEHARUSNYA:

1. Memastikan integriti dan ketepatan rekod serta urus niaga.
2. Memastikan layanan yang adil dan saksama dalam setiap urusan perniagaan yang dijalankan atas nama Bank.
3. Mengekalkan tahap perkhidmatan yang tinggi dalam hubungan dengan pelanggan.
4. Menjaga hubungan dan urusan sulit antara bank dengan pelanggannya. Walau bagaimanapun, maklumat sulit tentang pelanggan boleh diberi atau disediakan kepada pihak ketiga hanya setelah menerima persetujuan bertulis daripada pelanggan atau apabila pendedahan ini dibenarkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi Kewangan, 1989.
5. Menguruskan urusan kewangan mereka dengan baik dan tidak mendedahkan diri mereka dengan sebarang masalah kewangan yang memalukan.
6. Menghormati dan mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan operasi Bank.

PROFIL KORPORAT & RANGKAIAN GLOBAL

Maybank merupakan antara **kumpulan perkhidmatan kewangan peneraju di Asia** dan **bank keempat terbesar di Asia Tenggara** berdasarkan aset.

Ia ditubuhkan di Kuala Lumpur pada 1960 dan juga disenaraikan serta berpangkalan di Malaysia. Ia juga merupakan kumpulan perkhidmatan No.1 di Malaysia dan syarikat terbesar dari segi permodalan pasaran di negara ini.



Kumpulan Maybank menawarkan perkhidmatan kewangan lengkap termasuk perbankan korporat dan konsumer, pengurusan aset, perbankan Islam, perbankan luar pesisir, pembrokeran saham, pembiayaan modal teroka dan perbankan internet.

Ia mengendalikan rangkaian global yang luas di lebih 2,200 pejabat di 20 buah negara termasuk dikesemua 10 negara ASEAN. Dengan pasaran utama di Malaysia, Singapura dan Indonesia, operasi Kumpulan turut meliputi negara-negara seperti Filipina, Brunei Darussalam, Kemboja, Vietnam, Laos, Thailand, Myanmar, China, Hong Kong, Papua New Guinea, Pakistan, India, Uzbekistan, Arab Saudi,

Bahrain, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Kumpulan Maybank telah memanfaatkan rangkaian dan pengalamannya yang luas selama lebih 53 tahun untuk menghubungkan pelanggan-pelanggan di seluruh dunia menerusi penyelesaian kewangan yang unik dan perkhidmatan penasihat yang dibuat khusus untuk keperluan pelanggan. Barisan produk dan keupayaannya yang meluas menjadikan Kumpulan sebagai rakan perniagaan yang ideal, khususnya di pasaran-pasaran yang disertainya.

Dengan tumpuan kukuh terhadap inovasi dan kecemerlangan, Maybank kerap kali diiktiraf dari segi kepimpinan dan keupayaannya untuk

memberikan nilai bermakna kepada pemegang-pemegang kepentingannya. Ia juga telah menerima pelbagai anugerah serantau dan antarabangsa dan pengiktirafan terhadap kepimpinannya di kalangan bank yang setanding dengannya. Maybank disenaraikan dalam senarai 20 Bank Terkukuh di dunia oleh majalah Bloomberg Markets. Ia juga diletakkan dalam senarai 100 Bank Global oleh majalah The Banker serta sebagai Jenama Paling Bernilai sejak bertahun-tahun lalu. Cabang Perbankan Islam Kumpulan, Maybank Islamic Berhad juga merupakan bank komersial Islam teratas dari segi aset di Asia Pasifik dan ketiga di dunia.

Lebih 2,200 CAWANGAN


Lebih 2,200 cawangan di 20 negara

22 juta PELANGGAN

Lebih 47,000 warga Maybank yang memberi khidmat kepada lebih 22 juta pelanggan

RM88.1 bil PERMODALAN PASARAN

Syarikat senarai awam terbesar di Bursa Malaysia



Pasaran Utama - Malaysia, Singapura dan Indonesia

Tiga pasaran kami di Malaysia, Singapura dan Indonesia merangkumi 91.2% daripada jumlah PBT Kumpulan pada TK2013. Malaysia merupakan penyumbang terbesar dengan 62.1% daripada pinjaman kasar diperoleh daripada pasaran ini dan menyumbang 69.7% kepada PBT Kumpulan. Penyumbang terbesar seterusnya kepada keuntungan Kumpulan adalah Singapura dengan sumbangan PBT sebanyak 14.1% yang didorong oleh perbankan komersial dan pengguna. Pasaran utama ketiga kami iaitu Indonesia menyumbang 7.4% kepada PBT Kumpulan dengan portfolionya terdiri daripada pengguna, PKS dan perbankan global. Bagi 2014, Kumpulan Maybank akan berusaha memperkukuhkan penguasaan dalam segmen yang menguntungkan dalam negara, meningkatkan pulangan daripada perniagaan kami di Indonesia dan mengukuhkan operasi kami di Singapura.

Kumpulan Maybank dibangunkan dengan azam untuk menjadi pemangkin dalam pembangunan ekonomi dan sosial di mana sahaja ia beroperasi. Ada kebenaran dalam falsafah ini kerana Kumpulan sentiasa berusaha untuk menyokong pembangunan ekonomi dan sosial di negara-negara ia beroperasi. Hari ini, keazaman ini dikukuhkan lagi dengan misi untuk menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia. Menerusi misi ini, Maybank menawarkan kepada masyarakat pelbagai perkhidmatan kewangan pada harga dan syarat-syarat yang adil, menasihatkan mereka berasaskan kepada keperluan dan sentiasa dekat di hati komuniti.

Yayasan Maybank kekal menjadi laluan Kumpulan untuk memastikan keazamannya terhadap komuniti sentiasa menjadi keutamaan. Menerusi inisiatif korporat dan tanggungjawab serantau Yayasan akan juga penglibatan aktif kakitangannya, Maybank akan terus membantu memakmurkan masa hadapan yang lebih baik dan gemilang untuk semua.

RM560 bil
JUMLAH ASET

Bank terbesar di Malaysia

RM6.55 bil
KEUNTUNGAN
BERSIH

Rekod PATAMI RM6.55 bilion bagi TK2013

CAWANGAN-CAWANGAN LUAR NEGARA

- **Bahrain** 1 cawangan
- **Brunei** 3 cawangan
- **Kemboja** 16 cawangan
- **China** 2 cawangan
- **Hong Kong** 1 cawangan, 2 cawangan menerusi Maybank Kim Eng
- **Indonesia** 422 cawangan menerusi 78.95% pemilikan dalam BII, 3 cawangan menerusi Maybank Kim Eng, 1 cawangan menerusi Maybank Syariah Indonesia
- **India** 1 cawangan menerusi Maybank Kim Eng, 1 cawangan di Mumbai menerusi BII
- **Labuan** 1 cawangan
- **Laos** 1 cawangan
- **London** 1 cawangan, 1 cawangan menerusi Maybank Kim Eng
- **Malaysia** 399 cawangan, 6 cawangan menerusi Maybank Investment Bank
- **Myanmar** 1 pejabat perwakilan
- **New York** 1 cawangan, 1 cawangan menerusi Maybank Kim Eng
- **Pakistan** 1,208 cawangan menerusi 20% pemilikan dalam MCB Bank, 4 cawangan menerusi 32.5% pemilikan dalam Pak-Kuwait Takaful Company
- **Papua New Guinea** 2 cawangan
- **Philippines** 77 cawangan, 3 cawangan menerusi Maybank Kim Eng
- **Saudi Arabia** 1 pejabat menerusi Anfaal Capital
- **Singapura** 22 cawangan, 4 cawangan menerusi Maybank Kim Eng
- **Thailand** 51 cawangan menerusi Maybank Kim Eng
- **Uzbekistan** 1 pejabat menerusi 35% pemilikan dalam Uzbek Leasing International
- **Vietnam** 2 cawangan, 8 cawangan menerusi Kim Eng, 145 cawangan menerusi 20% pemilikan dalam An Binh Bank

ENTITI PERNIAGAAN UTAMA



MALAYAN BANKING BERHAD MERUPAKAN SYARIKAT PEGANGAN DAN ENTITI SENARAI AWAM BAGI KUMPULAN MAYBANK YANG MEMILIKI CAWANGAN DI MALAYSIA, SINGAPURA DAN PUSAT-PUSAT KEWANGAN ANTARABANGSA SEPERTI LONDON, NEW YORK, HONG KONG DAN BAHRAIN.

Subsidiari luar negara utama Maybank terdiri daripada PT Bank Internasional Indonesia Tbk, Maybank Philippines Incorporated, Maybank (Cambodia) Plc, Maybank (PNG) Ltd di Papua New Guinea dan Maybank International (L) Ltd di pusat kewangan luar pesisir Labuan.

Subsidiari operasi utama terdiri daripada Maybank Islamic Berhad, Maybank Investment Bank Berhad, Maybank Kim Eng Holdings Limited dan Etiqa Insurance Berhad. Maybank memiliki syarikat-syarikat sekutu di Pakistan (menerusi pemilikan 20% dalam MCB Bank) dan di Vietnam (menerusi pemilikan 20% dalam An Binh Bank).

Struktur Korporat Kumpulan Maybank di muka surat 23.

PERBANKAN ISLAM



MAYBANK ISLAMIC BERHAD

Maybank Islamic Berhad merupakan syarikat milik penuh Kumpulan Maybank yang memiliki lesen perbankan Islam penuh. Maybank Islamic juga merupakan penyedia produk dan perkhidmatan kewangan utama di ASEAN. Maybank Islamic memanfaatkan infrastruktur dan rangkaian Kumpulan bagi menawarkan penyelesaian kewangan patuh Syariah yang lengkap. Pada 2013, ia kekal sebagai peneraju bagi keseluruhan penguasaan pasaran kewangan dan deposit.

PERBANKAN PELABURAN

Bahagian perbankan pelaburan Kumpulan Maybank terdiri daripada Maybank Investment Bank Berhad dan kumpulan syarikat Maybank Kim Eng Holdings Limited.



MAYBANK INVESTMENT BANK BERHAD

Maybank Investment Bank Berhad adalah syarikat milik penuh Maybank. Maybank IB merupakan operasi perbankan pelaburan Malaysia bagi Maybank Kim Eng. Ia menawarkan produk perbankan pelaburan dan penyelesaian lengkap termasuk pembiayaan korporat dan penasihat, penasihat strategik, pasaran ekuiti, pembrokeran saham, pasaran hutang, derivatif dan penyelidikan.



MAYBANK KIM ENG HOLDINGS LIMITED

Maybank Kim Eng Holdings Limited merupakan syarikat milik penuh Maybank. Maybank Kim Eng merangkumi perniagaan di seluruh dunia dengan pejabat di Singapura, Hong Kong, Thailand, Indonesia, Filipina, India, Vietnam, Great Britain dan Amerika Syarikat. Ia menyediakan perkhidmatan dalam pembiayaan korporat, pasaran hutang, pasaran modal ekuiti, derivatif, pembrokeran saham runcit dan institusi serta penyelidikan.

ANTARABANGSA



PT BANK INTERNASIONAL INDONESIA TBK

PT Bank Internasional Indonesia Tbk (BII) merupakan syarikat subsidiari Maybank. Ia merupakan bank komersial kesembilan terbesar dari segi jumlah aset dan disenaraikan di Indonesia Stock Exchange (Ticker: BNII). BII menyediakan perkhidmatan kewangan penuh bagi pelanggan-pelanggan perniagaan, runcit dan perbankan global.

Sehingga 31 Disember 2013, rangkaian BII terdiri daripada 422 cawangan, termasuk cawangan Syariah, dua cawangan luar negara iaitu di Mumbai dan Mauritius serta 1,524 ATM termasuk Mesin Deposit Tunai (CDM). Jumlah deposit pelanggan-pelanggan adalah sebanyak Rp107.2 trilion dan jumlah aset sebanyak Rp140.7 trilion.



MAYBANK PHILIPPINES INCORPORATED

Maybank Philippines, Inc. (MPI) merupakan bank komersial dengan lesen penuh yang menawarkan penyelesaian kewangan yang luas disasarkan kepada pasaran pelanggan kelas atasan dan segmen terpilih dari kalangan perbadanan berpendapatan tinggi. MPI turut mengendalikan operasi perbendaharaan dengan tumpuan terhadap operasi pasaran wang dan dagangan pertukaran asing selain perkhidmatan amanah. Ketika ini, MPI memiliki rangkaian sebanyak 77 cawangan yang terletak di lokasi strategik di bandaraya-bandaraya utama di negara berkenaan.

INSURANS



Insurance & Takaful

ETIQA

Etiqa adalah jenama perniagaan insurans Kumpulan Maybank yang menawarkan semua jenis dan kelas Insurans konvensional Hayat, Am dan Keluarga serta pelan Takaful Am menerusi pelbagai saluran pengedaran.

SYARIKAT SEKUTU UTAMA



MCB BANK LTD

MCB Bank merupakan syarikat sekutu Maybank dengan pemilikan 20%. Sebagai satu daripada bank peneraju di Pakistan dengan 60 tahun pengalaman, MCB berperanan penting dalam mewakili negara ini di pentas global. Ia memiliki operasi di Sri Lanka, Dubai, Bahrain, Azerbaijan dan Hong Kong. Perkhidmatannya disediakan menerusi 1,208 rangkaian cawangan termasuk 27 cawangan perbankan Islam di Pakistan dan sembilan lagi cawangan di luar negara. MCB memiliki asas deposit yang besar berjumlah Rs.632 bilion dan jumlah aset sebanyak Rs.821 bilion.



AN BINH BANK

An Binh Bank merupakan syarikat sekutu Maybank dengan pemilikan 20%. Ditubuhkan pada May 1993, An Binh Bank telah berkembang daripada sebuah bank luar bandar menjadi sebuah bank bandar yang menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan komersial lengkap. Dengan 20 tahun pengalaman beroperasi, An Binh Bank telah mencapai kedudukan yang kukuh dalam industri perbankan Vietnam dengan rangkaian lebih daripada 145 cawangan dan pejabat cawangan kecil yang terletak di kesemua 29 wilayah di negara ini.

SEJARAH, INOVASI & KEPIMPINAN

Maybank telah memahatkan banyak pencapaian sejak memulakan operasi pada 1960 dan perkembangan ini menjadi bukti komitmen terhadap inovasi dan kecemerlangan yang menjadikannya peneraju dalam industri perbankan di Asia Tenggara.

1960

- Maybank ditubuhkan pada 31 Mei dan memulakan operasi di Kuala Lumpur pada 12 September.
- Malayan Finance Corporation (kemudian dikenali sebagai Mayban Finance) ditubuhkan, syarikat kewangan milik penuh bank yang pertama.
- Maybank membuka cawangan luar negara yang pertama di Brunei Darussalam.
- Cawangan Maybank di Singapura bermula.

1962

- Operasi Maybank Hong Kong dibuka pada 12 Februari, diikuti pembukaan cawangan di London pada 12 September.
- Pada 17 Februari, Maybank disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

1973

- Pada bulan September, Maybank menubuhkan sayap perbankan pelaburannya – Asian and Euro-American Merchant Bankers Bhd (ASEAMBANKERS). Bank subsidiari ini telah dinamakan Maybank Investment Bank pada 2009.

1974

- Bank pertama memperkenalkan skim kredit luar bandar pada 1974.

1976

- Bank pertama memperkenalkan perkhidmatan perbankan bas bergerak.

1977

- Pada bulan Jun, Mayban-Phoenix Assurance Bhd – yang mana Bank memegang 70% ekuiti ditubuhkan untuk menawarkan taja jamin risiko insurans am dengan modal yang diluluskan sehingga \$10 juta. Baki 30% dipegang oleh British Phoenix Assurance. Pada 10 Oktober 1986, Mayban-Phoenix Assurance dinamakan semula sebagai Mayban Assurance.

1978

- Peneraju operasi perbankan menggunakan komputer di Malaysia pada tahun 1978.

1980

- Maybank melancarkan kredit kad pertamanya – kad Maybank Visa Classic.

1981

- Bank pertama di Malaysia menyediakan Mesin Juruwang Automatik (ATM).

1983

- Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad meletakkan batu asas Menara Maybank, ibu pejabat Maybank pada bulan September.

1984

- Cawangan Maybank di New York dibuka pada bulan September.

1986

- Maybank memperkenalkan rangkaian ATM bersepadu terbesar yang pertama di negara ini. Konsortium Perbankan Automatik (ABC) menghubungkan Kwong Yik Bank, Mayban Finance dan Maybank di Malaysia dan Singapura, melibatkan sejumlah 296 ATM.

1988

- Balai Seni Maybank dan Muzium Numismatik Maybank secara rasmi dibuka oleh Tan Sri Dato' Jaffar Hussein, Gabenor Bank Negara Malaysia. Ini diikuti dengan perasmian Menara Maybank pada bulan Jun 1988 oleh Perdana Menteri.
- Maybank merupakan institusi kewangan pertama memperkenalkan pembayaran IPO baru menerusi ATM.

1990

- Maybank menubuhkan bank luar pesisir di Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan.

1992

- Pada Januari, Mayban Securities ditubuhkan.
- Maybank Autophone dilancarkan, menjadikan Maybank sebagai bank tempatan pertama yang menawarkan perkhidmatan telefon berkomputer.

1993

- Mayban Ventures memulakan operasi.
- Aseam Leasing and Credit Bhd. ditubuhkan, menawarkan aktiviti pajakan dan sewa beli.

1994

- Maybank (PNG) Ltd memulakan perniagaannya di Port Moresby pada bulan Oktober, dengan cawangan kedua dibuka di Lae pada 1997.
- Perdana Menteri Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad secara rasmi melancarkan PT Maybank Nusa Internasional, syarikat usaha sama dengan PT Bank Nusa Internasional Indonesia.

1996

- Pada bulan Mac, cawangan Hanoi dan sebuah pejabat perwakilan di Ho Chi Minh dibuka secara rasminya. Pada bulan Oktober 2005, Ho Chi Minh dijadikan cawangan rasmi, sekali gus menjadikannya cawangan kedua di Vietnam.
- Peneraju bankasurans di Asia Tenggara.
- Maybank menjual Kwong Yik Bank kepada Rashid Hussain Berhad pada bulan Disember.

1997

- Bank pertama menawarkan penyelesaian untuk penerbangan tanpa tiket bagi penerbangan domestik menerusi MAS Electronic Ticketing (MASET).
- Maybank menguasai 60% saham kepentingan dalam PNB-Republic Bank di Filipina, yang dinamakan semula sebagai Maybank Philippines Inc.

2000

- Bank pertama menawarkan perkhidmatan “Pandang dan Bayar” di Malaysia menggunakan kad kredit dan perkhidmatan debit langsung menerusi Internet dengan Mesiniaga Bhd.
- Bank pertama di Malaysia dan Asia Tenggara yang menawarkan perkhidmatan seragam ATM dan kaunter bagi perkhidmatan di Malaysia, Singapura, Brunei dan Filipina.
- Bank Malaysia yang pertama membuka cawangan di Shanghai, Republik Rakyat China.
- Maybank melancarkan Maybank2u.com pada bulan Jun, menjadikannya bank pertama di Malaysia memperkenalkan perkhidmatan perbankan Internet.
- Maybank telah mengambil alih Pacific Bank Bhd dan Phileo Allied Bank Bhd sebelum menggabungkannya dalam operasi Maybank pada tahun 2001.

2001

- Maybank dan Fortis International NV, salah sebuah penyedia perkhidmatan kewangan bersepadu yang terbesar di Eropah, bekerjasama untuk menubuhkan Mayban Fortis Holdings Bhd menerusi usaha sama 70:30.
- Maybank Tower, ibu pejabat baru Maybank Singapura dibuka secara rasmi.
- Timbalan Perdana Menteri Dato’ Seri Abdullah Ahmad Badawi melancarkan Dataran Maybank di Kuala Lumpur.

2002

- Maybank Takaful mula beroperasi, menjadikannya syarikat Takaful pertama dimiliki oleh sebuah bank konvensional di Malaysia.

2003

- Bank pertama melancarkan kiosk Perbankan Internet Malaysia, Kiosk Internet Maybank2u.com.
- Maybank secara rasminya melancarkan cawangan di Bahrain, menjadi bank Malaysia yang pertama beroperasi di negara berkenaan.

2004

- Maybank menjadi bank tempatan pertama memperkenalkan e-Dividen. e-Dividen adalah sistem pembayaran dividen bersepadu yang menyelaraskan pemprosesan dividen dan pembayaran melalui system pengurusan tunai perusahaan Bank berkenaan iaitu Maybank2e.net.
- Keseluruhan operasi dan perniagaan Mayban Finance Bhd diserahkan hak kepada Maybank.

2005

- Pengambilalihan Malaysia National Insurance Bhd, syarikat insurans terbesar di negara ini berserta subsidiarinya, Takaful Nasional Sdn Bhd, penyedia insurans Takaful utama di Malaysia.

2006

- Bank pertama menawarkan perbankan mudah alih menerusi sistem pesanan ringkas diikuti dengan penggunaan Perkhidmatan Mudah Alih M2U menggunakan telefon GPRS/3G pada 2006.
- Maybank menjadi penerbit tunggal dan pengurus kad caj American Express dan mengambilalih perniagaan saudagar kad ini di Malaysia.
- Bank Malaysia pertama menyediakan perkhidmatan rangkaian serantau bagi kemudahan pengeluaran tunai di kaunter. Ini melibatkan pejabat-pejabatnya di Malaysia, Singapura, Brunei Darussalam dan Filipina, dikenali sebagai Region Link.
- Maybank muncul sebagai penaja utama bagi Kejohanan Golf Terbuka Malaysia Maybank untuk tempoh lima tahun. Penajaan ini kemudiannya dilanjutkan selama lima tahun lagi bermula 2011.

2007

- Bank pertama memperkenalkan penyelesaian pembiayaan komoditi berstruktur bagi pelanggan perniagaan pada 2007.
- Bank pertama melancarkan perkhidmatan penyelesaian wang mudah alih lengkap di Malaysia dengan Maxis.
- Kumpulan Maybank melancarkan Etiqa, jenama baru bagi perniagaan insurans konvensional dan takaful di bawah Mayban Fortis Holdings.

2008

- Bank pertama melancarkan Bankcard, kad dwi kegunaan susulan kerjasama dengan Visa International pada 2008.
- Maybank diiktiraf sebagai Jenama Paling Bernilai Di Malaysia pada 2008 & 2007.
- Maybank menubuhkan subsidiary perbankan Islamnya, Maybank Islamic Berhad.
- Maybank mengambilalih kepentingan dalam PT Bank Internasional Indonesia, An Binh Bank di Vietnam dan MCB Bank Ltd di Pakistan.

2009

- Bank pertama memperkenalkan kemudahan dalam talian bagi membuat perlaburan tambahan dalam unit ASB dengan PMB.
- Maybank melancarkan kemudahan pembayaran mudah alih tanpa wayar yang pertama di negara ini bagi perkhidmatan penghantaran Pizza Hut.
- Bekerjasama dengan Maxis, Nokia, Touch n’ Go dan Visa untuk melancarkan satu program yang julung kali di dunia, pembayaran bergerak tanpa sentuhan menggunakan komunikasi lapangan (NFC) melalui telefon Nokia.
- Maybank menyempurnakan dengan jayanya terbitan hak berjumlah RM6 bilion – terbitan terbesar dalam sejarah korporat Malaysia.

2010

- Menjadi syarikat tersenarai pertama di Bursa Malaysia mengumumkan pelan pelaburan semula dividen.
- Bank pertama di Malaysia meraih lebih AS\$100 bilion dalam jumlah aset dan lebih AS\$1 bilion keuntungan selepas cukai.
- Bank pertama melancarkan cawangan mesra orang kurang upaya bagi pengguna kerusi roda di seluruh negara.
- Maybank meraikan sambutan ulang tahun ke-50.
- Maybank melancarkan TradeConnex, bank tempatan pertama di Malaysia yang menawarkan produk pembiayaan perdagangan konvensional yang menyeluruh dalam talian.
- Maybank Islamic melancarkan Wakaf, program komuniti berstruktur pertama diperkenalkan oleh sebuah institusi kewangan di Malaysia untuk pelanggan.
- Maybank Singapura melancarkan pakej pembiayaan Islam pertama bagi SME di Singapura.
- Pelancaran kad kredit Pantai American Express, kad jenama bersama pertama di Malaysia dan Asia bersama penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan.
- PT Bank Maybank Indocorp, ditukar menjadi bank Islam sepenuhnya dan dinamakan semula sebagai Maybank Syariah Indonesia.
- Yayasan Maybank ditubuhkan dengan peruntukan awal sebanyak RM50 juta untuk memelopori inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan di rantau ini.

SEJARAH, INOVASI & KEPIMPINAN

2011

- Bank pertama di Malaysia melancarkan “Skim Pinjaman Gadai Janji Luar Negara” yang menawarkan kemudahan pinjaman perumahan hartanah di London dalam Ringgit Malaysia.
- Pengambilalihan Kim Eng Holdings Ltd, kumpulan perbankan pelaburan yang disenaraikan di Singapura serta memiliki platform serantau yang kukuh.
- Pelancaran usaha sama strategic menerusi Perkhidmatan Perbankan Perkongsian dengan Pos Malaysia Berhad bagi menyediakan perkhidmatan terpilih Maybank di lebih 400 cawangan Pos Malaysia di seluruh negara.
- Bank Malaysia pertama memperkenalkan “Maybank 2 Kad” yang menyediakan dua kad kredit kepada pemegang kad dengan hanya 1 permohonan.
- Menjadi Bank Kelayakan Penuh pertama di Singapura untuk melancarkan Kad Debit Platinum dengan ciri-ciri NETS FlashPay.
- Bank Malaysia pertama melancarkan eCustody, platform elektronik berasaskan internet yang menawarkan pelanggan-pelanggan institusi kemudahan pengurusan dalam talian terhadap akaun penjagaan amanah dengan Kumpulan Maybank.
- Memperkenalkan identiti korporat baru yang diinspirasi menerusi misinya untuk “Menginsankan Perkhidmatan Kewangan di Seluruh Asia”.

2012

- Maybank menjadi bank tempatan pertama yang memeterai perjanjian dengan empat buah bank sekali gus dari Myanmar untuk memperkenalkan perkhidmatan pindahan wang, Maybank Money Express (MME) ke negara berkenaan.
- Maybank mengukuhkan komitmen operasi jangka panjang di Kemboja dengan memperbadankan operasi tempatannya di negara berkenaan.
- Yayasan Maybank buat pertama kalinya mengembangkan program biasiswa pengajian tempatan dengan turut menawarkan biasiswa prauniversiti. Yayasan menyalurkan biasiswa kepada 19 pelajar dari golongan memerlukan untuk meneruskan pengajian di universiti terkemuka awam dan swasta dalam negara.
- Maybank menambah rangkaiannya di China dengan pembukaan cawangan baru di Beijing untuk meningkatkan operasinya di Wilayah Besar China.
- Perdana Menteri Malaysia merasmikan pembukaan cawangan pertama Maybank Laos, yang melengkapkan jejak Kumpulan di semua 10 negara ASEAN.
- Maybank Singapura melaksanakan Swap Kadar Keuntungan Islam bersandarkan kepada pinjaman Islam bersindiket yang mencerminkan keupayaannya dalam penyelesaian lindung nilai Islam.
- Jenama Paling Bernilai Malaysia.
- Maybank mengumumkan kejayaan penyelesaian program pembinaan buku berkaitan penempatan persendirian untuk meraih kira-kira RM3.66 bilion (AS\$1.2 bilion) pada kadar diskaun berbanding harga pasaran. Penempatan persendirian ini disenaraikan sebagai yang terbesar dalam sejarah korporat Malaysia. Tawaran ini menerima sambutan yang baik daripada pelabur institusi domestik dan luar negara.
- Maybank Philippines Inc. melancarkan kad Kredit Maybank di Filipina.
- Maybank Philippines Inc. mengumumkan perpindahan ke pejabat baru di Pusat Korporat Maybank di Bonifacio Global City di Taguig.
- Maybank menjadi bank yang pertama di Singapura memperkenalkan Aplikasi Maybank Smart TV yang memanfaatkan keupayaan penuh Samsung Smart TV untuk mewujudkan saluran perkhidmatan dalam talian yang benar-benar berinovasi buat pelanggan dan bukan pelanggan.

- Maybank melancarkan platform Pengurusan Tunai Serantau yang dilaksanakan menerusi laman web Maybank2E, di Singapura bagi meraih peluang di pasaran pengurusan tunai Asia yang sedang pantas berkembang.
- Maybank memperkenalkan perkhidmatan perbankan internet, Maybank2u di Kemboja bagi kemudahan pelanggan menggunakan perkhidmatan ini yang telah menerima banyak anugerah.
- Maybank mengembangkan rangkaianannya di Kemboja dengan membuka cawangan ke-12 di Zon Ekonomi Khas Phnom Penh.

2013

- Maybank merupakan bank ASEAN yang pertama menggunakan platform Microsoft Windows 8 untuk aplikasi perbankan mudah alih korporatnya iaitu, Maybank2E-Regional Cash.
- Maybank melancarkan pelan berkaitan pelaburannya yang pertama, Luxury Edition, yang merupakan pelan insurans dana tertutup premium tunggal berkaitan pelaburan di Malaysia yang menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan bagi pasaran barangan mewah.
- Maybank melancarkan Maybank2u Pay, satu lagi pengenalan baru oleh sebuah bank di Malaysia. Maybank2u Pay merupakan laluan pembayaran untuk memudahkan Pembelian di blog beli belah yang menawarkan bukan hanya transaksi pantas dan selamat, tetapi juga selesa dengan pengalaman beli belah dalam talian yang boleh dipercayai.
- Maybank mengembangkan kerjasama jenama bersama dengan Manchester United (MU) dengan membawakan kad “Maybankard Visa Infinite Manchester United” ke pasaran iaitu kad jenama bersama pertama di dunia dengan Manchester United, yang disasarkan untuk segmen pelanggan kaya.
- Maybank mengembangkan Skim Pinjaman Gadai Janji Luar Negara (OMLS) untuk turut merangkumi pembelian hartanah kediaman di pasaran-pasaran baru – iaitu Sydney, Perth dan Singapura. Pelabur-pelabur Malaysia kini boleh menikmati keselesaan untuk membiayai pembelian hartanah di negara berkenaan dalam matawang Ringgit. Maybank merupakan Bank yang pertama di Malaysia memperkenalkan OMLS.
- Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, merasmikan pelancaran Maybank Islamic Asset Management di Forum Islam Sedunia di London.

STRUKTUR KORPORAT KUMPULAN

sehingga 31 Januari 2014



**MALAYAN
BANKING
BERHAD**

PERBANKAN KOMERSIAL

- 100% Maybank Islamic Berhad (Perbankan Islam)
- 98.31%* PT Bank Internasional Indonesia Tbk (Perbankan)
 - 100% PT BII Finance Center (Pembiayaan Pelbagai)
 - 62% PT Wahana Ottomitra Multiartha Tbk (Pembiayaan Pelbagai)
- 100% PT Bank Maybank Syariah Indonesia (Perbankan Islam)
- 99.97% Maybank Philippines Incorporated (Perbankan)
- 100% Maybank (Cambodia) Plc (Perbankan)
- 100% Maybank International (L) Limited (Perbankan Luar Pesisir)
- 100% Maybank (PNG) Limited (Perbankan)
- 20% MCB Bank Limited (Perbankan)
- 20% An Binh Commercial Joint Stock Bank (Perbankan)
- 35% Uzbek Leasing International A.O. (Pajakan)

PERBANKAN PELABURAN

- 100% Maybank IB Holdings Sdn Bhd (Pegangan Pelaburan)
 - 100% Maybank Kim Eng Holdings Limited (Pegangan Pelaburan)
 - 100% Maybank Kim Eng Securities Pte Ltd (Pegangan Pelaburan)
 - 83.50% Maybank Kim Eng Securities (Thailand) Plc (Urus Niaga Sekuriti)
 - 100% Maybank ATR Kim Eng Capital Partners, Inc. (Pegangan Pelaburan)
 - 80% PT Maybank Kim Eng Securities (Urus Niaga Sekuriti)
 - 100% Maybank Kim Eng Securities (London) Limited (Urus Niaga Sekuriti)
 - 100% Maybank Kim Eng Securities USA Inc. (Urus Niaga Sekuriti)
 - 100% Maybank Kim Eng Securities Joint Stock Company (Urus Niaga Sekuriti)
 - 100% Kim Eng Securities (Hong Kong) Limited (Urus Niaga Sekuriti)
 - 75% Kim Eng Securities India Private Limited (Urus Niaga Sekuriti)
 - Subsidiari-subsidiari Lain
- 100% Maybank Investment Bank Berhad (Perbankan Pelaburan)
 - 100% BinaFikir Sdn Bhd (Perundingan & Penasihat)
 - Subsidiari-subsidiari Lain

INSURANS

- 100% Etiqa International Holdings Sdn Bhd (Pegangan Pelaburan)
 - 69.05% Maybank Ageas Holdings Berhad (Pegangan Pelaburan)
 - 100% Etiqa Insurance Berhad (Insurans Hayat & Am)
 - 100% Etiqa Takaful Berhad (Takaful Keluarga & Am)
 - 100% Etiqa Life International (L) Limited (Insuran Pelaburan Luar Pesisir)
 - 100% Etiqa Offshore Insurance (L) Limited (Perkhidmatan Pengurusan)
 - 100% Etiqa Overseas Investment Pte Ltd (Pegangan Pelaburan)
 - 32.5% Pak-Kuwait Takaful Company Limited (Perniagaan Takaful)
 - 100% Etiqa Pte Ltd (Perkhidmatan Pengurusan)

PENGURUSAN ASET

- 100% Maybank Asset Management Group Berhad (Pegangan Pelaburan)
 - 100% Maybank Asset Management Sdn Bhd (Pengurusan Dana)
 - 99% PT Maybank GMT Asset Management (Pengurusan Dana)
 - 100% Maybank Islamic Asset Management Sdn Bhd (Pengurusan Dana)
 - 100% Maybank Private Equity Sdn Bhd (Pelaburan Ekuiti Swasta)
 - 100% Maybank Asset Management (Thailand) Company Limited (Pengurusan Dana)
 - 100% Maybank Asset Management Singapore Pte Ltd (Pengurusan Dana)

LAIN-LAIN

- 100% Maybank Trustee Berhad (Perkhidmatan Pemegang Amanah)
- 100% Maybank Shared Services Sdn Bhd (Perkhidmatan Perkongsian IT)
- Subsidiari-subsidiari Lain

Nota:

1. Di mana syarikat-syarikat pegangan pelaburan tidak disenaraikan, pegangan saham yang ditunjukkan merupakan kepentingan efektif.
 2. Syarikat-syarikat yang tidak ditunjukkan termasuk syarikat yang dormant, di bawah pelupusan sukarela oleh ahli, telah menamatkan operasi atau menyediakan perkhidmatan nomini.
 3. Rujuk Nota 58 : Senarai lengkap syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat sekutu dalam Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2013 untuk senarai lengkap syarikat-syarikat subsidiari Maybank dan syarikat sekutunya.
- * Kepentingan efektif. Rujuk pada Nota 58, Nota kaki 16, muka surat 207 dalam Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2013 ini.

STRUKTUR ORGANISASI KUMPULAN



Datuk Abdul Farid Alias
*Presiden @ Ketua Pegawai
Eksekutif Kumpulan*

PERNIAGAAN



Datuk Lim Hong Tat
*Ketua Kumpulan,
Perkhidmatan
Kewangan Komuniti
(CFS)*

Bertanggungjawab memacu strategi, pertumbuhan dan prestasi perniagaan CFS yang meliputi pengguna, perbankan perniagaan dan segmen Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS) dan juga perniagaan perkongsian dan rangkaian pengedaran di pasaran utama global. Dengan bekerja bersama-sama pasukan kerja di setiap negara, fungsi teras pasukan serantannya adalah untuk menjana sinergi merentas sempadan bagi perniagaan CFS dalam bidang pengurusan kekayaan, perbankan golongan berpendapatan tinggi dan berada, perniagaan kad, perbankan perniagaan dan PKS serta inisiatif-inisiatif lain seperti perkongsian amalan terbaik, arahan tugas kakitangan dan memanfaatkan pelaburan bersama.



Datuk Abdul Farid Alias (Pemangku)
*Ketua Kumpulan,
Perbankan Global
(GB)*

Bertanggungjawab bagi keseluruhan strategi, pertumbuhan dan prestasi perniagaan Perbankan Global (GB) yang merangkumi pasukan kerja perbankan pelaburan, perbankan korporat, pemasaran global, perbankan transaksi, pengurusan aset dan liputan pelanggan, yang berperanan sebagai pusat perhubungan tunggal bagi pelanggan korporat dan institusi kami. Turut bertanggungjawab bagi kejayaan pelaksanaan inisiatif dan transformasi perniagaan termasuk memacu perniagaan GB di seluruh rantau menerusi Ketua GB di setiap pasaran utama bersama Ketua bahagian liputan pelanggan dan produk di setiap pasaran. GB turut meliputi pembiayaan, strategi, undang-undang, pengurusan risiko dan fungsi teknologi maklumat (IT) yang menyokong liputan pelanggan dan setiap barisan perniagaan.



Muzaffar Hisham
*Ketua Kumpulan,
Perbankan Islam, Ketua
Pegawai Eksekutif
(CEO), Maybank
Islamic Berhad*

Bertanggungjawab menguruskan dan menetapkan strategi utama bagi perniagaan perbankan Islam Kumpulan, memantau pengurusan produk, Pasaran Global Islam, pembangunan perniagaan, pengurusan Syariah, pengurusan strategik dan juga pengurusan risiko. Tanggungjawab terasnya termasuk mewujudkan formula strategi perniagaan, memantau kewangan dan prestasi perniagaan dan juga melaksanakan dasar-dasar dan rangka kerja serta memastikan pelaksanaan perniagaan perbankan Islam di seluruh Kumpulan patuh Syariah. Muzaffar Hisham turut bertanggungjawab dalam memacu strategi “Mendahulukan Islam” di seluruh Kumpulan dan menjadikan jenama Islam sebagai pilihan utama di rantau ini.



Kamaludin Ahmad
*Ketua Kumpulan,
Insurans @ Takaful,
Ketua Pegawai
Eksekutif (CEO),
Maybank Ageas
Holdings Bhd (MAHB)*

Bertanggungjawab bagi memacu dan menguruskan strategi keseluruhan, keuntungan dan pertumbuhan serta keseluruhan strategi, keuntungan dan pertumbuhan perniagaan Insurans dan Takaful Kumpulan. Selain daripada menguruskan perniagaan hayat/keluarga dan am, pasukan kerjanya turut memantau semua keputusan pelaburan, komersial, perancangan korporat, pengurusan risiko dan IT berkaitan dengan operasi Insurans & Takaful Kumpulan. Tanggungjawab teras pasukan kerjanya diselenggarakan untuk mencapai aspirasi Etika. Ini termasuk mengukuhkan tapak pengedaran, mengembangkan PBT menerusi pertumbuhan organik dan pengembangan serantau, mengukuhkan kedudukan teras Takaful dan menjadikan Etika sebagai jenama pilihan utama di kalangan rakyat Malaysia.



Michael Foong Seong Yew
*Ketua Pegawai Strategi
Kumpulan
Pejabat Presiden @
CEO Kumpulan*

Bertanggungjawab dalam menguruskan program transformasi Kumpulan di seluruh rantau dan membangunkan strategi jangka panjang Kumpulan. Beliau menerajui Pejabat Presiden & CEO Kumpulan, yang mana pasukan kerjanya akan memantau kemajuan dan perkembangan objektif strategik Kumpulan. Mereka turut mendorong produktiviti dan program penambahbaikan pengurusan kos ketika memantau pelbagai projek yang membawa keupayaan baru dan perluasan kawasan baru. Selain itu, memartabatkan jenama Maybank dan juga kedudukan Kumpulan dengan pemegang-pemegang kepentingan luaran adalah menjadi bidang tumpuan utama. Akhir sekali, pasukan kerja Pembangunan Korporat dan Inovasi memantau agenda Inovasi Kumpulan untuk menjadikan Maybank dikenali sebagai bank peneraju inovasi.



Mohamed Rafique Merican bin Mohd Wahiduddin Merican
*Ketua Pegawai
Kewangan Kumpulan*

Bertanggungjawab bagi mengurus dan meneruskan strategi bagi fungsi kewangan di seluruh Kumpulan. Pasukan kerjanya diletakkan sebagai rakan kongsi perniagaan serantau, memantau tanggungjawab tujuh fungsi, iaitu Kawalan Kewangan, Perbendaharaan Korporat, Percukaian, Pelaporan Prestasi & Perhubungan Pelabur, Pemerolahan Strategik, Strategi Kewangan dan Operasi Kewangan. Turut menyediakan sokongan langsung kepada segmen perniagaan di Kumpulan Maybank menerusi pasukan kerja pembiayaan perniagaan dan pembiayaan peringkat negara. Kewangan Kumpulan turut menyediakan kepakaran dalam pengurusan modal, pembiayaan korporat, pengurusan pemulihan korporat, cukai dan MIS (Sistem Maklumat Pengurusan).



Nora Abd Manaf
*Ketua Pegawai Modal
Insan Kumpulan*

Bertanggungjawab bagi pembangunan dan pelaksanaan aspek kakitangan dalam Kumpulan Maybank. Beliau bertanggungjawab bagi Pusat Kepakaran Modal Insan yang membangun dan melaksanakan dasar-dasar yang akan digunakan di seluruh Kumpulan, bidang perniagaan dan negara, serta memastikan keberkesanan strategi Pengurusan Modal Insan di seluruh Kumpulan. Tumpuan utama dan objektif beliau dalam TK2014 serta seterusnya termasuk meningkatkan reputasi Maybank sebagai majikan utama dan Majikan Pilihan, memacu budaya prestasi yang tinggi, memulihkan Produktiviti Kakitangan Kumpulan Maybank, memacu Transformasi Serantau Kumpulan menerusi aspek manusia dan struktur, dan membina bakat dan perancangan penggantian kakitangan yang mampan.

PERINGKAT NEGARA



Dr John Lee Hin Hock
Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

Bertanggungjawab bagi pengurusan kredit dan risiko Kumpulan. Pasukan kerjanya menyediakan nilai untuk Kumpulan menerusi penilaian pematuan yang bebas dan bersepadu, pengurusan kredit, pasaran, operasi, mudah tunai, kredit dan pengurusan risiko enterpris. Risiko Kumpulan kekal komited pada TK2013 untuk meningkatkan risiko ke dalam perniagaan bagi mengukuhkan pengurusan risiko secara berkesan di seluruh Kumpulan. Berdasarkan kepada strategi jangkaan besar ini, pasukan kerja menumpukan untuk meningkatkan keseluruhan risiko rangka kerja, sistem dan pemprosesan, memperbaiki dinamik ganjaran-risiko di seluruh Kumpulan dan mengoptimalkan modal dan pengurusan mudah cair di seluruh Kumpulan.



Geoff Stecyk
Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan

Bertanggungjawab bagi mengarah dan memacu inisiatif teknologi Kumpulan untuk menyokong objektif strategi jangka panjang Kumpulan Maybank. Kumpulan kerjanya memantau aplikasi teknologi dan infrastruktur di seluruh unit perniagaan dan negara-negara operasi Kumpulan Maybank. Tanggungjawab teras pasukan kerja ini termasuk melaksanakan projek dari peringkat awal hingga akhir seperti projek pengurusan, penyelesaian arkitekture dan sistem rekaan, pembangunan kod dan ujian dan juga perkhidmatan sokongan operasi. Tanggungjawab lain termasuk definisi standard teknologi dan rangka kerja, pentadbiran prinsip arkitekture Kumpulan dan memastikan pematuan penyelesaian teknologi Kumpulan dengan standard keselamatan kebangsaan dan antarabangsa.



Jerome Hon
Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

Bertanggungjawab memantau keseluruhan infrastruktur operasi dalaman bagi memastikan integrasi dan kecekapan perkhidmatan. Pasukan kerjanya terdiri daripada Terminal Bayaran dan Khidmat Layan Diri, Pusat Operasi Perdagangan, Pejabat Transformasi & Pengurusan Projek, Sistem Pengurusan Kolateral Kumpulan, Pentadbiran Kredit, Operasi Perbendaharaan dan Hartanah, Sekuriti & Penilaian. Tanggungjawab teras pasukan kerjanya termasuk membangunkan dan meningkatkan pemprosesan untuk menyokong semua transaksi perbankan dan memastikan operasi harian berfungsi dengan lancar.



Datuk Abdul Farid Alias
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Malaysia

Bertanggungjawab untuk membangun dan memacu keseluruhan strategi perniagaan negara, selari dengan keseluruhan strategi Kumpulan Maybank. Ini merangkumi perniagaan dan fungsi-fungsi kumpulan yang berbeza di Malaysia. CEO Malaysia turut bekerjasama erat dengan rakan di negara-negara yang lain untuk mengukuhkan kehadiran Kumpulan Maybank di seluruh rantau.



Datuk Lim Hong Tat
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Singapura

Bertanggungjawab untuk memacu keseluruhan keuntungan dan pertumbuhan operasi Kumpulan Maybank di Singapura. Dengan bekerjasama rapat bersama lain-lain entiti Kumpulan Maybank di Singapura - Maybank Kim Eng dan Etiqa Insurance, tanggungjawab teras pasukan kerjanya termasuk mengukuhkan francais Kumpulan di Singapura dengan mengoptimalkan sinergi, memanfaatkan peluang-peluang perniagaan dan membangunkan segmen pasaran baru untuk memacu strategi pertumbuhan yang selari dengan matlamat Negara untuk menjadi peneraju penyedia penyelesaian kewangan, menyediakan perkhidmatan kewangan lengkap kepada pelanggan-pelanggan dengan pendekatan yang tersusun dan lancar.



Taswin Zakaria
*Pengarah Presiden Dilantik Bank Internasional Indonesia**

Bertanggungjawab bagi keseluruhan prestasi perniagaan dan pertumbuhan BII. Pasukan kerjanya memantau perjalanan operasi BII, yang bukan hanya termasuk perkhidmatan perbankan seperti perbankan runcit, perniagaan dan global tetapi juga semua aspek-aspek lain termasuk pengurusan risiko, pembiayaan, modal insan, operasi dan IT, undang-undang dan pematuan. Beliau juga bertanggungjawab untuk memanfaatkan kekuatan Kumpulan Maybank dalam menerokai peluang meluaskan pasaran dan pada masa sama mengukuhkan operasi Kumpulan di Indonesia.

* Bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa



Pollie Sim
Ketua Pegawai Operasi (CEO), International

Bertanggungjawab untuk menyusun, menerajui dan menggerakkan transformasi operasi luar negara Kumpulan yang meliputi 16 negara tidak termasuk Singapura dan Indonesia. Tanggungjawab utama kumpulan kerja ini adalah untuk membina sinergi lebih besar dan mempercepatkan keuntungan fransais Maybank di seluruh lanskap antarabangsa untuk pertumbuhan jangka panjang dan juga menjadikan Bank sebagai peneraju perkhidmatan kewangan serantau.

SEBAGAI SATU DARIPADA
INSTITUSI KEWANGAN
TERBESAR DI ASEAN, KAMI
MEWUJUDKAN PELUANG
UNTUK ANDA MENCAPAI
MATLAMAT YANG DIHAJATI.



PELUANG

**JUMLAH ASET
RM560
BILION**





bank
ing
vices
ia

Everyday, we are
humanising financial
services across
Asia

Serving Asia
at the heart of
2,200
countries

Supporting Asia
with assets of over
USD 171 billion

Sharing the future
of Asia with
22 million
partners



Maybank

Humanising
Financial Services
Across Asia

07

Everyday, Asia
resonates to the
beat of
47,000 hearts

STRATEGI & PENCAPAIAN KAMI



“Hasrat yang ingin dicapai oleh Maybank pada 2015 telah menjadi panduan bagi transformasi strategik kami sehingga ke hari ini. Memandangkan tahun sasaran ini semakin hampir, transformasi diteruskan dengan sepenuh hati dan kami mempercepatkan usaha untuk merealisasikan matlamat strategi kami serta meneroka laluan kejayaan yang lebih besar.”

MICHAEL FOONG

Ketua Pegawai Strategi Kumpulan
Pejabat Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

STRATEGI KUMPULAN

Tumpuan kami dalam meletakkan Maybank sebagai kumpulan perkhidmatan kewangan peneraju dan pada masa sama menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia telah mencorakkan pertumbuhan dari segi skala dan keupayaan. Keutamaan kini adalah bagaimana untuk memaksimumkan potensi kami dengan:

- Merangsang penguasaan kami dalam segmen strategik dalam negara ketika kami memastikan pulangan daripada penerokaan serantau yang luas
- Memperkuatkan budaya berprestasi tinggi dan mengukuhkan proses penambahbaikan dalam semua bidang, termasuk kos dan produktiviti
- Memanfaatkan struktur kami yang telah disusun semula bagi menajamkan tumpuan kami di seluruh ruang serantau dan kawalan barisan perniagaan
- Memenuhi keperluan dan jangkaan pelanggan kami bukan hanya dari segi meningkatkan portfolio produk kami tetapi juga memberi ganjaran kepada mereka dengan kualiti perkhidmatan dan keikhlasan hati yang seharusnya mereka perolehi
- Mengeratkan perhubungan kami dengan komuniti di tempat kami berkhidmat untuk menyemarakkan dan berkembang dengan cara yang mampan dan bermakna bersama-sama

STRUKTUR KUMPULAN MAYBANK YANG DISEMAK SEMULA

Kumpulan melaksanakan penjelajahan transformasi sejak 2008 dengan pelancaran Program Transformasi LEAP30. Sebahagian program ini, “House of Maybank” diperkenalkan pada July 2010 bagi memastikan penggabungan banyak sektor ke dalam tunggal-tunggal perniagaan utama yang disokong oleh asas dan ‘bumbung’ untuk merealisasikan Matlamat dan Misi kami. Struktur berkenaan telah mencarta kaedah pelaksanaan yang lebih cekap, produktiviti tinggi dan penjimatan, sinergi dan keputusan perniagaan yang kukuh tahun demi tahun.

Dengan asas yang kukuh, Kumpulan telah disusun semula untuk terus melangkah ke tahap yang seterusnya dari segi prestasi perniagaan serantau dan kecemerlangan operasi yang akan membawa kami ke 2015 dan seterusnya. Ini bermakna, langkah-langkah regionalisasi Kumpulan untuk terus meningkatkan kecekapan dan produktiviti telah menghasilkan nilai daripada sinergi kami, merealisasikan potensi, mengukuhkan kedudukan teratas kami dalam perniagaan di seluruh Kumpulan dan menginstitusikan budaya prestasi tinggi berterusan. Untuk mencapainya, Struktur Kumpulan yang disemak semula telah beroperasi sejak 1 Januari 2014.

Semakan semula Struktur Kumpulan dijangka menggalakkan kecekapan dalam memacu keutamaan strategik serantau justeru meningkatkan tahap prestasi Kumpulan.

Rujuk muka surat 24 untuk Struktur Organisasi Kumpulan yang baru.

MATLAMAT STRATEGIK

PENCAPAIAN

Penyedia Perkhidmatan Kewangan Runcit No.1 menjelang 2015 yang tiada tandingan di Malaysia	▶	• “Bank Runcit Terbaik di Malaysia” oleh Asian Banker (2013) • Tempat Kedua bagi Bank Runcit/Komersial Paling Menguntungkan • Rangkaian operasi terbesar dengan penguasaan pasaran 20%
Bank pemborong ASEAN terkemuka yang seterusnya mengembangkan operasi ke Timur Tengah, China dan India	▶	• Penguasaan pasaran di Malaysia: No.1 bagi pembiayaan korporat & deposit bukan runcit, No.1 bagi Pembiayaan Perdagangan, No.1 bagi Ekuiti, No.1 bagi Terbitan Bersindiket dan No.2 bagi nilai Penggabungan & Pengambilalihan (M&A) • Operasi di kesemua 10 negara ASEAN
Peneraju Insurans dan Takaful di Malaysia yang tiada tandingan & peserta serantau sedang muncul	▶	• No.1 penguasaan pasaran dalam perniagaan Am dan Takaful Keluarga di Malaysia¹ • Kedudukan modal yang kukuh dengan penarafan antarabangsa A bagi Etiqa Insurance Berhad dan Etiqa Takaful Berhad
Organisasi serantau sebentar dengan ~40% keuntungan sebelum cukai dijana daripada operasi antarabangsa menjelang 2015	▶	• Sumbangan PBT antarabangsa sebanyak 30.3% • Operasi di kesemua 10 negara ASEAN dan di Asia
Peneraju global dalam Pembiayaan Islam	▶	• Bank Islam terbesar di ASEAN dan ke-5 terbesar di peringkat global dari segi saiz aset (RM91.4 bilion)² • “Anugerah Institusi Kewangan Islam Terbaik 2013 bagi Asia, Malaysia dan Singapura” oleh Global Finance

Nota :

1. Penguasaan pasaran adalah berdasarkan kepada penilaian data setiap 12 bulan oleh LIAM dan ISM dari Okt 2012 hingga Sept 2013.
2. Sumber: Laporan Daya Saing Dunia Perbankan Islam EY 2013-14 (Tidak termasuk Iran).

TRANSFORMASI MAYBANK

Penjelajahan transformasi Maybank bermula pada 2009, dan ia direka untuk menempatkan kedudukan sebagai peneraju dalam industri perkhidmatan kewangan di Malaysia dan untuk mengembangkan kehadiran kami di rantau ini, selari dengan visi untuk menjadi penyedia perkhidmatan kewangan serantau menjelang 2015. Program ini telah memacu inisiatif strategik untuk merangsang jualan, mengukuhkan pengurusan hubungan pelanggan, meningkatkan pemprosesan dan sistem, mengukuhkan pasukan tenaga mahir dan meningkatkan standard perkhidmatan pelanggan kami.

Transformasi ini memanfaatkan bank walaupun persekitaran ekonomi yang mencabar pada 2011 dan 2012. Pada 2013, kami telah meningkatkan penguasaan dalam perbankan runcit dan global di kedua-dua pasaran domestik dan serantau, serta menginovasikan pusat sentuhan baru di pasaran. Hari ini, warga Maybank lebih sedar dengan keperluan untuk sentiasa berada lebih tinggi daripada pesaing-pesaing dan menjangkau keperluan setiap pelanggan. Pengiktirafan terhadap kejayaan kami diperolehi daripada masyarakat, industri dan pihak-pihak antarabangsa.

Bagi memastikan Maybank mengekalkan kedudukan teratasnya, dan untuk sentiasa menonjol di peringkat antarabangsa, usaha transformasi pada 2013 menumpukan kepada pencapaian impak keuntungan daripada tiga tunggak utama perniagaan – Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS), Perbankan Global (GB) dan Etiqa – dengan penekanan untuk mencapai lima objektif utama. Dalam mengukuhkan prestasi ini, kami telah menguruskan perbelanjaan secara berhemah, memastikan bahawa kami memiliki keseimbangan yang betul terhadap risiko dan terus meningkatkan pemprosesan serta kualiti perkhidmatan terhadap para pelanggan.

PENCAPAIAN KEWANGAN YANG KUKUH
MENYUMBANG KEPADA KEUNTUNGAN

Manfaat dan nilai yang positif terus mengalir masuk daripada inisiatif-inisiatif tahun-tahun terdahulu. Dicampur dengan program tahun semasa, perolehan nilai daripada sasaran transformasi telah meningkat sekali ganda, sekali gus menyumbang 16% daripada jumlah PATAMI Kumpulan.

Pelan Induk Transformasi 2013 menyaksikan sejumlah 34 inisiatif dilaksanakan di seluruh tunggak perniagaan dan unit sokongan yang mempunyai hubungan langsung dengan keuntungan bank. Semua tunggak perniagaan jauh melepasi sasaran transformasi. Pkhidmatan Kewangan Komuniti melebihi sasaran sebanyak 158%, diikuti oleh Perbankan Global sebanyak 152% serta Insurans dan Takaful (Perniagaan Am sahaja) sebanyak 167%. Tahun 2013 turut menyaksikan kemajuan dalam program pengurusan kos strategik, yang mengubah struktur kos rangkaian pengedaran dan memulakan kos penstrukturan perniagaan di BII. Inisiatif ini melepasi sasaran sebanyak 215%.

Manfaat daripada strategi yang jelas dengan tumpuan terhadap pengguna dan prestasi kewangan yang mampan telah mendorong pertumbuhan dan mewujudkan keupayaan baru di seluruh sektor.

STRATEGI & PENCAPAIAN KAMI

TRANSFORMASI PERNIAGAAN PERBANKAN

Tunggak perniagaan kami, CFS dan GB telah berjaya meletakkan semula Maybank sebagai bank yang harus menjadi pilihan. Bersandarkan kepada model perniagaan yang ditransformasikan dan berpindah daripada tumpuan pada produk kepada pelanggan, kami kini memupuk pulangan daripada pelaburan dalam segmen Perbankan PKS, Massa dan Korporat.

Pada 2013, kami terus membina keupayaan domestik dan serantau; mengukuhkan tawaran produk dan juga memperhalusi platform serantau untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan.

Tahun ini menyaksikan segmen Pelanggan Berpendapatan Tinggi dan Kaya mengatasi unjuran pertumbuhan industri. Kami menumpukan kepada deposit dan pelaburan dan mengembangkan penguasaan pasaran kami terhadap kekayaan daripada 10.5% kepada 12.6%.

Kami turut memulakan dua inisiatif pemangkin runcit menjadikannya sebagai laluan kemasukan ke rantau ASEAN: Pengurusan Kad Serantau dan Kekayaan Serantau dengan pusat kecemerlangan masing-masing. Kedua-dua inisiatif ini telah mencapai perkembangan yang baik berbanding matlamat strategiknya dan telah mencatatkan keputusan kewangan awal.

Platform laman sesawang kami yang bergerak pantas untuk menyokong perdagangan pelanggan merentas sempadan kami, Sistem Pembiayaan Perdagangan Serantau dan Pengurusan Tunai Serantau, telah menarik hampir 1,500 pelanggan baru pada 2013. Dengan membolehkan pelanggan-pelanggan kami melaksanakan transaksi serantau di semua 10 negara-negara ASEAN dan juga Wilayah Besar China, ini akan mengukuhkan keupayaan kami di pasaran serantau tempat kami beroperasi.

Bersama-sama ini, kami juga memberi tumpuan untuk meningkatkan Operasi, Teknologi dan Kualiti Perkhidmatan bagi memudahkan cara pertumbuhan perniagaan kami. Penyusunan dan pemusatan semula bidang operasi telah menyaksikan pemulihan dalam masa memberi maklum balas, produktiviti, kadar kesilapan dan kos operasi. Kami membuat perbandingan dengan yang terbaik dalam industri untuk memantapkan lagi kekukuhan operasi.

MENINGKATKAN PERNIAGAAN INSURANS DAN TAKAFUL

Kami kekal dengan kedudukan sebagai peneraju tiada tandingan dalam perniagaan Takaful. Dalam mengukuhkan kedudukan No.1 dalam Perniagaan Insurans Am, Etiqa juga telah meningkatkan perniagaan bankasurans dan agensinya menerusi inovasi produk dan pembangunan agensi.

Tahun yang dikaji menyaksikan perniagaan bankasuransnya berkembang di rangkaian pengedaran Maybank, dan meneroka segmen pelanggan berpendapatan tinggi dan kaya. Dengan pelancaran 'Smart Retirement Xtra', kadar penembusan telah meningkat kepada lebih daripada 40% daripada hanya 9% pada 2012.

Dalam mentransformasi barisan agensi, sektor ini terus melantik ejen-ejen berkualiti yang memiliki produktiviti tinggi. Kami jangkakan pertumbuhan lebih besar pada 2014 berikutan usaha terus membangunkan budaya berprestasi tinggi dalam barisan agensi.

Memandang ke hadapan, kami sedang meninjau semula strategi untuk mentransformasi Etiqa. Banyak lagi yang boleh dilakukan untuk mendorong pencapaian prestasi cemerlang.

MENGURUSKAN KOS DAN PRODUKTIVITI BEKERJA

Program Pengurusan Kos Strategik yang memasuki tahun kedua telah mendorong kecekapan kos yang tinggi di seluruh sektor. Overhead Kumpulan diuruskan dengan baik berbanding pertumbuhan pendapatan bersih – kami mencapai pemulihan nisbah kos berbanding pendapatan dan "JAW" positif.

Pada 2013, program ini telah dikembangkan ke dalam operasi kami di Indonesia, Bank Internasional Indonesia (BII). Komunikasi berterusan menjadi permulaan bagi budaya kesedaran kos dan penjimatan sebanyak IDR70 bilion telah dicatatkan pada 2013.

Mentransformasi struktur kos dalam bidang-bidang berbeza di bank ini dengan cara melancar dan merasionalisasikan bidang-bidang perniagaan telah menghasilkan kecekapan dan produktiviti yang lebih baik. Tumpuan yang diperhebatkan terhadap produktiviti dijangka akan mempercepatkan manfaat kos terhadap Kumpulan.

SYARIKAT PRESTASI TINGGI GLOBAL: KEHENDAK TERHADAP PERUBAHAN

Kakitangan kami merupakan tumpuan bagi perubahan kami. Iklim budaya kami telah berubah secara positif dalam tempoh lima tahun proses transformasi dilaksanakan. Komunikasi yang berterusan dalam organisasi, bimbingan, pembangunan pemikiran kepimpinan dan latihan kemahiran fungsional dalam semua bidang membolehkan kakitangan Maybank untuk menghasilkan keputusan yang optimal ke arah matlamat strategik kami.

Manfaat yang tidak kelihatan daripada transformasi kami seperti kepercayaan, keupayaan baru organisasi dan komitmen emosi dikalangan kakitangan telah mewujudkan siap siaga yang berterusan di kalangan kakitangan untuk memberi perubahan.

2014: MEMACU SKOP TRANSFORMASI YANG LEBIH LUAS

Tahun ini, Pejabat Transformasi membuat tinjauan kritikal terhadap program transformasi Kumpulan dengan menilai kemajuan di semua sektor bagi memastikan bahawa mereka berada pada landasan yang betul untuk memenuhi komitmen untuk mencapai matlamat strategik jangka panjang kami. Semua inisiatif ini diukur menerusi dapatan nilai atau penambahbaikan dalam ukuran perkhidmatan yang mencerminkan prestasi kewangan atau kecekapan operasi.

Semakan pelan-pelan perancangan dibuat dalam bidang-bidang yang memerlukan penambahbaikan. Transformasi kami akan meneruskan langkah ke tahun 2014 dengan portfolio yang lebih besar. Ia akan memantau 83 inisiatif dan memasukkan beberapa bidang baru seperti Kewangan dan Operasi selain Produktiviti serta turut meliputi negara-negara seperti Malaysia, Indonesia, Singapura, Wilayah Besar China dan Filipina. Pengurusan kos strategik akan digunapakai di Etiqa. Kami berikan lebih tumpuan terhadap pelaksanaan, penyelesaian isu-isu kritikal dan memacu produktiviti dan kecekapan akan meningkat. Selama bertahun-tahun kami telah membina keupayaan yang unik sebagai organisasi yang sentiasa memulakan perubahan dalam pelbagai cara bagi mewujudkan kelebihan, meneroka peluang, meminimumkan risiko dan mengekalkan prestasi. Kami yakin dapat mencapai matlamat strategik kami dan sentiasa berkembang selari dengan pertumbuhan perniagaan kami.

Keterangan di atas merupakan tinjauan bagi Transformasi Maybank untuk tahun 2013. Transformasi telah ditanamkan dalam setiap sektor dan anda akan dapati lebih banyak maklumat akan diberikan ketika anda meneliti seksyen-seksyen yang berbeza dalam laporan ini.

KUALITI PERKHIDMATAN

Bersungguh-sungguh Memuaskan Pengguna

Dalam 'House of Maybank', Kualiti Perkhidmatan diletakkan di bawah ETS dan kini ia telah digabungkan ke dalam Pejabat PCEO Kumpulan untuk menyokong aspirasi serantau Kumpulan secara strategik. Kedudukan ini memberikan kami sokongan yang diperlukan bagi memastikan semua pusat sentuhan dan produk Maybank saling dilengkapkan dengan kelas perkhidmatan terbaik bagi meningkatkan kesetiaan pelanggan.

Pada 2014, pasukan kerja Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan (GSQM) akan terus memanfaatkan setiap kekuatan pasaran utama kami untuk memperkukuhkan kedudukan serantau kami. GSQM akan bekerjasama dengan unit-unit lain dalam Maybank di seluruh dunia untuk sentiasa memberikan perkhidmatan kelas terbaik ketika bersama pelanggan dengan memperhalusi strategi perkhidmatan pengguna dan meningkatkan kecemerlangan operasi.

Pada 2013, SQ meneruskan tumpuan dan mengembangkan inisiatif, projek dan kempen transformasi utama dari tahun sebelumnya untuk terus memacu kecemerlangan perkhidmatan pelanggan yang konsisten dan mampan.

Sistem Pengurusan Giliran Barisan Berasaskan Laman Web

Kepuasan pelanggan terus menjadi asas bagi apa sahaja yang kami lakukan. Sistem pengurusan barisan giliran telah dipertingkatkan untuk terus menyelaraskan pengukur dalaman bagi pengalaman perbankan pelanggan di cawangan. Peningkatan sebanyak 26% dalam tempoh dua minit bagi Purata Masa Menunggu (AWT) merupakan petunjuk tentang kejayaan sistem baru yang dipertingkatkan.

Pengendalian Aduan

Tahun 2013 menyaksikan lebih banyak unit perniagaan terlibat dengan Project GIFT (Get Involved and Follow Through) bagi mengukuhkan kecekapan dan konsistensi dalam menguruskan maklum balas pelanggan. Projek ini bermatlamat untuk menambah penyelesaian aduan dari awal hingga akhir dengan memusatkan pengendalian aduan dengan kumpulan kerja Pengurusan Maklum Balas Pelanggan dan Penyelesaian (CFRM) yang bertindak sebagai pusat tunggal bagi perhubungan penyelesaian masalah.

Mengukuhkan Penyampaian Perkhidmatan menerusi Pembelajaran Berterusan

Melengkapkan rangka kerja penyelesaian aduan serta pengurusan giliran barisan ini bagi menyemarakkan pengalaman pelanggan adalah projek pengetahuan produk yang berterusan. Projek ini dimulakan dua tahun lalu untuk mendalamkan operasi dan pengetahuan produk teras barisan hadapan kami. Kini projek ini diteruskan ke Pusat Perhubungan Kumpulan Maybank dan pusat-pusat sokongan pejabat pertengahan untuk semakin mengukuhkan rantaian nilai perkhidmatan.



Wilayah Sarawak membawa pulang Trofi Cabaran Pengetahuan Produk yang diterima dua tahun berturut-turut.

Kaji Selidik Luaran Terhadap Perhubungan Dengan Pelanggan

Kaji Selidik Luaran Terhadap Perhubungan Dengan Pelanggan (ECES) dikendalikan untuk mengukur sejauh mana kami memberi perkhidmatan dan terlibat dengan pelanggan. Berada pada senarai tempat kelapan daripada 14 pesaing bank tempatan telah menyediakan kami dengan pandangan yang bernilai mengenai bagaimana kami boleh meningkatkan perkhidmatan untuk setanding dengan kemajuan yang dicapai oleh organisasi kami. Keseluruhan skor kepuasan hati dengan penyelesaian masalah berpusat kami ini turut merekodkan peningkatan sebanyak 20% berbanding 2012 dengan pengetahuan produk oleh kakitangan, sikap serta perkhidmatan menjadi elemen yang diiktiraf sebagai unsur penting dalam pemulihan perkhidmatan.


PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Kami menjejaki prestasi kami menerusi 10 ukuran kewangan dan metrik operasi bagi melihat kemajuan dalam mencapai objektif strategik dan pengwujudan nilai pemegang saham.

Petunjuk Utama


PULANGAN ATAS EKUITI (ROE)

Memenuhi sasaran ROE berikutan pendapatan bersih yang tinggi, pertumbuhan kos yang perlahan dan pemulihan kualiti aset. ROE disifatkan sebagai keuntungan yang disumbangkan kepada pemegang saham berbanding purata ekuiti pemegang saham (yang terdiri daripada modal saham, pendapatan yang dikekalkan dan rizab-rizab lain) dalam tahun kewangan ini.




NISBAH PEMBAYARAN DIVIDEN

Nisbah pembayaran dividen sebanyak 71.9% melepasi kadar dasar 40-60%. Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) terus mengukuhkan asas modal mencapai lebih daripada kadar langganan 80% (berdasarkan kepada tujuh pelan sebelumnya).




PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN KUMPULAN

Pembiayaan Kumpulan melepasi sasaran 12.0%, didorong oleh peningkatan pembiayaan antarabangsa sebanyak 17.6% dan pembiayaan domestik yang meningkat 11.9%.




PERTUMBUHAN DEPOSIT KUMPULAN

Pertumbuhan deposit Kumpulan melepasi sasaran yang ditetapkan, didorong oleh pertumbuhan deposit antarabangsa sebanyak 14.4% dan pertumbuhan deposit domestik sebanyak 14.0%.



PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN DI MALAYSIA


Pembiayaan domestik naik sedikit berbanding sasaran tetapi melebihi pertumbuhan industri iaitu sebanyak 10.6%.



Lagi di muka surat 69

PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN DI SINGAPURA


Pertumbuhan pembiayaan Singapura berjumlah 13.6% melepasi sasaran yang ditetapkan, didorong oleh pertumbuhan 15.8% dalam pembiayaan komersial dan 10.3% dalam pembiayaan pengguna.



Lagi di muka surat 69

PERTUMBUHAN PEMBIAYAAN DI INDONESIA


Pertumbuhan pembiayaan melebihi sasaran yang ditetapkan dengan sumbangan positif daripada pembiayaan pelanggan dan perniagaan, disokong oleh ekonomi domestik yang kukuh.



Lagi di muka surat 69

JUMLAH NISBAH MODAL

Jumlah Nisbah Modal melepasi keperluan pihak berkuasa sebanyak 8% yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM).




Lagi di muka surat 70

SASARAN 2015

SUMBANGAN ANTARABANGSA KEPADA KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI KUMPULAN (PBT)


Sumbangan PBT daripada operasi antarabangsa meningkat dengan Singapura dan Indonesia menjadi penyumbang utama, masing-masing sebanyak 14.1% dan 7.4%.



Lagi di muka surat 68

PEMBIAYAAN ISLAM KEPADA PEMBIAYAAN DOMESTIK MAYBANK

Pembiayaan Islam membentuk 38.9% daripada pembiayaan dan pendahuluan domestik kumpulan, melepasi sasaran kami sebanyak 33.0%.



Lagi di muka surat 66

RINGKASAN LIMA TAHUN KEWANGAN KUMPULAN

	KUMPULAN				
	TK 30 JUN 2010	2011	FP 31 DIS 2011 ¹	2012	TK 31 DIS 2013
KEPUTUSAN OPERASI (RM' juta)²					
Hasil operasi	18,560	21,040	12,892	31,227	33,251
Keuntungan operasi	5,249	6,135	3,497	7,744	8,730
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	5,370	6,270	3,571	7,896	8,870
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	3,818	4,450	2,587	5,746	6,552
PENYATA UTAMA MAKLUMAT KEDUDUKAN KEWANGAN (RM' juta)³					
Jumlah aset	336,700	411,254	451,632	494,911	560,443
Portfolio pelaburan kewangan ³	68,885	76,871	84,669	92,820	107,672
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	205,894	255,018	276,253	311,825	355,618
Jumlah liabiliti	308,035	377,522	415,747	451,096	512,701
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	236,910	282,797	314,692	347,156	395,611
Komitmen dan tanggungan luar jangkaan	232,273	292,109	369,792	379,695	433,829
Modal berbayar	7,078	7,478	7,639	8,440	8,862
Ekuiti pemegang-pemegang saham	27,877	32,395	34,337	42,095	45,997
MAKLUMAT SAHAM²					
Sesaham (sen)					
Pendapatan asas	53.9	61.4	34.5	72.7	75.8
Pendapatan dicairkan	53.9	61.4	34.5	72.7	75.7
Dividen kasar	55.0	60.0	36.0	65.0	53.5
Aset bersih (sen)	393.9	433.2	449.5	498.8	519.0
Harga saham pada 31 Dis/30 Jun (RM)	7.56	8.94	8.58	9.20	9.94
Pemodal pasaran (RM' juta)	53,510	66,855	65,546	77,648	88,088
NISBAH KEWANGAN (%)²					
Nisbah Keuntungan/Penguasaan Pasaran					
Margin faedah bersih atas aset pendapatan faedah purata	2.9	2.6	2.5 ⁶	2.6	2.5
Faedah bersih atas aset wajaran risiko purata	3.5	3.6	4.0 ⁶	4.2	4.2
Pulangan bersih dana pemegang saham purata	14.5	14.5	15.2 ⁶	16.0	15.1
Pulangan bersih aset purata	1.2	1.2	1.2 ⁶	1.2	1.2
Pulangan bersih aset berwajaran risiko purata	1.6	1.8	2.0 ⁶	2.1	2.2
Nisbah kos kepada pendapatan ⁴	46.5	49.2	49.7	48.6	47.8
Penguasaan pasaran domestik dalam :					
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	17.6	18.1	17.9	18.2	18.4
Deposit daripada pelanggan - Akaun Simpanan	27.7	27.9	27.6	27.7	27.7
Deposit daripada pelanggan - Akaun Semasa	20.5	20.7	19.5	20.2	20.4
NISBAH KECUKUPAN MODAL (%)					
Nisbah Modal CET 1	-	-	-	-	11.253
Nisbah Modal Tahap 1	-	-	-	-	13.059
Jumlah Nisbah Modal	-	-	-	-	15.664
Nisbah Modal Teras ⁵ (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	10.1 - 11.0	11.2 - 11.8	11.0 - 11.7	12.8 - 13.5	-
Nisbah Modal Berwajaran Risiko ⁵ (selepas ditolak cadangan dividen akhir)	13.7 - 14.6	14.7 - 15.4	15.7 - 16.4	16.6 - 17.4	-
NISBAH KUALITI ASET²					
Nisbah pinjaman rosot nilai bersih/pinjaman tidak berbayar bersih (%)	1.22	2.25	1.86	1.09	0.95
Liputan kerugian pinjaman (%)	124.5	82.3	86.9	105.6	107.5
Pinjaman bersih kepada nisbah deposit (%)	86.8	90.2	87.8	89.8	89.9
Deposit kepada dana pemegang saham (gandaan)	8.5	8.7	9.2	8.2	8.6
PENILAIAN ATAS SAHAM²					
Hasil dividen kasar (%)	7.3	6.7	4.2	7.1	5.4
Nisbah pembayaran dividen (%)	76.5	74.9	79.9	74.7	71.9
Harga kepada pendapatan berganda (gandaan)	14.0	14.6	24.9	12.7	13.1
Harga kepada penyata berganda (gandaan)	1.9	2.1	1.9	1.8	1.9

¹ Keputusan kewangan meliputi tempoh kewangan selama enam bulan berakhir pada 31 Disember 2011 berikutan perubahan berakhirnya tahun kewangan dari 30 Jun ke 31 Disember.

² Keputusan TK2012 dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.

³ Portfolio pelaburan kewangan mengandungi aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pelaburan kewangan tersedia untuk dijual dan pelaburan kewangan dipegang hingga matang.

⁴ Nisbah kos kepada pendapatan dikira menggunakan jumlah kos berbanding pendapatan bersih. Jumlah kos Kumpulan adalah jumlah perbelanjaan overhead tidak termasuk pelunasan aset tidak ketara bagi PT Bank Internasional Indonesia Tbk dan Maybank Kim Eng Holdings Limited.

⁵ Nisbah kecukupan modal bagi bulan Disember 2012, Disember 2011, Jun 2011 dan Jun 2010 mempamerkan dua kemungkinan besar, iaitu


(i) apabila bahagian boleh pilih penuh tidak dilabur semula; dan

(ii) apabila bahagian boleh pilih penuh dilabur semula dalam saham biasa baru menurut Pelan Pelaburan Semula Dividen.


⁶ Secara tahunan.

BANK		
TK 31 DIS		
2012	2013	
17,079	18,723	
5,498	6,127	
5,498	6,127	
4,306	4,886	
342,557	397,779	
60,643	75,433	
214,852	237,971	
305,661	357,279	
237,402	273,670	
338,799	399,786	
8,440	8,862	
36,895	40,500	
54.5	56.5	
54.5	56.5	
65.0	53.5	
437.1	457.0	
-	-	
-	-	
2.1	2.0	
3.1	3.1	
13.8	12.9	
1.3	1.3	
2.2	2.3	
43.3	40.5	
18.2	18.4	
27.7	27.7	
20.2	20.4	
-	15.925	
-	15.925	
-	15.925	
16.3 - 17.3	-	
16.3 - 17.3	-	
1.12	0.94	
106.8	116.2	
90.5	87.0	
6.4	6.8	
-	-	
-	-	
-	-	
-	-	


Keuntungan sebelum Cukai dan Zakat
RM8.87 bilion




Jumlah Aset
RM560.4 bilion




Pinjaman, Pendahuluan dan Pembiayaan
RM355.6 bilion




Ekuiti Pemegang-pemegang Saham
RM46.0 bilion



Keuntungan boleh Diagih kepada Pemegang-pemegang
Ekuiti Bank
RM6.55 bilion




Jumlah Liabiliti
RM512.7 bilion



Deposit-deposit daripada Pelanggan-pelanggan
RM395.6 bilion




Modal Berbayar
RM8.9 bilion



RINGKASAN PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN KUMPULAN

ASET


RM560.4 BILION



Pada 31 Disember 2013

ASET


RM494.9 BILION



Pada 31 Disember 2012¹

LIABILITI & EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM


RM560.4 BILION



Pada 31 Disember 2013

LIABILITI & EKUITI PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM

RM494.9 BILION



Pada 31 Disember 2012¹

¹ Angka-angka TK2012 dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.

PRESTASI SUKU TAHUNAN KEWANGAN KUMPULAN

	TK 31 Dis 2013				
RM' juta	S1	S2	S3	S4	TAHUN
Hasil operasi	8,117	8,589	8,276	8,269	33,251
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam)	3,047	3,048	3,127	3,173	12,395
(Kerugian)/pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	(78)	(55)	209	185	261
Keuntungan operasi	2,091	2,047	2,308	2,284	8,730
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	2,127	2,089	2,352	2,302	8,870
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang-pemegang ekuiti Bank	1,506	1,568	1,746	1,732	6,552
Pendapatan sesaham (sen)	17.89	18.25	20.07	19.58	75.79
Dividen sesaham (sen)	-	22.50	-	31.00	53.50

	TK 31 Dis 2012 ¹				
RM' juta	S1	S2	S3	S4	TAHUN
Hasil operasi	7,782	7,846	7,796	7,803	31,227
Pendapatan faedah bersih (termasuk pendapatan daripada perniagaan perbankan Islam)	2,759	2,874	2,931	2,929	11,493
(Kerugian)/pendapatan bersih daripada perniagaan insurans/takaful	(253)	21	(8)	192	(48)
Keuntungan operasi	1,860	1,979	1,989	1,916	7,744
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	1,895	2,026	2,025	1,950	7,896
Keuntungan boleh diagih kepada pemegang ekuiti Bank	1,347	1,438	1,501	1,460	5,746
Pendapatan sesaham (sen)	17.62	18.64	19.13	17.30	72.69
Dividen sesaham (sen)	-	32.00	-	33.00	65.00

¹ Keputusan dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.

FAEDAH UTAMA BERKAITAN ASET DAN LIABILITI


	TK 31 Dis 2012 ¹			TK 31 Dis 2013		
	Pada 31 Disember RM' juta	Kadar Hasil Efektif %	Faedah Pendapatan / Perbelanjaan RM' juta	Pada 31 Disember RM' juta	Kadar Hasil Efektif %	Faedah Pendapatan / Perbelanjaan RM' juta
Faedah aset pendapatan						
Pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan	311,825	6.38	15,199	355,618	5.09	16,556
Tunai dan dana jangka pendek & deposit						
dan penempatan dengan institusi-institusi kewangan	51,968	1.79	824	55,224	2.18	961
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	29,157	3.89	688	19,167	3.95	681
Pelaburan kewangan tersedia untuk dijual	60,792	3.38	1,804	82,837	3.76	2,306
Pelaburan kewangan dipegang hingga matang	2,871	3.56	327	5,668	5.23	141
Faedah berkaitan liabiliti						
Deposit-deposit daripada pelanggan-pelanggan	347,156	1.78	5,946	395,611	1.96	6,909
Deposit dan penempatan daripada institusi-institusi kewangan	33,887	2.03	861	42,139	1.60	900
Pinjaman	10,714	3.29	389	13,322	3.24	432
Tanggungan subordinat	13,510	4.46	562	12,645	5.36	561
Sekuriti modal	6,150	6.54	401	5,921	6.54	385

¹ Angka-angka TK2012 dinyatakan semula berikutan perubahan dalam dasar perakaunan.


PENYATA NILAI TAMBAH

Maybank melancarkan perkhidmatan terbaru, Maybank ASPIRE iaitu segmen penjenamaan baharu yang ditawarkan untuk memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan kaya dengan penyelesaian kewangan lengkap. ASPIRE merupakan keperluan kewangan yang dikelompokkan dalam enam bidang utama iaitu kad, deposit, pembiayaan, insurans, pelaburan dan penulisan wasiat, di bawah skim konvensional atau Islam.

13-14 JUN 2013

Maybank Kim Eng menjadi penganjur dan penaja bersama Invest Malaysia Kuala Lumpur 2013 yang berlangsung pada 13-14 Jun 2013. Bertemakan 'Pasaran Multinasional ASEAN', acara itu dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Ia dihadiri oleh 1,022 pengurus dana dan 59 wakil korporat, termasuk 52 syarikat dari Malaysia dan 7 dari syarikat-syarikat ASEAN.

16 JUN 2013

Hampir 3,000 peserta dari 42 negara di seluruh dunia menyertai BII Maybank Bali Marathon 2013. Sebagai sebahagian daripada acara ini, BII menyerahkan biasiswa kepada 486 pelajar-pelajar berbakat dari 27 sekolah yang terletak di sepanjang laluan maraton ini.

24 JUN 2013

Yayasan Maybank memberikan biasiswa penuh kepada 51 pelajar-pelajar yang amat memerlukan bagi meneruskan pengajian mereka di dalam dan luar negara termasuk di universiti awam dan swasta untuk tahun 2013.

SOROTAN PERISTIWA

27 JUN 2013

BII mengadakan mesyuarat agung luar biasa untuk pemegang sahamnya bagi meluluskan pelan pelaksanaan terbitan hak berjumlah Rp1.5 trilion.

JULAI

1 JULAI 2013



Persatuan Kebajikan Pengawal-Pengawal Keselamatan Maybank memeterai perjanjian kolektif baharu dengan Maybank berkuatkuasa untuk tempoh tiga tahun sehingga 2014.

5 JULAI 2013

Etiqa Insurance Berhad menerbitkan Bon Modal Subordinat Tahap-2 yang pertama bernilai RM500,000,000 dengan tempoh jangka 10 tahun daripada tarikh ia diterbitkan atas asas 10-tidak boleh dipanggil-5. Kemudahan bon itu diterajui oleh Maybank Investment Bank Berhad dan diberi penarafan AA1 oleh RAM Rating Services Bhd.

10 JULAI 2013

BII melancarkan operasi cawangan Mumbai di India untuk meneroka potensi perniagaan antara India dan rantau ASEAN.

10 JULAI 2013



Satu majlis memeterai perjanjian diadakan antara Maybank Philippines dan G4S Cash Solution Philippines melibatkan perkhidmatan penyumberan wang, penyusunan wang dan penyelenggaraan ATM barisan pertama.

18 JULAI 2013



Maybank Singapura mendapat Anugerah Perbankan & Pembiayaan Runcit Asia untuk Program Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik (Perak). Maybank menerima anugerah ini buat kali kedua dan ia merupakan satu-satunya bank di Singapura yang menerima anugerah bagi kategori ini.

18 JULAI 2013



Yayasan Maybank meneruskan inisiatif amalnya bersama-sama kanak-kanak, ibu tunggal dan keluarga kurang berkemampuan dari kampung Kerdas, Gombak, Kuala Lumpur. Kira-kira 200 penduduk kampung berkenaan dijamu dengan hidangan berbuka puasa pada majlis yang disempurnakan oleh Pengerusi Maybank, Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor, ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Maybank dan pengurusan kanan Maybank. Tetamu istimewa turut menerima duit raya dan sumbangan yang berupa barangan keperluan asas seperti beras, susu pekat, gula dan sabun membasuh.

18 JULAI 2013

Maybank Kim Eng Thailand bekerjasama dengan WeChat, aplikasi bersembang mudah alih yang popular, untuk mengembangkan asas pelanggannya di kalangan golongan muda dengan menyediakan maklumat terkini mengenai perniagaan Maybank Kim Eng dan aktiviti-aktivitinya menerusi aplikasi berkenaan.

25 JULAI 2013



Kumpulan Perbankan Global Maybank melayan 70 orang kanak-kanak dari Pusat Jagaan Lambaian Kasih untuk berbelanja di Pusat Beli Belah 1 Utama sempena perayaan Hari Raya Puasa. Setiap kanak-kanak diberi boucher AEON Jusco bernilai RM250 untuk membeli keperluan masing-masing.

25 JULAI 2013



Maybank Islamic mengumumkan sumbangan zakatnya sepanjang tahun kewangan 2012 bernilai RM15.2 juta pada majlis yang dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Haji Jamil Khir. Daripada jumlah bekenaan, RM11.4 juta disalurkan ke Pusat Zakat di beberapa negeri, manakala baki sebanyak RM3.8 juta disumbangkan kepada golongan yang memerlukan.

25 JULAI 2013

BII menyerahkan biasiswa kepada 33 pelajar di Indonesia untuk meneruskan pengajian di universiti terpilih luar negara.

26 JULAI 2013



Maybank Philippines (MPI) menyerahkan sumbangan bernilai Php1,152,200.00 daripada Yayasan Maybank kepada University of the Philippines Integrated School (UPIS). UPIS merupakan penerima manfaat bagi program Sekolah Angkat MPI dan sumbangan berkenaan akan digunakan untuk membina Makmal Komputer Maybank.

29 JULAI 2013

BII mengumumkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak Rp681 bilion bagi tempoh enam bulan pada 2013, kenaikan 15% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai bank ini pula meningkat sebanyak 17% kepada Rp966 bilion berbanding Rp824 bilion dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

30 JULAI 2013

Maybank Singapura membuat sumbangan terbuka puasa untuk 150 orang kanak-kanak di Rumah Kanak-kanak Darul Ma'wa pada majlis yang disempurnakan oleh Speaker Parlimen, Puan Halimah Yacob.

OGOS**2 OGOS 2013**

Maybank Kim Eng menjadi pengatur dan koordinator global utama bagi Program Terbitan Sijil Amanah Islam Pelbagai Matawang untuk Swiber bernilai AS\$500 juta. Sebagai pengurus bersama utama, Maybank Kim Eng berjaya menyelesaikan terbitan sukuk 5 tahun ini yang juga terbitan sukuk terbesar dalam matawang dolar Singapura.

2 OGOS 2013

Datuk Abdul Farid bin Alias dilantik sebagai Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, menggantikan Dato' Sri Abdul Wahid Omar, yang dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

6 OGOS 2013

Kakitangan Maybank Islamic melawat Institut Jantung Negara dan mengagihkan hadiah kepada pesakit dan kakitangan Wad Pediatrik sempena sambutan Hari Raya.

14 OGOS 2013

Maybank Kim Eng turut serta dalam pengambilalihan F&N oleh Thai Beverage iaitu janji niaga penggabungan & pengambilalihan (M&A) terbesar di Asia Tenggara pada 2013.

21 OGOS 2013

Maybank melaporkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak RM3.07 billion bagi tempoh enam bulan berakhir 30 Jun 2013, kenaikan 10.4% berbanding RM2.78 bilion yang dicatat setahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai bagi Kumpulan juga naik 7.5% kepada RM4.22 billion berbanding RM3.92 bilion yang dicatat pada Jun 2012.

22 OGOS 2013

BII melancarkan CoOLPay2 dan BII Sinergi untuk menyokong komuniti perniagaan dengan penyelesaian rantaian pembekal kewangan.

26 OGOS 2013

Acara kemuncak Maybank GO Ahead Challenge bermula di Menara Maybank di Kuala Lumpur. Seramai 54 peserta akhir dari 10 negara di seluruh dunia berentap di Malaysia untuk merebut hadiah tunai AS\$72,000 dan peluang untuk menyertai Program Perantis Maybank Global.

26 OGOS 2013

Maybank Investment Bank membuka dengan rasminya cawangan baharunya di Mutiara Damansara, Selangor, mengembangkan rangkaian cawangan pengedarannya kepada lima di seluruh Malaysia. Ia turut mengumumkan pelancaran aplikasi mudah alih Powerbroking dan M2U untuk peranti berasaskan Android.

29 OGOS 2013

Yayasan Maybank menyertai pertubuhan korporat lain untuk menyokong larian XtraMile Run 2013. Larian 100 km yang merentas Lembah Kelang ini mengambil masa 17 jam untuk selesai, berjaya mengumpulkan dana sebanyak RM120,000. Matlamat larian XtraMile adalah untuk meningkatkan pendedahan dan minat di kalangan rakyat Malaysia untuk menyokong inisiatif pendidikan yang dikendalikan oleh 'Dignity for Children Foundation'.

SEPTEMBER**5 SEPTEMBER 2013**

Maybank Singapura memeterai perjanjian usaha sama 5 tahun dengan KidZania Singapura untuk menjadi satu-satunya bank dalam taman tema hiburan berbentuk pendidikan yang unik ini. Dijangka akan dibuka pada awal 2015 di Sentosa Island, KidZania akan menjadi usaha sama ketiga Maybank bersama taman tema selepas Universal Studios Singapura dan Legoland Malaysia.

5 SEPTEMBER 2013

Maybank (Cambodia) Plc. memeterai memorandum persefahaman dengan Mizuho Bank Ltd. ("MHBK") yang bermatlamat menambah sokongan terhadap syarikat-syarikat pertubuhan Jepun yang memasuki pasaran Kemboja yang sedang berkembang pantas. Mereka akan ditawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Maybank Kemboja yang mempunyai kekuatan dalam perbankan komersial dan pembiayaan korporat.

6 SEPTEMBER 2013

BII melancarkan program memantapkan komuniti dengan sumbangan geran dana berpusingan bernilai Rp1 bilion untuk menyokong pembiayaan projek mikro dalam komunitinya.

12 SEPTEMBER 2013

Maybank Kim Eng Vietnam melancarkan secara rasmi ibu pejabat barunya di Vincom Center, Ho Chi Minh City.

13 SEPTEMBER 2013

BII mendapat Anugerah Kecemerlangan Perbankan IT 2013 daripada majalah Warta Ekonomi. BII dinobatkan sebagai pemenang bagi kategori bank komersial dengan jumlah Modal Tahap 1 sebanyak Rp5-30 trilion.

SOROTAN PERISTIWA

27 SEPTEMBER 2013



Maybank Singapura memeterai kontrak bernilai SG\$55 juta dengan Dimension Data dan NTT Communications untuk meningkatkan infrastruktur teknologi maklumat (IT) bagi memulihkan keupayaan perkhidmatan, pengalaman pelanggan dan memastikan bahawa ia berada pada kedudukan yang baik untuk memanfaatkan peluang-peluang pertumbuhan masa hadapan.

28 SEPTEMBER 2013

Lebih daripada 21,000 kakitangan Maybank menyertai inisiatif Hari Tanggungjawab Korporat (CR) Global Maybank, acara tahunan keempat Kumpulan. Dipercayai sebagai inisiatif global terbesar oleh sebuah bank di Malaysia, acara ini melibatkan kakitangan Maybank dan pejabat-pejabatnya di luar negara yang bersama-sama mengukuhkan komitmen mereka untuk pembangunan sosial dan komuniti.

30 SEPTEMBER 2013

BII mengumumkan bahawa Taswin Zakaria telah dikenalpasti sebagai Presiden Direktor bank yang baharu.

30 SEPTEMBER 2013

Maybank Singapura diberi mandat menjadi pengaturcara utama, penaja jamin dan pengurus tajajamin bagi Kemudahan Pinjaman Berjangka Bersindiket SG\$1.15 bilion oleh Universal Group Holdings. Urus niaga ini mewakili transaksi besar pernah dilaksanakan di Singapura.

OKTOBER

1 OKTOBER 2013

Perbankan Islam Maybank Singapura melancarkan produk perbankan berlandaskan Syariah yang baru untuk pembiayaan kenderaan. Ia merupakan satu lagi produk pertama dalam industri dan dijangka dapat memajukan lagi sektor perbankan Islam runcit di negara berkenaan.

8 OKTOBER 2013



Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching melancarkan CashVille Kidz Season 2, siri televisyen animasi, yang dihasilkan bersama oleh Yayasan Maybank & MoneyTree (M) Sdn Bhd dan diluluskan serta dibenarkan oleh Kementerian Pendidikan.

12 OKTOBER 2013

Maybank (Cambodia) Plc. membuat sumbangan untuk membantu program dana kecemasan anjuran Pejabat Gabenor Wilayah Siem Reap untuk menyelamatkan 3,000 keluarga yang terjejas akibat banjir di Daerah Purk.

17 OKTOBER 2013

Maybank Kim Eng Vietnam mengumumkan bahawa ia telah mendapat kelulusan daripada Suruhanjaya Sekuriti Vietnam untuk menukar Maybank Kim Eng Vietnam menjadi syarikat tanggungan umum ahli tunggal negara berkenaan kepada syarikat pemilikan asing 100%.

21 OKTOBER 2013



BII secara rasminya melancarkan cawangan pertama di Mumbai, sekali gus meluaskan platform serantau perbankan komersial Kumpulan ke Asia Tenggara.

24 OKTOBER 2013

Persatuan Badminton Malaysia dan Maybank mengumumkan bahawa Malaysia akan menganjurkan acara berprestij "Kejohanan Terbuka Malaysia Maybank Supesiri Premier 2014" di Stadium Tertutup Putra, Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang akan berlangsung dari 14-19 Januari 2014. Acara sukan ini akan menyaksikan penyertaan pemain-pemain terkemuka dunia, khususnya bagi senarai 10 pemain terbaik perseorangan lelaki, perseorangan wanita, bergu lelaki, bergu wanita dan bergu campuran.

24 OKTOBER 2013

Maybank ATR Kim Eng menerajui terbitan IPO bernilai AS\$621 juta bagi Robinsons Retail Holdings Inc di Filipina.

25 OKTOBER 2013



Sempena Deepavali dan Krismas, Maybank melancarkan projek sosial H.E.A.R.T (Helping Every Asian Rise Together) yang bermatlamat untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat Asia menerusi pelaksanaan projek yang mampan. Memulakan projek ini, mentol menggunakan tenaga solar diagihkan kepada penduduk Kampung Chuweh di Perak dan Pensiangan di Sabah, Malaysia, Barrio Udlot dan Barrio Bliss di Cebu, Filipina yang masing-masing teruk menjadi mangsa Taufan Haiyan. Pada akhir Projek H.E.A.R.T, mentol-mentol telah diagihkan kepada 200 keluarga di empat buah negara.

28 OKTOBER 2013

BII mengumumkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti sebanyak Rp1.1 trilion bagi tempoh sembilan bulan berakhir pada 30 September 2013, naik 19% berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Keuntungan sebelum cukai meningkat 22% kepada Rp1.6 trilion berbanding Rp1.3 trilion dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

28 OKTOBER 2013

Maybank (Cambodia) Plc. membuka empat cawangan baru di Serey Sophorn, Chroy Changvar, Obek Kaorm dan Kampuchea Krom dalam usahanya meluaskan capaian Maybank di Kemboja. Cawangan-cawangan ini dirasmikan oleh Lok Chumteav Ouk Maly, Timbalan Gabenor, National Bank of Cambodia pada majlis yang berlangsung di Serey Sophorn di wilayah Banteay Meanchey.

29-30 OKTOBER 2013



Maybank Islamic menjadi rakan strategik bagi Forum Ekonomi Islam Sedunia yang berlangsung di London. Forum bertemakan “Mengubah Dunia, Perhubungan Baru” ini bertujuan untuk mengupas kemunculan perhubungan ekonomi baharu antara negara, agama dan budaya dalam perubahan dunia yang pantas. Perdana Menteri Malaysia, Dato’ Sri Najib Razak turut merasmikan pelancaran Pengurusan Aset Maybank Islamic pada forum.

NOVEMBER

1 NOVEMBER 2013



BII menjadi satu daripada sembilan buah bank yang bekerjasama dengan kerajaan tempatan Jakarta untuk menyediakan kemudahan pembayaran untuk tanah dan bangunannya menerusi ATM BII.

4-8 NOVEMBER 2013

Maybank Kim Eng, dengan kerjasama Bursa Malaysia, menganjurkan Persidangan “Invest Malaysia USA” 2013 yang diadakan di Bandaraya New York, Boston dan San Francisco. Persidangan ini dihadiri seramai 110 orang pengurus dana. Seramai 12 orang tokoh dari korporat Malaysia yang mewakili jumlah permodalan pasaran RM270 bilion, atau 16% daripada permodalan pasaran di Bursa Malaysia turut mengemukakan profil pelaburan masing-masing pada persidangan itu.

5 NOVEMBER 2013

Maybank meraikan ulang tahun ke-20 operasinya di Kemboja, yang mengukuhkan lagi komitmennya untuk menyokong komuniti negara berkenaan menerusi inisiatif tanggungjawab korporat (CR) yang lebih meluas. Lebih daripada 500 tetamu menghadiri majlis jamuan makan malam di mana Maybank mengukuhkan lagi falsafahnya - “Berkembang Secara Bertanggungjawab” dalam komuniti dengan sumbangan kepada Bulan Sabit Merah Kemboja sebanyak AS\$50,000 untuk membantu mangsa-mangsa malapetaka dan program bantuan penjagaan kesihatan serta kemasniaan di negara berkenaan.

6 NOVEMBER 2013



Seramai 44 kanak-kanak dari Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Pulau Carey Selatan dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Pulau Carey Barat menghadiri sambutan Deepavali di Menara Maybank, Kuala Lumpur. Kanak-kanak ini dihadiahkan dengan beg sekolah Maybank dan wang tunai.

6 NOVEMBER 2013

Maybank Singapura mendapat anugerah “Singapore Quality Class (SQC) Star”. Anugerah ini mengiktiraf pertubuhan-pertubuhan secara menyeluruh dalam tujuh dimensi kecemerlangan termasuk Kepimpinan, Perancangan, Maklumat, Masyarakat, Pemprosesan, Pelanggan dan Keputusan.

8 NOVEMBER 2013



Maybank Private Wealth dilancarkan secara rasminya di Singapura. Platform serantau baharu ini direka khusus untuk pelanggan-pelanggan yang memiliki aset boleh dilabur sebanyak AS\$1 juta dan ke atas. Selain pelbagai produk pelaburan dan perkhidmatan, pelanggan-pelanggan Maybank Private Wealth juga berpeluang untuk mendapat manfaat daripada kemahiran Bank dalam pembiayaan korporat, perbankan transaksi, pasaran modal, perbankan pelaburan dan juga perbankan Islam.

9 NOVEMBER 2013



Lebih daripada 2,500 peserta menyertai “Maybank Wild Tiger Run” yang dianjurkan oleh Pakatan Pemuliharaan Harimau Malaysia (MYCAT) dan disokong oleh Yayasan Maybank. Larian ini bermatlamat untuk meningkatkan kesedaran terhadap kepupusan harimau Malaya dan meraih dana untuk usaha-usaha pemuliharaan oleh MYCAT. Acara ini disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, YB Khairy Jamaluddin.

11 NOVEMBER 2013



Maybank Singapura melancarkan Maybank Mobile Money, perkhidmatan pindahan wang pertama di Singapura yang membolehkan pelanggan Perbankan Mudah Alih untuk menghantar wang ke nombor telefon mudah alih yang didaftarkan di Singapura dan bukannya ke akaun bank. Maybank menjadi bank yang pertama di dunia menawarkan perkhidmatan pindahan wang mudah alih ini yang juga menggalakkan perlindungan data perbankan peribadi.

14 NOVEMBER 2013



Kumpulan Maybank menyumbang RM1,000,000,000 kepada Palang Merah Filipina sebagai bantuan kepada usaha membantu mangsa-mangsa ribut Taufan Haiyan. Maybank Filipina turut mengumumkan bahawa kakitangannya akan melepaskan sambutan tahunan Krismas dan menyumbang peruntukan sebanyak Php1 juta kepada mangsa-mangsa ribut taufan berkenaan.

SOROTAN PERISTIWA

14 NOVEMBER 2013



Maybank Islamic menjadi tuan rumah bagi lawatan rasmi oleh Tengku Mahkota Bahrain, H.H. Shaikh Salman Al Khalifa, dengan harapan untuk mengukuhkan perhubungan dengan negara-negara Timur Tengah.

19 NOVEMBER 2013

Maybank ATR Kim Eng mendapat “Anugerah Bell” daripada Philippine Stock Exchange yang mengiktiraf Amalan Tadbir Urus Korporat Terbaik.

19 NOVEMBER 2013

Maybank Investment Bank meraih 14 pingat dalam undian Asiamoney Brokers’ Poll 2013, termasuk Majlis dan/atau Persidangan Terbaik, Best of Roadshows dan Liputan Penyelidikan Terbaik untuk Bank-bank di Malaysia.

21 NOVEMBER 2013

Maybank melaporkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti bagi tempoh sembilan bulan yang berakhir pada 30 September 2013 meningkat 12.5% berbanding tempoh sama tahun sebelumnya sebanyak RM4.82 bilion. Keuntungan sebelum cukai bagi Kumpulan meningkat 10.4% kepada RM6.57 bilion berbanding RM5.95 bilion pada September 2012.

22 NOVEMBER 2013

Maybank Kim Eng Singapura menderma sebanyak SG\$10,000 kepada SGX Bull Charge, larian amal korporat bagi menyokong Persatuan Kebajikan Wanita, Persatuan Pesakit Autisma, Perkhidmatan Komuniti Fei Yue dan Pertubuhan Kebajikan bagi Perkhidmatan Perkongsian. Selain itu, 63 orang kakitangan Maybank Kim Eng juga turut serta dalam larian sebagai sokongan terhadap kerja-kerja amal ini.

27 NOVEMBER 2013

Maybank mengumumkan pemenang bagi Anugerah Fotografi Maybank 2013 pada majlis penyampaian hadiah di Kuala Lumpur. Pertandingan fotografi ini berlangsung dari 1 Julai hingga 30 Ogos 2013 telah menarik lebih daripada 67,000 penyertaan dari seluruh Asia. Ia merupakan acara kali kedua yang diadakan berturut-turut, bertemakan “Menginspirasi Asia”. Ia menawarkan hadiah wang tunai berjumlah AS\$35,000.

28 NOVEMBER 2013



Etika Insurance & Takaful menyerahkan beg persediaan kecemasan kepada 13 orang Ketua Kampung di Kemaman sebagai langkah proaktif untuk bersiap sedia menghadapi banjir. Beg kalis air ini direka khas untuk melindungi dokumen-dokumen penting seperti sijil kelahiran, pasport dan polisi insurans ketika dilanda banjir.

DISEMBER

1 DISEMBER 2013

Kamaludin Ahmad dilantik secara rasminya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Ageas Holdings Berhad, termasuk Etika Insurance Berhad dan Etika Takaful Berhad.

3 DISEMBER 2013

Maybank Singapura dan Maybank Kim Eng diberi mandat oleh Hyflux sebagai penasihat, pengatur utama dan penajajamin tunggal bagi kemudahan pinjaman berjangka bernilai SG\$720 juta untuk membiayai loji rawatan Tuaspring dan stesen jana kuasa. Transaksi besar ini penting bagi Singapura, memandangkan Tuaspring merupakan loji rawatan terbesar. Ia juga mewakili pembiayaan projek pertama seumpamanya yang diterbitkan oleh Maybank Singapura.

5 DISEMBER 2013



Tiga pemegang kad Maybank membawa pulang kereta mewah selepas dinobatkan sebagai pemenang kempen “Menangi Kereta Impian Anda” anjuran Maybank. Kempen ini berlangsung dari 4 Julai hingga 3 November 2013 telah menerima sambutan hangat di kalangan pemegang kad.

5 DISEMBER 2013

Maybank menjadi bank pertama di Malaysia yang mengumumkan moratorium enam bulan berasaskan setiap kes bagi mangsa banjir. Moratorium diberikan untuk bayaran ansuran bulanan bagi pinjaman, dan juga pemansuhan caj tertentu kepada pelanggan yang terjejas akibat banjir yang berlaku di beberapa negeri di Malaysia. Maybank juga menyumbang barangan keperluan berjumlah RM100,000 kepada mangsa-mangsa yang terlibat.

5 DISEMBER 2013



Etika Takaful Berhad melancarkan bangunan baharu untuk dimanfaatkan oleh lebih daripada 100 pelajar di Madrasah At-Tanwiriah di Muar, Johor.

9 DISEMBER 2013

BII mengumumkan dana pusingan bernilai Rp1 bilion untuk ahli Asosiasi Pendamping Perempuan Usaha Kecil (persatuan untuk wanita pengendali perniagaan mikro) yang akan disalurkan menerusi 29 koperasi. Dana ini diagihkan kepada golongan wanita yang menjalankan perniagaan mikro di lima daerah di Indonesia iaitu Sumatra, Java, Kalimantan, Sulawesi dan Nusa Tenggara.

12 DISEMBER 2013



Sekumpulan 24 artis terdiri daripada golongan kurang upaya menunjukkan bakat seni masing-masing di pameran khas berlangsung di Balai Seni Maybank di Kuala Lumpur. Pameran bertajuk “Nukilan Jiwaku” mengetengahkan 48 hasil lukisan dan ia merupakan projek yang bermatlamat untuk menyediakan peluang kepada insan kurang upaya melahirkan kreativiti bakat seni masing-masing dan juga menanamkan kekuatan ekonomi dalam diri mereka.

12 DISEMBER 2013

Maybank Kim Eng Singapura memenangi Anugerah Pembrokeran Investment Trend 2013 Singapura bagi kategori Bahan-bahan Pendidikan Terbaik dan Platform Mudah Alih Terbaik.

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN



Bekas Presiden dan CEO Maybank Dato' Sri Abdul Wahid Omar (tengah) menerima Anugerah Pencapaian Kepimpinan The Asian Banker 2013 bagi Malaysia dan juga bagi Bank Pengurusan Terbaik di Malaysia bagi pihak Maybank daripada En Foo Boon Ping (kanan), Pengurus Pengarang The Asian Banker pada majlis yang berlangsung sempena Sidang Kemuncak The Asian Banker 2013 di Jakarta, pada 23 April 2013. Di kiri, William Isaac, Pengerusi Fifth Third Bancorp yang merupakan pemberi ucap tama pada sidang kemuncak itu.



Dr John Lee, Ketua Pegawai Risiko Kumpulan, menerima "Anugerah Tahunan Pengurus Risiko Bank Asia Risk" daripada Pengarang Asia Risk, En Eric Woolner.



Kumpulan Kerja Maybank, diketuai oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan En Mohamed Rafique Merican (tengah), meraih lima Anugerah NACRA 2013. Turut hadir, Ketua Pelaporan Prestasi dan Hubungan Pelabur Kumpulan Narita Naziree (tiga dari kiri), bekas Ketua Operasi Kewangan dan Perbendaharaan Ronnie Royston Fernandez (empat dari kiri) dan Ketua Hal Ehwal Korporat Kumpulan, Eliza Mohamed (tiga dari kanan).

SEPINTAS LALU

MESEJ KEPADA PEMEGANG SAHAM

SIAPA KAMI

STRATEGI & PENCAPAIAN KUMPULAN

ULASAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB KAMI

KEPIMPINAN KAMI

TADBIR URUS KORPORAT

LAIN-LAIN MAKLUMAT

MAKLUMAT AGM

ANUGERAH KUMPULAN

ANUGERAH KECERLANGAN EUROMONEY 2013

- Bank Terbaik di Malaysia

ANUGERAH PENCAPAIAN KEPIMPINAN 'THE ASIAN BANKER 2013'

- Anugerah Bank Pengurusan Terbaik di Malaysia
- Anugerah Pencapaian Kepimpinan Malaysia

MAJALAH BLOOMBERG MARKETS: KEDUDUKAN TAHUNAN BAGI BANK TERKUKUH DI DUNIA PADA 2013

- Maybank diiktiraf sebagai Bank Ke-13 Terkukuh di Dunia

ANUGERAH SYARIKAT ASIA TERBAIK 2013

- Tadbir Urus Korporat Terbaik dan Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik

ANUGERAH NACRA 2013

- Anugerah Emas bagi Anugerah Kecemerlangan Keseluruhan
- Anugerah Kecemerlangan Industri bagi Kewangan
- Anugerah Platinum bagi Laporan Tahunan Rekaan Terbaik
- Anugerah Emas bagi Laporan Tahunan Terbaik Bahasa Malaysia
- Anugerah Perak bagi Tanggungjawab Sosial Korporat Terbaik

ANUGERAH PELAPORAN KEMAMPAHAN ACCA MALAYSIA (MaSRA 2013)

- Pemenang Keseluruhan bagi kategori 'Laporan Kemampanan Terbaik'
- Pengiktirafan bagi Laporan Keperolehan Jantina

ANUGERAH 100 MAJIKAN PENERAJU GRADUAN MALAYSIA 2013

- Pemenang bagi Kategori Perkhidmatan Perbankan & Kewangan
- Tempat Kedua bagi Majikan Graduan Terbaik Tahunan

ANUGERAH INOVASI EFMA-ACCENTURE 2013

- Pemenang bersama BNP Paribas bagi kategori "Perniagaan Bertanggungjawab"

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI

KAJI SELIDIK PERBANKAN PERIBADI DAN PENGURUSAN KEKAYAAN EUROMONEY 2013

- Perkhidmatan Perbankan Peribadi Keseluruhan
- Pengurusan Perhubungan Terbaik
- Maklumat Sulit dan Sekuriti Terbaik
- Jenis-jenis Produk Pelaburan Terbaik
- Perkhidmatan Khusus Terbaik Pelanggan Kaya - "Super Affluent" (AS\$500,000 - AS\$ 1 juta)
- Perkhidmatan Khusus Terbaik Pelanggan Kaya - "High Net Worth I" (AS\$1mil - AS\$ 10 juta)
- Perkhidmatan Khusus Terbaik Pelanggan Kaya - "High Net Worth II" (AS\$ 10mil - AS\$ 30 juta)
- Perkhidmatan Khusus Terbaik Pelanggan Kaya - "Ultra High Net Worth" (Melebihi AS\$ 30 juta)

ANUGERAH PERBANKAN & PEMBAYARAN ASIA TRAILBLAZER 2013

- Kecemerlangan Proses dalam Pengurusan Risiko
- Kecemerlangan Saluran Internet - Keseluruhan
- Kecemerlangan Saluran Internet - Pengurusan Akaun
- Kecemerlangan Perkhidmatan dalam Inovasi Perkhidmatan

ANUGERAH KECERLANGAN ANTARABANGSA 2013 "THE ASIAN BANKER" BAGI PERKHIDMATAN KEWANGAN RUNCIT

- Bank Runcit Terbaik di Malaysia

ANUGERAH KECERLANGAN ANTARABANGSA 2013 BAGI KEWANGAN RUNCIT

- Bank Runcit Terbaik (Anugerah Negara)
- Produk Pinjaman Automobil Terbaik (Anugerah Produk & Perniagaan Antarabangsa)
- Inisiatif Pengurusan Risiko Pelanggan Terbaik

ANUGERAH VISA MALAYSIA

- Penerbit Kad Visa Terbesar - Maybank (Kategori Penerbit)
- Jumlah Pembayaran Debit Terbesar - Maybank (Kategori Penerbit)
- Jumlah Pembayaran Terbesar - Maybank Petronas (Kategori Jenama Bersama Visa Kredit)
- Jumlah Pembayaran atau Pengebilan Terbesar - Maybank Manchester United (Kategori Jenama Bersama Visa Debit)
- Jumlah Pembayaran Terbesar - Maybank (Kategori Kad Kredit Islam)
- Pemerolehan Terbesar - Maybank (Kategori Pemerolehan)
- Anugerah Bank Terbaik Tahunan - Maybank (Keseluruhan)

ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

JENAMA DIPERCAYAI READER'S DIGEST

- Anugerah Platinum Bank Paling Dipercayai
- Kategori Kad Kredit Bank Pengeluar Paling Dipercayai

ANUGERAH PENYOKONG PKS TERBAIK CGC 2012

- Anugerah Rakan Kewangan Terbaik
- Anugerah Penyokong PKS Terbaik
- Anugerah Penyokong PKS Bumiputera Terbaik

ANUGERAH KECEMERLANGAN PEMASARAN PERDANA ADVERTISING + MARKETING 2013

- Kecemerlangan Pemasaran Percubaan/acara - Maybank Treatsfair 2012 (Emas)
- Kecemerlangan dalam Kesetiaan Pelanggan Pemasaran - Anugerah Fotografi Maybank (Emas)
- Kecemerlangan Dalam Pengaktifan Tajaan - MaybankLive di Old Trafford (Emas)
- Kecemerlangan Dalam Pemasaran Berintegrasi - Kempen Kesedaran Perbankan Peniagaan Maybank 2012 (Perak)
- Kecemerlangan Dalam Pengaktifan Tajaan - Anugerah Fotografi Maybank (Perak)
- Kecemerlangan Dalam Pendapat Pengguna/ Penyelidikan/Data Berkaitan Pemasaran - Maybank One Solution (Perak)

SIDANG KEMUNCIAK KESELAMATAN VISA 2013

- Anugerah Kepimpinan bagi Kecemerlangan Dalam Terbitan Pengurusan Risiko Penipuan & Sokongan Usaha Visa untuk mengekalkan Kepercayaan & Keselamatan Dalam Industri Pembayaran

UNDIAN PELABUR ISLAM OLEH ISLAMIC FINANCE NEWS

- Pendedar Dana Terbaik (Bank Persendirian/ Runcit)

ANUGERAH PERBANKAN GLOBAL THE BANKER

- Bank Persendirian Terbaik, Perkhidmatan Islam

PERBANKAN GLOBAL: ANUGERAH SERANTAU UTAMA

ANUGERAH ALPHA ASIA TENGGARA

- Institusi Pembrokeran Terbaik : Filipina, Thailand
- Broker Runcit Terbaik : Filipina, Thailand, Vietnam
- Janji Niaga Kewangan Islam Terbaik & Janji Niaga Bon Terbaik bagi Pelabur Runcit di Asia Tenggara (DanalInfra Nasional) - RM300 juta Sukuk Runcit Tukaran Perdagangan MTN
- Janji Niaga Bon Matawang Asing Terbaik di Asia Tenggara (Sime Darby) - AS\$800 juta Sukuk Matawang Pelbagai
- Janji Niaga IPO Terbaik & Janji Niaga IPO Terbaik bagi Pelabur Runcit di Asia Tenggara (UMW Oil & Gas) - AS\$820 juta
- Janji Niaga Bon Tempatan Terbaik di Asia Tenggara (Swiber Capital) - Sijil Amanah Islam S\$150 juta
- Janji Niaga Berasaskan Ekuiti Terbaik di Asia Tenggara (Puncak Niaga) - RM165 juta Sukuk Ijarah

- Bank Pembiayaan Perdagangan Terbaik : Malaysia
- Bank Pengurusan Tunai Terbaik : Malaysia
- Penyelesaian Kustodi Terbaik di Asia Tenggara

ANUGERAH THE ASSET TRIPLE A

- Projek Pembiayaan Islam Terbaik (Malakoff Tanjung Bin Energy) - Pinjaman dan Sukuk Murabaha RM6.5 bilion
- Ekuiti Islam Terbaik (IHH Healthcare) - AS\$2.2 bilion IPO
- Pengiktirafan Tertinggi - Ekuiti Islam Terbaik (Felda Global Ventures) - IPO AS\$3.3 bilion
- Sukuk Matawang Tempatan Terbaik (DanalInfra Nasional) - Sukuk RM2.4 bilion
- Pusat Pembrokeran Terbaik : Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand
- Janji Niaga Serantau Terbaik - Tawaran Pasaran Kedua (Matahari Department Store) - re-IPO AS\$1.5 bilion
- Janji Niaga Terbaik di Indonesia (Matahari Department Store) - re-IPO AS\$1.5 bilion
- Janji Niaga Terbaik di Malaysia (Sime Darby) - Sukuk Dua Bahagian AS\$800 juta
- Penyedia Perkhidmatan Terbaik - Bank Transaksi : Malaysia
- Penyedia Perkhidmatan Terbaik - Pengurusan Tunai : Malaysia
- Penyedia Perkhidmatan Terbaik - Pembiayaan Perdagangan : Malaysia
- Penyedia Perkhidmatan Terbaik - Pembiayaan Perdagangan Berstruktur : Malaysia
- Penyelesaian Pengurusan Tunai Terbaik - Kewangan : Malaysia (Mercedes-Benz)
- Perkhidmatan Kustodi Terbaik mengikut negara - Rising Star : Malaysia
- Bank Pembiayaan Perdagangan Islam Terbaik : Malaysia

ANUGERAH ASIAMONEY

- Institusi Hutang Domestik Terbaik : Malaysia

ANUGERAH THE ASIAN BANKER

- Bank Pembiayaan Perdagangan Terbaik : Malaysia
- Bank Peneraju Rakan Perbankan : Malaysia

ANUGERAH ASIAN BANKING & FINANCE

- Bank Pembiayaan Perdagangan Tahunan : Malaysia

ANUGERAH THE CORPORATE TREASURER

- Bank Pengurusan Tunai Terbaik : Malaysia
- Bank Pembiayaan Perdagangan Terbaik : Malaysia

ANUGERAH FINANCEASIA

- Janji Niaga Pembiayaan Islam Terbaik (Sime Darby) - Sukuk Dua Bahagian AS\$800 juta
- Janji Niaga Vietnam Terbaik (Vingroup) - Pinjaman Bersindiket AS\$250 juta

ANUGERAH GLOBAL CUSTODIAN

- Anugerah Kustodi Global Bukan Sekutu Merentas Sempadan : Terbaik di dalam Pasaran Sedang Muncul
- Anugerah Terbaik Kustodi Global Domestik : Malaysia

ANUGERAH GLOBAL FINANCE

- Bank Pembiayaan Perdagangan Terbaik Dunia : Malaysia
- Bank Tukaran Asing Terbaik Dunia : Malaysia
- Bank Internet Dunia Terbaik Korporat/Institusi : Malaysia

UNDIAN KEPIMPINAN PEMBACA PERDAGANGAN GTR ASIA

- Bank Pembiayaan Perdagangan Terbaik : Malaysia

ANUGERAH IFR ASIA

- Institusi Ekuiti Terbaik - Malaysia

ANUGERAH ISLAMIC FINANCE NEWS

- Janji Niaga Malaysia Tahunan Terbaik Malaysia (DanalInfra Nasional) - Sukuk Tukaran Perdagangan (bahagian pertama) RM300 juta
- Janji Niaga Paling Inovatif (Telekom Malaysia) - Sukuk Wakalah RM200 juta
- Janji Niaga Pembiayaan Korporat Tahunan Terbaik (Sime Darby Global) - Sukuk Dua Bahagian AS\$800 juta
- Anugerah Negara - Malaysia
- Anugerah Negara - UK

PERBANKAN ANTARABANGSA

ANUGERAH PERBANKAN TERBAIK KEMBOJA & PEMBIAYAAN MIKRO (IDG ASEAN)

- Bank Prestasi Sosial Terbaik : Maybank Cambodia Plc. (MCP)

ANUGERAH ASIAMONEY

- No.1 bagi Kadar Faedah Terbaik Keseluruhan (Filipina) : MPI
- No.1 bagi Penyelidikan Kadar Faedah Terbaik (Filipina) : MPI
- No.1 bagi Kadar Faedah Produk dan Jualan Terbaik (Filipina) : MPI
- No.2 bagi Kadar Faedah Derivatif Terbaik (Filipina) : MPI

ANUGERAH INSURANS & TAKAFUL

SIDANG KEMUNCIAK ANTARABANGSA TAKAFUL, CAIRO

- Bankatkaful Terbaik (Asia)
- Pemasaran Terbaik (Asia)

PERSATUAN TAKAFUL MALAYSIA

- Agensi Penyediaan Takaful Terbaik (Keluarga)

ANUGERAH KEWANGAN ISLAM THE ASSET TRIPLE-A

- Institusi Takaful Terbaik

ANUGERAH INDUSTRI PENGURUSAN PERHUBUNGAN PELANGGAN & PUSAT PERHUBUNGAN (CCAM)

- Profesional Pusat Hubungan Pelanggan Terbaik (di bawah 100 tempat duduk) : Tempat Pertama /Emas dimenangi oleh Halijah Rasdi

- Pemimpin Pasukan Terbaik bagi Pusat Hubungan Terbaik Pelanggan - Operasi (di bawah 100 tempat duduk) : Gangsa dimenangi oleh Nik Farhanim Nik Mohd Azmin
- Pemimpin Pasukan Terbaik bagi Pusat Hubungan Pelanggan - Bukan Operasi (di bawah 100 tempat duduk) : Gangsa dimenangi oleh Ain Suhara Noruzman

ANUGERAH INSURANS WORLD FINANCE

- Syarikat Insurans Bukan Hayat Terbaik di Malaysia

ANUGERAH PENYEDIA TERBAIK UNDIAN ISLAMIC FINANCE NEWS

- Penyedia Takaful Terbaik

ANUGERAH JANJI NIAGA TAHUNAN KE-7 & PENYELESAIAN TERBAIK ALPHA SOUTHEAST ASIA

- Syarikat Takaful Terbaik di Asia Tenggara

PERBANKAN ISLAM

ANUGERAH THE ASSET TRIPLE A

- Anugerah Kepimpinan Industri - Institusi Perbankan Islam Terbaik Tahunan
- Bank Runcit Islam & Pembiayaan Perdagangan Terbaik Malaysia
- Institusi Pembiayaan Projek Islam Terbaik

ANUGERAH MAJALAH GLOBAL FINANCE

- Institusi Kewangan Islam Terbaik Dunia 2013 (Asia, Malaysia & Singapura)

ANUGERAH ALPHA SOUTHEAST ASIA

- Bank Pembiayaan Islam Terbaik (Malaysia)

MAJALAH INTERNATIONAL FINANCE

- Bank Islam Terbaik (Malaysia)

BANK INTERNASIONAL INDONESIA (BII)

INSTITUT PENGAJIAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN (ISMS) TRISAKTI

- Bank Terbaik dalam Kualiti Perkhidmatan untuk empat tahun berturut-turut

ANUGERAH CARRE CENTRE FOR CUSTOMER SATISFACTION AND LOYALTY (CCSL) DAN BISNIS INDONESIA

- Anugerah Kecemerlangan Pengalaman Perkhidmatan (ESEA)

MAJALAH PEMASARAN DAN CARRE CENTER FOR CUSTOMER SATISFACTION AND LOYALTY (CCSL)

- Anugerah Kecemerlangan Perkhidmatan Pusat Perhubungan 2013

MARKPLUS INSIGHT AND MARKETEERS

- Perkhidmatan Terbaik Anugerah Care 2013
- Kedua Terbaik bagi "Service to Care"

KARIM BUSINESS CONSULTING

- Bank Paling Untung bagi kategori Unit Usaha Syariah dengan aset melebihi Rp500 bilion

INFOBANK AND MRI

- Ketiga Terbaik Keseluruhan (Kategori Syariah) bagi Kecemerlangan Perkhidmatan Perbankan

INVESTOR MAGAZINE

- "Unit Perbankan Syariah Prestasi Terbaik" bagi aset bersais antara Rp1 trilion hingga Rp5 trilion

ANUGERAH CITIBANK STP (STRAIGHT THROUGH PROCESSING)

ANUGERAH JP MORGAN STP (STRAIGHT THROUGH PROCESSING)

ANUGERAH 5 TAHUN KESETIAAN PELANGGAN RANGKAIAN ATM PRIMA

BUSINESS REVIEW & INSTITUT PERBANAS

- Anugerah Perbankan Indonesia 2012

BANK INDONESIA: SYARIKAT TERBAIK 2013 UNTUK "LALU LINTAS DEvisa (LLD) DAN DEvisa HASIL EKSPOR".

BRAND FINANCE: 50 JENAMA INDONESIA PALING BERNILAI 2013

ANUGERAH PUSAT KEWANGAN BII

ICCD: SEKTOR KEWANGAN DENGAN TADBIR URUS KORPORAT TERBAIK BAGI SEKTOR KEWANGAN

ANUGERAH INFOBANK 2013

- Institusi Kewangan Pelbagai Terbaik bagi kategori aset IDR 2-5 T daripada majalah Investor
- Institusi Kewangan Pelbagai Terbaik bagi kategori prestasi kewangan terbaik 2012 daripada majalah Infobank

ANUGERAH INSTITUSI KEWANGAN PELBAGAI INDONESIA 2013

- Institusi Kewangan Pelbagai Terbaik bagi kategori aset IDR 1-2T daripada majalah Business Review
- Institusi Kewangan Pelbagai Terbaik bagi kategori "Kewangan & Penciptaan Nilai" terbaik daripada majalah Business Review
- Institusi Kewangan Pelbagai Terbaik bagi kategori "Perbadanan Merit" terbaik daripada majalah Business Review

TEKNOLOGI KUMPULAN

ANUGERAH ICT "SHARE GUIDE ASSOCIATION MALAYSIA" (SGAM)

- Sistem Pengurusan Tunai Serantau bagi Inisiatif Inovasi IT

OPERASI KUMPULAN

JP MORGAN CHASE: ANUGERAH PENGIKTIRAFAN KUALITI 2012

- Anugerah Pengiktirafan Kualiti MT 103
- Anugerah Pengiktirafan Kualiti Elit MT 202

DEUTSCHE BANK

- Anugerah Kecemerlangan USD STP 2012

STANDARD CHARTERED BANK

- Prestasi Terbaik dalam Pembayaran Antarabangsa "Straight Through Rate" 2012

BANK OF AMERICA MERRILL LYNCH

- Bank Rakan Pembayaran Komersial Peneraju di Malaysia

PENGURUSAN RISIKO

MAJALAH ASIA RISK 2013

- Pengurus Risiko Bank Tahunan : Ketua Pegawai Risiko Kumpulan Maybank

ANUGERAH PENGURUSAN RISIKO ASIAN BANKER 2013

- Anugerah Risiko Operasi Projek Infrastruktur

ANUGERAH KECEMERLANGAN 'THE ASIAN BANKER' DALAM PERKHIDMATAN KEWANGAN RUNCIT ANTARABANGSA 2013

- Inisiatif Pengurusan Risiko Pengguna Terbaik, Asia Pasifik : Perkhidmatan Kewangan Komuniti

ANUGERAH PERBANKAN DAN PEMBAYARAN ASIA TRAILBLAZER 2013

- Kecemerlangan Proses Pengurusan Risiko : Perkhidmatan Kewangan Komuniti

INSTITUT PEMULIHAN BENCANA (DRI) ANTARABANGSA

- Program Kepimpinan Anugerah Tahunan 2013 (bagi Sektor Swasta) kepada Ketua, Pengurusan Kesenambungan Perniagaan Kumpulan

**MENERUSI RANGKAIAN
KAMI YANG LUAS, KAMI
MENYEDIKAN LALUAN
BESAR KE PASARAN BARU.**



PASARAN

**22 JUTA
PELANGGAN**





ULASAN KEWANGAN KUMPULAN



“Pertumbuhan dua angka dalam PATAMI yang merekodkan sebanyak RM6.55 bilion kesan daripada tumpuan berterusan Kumpulan dalam meningkatkan keuntungan, menguruskan kecekapan dan menambah baik kualiti aset. Faktor-faktor ini yang membolehkan kami mencapai keputusan lebih tinggi daripada sasaran ROE sebanyak 15.1% (berdasarkan asas modal yang diperbesarkan) dan terus menjadi satu daripada bank terunggul dari segi hasil dividen.”

MOHAMED RAFIQUE MERICAN
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

TINJAUAN PRESTASI TK2013

- Tahun lalu merupakan satu lagi tahun rekod bagi Kumpulan apabila kami mencatatkan PATAMI sebanyak RM6.55 bilion dan terus mewujudkan nilai untuk pemegang saham dengan ROE sebanyak 15.1%, melebihi sasaran KPI sebanyak 15.0%.
- Tahun keempat kami mencapai pertumbuhan pendapatan dua angka yang disumbangkan oleh pertumbuhan perolehan yang pesat, kecekapan operasi dan kenaikan dalam kualiti aset.
- Pertumbuhan dalam PATAMI Kumpulan dan keuntungan sebelum cukai dan zakat (PBT) khususnya berikutan daripada peningkatan perolehan sebanyak 10.5% T-ke-T yang didorong oleh pertumbuhan operasi domestik sebanyak 12.1% dan pertumbuhan antarabangsa sebanyak 12.7%.
- Pasaran luar negara merangkumi sebanyak 30.3% daripada PBT Kumpulan, naik daripada 30.2% tahun sebelumnya, dengan PBT Singapura mencatat peningkatan 9.8% kepada RM1.25 bilion manakala PBT Indonesia meningkat 18.8% T-ke-T kepada RM660 juta.
- Semua barisan perniagaan mencatat peningkatan perolehan dengan Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS) naik 6.5%, Perbankan Global meningkat sebanyak 4.0%, Insurans & Takaful naik 10.6% dan Perbankan Antarabangsa berkembang sebanyak 3.8%.
- Maybank Islamic terus menerajui pasaran perbankan Islam dengan PBT berkembang 17.1% T-ke-T kepada RM1.39 bilion. Jumlah pembiayaan kasar meningkat 40% kepada RM86.9 bilion, yang merangkumi 38.9% daripada jumlah pembiayaan domestik Maybank.
- Margin faedah bersih (NIM) Kumpulan berkurangan sebanyak 5 mata asas (bps) kepada 2.43% pada TK2013 berbanding 2.48% pada TK2012, dan masih dalam ramalan pengecutan sebanyak 10 mata asas.
- Penyata kedudukan kewangan Kumpulan kukuh dengan jumlah aset sebanyak RM560.4 bilion dan jumlah nisbah modal sebanyak 15.66% [Berdasarkan kepada Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko yang diterbitkan oleh BNM)].
- Kualiti asset meneruskan pemulihan dengan nisbah rosot nilai pinjaman bersih sebanyak 0.95% dan liputan kerugian pinjaman sebanyak 107.5%.
- Kami telah mencadangkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 31 sen sesaham, berjumlah RM2.75 bilion. Jumlah ini menjadikan dividen bersih bagi TK2013 sebanyak RM4.71 bilion, yang mewakili nisbah pembayaran dividen bersih sebanyak 71.9%.


Nisbah Utama (%)	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)
Pulangan Atas Ekuiti	15.1	16.0
Margin Kepentingan Bersih	2.43	2.48
Nisbah Fi berbanding Pendapatan	35.7	34.4
Kos berbanding Pendapatan [#]	47.8	48.6
Nisbah pinjaman berbanding deposit	89.9	89.8
Kualiti aset		
Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar	1.48	1.78
Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Bersih	0.95	1.09
Liputan Kerugian Pinjaman	107.5	105.6
Kadar 'Charge off' (mata asas)	23	23
Kecukupan Modal (Kumpulan)		
Nisbah Modal Ekuiti Bersama Tahap 1	11.25	10.97
Jumlah Nisbah Modal	15.66	16.60

Nota:
Jumlah kos tidak termasuk pelunasan aset tidak nampak BII dan Maybank Kim Eng

Keuntungan Selepas Cukai & Kepentingan Minoriti RM6.55 bilion TK2012: RM5.75 bilion	Nisbah Kos berbanding Pendapatan 47.8% TK2012: 48.6% (Pasca-MFRS 10)
Jumlah Nisbah Modal 15.66% TK2012: 16.60%	Sumbangan PBT Antarabangsa 30.3% TK2012: 30.2%
Pulangan Atas Ekuiti 15.1% TK2012: 16.0%	Pertumbuhan Pinjaman Kasar 14.0% TK2012: 12.2%

RINGKASAN KEPUTUSAN BAGI TK2013

PATAMI (RM' bilion) & Pendapatan Sesaham (EPS) (sen)



(RM' juta)	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)	T-ke-T
Pendapatan faedah bersih	9,585.3	9,296.7	3.1%
Pendapatan berasaskan dana bersih (Perbankan Islam)	2,331.5	1,699.4	37.2%
Pendapatan berasaskan dana bersih	11,916.8	10,996.1	8.4%
Pendapatan bukan faedah	5,882.1	5,328.7	10.4%
Pendapatan berasaskan fi (Perbankan Islam)	478.6	496.9	(3.7)%
Pendapatan (rugi) bersih daripada insurans/ perniagaan takaful*	260.8	(48.3)	640.0%
Pendapatan berasaskan fi bersih	6,621.5	5,777.3	14.6%
Pendapatan bersih	18,538.3	16,773.4	10.5%
Perbelanjaan overhead	(8,927.9)	(8,232.4)	8.4%
Kerugian rosot nilai	(880.1)	(797.0)	10.4%
Keuntungan operasi	8,730.3	7,744.0	12.7%
Keuntungan sebelum cukai dan zakat	8,869.6	7,896.3	12.3%
Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI)	6,552.4	5,745.9	14.0%
EPS – Asas (sen)	75.79	72.69	4.3%

* Jumlah bersih selepas tuntutan insurans dan takaful

- Kumpulan terus mencatatkan prestasi kewangan yang kukuh pada TK2013, dengan PBT dan PATAMI masing-masing meningkat sebanyak 12.3% dan 14.0% manakala pendapatan sesaham pula meningkat sebanyak 4.3%. Pertumbuhan keuntungan disumbangkan oleh pendapatan bersih yang tinggi yang meningkat sebanyak 10.5% manakala pertumbuhan dalam perbelanjaan overhead ditampung pada 8.4%, disebabkan oleh penambahbaikan dalam kecekapan operasi di seluruh Kumpulan.
- Pertumbuhan pendapatan bersih disokong oleh kenaikan sebanyak 14.6% dalam pendapatan berasaskan fi, yang mana pendapatan bukan faedah berkembang 10.4% atau RM553.4 juta. Ini disumbangkan oleh keuntungan tukaran asing bersih yang tinggi, pendapatan fi yang tinggi dan keuntungan pelupusan pelaburan kewangan. Sementara itu, pendapatan bersih daripada perniagaan insurans dan takaful menyaksikan peningkatan menggalakkan berikutan pembayaran manfaat dan tuntutan bersih yang rendah, perbelanjaan fi dan komisen bersih juga rendah serta pengurangan perbelanjaan liabiliti yang ditanggung.

- Pertumbuhan pendapatan berasaskan dana bersih kami sebanyak 8.4% turut menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan bersih Kumpulan, khususnya oleh kenaikan kukuh daripada pertumbuhan pendapatan berasaskan dana bersih Perbankan Islam sebanyak 37.2%. Perkembangan ini selari dengan pertumbuhan pembiayaan (termasuk pembiayaan Islam) kasar Kumpulan sebanyak 14.0% T-ke-T.
- Perbelanjaan overhead berkembang 8.4% selari dengan pelan pertumbuhan perniagaan dan pengembangan Kumpulan. Peningkatan ini khususnya disumbangkan oleh peningkatan kos operasi yang naik 18%, perbelanjaan pemasaran yang tinggi sebanyak 13% dan kos kakitangan yang meningkat 5% atau RM235 juta. Akibat perbelanjaan berkembang pada kadar yang perlahan berbanding pertumbuhan pendapatan, Kumpulan mampu mengurangkan nisbah kos berbanding pendapatan daripada 48.6% pada TK2012 kepada 47.8% pada TK2013.
- Pertumbuhan pembiayaan yang tinggi telah meningkatkan perbelanjaan rosot nilai sebanyak 10.4% terutamanya disebabkan oleh kutipan elaun yang tinggi berikutan asas pembiayaan yang besar, tetapi telah dikurangkan oleh kemasukan semula elaun rosot nilai dalam segmen korporat. Liputan kerugian pembiayaan Kumpulan turut diperkukuhkan kepada 107.5% daripada 105.6% pada TK2012.
- Kualiti aset terus ditingkatkan dengan nisbah pembiayaan rosot nilai bersih mencatat sebanyak 0.95% daripada 1.09% setahun yang lalu.
- Pendapatan sesaham meningkat 4.3% kepada 75.8 sen berbanding 72.7 sen pada TK2012.
- Lembaga Pengarah telah mencadangkan dividen akhir sebanyak 31 sen (dividen tahap tunggal) yang terdiri daripada bahagian tunai sebanyak 4 sen dan sebahagian lagi yang boleh dipilih iaitu 27 sen.
- Jumlah dividen tahap tunggal bagi tahun yang dikaji adalah sebanyak 53.5 sen sesaham. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai dividen ini, sila rujuk muka surat Saham Maybank dalam Laporan Tahunan ini.

ULASAN PERNIAGAAN

Pendapatan mengikut perniagaan

(RM' juta)	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)	T-ke-T
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	7,318	6,871	6.5%
Perbankan Korporat	2,270	2,301	-1.3%
Pasaran Global	1,696	1,711	-0.9%
Perbankan Pelaburan	1,536	1,279	20.1%
Perbankan Antarabangsa	5,330	5,137	3.8%
Insurans, Takaful & Pengurusan Aset	1,552	1,403	10.6%

PBT mengikut segmen perniagaan


(RM' juta)	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)	T-ke-T
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	3,224	3,024	6.6%
Perbankan Korporat	1,614	1,989	-18.9%
Pasaran Global	1,397	1,474	-5.2%
Perbankan Pelaburan	462	346	33.4%
Perbankan Antarabangsa	2,537	2,294	10.6%
Insurans, Takaful & Pengurusan Aset	800	698	14.6%

ULASAN KEWANGAN KUMPULAN

- Pada TK2013, semua segmen perniagaan Kumpulan telah mencatatkan pertumbuhan pendapatan yang positif manakala hampir semua segmen perniagaan mencatatkan PBT yang tinggi.
- Pendapatan dan PBT Sektor CFS Kumpulan masing-masing berkembang sebanyak 6.5% dan 6.6%. Peningkatan PBT didorong oleh peningkatan dalam pendapatan faedah bersih dan pendapatan Perbankan Islam akibat pertumbuhan pembiayaan yang kukuh dalam bidang PKS, unit amanah dan pembiayaan automotif serta pendapatan bukan faedah yang lebih tinggi.
- Perbankan Global, yang terdiri daripada tiga unit – Perbankan Korporat, Pasaran Global dan Perbankan Pelaburan merekodkan penurunan PBT, terutamanya oleh Perbankan Korporat yang mencatatkan peningkatan dalam elaun rosot nilai bagi pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan serta pendapatan bukan faedah yang lebih rendah. PBT Pasaran Global turut berkurangan disebabkan oleh pendapatan bukan faedah yang lebih rendah daripada aktiviti perdagangan, kerugian rosot nilai yang lebih tinggi atas pelaburan kewangan dan perbelanjaan overhead yang lebih tinggi. Bagaimanapun, sumbangan yang rendah daripada Perbankan Korporat dan Pasaran Global ini diimbangi oleh peningkatan 33.5% dalam PBT Perbankan Pelaburan yang disebabkan oleh pendapatan daripada pembrokeran dan taja jamin yang tinggi.
- Sementara itu, operasi perbankan antarabangsa kami mencatatkan peningkatan perolehan dan PBT masing-masing sebanyak 3.8% dan 10.6%. Kenaikan PBT ini adalah berikutan sumbangan yang tinggi daripada BII dan pendapatan faedah bersih yang menggalakkan daripada pertumbuhan pinjaman sebanyak 17.6% dari Wilayah Besar China (40.5%), Maybank International Labuan Limited (31.8%), Singapura (13.6%) dan BII (27.9%).
- Insurans, Takaful & Pengurusan Aset mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.6% dan 14.6% dalam pendapatan dan PBT, khususnya menerusi pendapatan bersih yang lebih tinggi daripada perniagaan insurans, yang menyaksikan peningkatan dalam perniagaan am, prestasi taja jamin dan pulangan daripada pelaburan ekuiti yang memuaskan.


Komposisi perolehan dan PBT Kumpulan mengikut segmen perniagaan

TK2013




- Perolehan Kumpulan merangkumi 37.1% daripada Perkhidmatan Kewangan Komuniti, 27.9% daripada Perbankan Global (yang terdiri daripada Perbankan Korporat, Pemasaran Global dan Perbankan Pelaburan), 27.1% daripada Perbankan Antarabangsa dan 7.9% daripada Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset.
- PBT Kumpulan pula merangkumi 32.1% daripada Perkhidmatan Kewangan Komuniti, 34.6% daripada Perbankan Global (yang terdiri daripada Perbankan Korporat, Pemasaran Global dan Perbankan Pelaburan), 25.3% daripada Perbankan Antarabangsa dan 8.0% daripada Insurans, Takaful dan Pengurusan Aset.

Perolehan Kumpulan mengikut Geografi



PBT Kumpulan mengikut Geografi



- Operasi domestik merangkumi 65.6% daripada pendapatan Kumpulan dan 69.7% PBT pada TK2013. Operasi luar negara pula meliputi baki pendapatan dan PBT Kumpulan, masing-masing sebanyak 34.4% dan 30.3%.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

- Jumlah aset Kumpulan meningkat sebanyak RM65.5 bilion atau 13.2% kepada RM560.4 bilion sehingga 31 Disember 2013 berbanding RM494.9 bilion pada 31 Disember 2012. Pertumbuhan aset yang kukuh ini disumbangkan oleh pertumbuhan yang tinggi dalam pinjaman, pendahuluan dan pembiayaan, sekuriti bank dan tunai serta dana jangka pendek.
- Jumlah pinjaman kasar Kumpulan berkembang RM44.5 bilion atau 14.0% T-ke-T kepada RM361.8 bilion berbanding RM317.3 bilion bersandarkan kepada pertumbuhan pinjaman yang kukuh di Malaysia, Indonesia, Singapura, Wilayah Besar China dan Luar Pesisir Labuan, yang merupakan antara lain-lain pasaran antarabangsa.
- Deposit daripada pelanggan berkembang sebanyak RM48.4 bilion atau 14.0% kepada RM395.6 bilion berbanding RM347.2 bilion dalam tahun sebelumnya yang disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh daripada tiga pasaran utama.
- Memandangkan pertumbuhan yang sama dialami masing-masing bagi pinjaman dan deposit, nisbah pinjaman kepada deposit Kumpulan hanya naik sedikit kepada 89.9% pada Disember 2013 daripada 89.8% dalam tahun sebelumnya.
- Dana pemegang saham sebelum diambil kira pegangan di luar kawalan mencatatkan pertumbuhan sebanyak RM 3.9 bilion atau 9.3% T-ke-T kepada RM46.0 bilion berbanding RM42.1 bilion. Penyumbang kepada peningkatan dana pemegang saham adalah terbitan saham biasa baru Bank dalam TK2013 menerusi Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP).

Pertumbuhan pesat pinjaman di kesemua segmen dan pasaran utama

Pinjaman Kasar Kumpulan dalam RM' bilion	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)	T-ke-T
Malaysia[^] (RM' bilion)	223.6	199.8	11.9%
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	151.9	135.4	12.2%
Perbankan Global	71.7	64.5	11.2%
Singapura (SGD' bilion)	31.0	27.3	13.6%
Konsumer	10.6	9.6	10.0%
Komersial	20.4	17.6	15.6%
Indonesia (Rp' trilion)	103.7	81.1	27.9%
Konsumer	36.6	27.9	31.5%
Bukan-konsumer	67.1	53.3	25.9%
Lain-lain	26.3	20.6	27.7%
Pinjaman Kasar Kumpulan[^] (RM' bilion)	361.8	317.3	14.0%

[^] Termasuk pembiayaan Islam dijual kepada Cagamas dan tidak termasuk kepentingan yang dilupuskan

- Pinjaman kasar Kumpulan meningkat sebanyak RM44.5 bilion atau 14.0% kepada RM361.8 bilion pada 31 Disember 2013, berbanding RM317.3 bilion yang dicatatkan dalam tahun sebelumnya. Pinjaman daripada operasi antarabangsa berkembang 17.6%, melebihi pertumbuhan pinjaman domestik sebanyak 11.9%. Daripada portfolio antarabangsa ini, Indonesia mencatatkan pertumbuhan pinjaman sebanyak 27.9% manakala Maybank Singapura mencatatkan pertumbuhan pinjaman sebanyak 13.6%. Pinjaman antarabangsa merangkumi 37.9% daripada jumlah pinjaman kasar Kumpulan pada akhir TK2013.

Pinjaman Domestic dalam RM' bilion	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)	T-ke-T
Perkhidmatan Kewangan Komuniti	151.9	135.4	12.2%
Konsumer	121.9	108.3	12.7%
Jumlah Gadaai Janji	53.8	48.5	11.0%
Pembiayaan Automotif	35.0	31.2	12.0%
Kad Kredit	5.6	5.4	3.6%
Unit Amanah	26.3	21.9	20.5%
Pinjaman Runcit lain	1.3	1.3	-1.6%
Perbankan Perniagaan dan PKS	29.9	27.1	10.4%
PKS	6.0	4.9	23.1%
Perbankan Perniagaan	23.9	22.2	7.6%
Perbankan Global (Korporat)	71.7	64.5	11.2%
Jumlah Domestik	223.6	199.8	11.9%

- Di Malaysia, pinjaman kami berkembang sebanyak 11.9% yang didorong oleh pertumbuhan pinjaman yang kukuh dalam segmen konsumer, PKS dan perbankan perniagaan serta perbankan global. Pertumbuhan pinjaman domestik pula melebihi pertumbuhan dalam industri iaitu sebanyak 10.6% sepanjang 2013.
- Pinjaman gadaai janji perumahan, yang merangkumi 44.1% daripada pinjaman konsumer domestik, meningkat 11.0% berikutan pelaksanaan beberapa inisiatif oleh CFS, termasuk memperhebatkan promosi menambah nilai pinjaman dan pengubahsuaian dan kempen yang disasarkan kepada pasaran kedua bagi mempercepatkan pertumbuhan pinjaman.
- Walaupun CFS memilih-pilih dalam menjana pertumbuhan pembelian sewa beli, pembiayaan automotif berkembang 12.0%, melebihi pertumbuhan dalam industri 7.1% kerana pelanggan Maybank ditawarkan dengan perkhidmatan pakej produk sewa beli bersepadu. Penguasaan pasaran pembiayaan automotif kami terus mengukuh kepada 21.5% sehingga Disember 2013 berbanding 20.5% pada 31 Disember 2012.

- Pinjaman perbankan perniagaan dan segmen PKS berkembang 10.4%, berikutan pemulihan operasi dan usaha mempergiatkan pertumbuhan strategi. Sebagai contoh, tumpuan terhadap segmen Perbankan Perniagaan pada 2013 disasarkan kepada segmen pasaran yang tepat dan mempertajamkan tumpuan dalam industri. CFS juga mengelakkan bidang berisiko tinggi dan mengukuhkan disiplin kreditnya dengan 93% daripada pinjaman diperolehi daripada kategori risiko rendah hingga ke sederhana. CFS menerajui pasaran pinjaman perniagaan enterpris dengan penguasaan pasaran sebanyak 17.8%.


Deposit Kasar Kumpulan dalam RM' bilion	TK2013	TK2012 (Dinyatakan semula)	T-ke-T
Malaysia (RM' bilion)	259.1	227.3	14.0%
Deposit Simpanan	37.6	35.5	5.7%
Akaun Semasa	65.8	56.9	15.8%
Deposit Tetap	138.3	114.6	20.7%
Lain-lain	15.9	18.2	(12.7%)
Singapura (SGD' bilion)	34.0	29.9	13.7%
Deposit Simpanan	4.1	3.3	26.1%
Akaun Semasa	4.7	2.9	58.4%
Deposit Tetap	24.7	23.1	7.1%
Lain-lain	0.5	0.6	(18.5%)
Indonesia (Rp' trilion)	107.5	86.1	24.8%
Deposit Simpanan	24.7	18.8	31.3%
Akaun Semasa	17.7	14.7	20.5%
Deposit Tetap	65.1	52.6	23.7%
Deposit Kasar Kumpulan (RM' bilion)	395.6	347.2	14.0%

- Deposit pelanggan Kumpulan meningkat 14.0% kepada RM395.6 bilion pada akhir TK2013. Pertumbuhan deposit operasi domestik meningkat 14.0%, manakala operasi Singapura dan Indonesia masing-masing mencatatkan pertumbuhan sebanyak 13.7% dan 24.8%.
- Di Malaysia, pertumbuhan deposit domestik diterajui oleh pertumbuhan deposit tetap sebanyak 20.7%, apabila CFS memperkenalkan beberapa kempen deposit tetap dan Kempen bertema CASA secara bertaktik berasaskan keperluan segmen. Inisiatif-inisiatif lain yang membantu mendorong asas deposit domestik adalah pengenalan Akaun Premier 1 oleh Maybank ASPIRE yang disasarkan kepada segmen Pelanggan Kaya.
- Di Singapura, pertumbuhan kukuh diperolehi daripada CASA (Akaun Semasa Akaun Simpanan) manakala semua akaun deposit dalam operasi di Indonesia mencatat pertumbuhan dengan deposit simpanan, akaun semasa dan deposit tetap masing-masing meningkat 31.3%, 20.5% dan 23.7%.
- Nisbah pinjaman berbanding deposit bagi Kumpulan meningkat sedikit sebanyak 10 mata asas kepada 89.9% sehingga Disember 2013 berbanding 89.8% tahun sebelumnya, tetapi masih dalam penetapan Kumpulan sebanyak 90%.
- Kumpulan terus memberi keutamaan terhadap dana berkos rendah menerusi pelbagai strategi, dan ini memberi kesan kepada nisbah CASA meningkat 36.1% pada Disember 2013 berbanding 35.1% pada Disember 2012.

ULASAN KEWANGAN KUMPULAN

Kualiti aset bertambah baik

Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar & Rosot Nilai Pinjaman Bersih




- Kualiti aset terus meningkat dengan nisbah rosot nilai pinjaman bersih Kumpulan terus turun kepada 0.95% pada Disember 2013 daripada 1.09% pada Disember 2012. Perkembangan ini menunjukkan Kumpulan berhati-hati dalam pemberian kredit dan menguruskan kualiti aset secara aktif. Kadar pelupusan kredit bersih Kumpulan berada pada 23 mata asas sepanjang tahun berkenaan.
- Liputan kerugian pinjaman bertambah baik kepada 107.5% berbanding 105.6% setahun sebelumnya.

Kecukupan modal terus kukuh

- Nisbah kecukupan modal Kumpulan yang terdiri daripada Nisbah Modal CET 1, Nisbah Modal Tahap 1 dan Jumlah Nisbah Modal masing-masing kekal kukuh pada 11.25%, 13.06% dan 15.66%. Nisbah kecukupan modal dikira selaras dengan garis panduan terkini Rangka Kerja Kecukupan Modal (Komponen Modal) dan Rangka Kerja Kecukupan Modal (Basel II – Aset Berwajaran Risiko) yang diterbitkan oleh BNM pada 28 November 2012.
- Kami terus berusaha untuk mengekalkan tahap kecukupan modal dan gabungan optimum komponen modal yang berbeza bagi memastikan sokongan mencukupi bagi risiko perniagaan Kumpulan. Ini akan membantu mengoptimumkan pertumbuhan dan untuk mengekalkan daya tahan keperluan modal dalam apa jua keadaan persekitaran pasaran.

Nisbah Modal




- Sebelum dividen dicadangkan
- Selepas dividen dicadangkan, dengan menganggarkan kadar pelaburan semula 85%
- Selepas dividen dicadangkan apabila tiada penarikan balik bertulis dibuat, potongan dividen yang dicadangkan adalah berdasarkan kepada purata kadar pelaburan semula selama tiga tahun sebelumnya. Ini tertakluk kepada jumlah bahagian dipilih tidak lebih daripada 50% daripada dividen, selari dengan pelaksanaan Rangka Kerja Garis Panduan Kecukupan Modal (Komponen Modal) yang diterbitkan oleh BNM pada 8 Mei 2013

BERAZAM UNTUK MEMBERI GANJARAN KEPADA PEMEGANG SAHAM

- Dividen tahap tunggal akhir iaitu 31 sen sebanyak 8,862,079,081 saham biasa RM1.00 sesaham, melibatkan jumlah dividen bersih yang dibayar sebanyak RM2.75 bilion telah dicadangkan oleh Lembaga Pengarah untuk diagihkan kepada pemegang-pemegang saham yang layak. Cadangan dividen tahap tunggal ini merangkumi bahagian tunai 4 sen sesaham biasa akan dibayar dalam bentuk tunai berjumlah RM354.48 juta dan bahagian boleh pilih iaitu 27 sen sesaham biasa berjumlah RM2.39 bilion.
- Jika diluluskan, jumlah dividen bersih bagi TK2013 iaitu 53.5 sen sesaham bersamaan dengan nisbah pembayaran sebanyak 71.9%, yang kekal di atas dasar pembayaran dividen Kumpulan iaitu antara 40-60%.

NISBAH PEMBAYARAN DIVIDEN & DIVIDEN KASAR



* Kadar pelaburan semula bagi Pelan Pelaburan Semula Dividen

KESIMPULAN

- Strategi pertumbuhan serantau Kumpulan telah membolehkan kami untuk mencapai satu lagi tahun rekod keuntungan pada TK2013 sambil memastikan operasi Malaysia mengekalkan pertumbuhan.
- Maybank akan terus menggunakan pendekatan berdisiplin dalam amalan pengurusan kos dan memfokuskan terhadap peningkatan kecekapan di seluruh Kumpulan, terutamanya dengan pelaksanaan struktur efektif organisasi berpusatkan serantau pada TK2014.
- Bagi TK2014, kami akan berusaha untuk memperkukuhkan penguasaan kami dalam segmen yang menguntungkan dalam negara sambil menjana pulangan yang lebih baik daripada operasi antarabangsa. Sasaran kami dalam adalah seperti berikut:
 - Pulangan atas Ekuiti 15%
 - Pertumbuhan Pembiayaan Kumpulan 13%
 - Pertumbuhan Pembiayaan Malaysia 12%
 - Pertumbuhan Pembiayaan Singapura 13%
 - Pertumbuhan Pembiayaan Indonesia 17% - 20%
 - Pertumbuhan Deposit Kumpulan 13%
- Kami akan turut mengoptimumkan modal dalam semua sektor, memberi tumpuan kepada aset berkualiti tinggi dan mengukuhkan peletakan harga berasaskan risiko dalam keseluruhan produk dan segmen utama.

ULASAN EKONOMI & INDUSTRI PERBANKAN

Tahun 2013 menyaksikan dua tempoh setengah tahun yang amat berbeza dalam ekonomi dunia. Separuh pertama merupakan tempoh yang lemah selari dengan pertumbuhan di Amerika Syarikat (AS) yang menurun akibat tekanan fiskal, zon Eropah yang tidak berkembang dan ekonomi China yang perlahan. Ekonomi dalam separuh kedua pula lebih baik berikutan pemulihan di AS, kemelesetan yang berkurangkan di zon Eropah, ekonomi China pula semakin stabil dan ekonomi Jepun yang meningkat berikutan langkah rangsangan. Sehubungan ini, pertumbuhan sebenar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dunia menjadi stabil pada 3.1% (2012: 3.2%). Bagaimanapun, pasaran kewangan dan matawang pula turun naik sepanjang 2013. Di sebalik persekitaran luaran yang tidak kukuh dan pasaran kewangan tidak menentu, pasaran utama Kumpulan iaitu Malaysia, Singapura dan Indonesia mengekalkan momentum pertumbuhan yang positif.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia berkembang secara sederhana kepada 4.7% (2012: 5.6%) apabila permintaan domestik yang kukuh berjaya mengimbangi eksport yang lemah dan harga komoditi yang rendah, terutamanya dalam separuh pertama pada 2013. Momentum pertumbuhan dalam perbelanjaan pengguna, pelaburan dan pelaburan kerajaan bertahan menerusi dasar kewangan yang menyokong, rangsangan fiskal yang tepat dan pelaksanaan projek infrastruktur serta pelaburan utama di bawah Program Transformasi Ekonomi, Koridor Pembangunan Serantau dan program perbelanjaan modal Petronas.

Ekonomi Singapura pula meningkat kepada 4.1% (2012: 1.9%) apabila pertumbuhan GDP sebenar meningkat selepas suku pertama yang lemah pada 2013, selari dengan kedudukan ekonomi global yang semakin pulih setiap bulan. Eksport juga semakin baik dan ini memanfaatkan ekonomi kerana akaun permintaan luaran bersih merangkumi hampir 30% daripada GDP. Pada masa yang sama, pertumbuhan perbelanjaan pengguna yang bertahan dan pemulihan dalam perbelanjaan Kerajaan telah mengimbangi penurunan dalam pelaburan modal tetap kasar. Ini khususnya berlaku apabila pasaran hartanah yang melibatkan aktiviti pembinaan tidak berkembang.

Malaysia: KDNK Mengikut Permintaan dan Sektor	Pertumbuhan (%)	
	2012	2013
KDNK Benar	5.6	4.7
Mengikut Permintaan		
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	7.7	7.6
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	5.1	6.3
Pembentukan Modal Tetap Kasar	19.9	8.2
Eksport Barangan & Perkhidmatan	(0.1)	(0.3)
Import Barangan & Perkhidmatan	4.7	1.9
Mengikut Sektor		
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	1.0	2.1
Perlombongan & Kuari	1.4	0.5
Perkilangan	4.8	3.4
Pembinaan	18.1	10.9
Perkhidmatan	6.4	5.9

Sumber: Jabatan Statistik

Singapura: KDNK Mengikut Permintaan dan Sektor	Pertumbuhan (%)	
	2012	2013
KDNK Benar	1.9	4.1
Mengikut Permintaan		
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	4.1	2.7
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	(1.9)	11.2
Pembentukan Modal Tetap Kasar	8.7	(2.6)
Eksport Barangan & Perkhidmatan	1.4	3.6
Import Barangan & Perkhidmatan	4.0	3.0
Mengikut Sektor		
Perkilangan	0.3	1.7
Pembinaan	8.6	5.9
Perkhidmatan	2.0	5.3

Sumber: CEIC

ULASAN EKONOMI & INDUSTRI PERBANKAN

Pengembangan KDNK sebenar Indonesia berkurangan kepada 5.8% (2012: 6.3%) apabila dasar kewangan dan fiskal diketatkan untuk menangani ‘defisit kembar’, menstabilkan matawang yang menurun hampir 15% berbanding dolar AS, dan mengekalkan keyakinan dalam asas ekonomi makro dan pengurusan negara. Dasar kewangan dan fiskal yang ketat termasuk kenaikan terkumpul tanda aras kadar faedah sebanyak 150 mata asas dan potongan subsidi harga minyak sebanyak 44%.

Indonesia: KDNK Mengikut Permintaan dan Sektor	Pertumbuhan (%)	
	2012	2013
KDNK Benar	6.3	5.8
Mengikut Permintaan		
Perbelanjaan Penggunaan Swasta	5.3	5.3
Perbelanjaan Penggunaan Kerajaan	1.3	4.9
Pembentukan Modal Tetap Kasar	9.7	4.7
Eksport Barangan & Perkhidmatan	2.0	5.3
Import Barangan & Perkhidmatan	6.7	1.2
Mengikut Sektor		
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	4.2	3.5
Perlombongan & Kuari	1.6	1.3
Perkilangan	5.7	5.6
Elektrik, Gas dan Bekalan Air	6.2	5.6
Pembinaan	7.4	6.6
Perkhidmatan	5.2	5.5

Sumber: CEIC

TINJAUAN TAHUN 2014

Pertumbuhan ekonomi global pada 2014 dijangka meningkat kepada 3.5%. Pertumbuhan ini akan didorong oleh pengembangan serentak yang pertama kali di alami di AS, Eropah dan Jepun sejak 2011 dan juga pertumbuhan ekonomi China yang semakin stabil selepas berlaku kejatuhan sebelumnya. Perkembangan ini memberi kesan positif terhadap ekonomi Asia yang berorientasikan eksport.

Ekonomi Malaysia pula dijangka berkembang sebanyak 5.0% pada 2014 (2013: 4.7%) didorong oleh pemulihan dalam permintaan luaran, sekali gus membantu mengatasi beberapa kelemahan dalam permintaan domestik, khususnya perbelanjaan pengguna dan kerajaan sehubungan langkah reformasi fiskal seperti rasionalisasi subsidi. Bagaimanapun, pelaburan akan terus menjadi komponen yang pesat berkembang dalam permintaan agregat.

Pertumbuhan KDNK sebenar Singapura dijangka meningkat kepada 3.7% pada 2014 (2013: 4.1%) apabila pertumbuhan ekonomi global yang dijangka pesat akan mengukuhkan permintaan luaran. Ini akan memberi manfaat kepada sektor berorientasikan eksport seperti perkhidmatan berkaitan pembuatan dan perdagangan. Ini akan membantu mengurangkan tekanan unjuran lemah dalam sektor pasaran hartanah dan pembinaan.

Pertumbuhan Indonesia pula dijangka akan bertahan pada 5.6% (2013: 5.8%) disebabkan oleh persekitaran kewangan yang stabil, didorong oleh jangkaan penanda aras kadar faedah dan tukaran asing yang kekal tidak berubah, selain penormalan kadar inflasi selepas meningkat pada 2013. Keadaan ini seharusnya memberi manfaat kepada perbelanjaan pengguna dan pelaburan. Pertumbuhan Indonesia juga akan didorong oleh kenaikan dalam perbelanjaan kerajaan menjelang pilihan raya Parlimen dan Presiden dalam suku kedua 2014.

KDNK Benar Global			
% perubahan	2012	2013	2014 ^E
Dunia	3.2	3.1	3.5
Negara Maju			
US	1.5	1.1	2.1
Zon Eropah	2.8	1.9	2.5
Jepun	(0.6)	(0.4)	1.0
UK	1.5	1.6	1.6
	0.3	1.9	2.2
BRIC			
Brazil	4.4	4.2	4.4
Russia	1.0	2.4	2.5
India	3.6	1.9	2.6
China	5.1	4.9	5.0
	7.7	7.7	7.5
Asian NIE			
Korea Selatan	1.8	3.0	3.6
Taiwan	2.1	2.8	3.6
Hong Kong	1.5	2.1	3.5
Singapura	1.5	3.0	3.8
	1.9	4.1	3.7
ASEAN-5			
Indonesia	6.2	5.2	5.3
Thailand	6.3	5.8	5.6
Malaysia	6.8	2.9	3.3
Filipina	5.6	4.7	5.0
Vietnam	6.8	7.2	6.8
	5.2	5.3	5.6
Asia kecuali Jepun			
	6.4	6.3	6.4
jumlah Perdagangan Dunia			
	2.7	2.7	4.6

Sumber: IMF, Konsensus, Maybank-KE

SEMAKAN SEKTOR PERBANKAN 2013

Pada 2013, pembiayaan sektor perbankan berkembang pada kadar 10.6% T-ke-T, mengekalkan kadar pertumbuhan 10.4% pada 2012. Pertumbuhan pinjaman isi rumah kekal kukuh pada 12.0% pada 2013 berbanding 11.4% pada 2012 dan pinjaman isi rumah ini merangkumi 56% daripada jumlah pinjaman industri sehingga akhir 2013. Pertumbuhan bukan isi rumah pula turun daripada 9.1% pada akhir 2012 kepada 5.8% sehingga Jun 2013, tetapi perlahan-lahan mengumpulkan momentum untuk mengakhiri tahun dengan kenaikan 8.9%, kurang sedikit berbanding setahun yang lalu.


Dalam segmen pengguna, permintaan pinjaman hartanah kediaman berkembang dengan kadar yang pesat sebanyak 13.5% pada 2013 dan menyumbang 28% kepada jumlah pinjaman pada tahun ini. Pinjaman automotif yang merupakan 12% daripada jumlah pinjaman, menyaksikan pertumbuhan sederhana daripada tahap tertinggi 9% T-ke-T pada April 2013 kepada 6.6% pada Disember 2013. Pertumbuhan pinjaman peribadi juga berkurangan apabila ia meningkat hanya 4.6% T-ke-T pada 2013 berbanding 9.0% pada 2012 manakala pertumbuhan pinjaman kad kredit agak menggalakkan pada 5.4% pada 2013 daripada 1.8% pada 2012.

Terbitan sekuriti hutang swasta (PDS) mengakhiri tahun 2013 pada paras yang kukuh apabila mencatatkan nilai terbitan sebanyak RM20.7 bilion pada hanya Disember 2013, jauh melepasi purata bulanan sebanyak RM6 bilion sepanjang 11 bulan sebelumnya. Dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM84 bilion, 2013 menyaksikan terbitan PDS mencatatkan paras kedua tertinggi dalam tempoh lapan tahun, berbanding RM121 bilion yang dicatat pada 2012.

Mudah tunai telah dikawal ketat pada 2013 tetapi kekal selesa dengan nisbah pinjaman berbanding deposit dalam industri meningkat daripada 82.1% pada akhir Disember 2012 kepada 84.6% akhir Disember 2013. Berbanding pertumbuhan jumlah deposit sebanyak 8.5% sepanjang tahun, deposit Akaun Semasa dan Simpanan (CASA) naik pada kadar yang menggalakkan sebanyak 10.7% T-ke-T dan merangkumi 26.5% daripada jumlah deposit sehingga akhir 2013.

Kualiti aset kekal tidak terjejas dengan nisbah rosot nilai pinjaman kasar industri turun kepada hanya 1.85% pada akhir Disember 2013, selepas berada pada sekitar 2% sepanjang tahun yang dikaji. Liputan kerugian pinjaman pula menggalakkan sebanyak 107.6%. Nisbah modal kekal kukuh dengan nisbah Tahap-1 Ekuiti Biasa dalam industri berada pada 12.0%, nisbah modal teras sebanyak 12.8% dan nisbah modal berlawanan risiko pada 14.3%.

Malaysia: Pertumbuhan Pinjaman Kasar Industri



UNJURAN SEKTOR PERBANKAN – MALAYSIA 2014

Momentum ekonomi dijangka kekal stabil pada tahun ini. Persekitaran operasi sistem perbankan bagaimanapun kekal mencabar kerana pertumbuhan pinjaman industri dijangka menyederhana, manakala tekanan margin faedah bersih, berterusan.


Permintaan pelanggan dijangka perlahan disebabkan oleh sekatan hartanah yang dikuatkuasakan awal tahun ini dan juga tekanan inflasi yang tinggi. Pinjaman isi rumah bagaimanapun dijangka menyederhana pada 2014.

Namun, masih ada faktor positif kerana Program Transformasi Ekonomi (ETP) terus menawarkan sokongan yang diperlukan bagi menggerakkan aktiviti sektor korporat. Projek yang sedia dilaksanakan di bawah ETP berjumlah RM224 bilion dan daripada jumlah ini hanya RM40 bilion telah dilaksanakan sehingga akhir September 2013. Tambahan lagi, terdapat banyak kerja-kerja yang sedang dilaksanakan untuk mengekalkan aliran pertumbuhan pinjaman perniagaan dan juga aktiviti dalam pasaran modal tahun ini. Sehubungan itu, pertumbuhan pinjaman perniagaan seharusnya mengumpulkan kekuatan untuk mengimbangi kelembapan dalam sektor isi rumah.

Cabaran-cabaran lain tahun ini termasuk mengekalkan margin berikutan terus wujudnya persaingan antara aset dan liabiliti. Selain itu, penggantian penyata gadai janji yang lama dengan gadai janji baru dengan kadar yang lebih rendah, telah mengurangkan hasil pinjaman, walaupun kadar penurunannya perlahan pada 2013.

Tahun 2013 turut menyaksikan wujudnya tekanan dalam kualiti aset bagi sektor korporat tetapi kes seumpama ini adalah terencil dan tidak menimbulkan risiko sistemik dalam sistem perbankan. Kualiti aset kekal kukuh dalam segmen pengguna walaupun perlu berhati-hati berikutan kos hidup yang meningkat. Sementara itu, kos kredit dijangka menjadi normal memandangkan kadar pemulihan telah berkurangan.

Malaysia: Kualiti Aset Industri



PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI



“TK2013 telah memperlihatkan kemajuan yang baik dalam perjalanan transformasi kami ke arah mencapai aspirasi tahun 2015. Kami mengekalkan momentum prestasi kami dengan mencatatkan pertumbuhan dua angka yang menakjubkan dalam portfolio perniagaan utama kami. Dengan kepercayaan dan semangat untuk berkembang secara bertanggungjawab, kami telah memperkukuhkan lagi hasrat strategik kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia.”

DATUK LIM HONG TAT

Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS)

TINJAUAN 2014

Kami berada pada kedudukan yang baik untuk mengambil faedah daripada peluang-peluang yang wujud daripada unjuran pertumbuhan ekonomi negara yang kukuh sebanyak 5%. Di sebalik persaingan yang semakin sengit dalam pasaran dengan margin kadar faedah bersih dan kos overhead meningkat, tumpuan utama kami pada tahun 2014 adalah kekal mengukuhkan pertumbuhan pinjaman dan deposit kami. Dengan pertumbuhan perniagaan yang tinggi sebanyak dua digit dan laluan-laluan pertumbuhan keuntungan, tumpuan utama kami adalah untuk menambah baik keuntungan, produktiviti, kos dan pengurusan risiko. Kami kekal yakin dan optimistik terhadap pasaran kami dan juga jelas tentang keutamaan strategik dan rancangan-rancangan kami ketika menangani cabaran dalam jangka masa terdekat.

KEUTAMAAN KAMI PADA TAHUN 2014

- Memasukkan strategi berasaskan segmen dalam semua produk/terusan.
- Perhebatkan pulangan asas dan hasil yang digerakkan oleh usaha mengimbangi semula portfolio.
- Menginstitusikan Program Pengurusan Kos Strategik dan melaksanakan Kecemerlangan Operasi di semua barisan perniagaan.
- Meningkatkan inisiatif-inisiatif Program Transformasi IT (ITTP) untuk membina daya saing jangka panjang.
- Mempercepatkan pelaksanaan di kawasan-kawasan yang akan diterokai di peringkat serantau.




SOROTAN PENCAPAIAN TAHUN 2013

- Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM3.23 bilion dan perolehan sebanyak RM 7.32 bilion bagi TK2013.
- Pinjaman dan deposit tumbuh sebanyak dua angka, kepada 12% setiap satu.
- PKS menyumbang kepada pertumbuhan ketara dengan pertumbuhan pinjaman sebanyak 23.1% dan deposit sebanyak 18.2%.
- Kualiti aset yang baik dan kejatuhan nisbah rosot nilai pinjaman kasar (GIL) daripada 2.4% dari bulan Disember 2012 kepada 1.9% pada bulan Disember 2013 manakala nisbah GIL bertambah baik daripada 0.7% pada bulan Disember 2012 kepada 0.5% pada bulan Disember 2013.

ULASAN

Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS) merangkumi serangkaian luas produk dan perkhidmatan dalam segmen konsumer, PKS dan Perbankan Perniagaan (BB). Kami merupakan pemimpin dalam pasaran dan dipandu oleh kedudukan kompetitif yang kukuh dalam produk utama. Seiring dengan aspirasi kami menjelang tahun 2015, kami telah menetapkan sasaran untuk menangani cabaran dalam jangka masa terdekat dalam persekitaran perniagaan yang berubah. Kami juga mahu meletakkan diri kami untuk merebut peluang-peluang yang timbul daripada arah aliran mega dalam angka panjang untuk mencapai visi kami menjadi penyedia perkhidmatan kewangan No.1 yang tidak mampu disaingi.


Kami meluaskan usaha di peringkat serantau dalam perniagaan-perniagaan rentas sempadan bernilai tinggi seperti kad, pengurusan kekayaan dan perbankan maya. Inisiatif-inisiatif ini membolehkan kami mengambil faedah daripada sinergi rentas sempadan dan meraih potensi penuh kami di peringkat serantau. Sasaran kami ialah untuk mengukuhkan kedudukan Maybank di perbankan peruncitan dan komersial melalui penjenamaan yang konsisten, penciptaan nilai, dan model kendalian di pasaran di mana kami beroperasi. Kami juga ingin meningkatkan amalan-amalan terbaik dan bekerjasama dalam inisiatif-inisiatif bagi meraih ekonomi bidangan yang lebih baik terhadap pelaburan kami dan mewujudkan nilai pemegang saham yang lebih besar.

Perolehan & Keuntungan Operasi CFS (RM' bilion)**Pinjaman CFS (RM' bilion)****Deposit CFS (RM' bilion)****PENCAPAIAN PENTING PADA TAHUN 2013**

Kami telah mengukuhkan model dan liputan bersegi yang mengakibatkan pelanggan berpendapatan tinggi kami (HNW) dan segmen Perbankan Mewah (TFA) mencatat pertumbuhan pelanggan dan aset kewangan keseluruhan, masing-masing sebanyak 15.6% dan 11.1%. Kami juga melancarkan Maybank ASPIRE - segmen jenama baharu yang menawarkan penyelesaian komprehensif secara pukal yang pertama bagi segmen pelanggan mewah. Bagi segmen massa, keuntungan kami bagi setiap pelanggan meningkat 4% disebabkan pelaksanaan penyelesaian MaybankOne kami.

Kami juga berada di landasan betul dalam inisiatif-inisiatif keserantau kami dan telah menubuhkan satu rangka kerja serantau bagi meningkatkan keupayaan sinergi rentas sempadan kami. Dalam soal inisiatif-inisiatif ITTP, kami mengembangkan pembangunan kami dalam inisiatif utama untuk menyokong berbilang saluran, ECRM dan penetapan harga dan strategi secara pukal.

RM' bilion	TK2012	TK2013	T-ke-T
Pinjaman Kasar CFS	135.4	151.9	12.2%
- Gadai janji	48.5	53.8	11.0%
- Kenderaan	31.2	35.0	12.0%
- Pinjaman Peruncitan	23.2	27.6	19.2%
- Kad & Pinjaman Tidak Berjamin	5.4	5.6	3.6%
- PKS & Perbankan Perniagaan yang mana:	27.1	29.9	10.4%
PKS	4.9	6.0	23.1%
BB	22.2	23.9	7.6%
Deposit CFS	154.7	172.9	11.8%
- Konsumer	98.4	107.5	9.3%
- PKS & BB	56.3	65.4	16.3%
Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar CFS	2.4%	1.9%	-0.5%
- Konsumer	0.7%	0.5%	-0.2%
- PKS & BB	9.4%	7.4%	-2.0%

Nisbah Rosot Nilai Pinjaman Kasar CFS

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI

KAJIAN PENCAPAIAN TAHAP 2013

2013 merupakan tahun yang mencabar untuk CFS disebabkan persaingan pasaran sengit dan juga pelaksanaan peraturan-peraturan Bank Negara Malaysia (BNM) yang menggalakkan pinjaman bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, kami terus mengekalkan momentum pertumbuhan seiring dengan aspirasi kami untuk menjadi Penyedia Perkhidmatan Kewangan Runcit No.1 yang tiada tandingan di Malaysia. Perolehan dan keuntungan kami terus mencatatkan pertumbuhan yang stabil dengan PBTnya sebanyak RM3.2 bilion dan perolehan pula RM7.3 bilion. Kami juga kekal sebagai penyumbang terbesar kepada Kumpulan Maybank.

Kami mampu mempertahankan pulangan yang diperoleh dengan mengimbangi semula portfolio. Di sebalik perubahan dasar BNM yang melibatkan pengurangan kadar yuran atau fi terutamanya bagi pembayaran elektronik, pendapatan kami hanya merosot pada kadar yang marginal sahaja.

Pertumbuhan PBT kami sebanyak 6.6% adalah hasil daripada inisiatif-inisiatif kami yang menyasarkan kepada segmen-segmen yang lebih menguntungkan, meningkatkan jualan silang dan usaha melakukan penjualan secara pukal dan lebih berhati-hati dengan penetapan harga berdasarkan risiko untuk memastikan pertumbuhan yang berkekalan. Di samping inisiatif-inisiatif ini, strategi-strategi pengurusan kos yang ketat bersama-sama dengan meningkatnya usaha untuk memacu produktiviti, telah membantu mendorong pertumbuhan PBT kami.

Kami kekal menerajui industri perkhidmatan kewangan dalam kebanyakan bidang yang penting, dengan pinjaman dan deposit masing-masing bertambah sebanyak 12.2% dan 11.8%, mengatasi pertumbuhan industri. Pertumbuhan pinjaman sebahagian besarnya disebabkan oleh pinjaman-pinjaman kereta (12.0%), kewangan runcit (19.2%), dan PKS (23.1%). Pertumbuhan deposit sebahagian besarnya digalakkan oleh pertumbuhan deposit PKS dan BB, masing-masing sebanyak 18.2% dan 11.0% dan juga deposit tetap runcit pada paras 10.8%.

Dalam mencapai pertumbuhan, kami juga mengukuhkan kualiti aset kami dengan nisbah rosot nilai pinjaman kasar (GIL) CFS bertambah baik daripada 2.4% pada tahun 2012 kepada 1.9% pada tahun 2013. Dengan mengamalkan budaya risiko yang betul, nisbah GIL bagi pinjaman pengguna sebanyak 0.5% merupakan kadar terendah dalam industri manakala segmen PKS dan BB kami telah mencatat aliran menurun dalam nisbah GIL sejak pengenalan 'Rumah Maybank' (House of Maybank) pada tahun 2012. Kejayaan menguruskan nisbah GIL kami adalah hasil daripada usaha mengukuhkan rangka kerja aset kredit berkualiti, menjalankan pencegahan proaktif dan aktiviti pemulihan serta memastikan asal atau bermulanya pinjaman yang berkualiti.

Pada masa yang sama, kami mengekalkan tumpuan kepada pengurusan kos dengan memenuhi keperluan para pelanggan secara lebih efisien tanpa mengabaikan peluang-peluang perniagaan baharu. Ini terbukti melalui nisbah kos kami berbanding pendapatan berada dalam aliran menurun kepada 50.6% apabila dibandingkan dengan 51.6% pada tahun sebelumnya.

PERBANKAN BERPENDAPATAN TINGGI (HNW) DAN MEWAH

- Kami mencapai pertumbuhan pelanggan sebanyak 13.3% untuk HNW dan 7.5% untuk segmen mewah.
- Pertumbuhan jumlah aset kewangan (TFA) bagi HNW dan segmen Perbankan Mewah, masing-masing sebanyak 15.6% dan 11.1%.
- Jumlah aset di bawah pengurusan (AUM) juga meningkat selari dengan pertumbuhan tahunannya sebanyak 25% hingga RM10.0 bilion.

Pada tahun 2013, kami meningkatkan tumpuan kepada strategi bersegi. Pelancaran Private Wealth (Kekayaan Persendirian) pada bulan November 2013 adalah bertujuan mengambil faedah daripada meningkatnya kehadiran bank dan keupayaan bersama perniagaannya untuk memberikan kepada individu yang sangat kaya (ultra-high) menikmati pengalaman perbankan yang tiada halangan di seluruh rantau ini. Sementara itu, pelancaran Premier Wealth pada bulan Januari 2014 untuk segmen HNW kami telah menyatupadukan premium perkhidmatan perbankan di Malaysia, Singapura dan Indonesia di bawah satu francais. Pelanggan HNW kini boleh menikmati pengiktirafan perkhidmatan serantau merentasi tiga buah negara ini. Perjalanan ke arah tumpuan pelanggan yang lebih besar dapat dilihat daripada kejayaan kami menangi lapan daripada sembilan kategori anugerah Perbankan Peribadi Terbaik Euromoney (Best Private Banking Awards Euromoney), bersama-sama anugerah-anugerah penting lain yang disenaraikan di muka surat 61.

Kami juga mengukuhkan penawaran nilai kepada pelanggan-pelanggan mewah melalui pelancaran Maybank ASPIRE pada bulan Jun 2013, yang menawarkan keistimewaan eksklusif kepada para pelanggan itu. Maybank ASPIRE ialah satu segmen jenama baharu yang menawarkan penyelesaian komprehensif secara pukal yang pertama bagi segmen pelanggan mewah dan memberikan ganjaran kepada pelanggan berdasarkan hubungan mereka dengan Bank. Produk ini mendapat sambutan yang tinggi dengan lebih kurang 20,000 pelanggan mendaftar dalam tempoh enam bulan pertamanya selepas pelancarannya. Inisiatif-inisiatif ini telah berjaya meningkatkan kadar manfaat daripada pelanggan kami melalui penetapan harga yang menarik bagi produk dan perkhidmatan. Pada pihak kami, inisiatif-inisiatif ini telah meningkatkan penghijrahan dan pelanggan kami dalam segmen di atas.

PEMBIAYAAN GADAI JANJI

- Pembiayaan gadai janji meningkat 11.0% kepada RM53.8 bilion.
- Pinjaman perumahan bertambah sebanyak 11.6% menjadikan baki belum jelas sebanyak RM40.0 bilion.
- Pinjaman rumah kedai meningkat 16.7% menjadikan baki belum jelas sebanyak RM8.8 bilion dan mengatasi pertumbuhan industri, dengan penguasaan pasaran sebanyak 14.5%.
- Nisbah GIL terus jatuh kepada 0.7%.
- Tempoh Pemprosesan (TAT) bertambah baik kepada 2.15 hari.

Pembiayaan gadai janji telah mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak dua angka bagi tahun keempat berturut-turut berikutan tumpuan berterusan terhadap usaha mengimbangi semula portfolio kami, memperhebatkan promosi pembiayaan dan pinjaman-pinjaman pengubahsuaian, dan kempen pasaran sekunder yang agresif untuk memacu pertumbuhan pinjaman. Selain itu, kami juga mengukuhkan program untuk mengekalkan pelanggan. Pada tahun kewangan, kami meluaskan pembiayaan gadai janji luar negara ke Sydney, Perth dan Singapura melalui pinjaman gadai janji luar negara kami.

Sementara itu, nisbah GIL gadai janji kami menurun kepada 0.7% berbanding 1.1% pada tahun sebelumnya hasil daripada strategi mengimbangi semula gadai janji kami. Strategi ini adalah bertujuan untuk menyasarkan hartanah dengan jajaran harga pada kualiti aset yang baik, segmen yang menguntungkan serta menumpukan kepada pinjaman bagi hartanah kedua untuk meningkatkan kualiti aset kami.

Pada bulan Disember 2012, kami telah melaksanakan proses pemberian kelulusan gadai janji secara berpusat melalui projek Pusat Pemprosesan Berpusat - Pemproses Perasalan. Pada tahun 2013, kami telah melaksanakan penambahbaikan yang seterusnya kepada proses-proses dengan menerima pakai 'Kecemerlangan Operasi'. Ini membantu kami mendapatkan TAT dalam masa tiga hari untuk kelulusan gadai janji dan merupakan pencapaian yang ketara sebanyak 84.6% dalam memenuhi TAT berbanding 70.9% pada tahun lalu.

PEMBIAYAAN KENDERAAN

- Pinjaman berkembang sebanyak 12.0% kepada RM35.0 bilion.
- GIL kekal pada 0.4% sejak tahun 2012, paras terendah dalam industri.
- Kami kekal Nombor 1 bagi Pembiayaan Kenderaan Islam, dan pembiaya tunggal bagi stok ruang pameran lantai (floorstocking) kenderaan dan pendiskauan secara blok berdasarkan Prinsip Islam.

Perniagaan sewa beli (HP) kami telah berjaya mengatasi pertumbuhan industri dengan penguasaan pasaran sebanyak 20.8%. Kami kekal bersikap berpilih-pilih dalam memberikan pembiayaan dan mengimbangi semula portfolio sewa beli serta menawarkan produk bersepadu secara pukal berdasarkan segmen pelanggan dan juga gaya hidup. Kami turut memperkenalkan program kesetiaan pelanggan dan ganjaran dalam usaha meningkatkan pengekalan pelanggan.

Kami seterusnya mengekalkan penembusan dalam segmen HNW dan segmen-segmen mewah melalui program yang menjuruskan kepada pelanggan. Kami telah membangunkan hubungan segmen dalam model penentuan harga. Ini dicapai dengan menawarkan pelan subsidi yang mempunyai kadar faedah khas dan membezakan pakej-pakej pembiayaan yang berbeza melalui kerjasama dengan pengedar-pengedar kami.

PEMBIAYAAN RUNCIT

- Pembiaya Unit Amanah No.1 di Malaysia dengan penguasaan pasaran sebanyak 56.1%.
- Pembiayaan pinjaman Unit Amanah bertambah 20.5%, dengan baki belum jelas sebanyak RM26.3 bilion.

Pada tahun 2013, kami telah mempelbagaikan produk kami dan memacu pertumbuhan portfolio yang memberi pulangan tinggi secara bertanggungjawab dan berhemat. Kami kekal kompetitif dalam tempoh masa pemprosesan pinjaman melalui proses secara terus atau 'Straight-through Process' (STP) bagi permohonan pinjaman unit amanah. Melalui inisiatif ini, kami menikmati produktiviti lebih tinggi dan meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan. Kami juga meluaskan pemberian pinjaman pendidikan dengan meliputi profesion terpilih dan/atau universiti, di samping mempertingkatkan pembiayaan bercagar disasarkan kepada HNW dan pelanggan mewah serta menyediakan produk pembiayaan kewangan mengikut keperluan pasaran ini.

PEMBIAYAAN KEWANGAN MIKRO

- Pertama kali dilancarkan pada bulan Disember 2012, sejumlah RM1.18 juta pembiayaan mikro telah dikeluarkan kepada 396 pelanggan sehingga bulan Disember 2013.
- Produk merupakan pinjaman berjangka tidak berjamin dengan jumlah pembiayaan yang ditawarkan sebanyak RM1,000.00 hingga RM10,000.00. Kini, terdapat sembilan buah cawangan menawarkan produk ini.

Pembiayaan mikro membolehkan kami memberikan satu program bantuan yang berdaya maju dan mampan kepada golongan miskin. Program ini juga menjadi satu manifestasi yang jelas terhadap aspirasi Maybank untuk menginsankan perkhidmatan kewangan dengan memenuhi keperluan asas segmen masyarakat yang kurang atau tidak menggunakan perkhidmatan perbankan dalam masyarakat. Selain mencapai pertumbuhan pinjaman, kami pada masa yang sama juga memenuhi kepuasan pelanggan melalui produk-produk dan perkhidmatan sedemikian. Dalam tahun 2014, Maybank merancang menawarkan produk ini di 21 buah cawangan lain.

KAD KREDIT

- No.1 bagi kad pelanggan, dengan 1.5 juta pemegang kad dan penguasaan pasaran saham 17.9%.
- No.1 bagi pengebilan, berkembang sebanyak 12.8% T-ke-T kepada RM30.7 bilion, dengan penguasaan pasaran sebanyak 27.3%.
- No.1 dalam jualan saudagar, meningkat 12.6% T-ke-T kepada RM36.6 bilion, dengan penguasaan pasaran sebanyak 33.9% pasaran saham.
- Nisbah rosot nilai pinjaman bertambah baik kepada 0.9% pada bulan Disember 2013 daripada 1.1% pada bulan Disember 2012.

Jumlah jualan saudagar kami berkembang setelah mengambil faedah daripada hubungan kami dengan mereka untuk mewujudkan manfaat lebih besar kepada ahli-ahli kad selain meningkatkan penjenamaan, komunikasi dan mengatur semula kedudukan produk dalam pasaran. Pada tahun 2014, kami menyasarkan untuk mencapai aspirasi kami menjadi penyedia perkhidmatan pembayaran menggunakan kad yang diutamakan, melalui komitmen menjangkau jangkaan pelanggan dalam segmen-segmen dan negara-negara yang kami beroperasi. Tahun ini, kami terus memperkukuh pertumbuhan bayaran belum terima (receivables) dengan memperhebatkan pemerolehan pelanggan baharu kami melalui jualan secara silang dan memperkukuhkan strategi kitaran hidup pelanggan.

Kami mengukuhkan kedudukan dalam segmen premium hebat dengan mempertingkatkan penembusan produk-produk utama kami, mengatur semula kedudukan cadangan nilai kami dan melaksanakan kempen-kempen taktikal sepanjang tahun bagi segmen-segmen pelanggan yang disasarkan. Kami juga mengeluarkan Inisiatif-inisiatif Kad Serantau pada tahun 2013 termasuk Kempen Jualan Pertengahan Tahun Peringkat Serantau, Program Rakan Serantau dan program ganjaran atau TREATS Serantau.

PEMBIAYAAN DAN DEPOSIT

- Deposit bertambah sebanyak 11.8%, dipelopori oleh pertumbuhan runcit SME and BB, masing-masing sebanyak 18.2% dan 11.0%.
- Deposit pengguna bertambah 9.3%, mengatasi pertumbuhan industri, dengan penguasaan pasaran sebanyak 18.7%.
- No.1 dalam jumlah CASA (akaun semasa dan akaun simpanan) dengan penguasaan pasaran sebanyak 22.7%.

Deposit CFS mencatat pertumbuhan dua digit yang kukuh, berikutan terdapat peningkatan yang baik daripada deposit tetap dalam tahun kewangan. Pertumbuhan berlaku secara berhemat dengan menjadi lebih berdisiplin dalam mengamalkan penentuan harga berasaskan pelanggan dan juga berasaskan faedah berperingkat.

Dalam tahun kewangan, kami telah memperkenalkan beberapa taktik deposit tetap dan kempen bertema CASA berdasarkan segmen dan mengeluarkan produk Premier 1 Account di bawah Maybank ASPIRE untuk disasarkan kepada pelanggan-pelanggan mewah. Kami bukan hanya menumpukan kepada penyelesaian pembayaran gaji untuk segmen SME dan BB, tetapi juga meluaskan usaha-usaha pemasaran secara terus dengan melakukan penyumberan luar dan bekerjasama dengan pihak lain sambil menyasarkan rantaian bekalan segmen pelanggan ini. Ini membantu kami mengembangkan segmen massa dan akaun semasa PKS melalui kios MaybankOne.

BANKASURANS

- No.1 bagi Insurans Hayat Banca Life, dengan penguasaan pasaran sebanyak 27% bagi polisi premium yang tetap dan tunggal.
- Kami mengatasi pencapaian industri dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 4.5% dalam polisi premium tetap Banca berbanding penguncupan industri sebanyak 12% (berdasarkan keputusan kewangan terbaharu yang diperoleh bagi Suku Ketiga 2013).

Dengan pelancaran polisi 'Smart Retirement Extra', kami berupaya memenuhi keperluan pelanggan mewah dan HNW. Polisi yang disediakan menawarkan insentif pelepasan cukai, yang pertama seumpamanya dalam industri bankasurans tempatan. Kami bercita-cita untuk membina perhubungan yang berterusan dengan para pelanggan kami dan memastikan perlindungan yang diperlukan oleh pelanggan kami daripada segmen pasaran yang berbeza dipenuhi dengan produk yang bersesuaian.

Kami juga membangunkan satu model jualan yang baharu untuk diperkenalkan di cawangan-cawangan terpilih. Di bawah model ini, kakitangan jualan berada dalam keadaan lebih baik untuk memberikan perkhidmatan kepada pelanggan mewah dan HNW dalam memenuhi kesemua keperluan mereka. Melihat ke hadapan sehingga tahun 2015, kami juga mempunyai rancangan untuk mengembangkan segmen PKS dengan aspirasi menjadi penyedia bankasurans PKS terbaik di Malaysia.

PKS RUNCIT (RSME)

- Jumlah pinjaman berkembang sebanyak 23.1%, meningkat kepada RM6.1 bilion.
- GIL berkurangan daripada 5.7% pada tahun 2012 kepada 3.5% pada tahun 2013.
- Deposit berkembang sebanyak 18.2%, dengan jumlah baki yang belum dijelaskan sebanyak RM49.3 bilion.

Dalam mengubah portfolio perniagaan PKS kami, kami telah menyepadukan proses kelulusan di Pusat Kredit RSME. Kami juga mengadakan pasukan PKS yang dedikasi di cawangan-cawangan strategik serta menyelaraskan dasar dan proses untuk menambah baik TAT dan liputan perniagaan. Sepanjang tahun itu, langkah untuk memusatkan pungutan di Pusat Kendalian Awal (Early Care Centre) telah menguatkan pertumbuhan segmen PKS kami. Ini membolehkan kami mempunyai tinjauan kolektif terhadap setiap pelanggan, meningkatkan kawalan kualiti aset kami dan melaksanakan strategi pungutan pinjaman yang lebih berstruktur.

Dalam melangkah ke hadapan, kami akan terus berkembang mengikut momentum pertumbuhan dan menumpukan kepada pemerolehan aset, mengimbangi portfolio bercagar dan sebaliknya untuk meningkatkan margin.

PERKHIDMATAN KEWANGAN KOMUNITI

PERBANKAN PERNIAGAAN (BB)

- Jumlah pinjaman berjumlah RM23.9 bilion, dengan pertumbuhan sebanyak 7.6% pada tahun 2013.
- GIL dikurangkan lagi kepada 8.4% pada tahun 2013 berbanding 10.2% pada tahun 2012.
- Kami menerajui aktiviti pembayaran pinjaman perusahaan perniagaan dengan penguasaan pasaran sebanyak 17.8%.
- Terus memberikan tumpuan kepada sektor-sektor yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berpotensi besar.

Pada tahun 2013, kami telah menggiatkan semula strategi pertumbuhan Perbankan Perniagaan dengan menyasarkan kepada segmen pasaran yang betul dan menajamkan tumpuan industri kami. Usaha itu menjadikan 95% daripada perniagaan kami adalah bersumberkan segmen industri yang kami klasifikasikan sebagai 'Tumpu dan Tumbuh'. Pada masa yang sama, kami mengelak bidang-bidang yang mempunyai risiko tinggi dan meningkatkan disiplin kredit kami melalui pematuhan yang ketat terhadap rangka kerja Penarafan Risiko Peminjam dengan 93% pinjaman berada pada kategori berisiko sangat rendah hingga sederhana. Ini menjadikan pinjaman lebih berkualiti dan hasilnya kami menjangkakan nisbah GIL akan terus berkurangan.

Dalam melangkah ke hadapan, rangka kerja pengalaman pelanggan yang berstruktur akan dilaksanakan untuk membolehkan pelanggan mengalami pengalaman yang tekal di pelbagai saluran dalam usaha meningkatkan pemerolehan, penghijrahan dan pengekalan pelanggan.

INTERNET DAN PERBANKAN MUDAH ALIH

- Pada tahun 2013, kami mengekalkan kedudukan kami dalam perbankan Internet dengan penguasaan 50% peratus dan lebih daripada 2.1 juta pengguna aktif.
- Kami menjadi bank pertama memperkenalkan perkhidmatan perbankan mudah alih yang komprehensif dengan penguasaan pasaran sebanyak 80%.

Sebagai penyedia perbankan dalam talian terbesar dan menawarkan laman perbankan berdigital sebagai gaya hidup semasa, kami mengukuhkan kedudukan dengan memanfaatkan arah aliran minat pembelian secara dalam talian melalui pelancaran Maybank2u Pay. Ia merupakan kemudahan pembayaran yang direka bentuk untuk perniagaan kecil, perniagaan di rumah dan para pemilik blog boleh mengurus transaksi jualan secara sistematik dan secara profesional melalui perkhidmatan ini. Kami juga mencatat satu lagi peristiwa penting dalam perbankan digital apabila memperkenalkan perkhidmatan pengeluaran tunai tanpa kad pertama di Malaysia. Untuk mengekalkan kepemimpinan dalam perbankan bergerak, kami telah memperkayakan pengalaman mudah alih pengguna dan meningkat penggunaannya melalui aplikasi-aplikasi telefon bimbit. Ini sekali gus meningkatkan bilangan pengguna perbankan mudah alih kepada 1.68 juta.

PEMBAYARAN

- Penyumbang utama pendapatan berasaskan fi berjumlah RM362.7 juta.
- Maybank Money Express (MME) diperluaskan kepada 14 buah negara dengan 8,758 titik sentuh.

Kami mengembangkan pendapatan berasaskan fi kami melalui integrasi aliran pendapatan baharu, inovasi produk baharu, perkhidmatan, saluran dan segmen. Kadar penembusan produk kami serta penjualan secara silang juga meningkat manakala penggunaan perkhidmatan M2U bertambah baik disebabkan oleh pengambilan pembayar baru secara agresif.

Tahun ini, kami melancarkan Penukaran Matawang Dinamik (DCC), Akaun Pelaburan Maybank Silver (MSIA), dan pembayaran saman PDRM melalui ATM kami. DCC, pertama seumpamanya di Malaysia, membolehkan para pemegang kad Mastercard melakukan pengeluaran tunai daripada ATM Maybank dalam mengetahui jumlahnya dalam mata wang negara mereka sendiri. Sementara itu, MSIA pula meluaskan pilihan pelaburan pelanggan untuk melabur dalam komoditi atau logam perak menggunakan buku akaun. Sebagai usaha yang berterusan untuk memberikan perkhidmatan nilai tinggi kepada pelanggan, kami menawarkan pembayaran saman PDRM dalam masa sebenar. Ini merupakan beberapa perkhidmatan inovatif yang kami tawarkan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan.

PENGURUSAN SALURAN

- Mempunyai saluran pengagihan lebih daripada 399 titik sentuh dan 2,777 ATM, masing-masing mewakili penguasaan pasaran sebanyak 20% dan 23%.
- Memperkayakan pengalaman pelanggan dan tahap kepuasan mereka melalui 51 buah cawangan yang ditambah baik dan 19 buah cawangan baharu.
- Mempunyai capaian pelanggan lebih besar melalui 44 buah kios MaybankOne di seluruh negara.
- Perkongsian strategik dengan POS Malaysia melibatkan 348 buah pejabat pos di seluruh negara.



Mencuba perkhidmatan baru tanpa kad

(Kiri-ke-kanan): Mohd Suhail Amar Suresh Abdullah, Ketua Perbankan Maya @ Pembayaran, Datuk Lim Hong Tat, Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti @ CEO, Maybank Singapura dan Hamirullah Boorhan, Ketua, Perkhidmatan Kewangan Komuniti, Malaysia

Kami meneruskan transformasi ke atas cawangan-cawangan kami, yang menyaksikan kunjungan dan kepuasan pelanggan yang lebih tinggi. Untuk menarik lebih ramai pelanggan, kami telah membuka cawangan baharu di lokasi strategik dan juga cawangan-cawangan mega di setiap rantau yang menyediakan 30 buah kios di luar bank kepada pelanggan-pelanggan kami. Sementara itu, melalui rakan strategik POS Malaysia, kami mampu menjangkau komuniti luar bandar yang lebih besar asasannya tanpa memerlukan kos mengadakan pejabat baharu.

MaybankOne telah menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan perniagaan kami kerana model ini mampu memberikan perkhidmatan kepada pelanggan yang lebih besar dalam pasaran dengan menawarkan rangkaian produk dan perkhidmatan bersepadu. Jumlah sumbangan pinjaman dan deposit daripada MaybankOne, masing-masing berjumlah RM723.45 juta dan RM118.20 juta manakala keuntungan segmen pelanggan massa meningkat 4% bagi setiap pelanggan.

PERBANKAN GLOBAL

SEPINTAS LALU

MESEJ KEPADA PEMEGANG SAHAM

SIAPA KAMI

STRATEGI & PENCAPAIAN KUMPULAN

ULASAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB KAMI

KEPIMPINAN KAMI

TADBIR URUS KORPORAT

LAIN-LAIN MAKLUMAT

MAKLUMAT AGM



“Ketika mengorak langkah memasuki 2014, Perbankan Global kekal komited terhadap pelanggan-pelanggan korporat dan institusi dengan membina perhubungan sedia ada dan baharu bagi menyokong pertumbuhan perniagaan mereka. Kami akan terus berusaha mengukuhkan keupayaan dan melaksanakan pelan-pelan serantau untuk memastikan pertumbuhan dan momentum yang mampan bagi mencapai sasaran 2015 menjadi peneraju bank pemborongan ASEAN.”

DATUK ABDUL FARID ALIAS

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Malaysia
Ketua Kumpulan, Perbankan Global (Memangku)

Pada 2013, Perbankan Global meneruskan momentum positif dalam separuh jejak transformasi 2015 dan kami telah mencatatkan kemajuan yang menggalakkan menerusi pelaksanaan program pengembangan serantau. Kami terus menggerakkan inisiatif strategik dan mempercepatkan pelaksanaan platform serantau di pasaran-pasaran utama di ASEAN dan Wilayah Besar China bagi memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan-pelanggan korporat dan institusi kami terutamanya kepada mereka yang memerlukan jalinan platform serantau.

Kami turut mengukuhkan model perniagaan serantau di seluruh barisan perniagaan yang meliputi pelbagai negara. Tahap penambahbaikan kerjasama ini telah memberi kesan kepada perolehan janji niaga merentas sempadan serantau.

Perbankan Global berada pada landasan yang betul dalam mencapai aspirasi 2015 untuk menjadi bank peneraju ASEAN dan rakan perbankan primari kepada pelanggan-pelanggan korporat di rantau ini.

TINJAUAN 2014

Keseluruhannya, tinjauan ekonomi global kelihatan menggalakkan pada 2014 apabila negara-negara maju di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun, berkembang serentak buat kali pertama sejak 2011. Kami menjangkakan prestasi yang bercampur-campur di seluruh Asia, tidak termasuk Jepun. Ekonomi China yang perlahan pula telah kembali stabil dan dijangka meningkat sebanyak 7.5%.

Di rantau ini, prospek ekonomi Malaysia (pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar, KDNK, sebanyak 5%) dan Singapura (Pertumbuhan KDNK 4%) kekal menggalakkan manakala tinjauan lebih berhati-hati diberikan kepada negara-negara seperti Indonesia, Thailand dan Filipina. Model perniagaan kami yang mantap akan membolehkan kami untuk mengharungi apa juga ketidakpastian jangka pendek dan merealisasikan potensi jangka panjang.

KEUTAMAAN PADA 2014

- Terus mengukuhkan model liputan pelanggan untuk membina perhubungan yang kukuh di seluruh rantau.
- Melaksanakan regionalisasi secara agresif terhadap model perniagaan dan platform kami.
- Menumpukan terhadap pembinaan keupayaan Islam.
- Melabur di pusat-pusat kecemerlangan serantau dalam bidang perniagaan terpilih di luar Malaysia.

SEMAKAN PRESTASI 2013

- Perolehan Perbankan Global meningkat tahun-ke-tahun (T-ke-T) sebanyak 4.0% kepada RM5.5 bilion.
- Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) mencatat sebanyak RM3.5 bilion.
- Pembiayaan berkembang sebanyak 11.2% T-ke-T.
- Kualiti aset kekal mempunyai daya tahan yang tinggi dengan nisbah pinjaman rosot nilai kekal sebanyak 0.52% berbanding tahun sebelumnya.

PERBANKAN GLOBAL

ULASAN

Kami menyediakan pilihan penyelesaian pembiayaan dan pelaburan yang luas kepada pelanggan-pelanggan korporat dan institusi di 20 pasaran menerusi enam barisan perniagaan: Liputan Pelanggan, Perbankan Pelaburan, Pasaran Global, Perbankan Korporat, Perbankan Transaksi dan Pengurusan Aset.

Keseluruhannya, model perniagaan Perbankan Global memberi penekanan kepada pendekatan tumpuan pelanggan, yang mana pasukan kerja Liputan Pelanggan bertindak sebagai pusat perhubungan tunggal untuk semua pelanggan-pelanggan domestik, disokong oleh pakar produk perbankan global khususnya untuk memberikan penyelesaian inovatif yang dapat memenuhi keperluan kewangan lengkap kepada pelanggan. Dengan menggabungkan semua kemahiran di dalam negara beserta keupayaan serantau, kami mampu menyediakan penyelesaian kewangan yang konsisten dan bersepadu kepada pelanggan kami di seluruh rantau.


PRESTASI KEWANGAN

Pada 2013, Perbankan Global kekal mempunyai daya tahan terhadap cabaran pasaran dan telah mampu menunjukkan konsistensi dan kekuatannya terhadap model perniagaan kami. Kami terus mencapai prestasi yang lebih tinggi berbanding industri dalam bidang pembiayaan dan deposit, sekali gus mengukuhkan kedudukan kami sebagai peneraju domestik.


Perolehan Perbankan Global meningkat sebanyak 4.0% kepada RM5.5 bilion. Kami turut mencatatkan PBT sebanyak RM3.5 bilion pada 2013 (2012: RM3.8 bilion). Pembiayaan Perbankan Global sebanyak RM71.7 bilion berkembang 11.2% berbanding tahun terdahulu.

Deposit berkembang sebanyak 20% t-ke-t kepada RM84.6 bilion, didorong oleh pertumbuhan akaun semasa sebanyak 23.0%. Ini merupakan bukti terhadap kecekapan platform Pengurusan Tunai Serantau kami yang telah dilancarkan di semua pasaran utama di ASEAN dan Wilayah Besar China.

Perolehan (RM' bilion)



Keuntungan Sebelum Cukai (RM' bilion)



ANUGERAH & PENGIKTIRAFAN

Kami amat berbangga kerana kerja keras kami telah diiktiraf menerusi 62 anugerah utama yang telah diterima oleh Perbankan Global. Daripada jumlah ini, 30 merupakan anugerah utama serantau yang dimenangi daripada terbitan serantau dan kewangan yang terkemuka antaranya termasuk Asiamoney, Alpha South East Asia, The Asian Banker, Global Custodian dan The Asset Triple A. Senarai lengkap anugerah dan pengiktirafan yang diterima boleh didapati di muka surat 62.

TERAS STRATEGIK DAN INISIATIF

Tahun 2013 menandakan separuh perjalanan bagi hala tuju transformasi kami dan kami terus menjayakan inisiatif strategik seperti yang dirancang.


Tahun lalu, Perbankan Transaksi berjanji untuk memberi perhatian bagi mengembangkan keupayaan serantau kami khususnya untuk melancarkan platform elektronik serantau di pasaran-pasaran utama yang lain. Kami menyelesaikan pelaksanaan platform ini di seluruh rantau, termasuk Pengurusan Tunai (Maybank2E – Platform Pengurusan Tunai Serantau di Indonesia, Filipina dan Wilayah Besar China, selain platform sedia ada di Malaysia dan Singapura), Pembiayaan Perdagangan (mengukuhkan platform sedia ada di negara-negara di mana Maybank mempunyai operasi) dan menubuhkan Pusat Kecemerlangan Rantaian Bekalan (COE di Indonesia) dan Perkhidmatan Sekuriti platform hadapan (Maybank eCustody di Indonesia).

Pasaran Global kini berupaya untuk menguruskan pendedahan risiko global pihak Bank dengan lebih baik selepas berjaya menyiapkan pemprosesan langsung Sistem Pengurusan Risiko Perbedaharaan Global di beberapa pusat Perbedaharaan utama.

Kami turut menyelesaikan pelaksanaan organisasi serantau untuk semua perniagaan Maybank Kim Eng di 10 buah negara, dengan kehadiran perniagaan yang ketara di Malaysia, Singapura, Thailand, Indonesia, Vietnam dan Filipina, dan pada masa sama mengembangkan perniagaan kami di Hong Kong dan India. Capaian kami turut berkembang di peringkat global, dengan pejabat jualan yang khusus di United Kingdom dan Amerika Syarikat. Kami turut memiliki operasi di Timur Tengah menerusi Anfaal Capital, syarikat sekutu kami di Arab Saudi yang menumpukan kepada perbankan pelaburan Islam dan perkhidmatan pengurusan aset.

Pengurusan Aset terus mengembangkan langkah serantaunya dengan melancarkan PT Maybank GMT Asset Management di Indonesia (November 2013) dan mengukuhkan keupayaan dengan pelancaran Maybank Islamic Asset Management pada Forum Ekonomi Dunia Islam di London (Oktober 2013).

Jumlah Pinjaman dan Deposit GB (RM' bilion)





LIPUTAN PELANGGAN

Pasukan petugas Liputan Pelanggan merupakan bahagian penting bagi model perniagaan Perbankan Global yang berpusat kepada pelanggan dan menjadi tumpuan bagi setiap janji niaga yang kami strukturkan.

Pada 2013, tumpuan kami untuk meningkatkan janji niaga serantau dengan mengukuhkan modal perniagaan dan pendekatan pelanggan di rantau dan negara yang kami uruskan. Penambahbaikan ini menghasilkan pertumbuhan ketara dalam janji niaga yang diperolehi dari pasaran di luar Malaysia. Sebahagian daripadanya telah menerima anugerah dan pengiktirafan daripada pelbagai terbitan kewangan di seluruh rantau, termasuk:

Singapura	• Pinjaman Berjangka Bersindiket SGD1.15 bilion untuk Universal Group Holdings (Pte) Ltd
	• Pinjaman Berjangka Bersindiket SGD670 juta untuk Pacific Light Energy Pte Ltd
	• Projek pembiayaan semula SGD720 juta untuk Hyflux Group (Tuaspring Pte Ltd)
	• Program Terbitan Sijil Amanah Islam Pelbagai Matawang AS\$500 juta untuk Swiber Holdings Ltd (telah memenangi anugerah Janji Niaga Bon Matawang Tempatan Terbaik di Asia Tenggara, Alpha Southeast Asia)
Indonesia	• Penempatan saham AS\$1.5 bilion bagi Matahari Department Store (telah memenangi Janji Niaga Serantau Terbaik – Tawaran Sekondari dan Janji Niaga Terbaik di Indonesia, The Asset Triple A)
	• Pinjaman Berjangka Bersindiket AS\$1.27 bilion untuk CT Corp group (PT Trans Retail, PT Trans Retail Indonesia dan PT Trans Media Corporat)
	• Pinjaman Berjangka Bersindiket AS\$730 juta untuk Genting Group (PT Lestari Banten Energi)
Hong Kong & Wilayah Besar China	• Pinjaman Berjangka Bersindiket AS\$1.5 bilion untuk Huawei Tech Investment Co Ltd
	• Pinjaman Berjangka Bersindiket Pelbagai Matawang AS\$375 juta untuk Far East Horizon Ltd
Filipina	• Pinjaman Kredit Berpusingan Bersindiket AS\$1.5 bilion untuk San Miguel Corporation
	• IPO PHP18 bilion untuk Travellers International Hotel Group Inc
Vietnam	• Pinjaman Bersindiket AS\$250 juta untuk Vingroup (telah memenangi Janji niaga Vietnam Terbaik, FinanceAsia)



Pengurusan Perbankan Global meraikan para pelanggan di pelbagai majlis dalam tahun yang dikaji termasuk Rumah Terbuka Hari Raya Maybank pada 2013.

Untuk tahun 2014, kami akan melabur dalam sistem yang membolehkan semakan maklumat setiap pelanggan untuk menambah baik pengurusan perhubungan dengan mereka. Sistem ini akan membolehkan kami menjejaki semula janji niaga di seluruh rantau dan menyediakan sokongan kepada pasukan petugas liputan pelanggan. Matlamat utama kami adalah untuk menjadi juru bank paling utama untuk para pelanggan korporat dan institusi.

Untuk menjadi bank pemborongan peneraju ASEAN, dan mendapatkan semula kedudukan peneraju domestik serta meneruskan dengan agresif pengembangan pasaran ASEAN dengan menginsankan interaksi pelanggan.

Membentuk semula model perhubungan korporat dalam lingkungan prinsip ‘Menginsankan Perkhidmatan Kewangan’

Melaksanakan pengembangan ASEAN dengan agresif, meningkatkan keupayaan kami di kawasan geografi yang kami terokai

Meningkatkan produktiviti menerusi integrasi dan melancarkan aliran perniagaan Perbankan Global dan menanamkan budaya berprestasi tinggi

Tiga teras strategik kami untuk mencapai visi Perbankan Global 2015

SEPINTAS LALU

MESEJ KEPADA PEMEGANG SAHAM

SIAPA KAMI

STRATEGI & PENCAPAIAN KUMPULAN

ULASAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB KAMI

KEPIMPINAN KAMI

TADBIR URUS KORPORAT

LAIN-LAIN MAKLUMAT

MAKLUMAT AGM

PERBANKAN GLOBAL

PERBANKAN PELABURAN

Pada 2013, kami menyelesaikan integrasi dan memulakan organisasi serantau bagi Maybank Kim Eng.

Kami kini menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan pelaburan serta pembrokeran saham yang lengkap kepada para pelanggan menerusi dua tunggak perniagaan kami iaitu Perbankan Pelaburan & Penasihat (IB&A) dan Ekuiti dengan perkhidmatan seperti pembiayaan korporat, pasaran modal hutang, pasaran modal ekuiti, derivatif ekuiti dan komoditi serta pembrokeran sekuriti runcit dan institusi (Ekuiti).

Penyelesaian integrasi ini amat tepat pada masanya apabila Maybank Investment Bank Berhad menyambut ulang tahunnya yang ke-40 pada 2013. Kami mengenalpasti bahawa kejayaan berterusan kami ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kekuatan perhubungan kami dengan pelanggan dan kami amat bangga menjadi rakan yang sentiasa ada di sisi mereka ketika senang dan mencabar. Kami memahami bahawa kunci utama bagi penyampaian yang lancar dan cekap, memerlukan komitmen kedua-dua belah pihak. Reputasi ini amat dihargai dan akan sentiasa dijadikan panduan ketika kami meneruskan perjalanan di rantau ini.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Mengukuhkan liputan serantau dan rangkaian pengedaran untuk membolehkan kami memberi perkhidmatan lebih baik kepada pelanggan.
- Meningkatkan inovasi dan mengukuhkan tawaran produk dan perkhidmatan di seluruh rantau.
- Memantapkan kewujudan jenama kami di ASEAN sebagai bank pelaburan dan broker saham premier.

ULASAN PRESTASI 2013

- Pada 2013, Maybank Kim Eng mencatatkan perolehan sebanyak RM1.54 bilion.
- PBT meningkat sebanyak 33.4% T-ke-T kepada RM462 juta.
- Mendapat lebih daripada 35 anugerah oleh pelbagai terbitan majalah serantau dan kewangan bagi perkhidmatan pembrokeran dan struktur janji niaga.



Pengerusi Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor, Datuk Abdul Farid Alias, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank dan John Chong, Ketua Pegawai Eksekutif, Maybank Investment Bank dan Maybank Kim Eng Group pada majlis sambutan ulang tahun ke-40.

Perbankan Pelaburan & Penasihat

Maybank Kim Eng merupakan peneraju serantau dalam perbankan pelaburan dan penasihat dan kami kini dalam senarai teratas di rantau ASEAN. Disokong oleh penyata kewangan Maybank yang kukuh dan pasukan kerja liputan pelanggan serantau Perbankan Global, serta rangkaian pengedaran yang luas di seluruh dunia, platform serantau kami cukup lengkap untuk memberi perkhidmatan perbankan pelaburan kepada pelanggan, sama ada untuk ekuiti dan menjana dana atau khidmat nasihat bagi penggabungan & pengambilalihan serta pembiayaan projek.

Dalam menasihati pelanggan tentang penyelesaian kewangan rekaan khas untuk mereka, pasukan kerja kami perlu memiliki pemahaman yang mendalam terhadap kedua-dua keperluan pelanggan dan persekitaran korporat. Ini termasuk pengetahuan dan pengalaman yang luas melangkaui pelbagai sektor seperti industri sumber asli, tajaan kewangan, industri umum, minyak & gas, institusi kewangan, hartanah, pengangkutan, pengguna dan penjagaan kesihatan. Jabatan ini telah dikelompokkan kepada tiga bidang: Penggabungan & Pengambilalihan, Kumpulan Pelaksanaan Transaksi dan Penasihat Strategik.

Prestasi kami yang kukuh dalam semua produk membantu kami untuk di senarai di tempat teratas dalam liga pelaburan perbankan Dealogic di ASEAN pada 2013.

Satu daripada janji niaga yang amat kami banggakan adalah sebagai penasihat untuk Thai Beverage Public Company Limited (ThaiBev), yang merupakan inisiatif bersama TCC Assets yang melibatkan pengambilalihan bernilai AS\$11.2 bilion terhadap syarikat tersenarai Singapura, Fraser and Neave Limited. Ini merupakan janji niaga M&A terbesar di Asia Tenggara pada 2013. Janji ini menunjukkan penggunaan sepenuhnya platform serantau Kumpulan Maybank bagi menyediakan sokongan nasihat dan kewangan kepada ThaiBev untuk seluruh transaksi ini. Dalam konteks yang berlainan, kami turut menasihati pemegang saham minoriti CP All Public Company Limited yang melibatkan pengambilalihan bernilai AS\$6.6 bilion terhadap Makro di Thailand.

Di Wilayah Besar China dan Hong Kong, kami bertindak sebagai penasihat bersama bagi konsortium ekuiti swasta yang diterajui oleh Citic Capital memabatkan pengswastan bernilai AS\$890 juta bagi syarikat senarai Nasdaq, AsiaInfo-Linkage.

Di Malaysia, kami mengekalkan kedudukan teratas dalam pasaran dengan menjadi penasihat kepada SapuraKencana Petroleum bagi pengambilalihan bernilai AS\$2.9 bilion ke atas tender perniagaan pelantar SeaDrill.

Janji niaga penasihat unik dalam projek pembiayaan bagi hub pendidikan Pagoh milik Sime Darby Property Berhad, satu usaha sama awam-swasta (PPP) melibatkan projek Kementerian Pendidikan Tinggi dan empat institusi pendidikan tinggi di atas sekeping tanah berukuran 506 ekar yang melibatkan konsesi 23 tahun. Ini merupakan projek yang pertama kali pernah dibuat di Malaysia dan projek PPP pertama oleh Sime Darby Property berjumlah RM895.4 juta menerusi kemudahan Pembiayaan-i Islam Bersindiket. Kami juga menjadi Pengatur Utama Mandat Bersama dalam projek ini.

Tahun 2013 juga merupakan tahun bersejarah buat francais Pasaran Modal Ekuiti walaupun berdepan persekitaran pasaran ekuiti yang mencabar. Kami menerajui

transaksi terbesar di Malaysia termasuk IPO bernilai AS\$750 juta untuk UMW Oil & Gas Corporation Bhd, IPO AS\$628 juta untuk Westports Holdings Bhd, IPO AS\$355 juta untuk AirAsia X, selain penempatan persendirian bagi SapuraKencana Petroleum (AS\$515 juta) dan SP Setia (AS\$305 juta).

Kami turut aktif di seluruh rantau dengan menerajui dua IPO terbesar di Filipina – IPO bernilai AS\$412 juta bagi Travellers International Hotel Group dan IPO bernilai AS\$621 juta untuk Robinsons Retail Holdings Inc serta IPO AS\$295 juta untuk Viva Industrial REIT di Singapura.

Di Hong Kong, kami berjaya menyelesaikan dua IPO menerusi lesen menaja jamin yang diperolehi pada 2011. Kami mengetuai IPO bernilai AS\$78 juta untuk Beijing Tong Ren Tang Chinese Medicine Company Ltd yang merupakan IPO mempamerkan prestasi terbaik pada hari penyenaaran di Hong Kong dalam tahun 2013 dan IPO AS\$70 juta untuk China Saite Group Company Ltd.

Kumpulan kerja Pasaran Hutang kami disenaraikan di tempat kedua di Malaysia dan kami merupakan dalam senarai 5 buah bank terbesar di ASEAN dalam senarai liga DCM pada 2013.

Kami bertindak sebagai ketua pengatur bagi pembiayaan hutang AS\$1.9 bilion kepada SapuraKencana (bagi pengambilalihan tender perniagaan pelantar SeaDrill), pembiayaan hutang AS\$330 juta untuk konsortium ekuiti swasta diketuai oleh Citic Capital (untuk pengswastan Asiainfo-Linkage) dan pembiayaan hutang AS\$1 bilion untuk Perspective Lane Bhd bagi pengambilalihan Tradewinds (M) Bhd, Tradewinds Plantations Bhd dan Padiberas Nasional.

Di pentas serantau, kami menyertai pembiayaan Islam bagi pelaksanaan Program Terbitan Sijil Amanah Islam Pelbagai Matawang bernilai AS\$500 juta untuk Swiber Holdings dan Program Sukuk Pelbagai Matawang AS\$1.5 bilion untuk Sime Darby Global Bhd yang mencatatkan kupon paling rendah oleh mana-mana korporat global dalam pasaran sukuk matawang dolar Amerika Syarikat.

Kami juga bertindak sebagai Pengatur Mandat Utama bagi penstrukturan seluruh kumpulan CCorp, satu daripada konglomerat terbesar di Indonesia dengan sindiket berjumlah AS\$1.27 bilion. Di Vietnam, kami menjadi Pengatur Mandat Utama bagi pinjaman sindiket global Vingroup berjumlah AS\$150.0 juta. Kami berbangga dapat berkongsi Anugerah Pencapaian FinanceAsia 2013 untuk Janji Niaga Vietnam Terbaik bersama-sama pelanggan kami.

Selain itu, kami juga bertindak sebagai Penasihat Kewangan, Pengatur Mandat Utama dan Pegurus bagi projek kemudahan pembiayaan dan bantuan kemudahan kredit SGD720 juta kepada Tuaspring Pte Ltd (syarikat subsidiari milik penuh Hyflux Ltd) untuk projek-projek yang terdiri daripada rizab air laut terbesar dan kedua bagi loji disalinasi osmosis dan loji janakuasa bergabung.

Ekuiti

Dalam bidang Ekuiti, kami yakin untuk kekal sebagai peneraju dalam perkembangan pasaran dengan idea penyelidikan berkualiti tinggi dan laluan perhubungan dengan korporat selain memiliki keupayaan pengedaran ekuiti institusi yang kukuh di seluruh pusat kewangan global utama. Sebagai syarikat pembrokeran utama di Asia Tenggara, kami komited untuk mengembangkan francais serantau kami dan memberikan nilai perniagaan yang baik untuk para pelanggan. Pejabat-pejabat serantau telah melabur dalam membina kumpulan kerja penyelidikan berkualiti bagi melengkapkan pengalaman kumpulan kerja jualan institusi bagi menyediakan idea dan strategi perniagaan yang berbeza, menarik dan bernilai.

Kekuatan pertumbuhan dan kualiti kami yang lebih baik ditunjukkan dari senarai kedudukan rasmi, yang telah meningkat dengan ketara pasca penggabungan serta anugerah-anugerah yang diterima, antaranya, The Asset Triple A, Asiamoney dan Alpha Southeast Asia.

Kami berjaya menganjurkan “Invest Malaysia” untuk empat tahun berturut-turut dengan kerjasama Bursa Malaysia. Ia merupakan sesi yang amat bermakna dengan Perdana Menteri Dato’ Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak menyampaikan ucap tama dan Jim Rogers berkongsi pandangan tentang pelaburan. Kami amat berbangga dengan maklum balas menggalakkan yang diberikan oleh para pelanggan dan korporat yang diberi pendedahan melalui taklimat, mesyuarat kumpulan kecil dan pertemuan empat mata. Tahun ini, kami mendapati pentambahan bilangan pengurus dana asing yang menyertai acara yang dianjurkan. Kami melihat perkembangan ini sebagai peningkatan terhadap francais serantau sejak penggabungan kami.

Dalam usaha untuk terus mengetengahkan francais serantau kami, Maybank IB bersama Bursa Malaysia telah menaja dan menganjurkan Invest Malaysia Amerika Syarikat (IMUS) 2013. Acara ini membawa 12 korporat Malaysia ke New York, Boston dan San Francisco selama seminggu. Pelanggan-pelanggan kami di Amerika Syarikat dan lain-lain korporat telah memberikan maklum balas positif yang berjaya menarik beberapa pelabur besar untuk menyertai mesyuarat dan memberi taklimat.

Di peringkat serantau, kami sedang membina momentum domestik yang positif untuk meningkatkan kehadiran dan penguasaan pasaran kami di negara-negara yang kami sertai. Untuk memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan institusi kami, kami telah melabur dalam mewujudkan pasukan jualan dan urus niaga institusi yang kukuh dan berdedikasi untuk menyediakan para pelanggan kami dengan idea pelaburan terbaik menerusi kedua-dua strategi tradisional dan elektronik.

Dengan berkembangnya penguasaan francais Maybank Kim Eng, pasukan serantau kami telah menganjurkan acara dan promosi bergerak di seluruh Asia, Amerika Syarikat dan Eropah untuk memenuhi permintaan para pelanggan kami. Beberapa acara utama dianjurkan termasuk Persidangan Pelaburan ASEAN di New York, Boston, San Francisco dan Los Angeles serta “China Baby Boom Corporate Days” di Singapura dan Malaysia. Selain itu, kami telah membawa beberapa syarikat Asia ke Amerika Syarikat dan Eropah dan ini telah meningkatkan pengiktirafan terhadap kami dari kalangan pelanggan-pelanggan institusi dan korporat.

Kami juga merupakan institusi pembrokeran runcit penuh yang menyediakan laluan pasaran, pembiayaan dan idea dagangan di seluruh Asia Tenggara. Dengan rangkaian pengedaran di seluruh rantau yang terdiri daripada 2,000 kakitangan jualan dan 150 lokasi operasi, 2013 merupakan tahun di mana kumpulan Ekuiti Runcit terus membina francais serantau. Untuk memanfaatkan aliran digital dalam dagangan mudah alih, kami telah memperkenalkan platform dan aplikasi penyelidikan untuk memudahkan dagangan di seluruh pasaran. Kami juga berbangga kerana telah memenangi anugerah sebagai Broker Terbaik di semua tujuh negara yang mana kami mempunyai operasi runcit. Operasi Thailand telah mencatatkan rekod selama 12 tahun berturut-turut sebagai peserta pasaran saham terbaik.

Sebagai sebahagian daripada visi Kumpulan Maybank untuk menginsankan perkhidmatan kewangan, kami telah melancarkan kempen mendahulukan pasaran di Malaysia di mana kami akan menderma dana untuk tujuan kebajikan setiap kali pelanggan-pelanggan kami menjalankan urus niaga berlandaskan Syariah menerusi akaun pembrokeran Islam. Pada 2014, kami telah meneroka lebih banyak cara untuk menyokong penciptaan kekayaan di kalangan masyarakat menerusi dana ‘microseeding’ dan pembiayaan mikro.

PERBANKAN GLOBAL

Perniagaan Ekuiti dan Komoditi kami terdiri daripada dua pasaran utama: produk ekuiti dan komoditi dagangan tukaran dan di kaunter. Dengan kemudahan ini, teknik kewangan digunakan untuk menghasilkan instrumen pelaburan. Kumpulan ini bertanggungjawab bagi menjana penyelesaian yang khusus, sama ada untuk lindung nilai risiko ekuiti dan komoditi atau struktur pembiayaan derivatif yang akan membantu para pelanggan dalam menguruskan modal dan operasi mereka.

Di Malaysia, kami pernah menjadi peneraju dalam terbitan waran berstruktur di pasaran. Pada 2013, kumpulan ini melancarkan 76 waran berstruktur dengan MMCCORP-CP, UEMS-CT dan MAS-CT. Bagi memenuhi permintaan pelabur terhadap peluang pelaburan dan perdagangan tambahan, kami telah melancarkan waran 'put' tambahan dan waran berstruktur atas saham asing. Kami turut melancarkan Nota Pelaburan Berkaitan Ekuiti (ELIN) untuk pelanggan-pelanggan berpendapatan tinggi. Program ELIN ini telah menyediakan para pelanggan dengan laluan lain untuk menempatkan wang mereka ke dalam kelas aset ekuiti, yang juga tambahan kepada pasaran ekuiti tunai tradisional.

Tahun ini di Thailand, kami disenaraikan sebagai 5 syarikat terbaik di kalangan 12 penerbit waran derivatif di Thailand yang telah menerbitkan 49 waran kesemuanya, termasuk waran panggilan dan 'put'. Tiga waran derivatif teratas dari segi jumlah urus niaga adalah terdiri daripada CPF42CD (Charoen Pokphand Foods PCL.), BGH42CC (Bangkok Dusit Medical Services PCL.) dan THAI42CD (Thai Airways International PCL.).

Kumpulan Perkhidmatan Hadapan dan Opsyen, yang kini beroperasi di Malaysia, Singapura, Thailand dan Hong Kong menyediakan peluang perdagangan dan lindung nilai kepada pelanggan runcit, institusi dan korporat menggunakan produk derivatif. Kami menyedari pentingnya untuk membantu para pelanggan untuk sentiasa mengetahui pergerakan pasaran. Untuk itu, kami menawarkan laporan dan komentar lengkap terhadap pasaran derivatif dan kami percaya ia akan membantu para pelanggan dalam strategi pelaburan dan pengurusan risiko mereka.

Tahun ini, selain menyediakan bahan penyelidikan yang bersesuaian masa dan proaktif serta idea kepada pelanggan-pelanggan institusi dan runcit di dalam dan di peringkat serantau, pasukan Penyelidikan kami telah menganjurkan persidangan dan bengkel bertema, dan juga lawatan kerja bagi membolehkan pelabur-pelabur institusi untuk mendapat pemahaman lebih mendalam terhadap profil perniagaan dan syarikat-syarikat senarai awam.

Pada asasnya, penyelidikan ekuiti di reka khusus untuk pelanggan institusi dengan liputan asas mendalam mengenai lebih daripada 350 syarikat di lapan buah negara, yang terdiri daripada campuran saham-saham pasaran bermodal besar dan sederhana. Kami turut memberi perhatian kepada saham pasaran bermodal kecil yang mendapat perhatian lebih dekat oleh dana-dana khusus dan pelanggan-pelanggan runcit.

Maybank Kim Eng Research memiliki barisan penyelidik yang mahir dan bekerja bersama-sama dengan profesional jualan dan dagangan yang berpengalaman. Mereka akan mengenalpasti peluang dan menyediakan perspektif yang akan dijadikan idea perdagangan di negara-negara utama di rantau ini (termasuk Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina dan Thailand) serta negara-negara ekonomi utama seperti Amerika Syarikat, negara zon Eropah dan China.

PERBANKAN KORPORAT

Sepanjang tahun lalu, akaun pinjaman korporat kami berkembang dan menyumbang dengan ketara kepada pertumbuhan pinjaman Perbankan Global sebanyak 11.2% pada 2013. Ini disebabkan oleh pertumbuhan kami secara sewajarnya di samping tumpuan terhadap kualiti aset. Pertumbuhan pinjaman turut disumbangkan terutama sekali oleh portfolio korporat Malaysia yang terlibat dengan inisiatif Program Transformasi Ekonomi Kerajaan. Kami turut bekerjasama dengan lain-lain rakan produk yang terlibat dalam beberapa janji niaga utama. Dari segi deposit, kami telah merekodkan pertumbuhan 20.0% pada 2013 kepada RM84.6 bilion (2012: RM70.5 bilion).

Perbankan Korporat menyumbang perolehan sebanyak RM2.3 bilion (2012: RM2.3 bilion) walaupun berdepan cabaran margin yang berkurangan serta persaingan yang kuat daripada lain-lain bank tempatan.

Ketika mengorak langkah ke 2014, tumpuan utama kami adalah terhadap pertumbuhan aset serantau. Kami juga akan terus menambahbaik tawaran produk dan keupayaan kami dengan meningkatkan kepakaran industri di seluruh rantau.

PERBANKAN TRANSAKSI

Perbankan Transaksi terdiri daripada empat barisan perniagaan: Pengurusan Tunai, Pembiayaan Perdagangan & Rantaian Pembekal, Institusi Kewangan & Institusi Kewangan Bukan Bank serta Perkhidmatan Sekuriti. Sejak bertahun-tahun dahulu, kami telah meletakkan keupayaan dalam mengembangkan dan mengintegrasikan platform serantau bagi meningkatkan keupayaan produk dan penyampaian rentas sempadan tanpa halangan. Tahun 2013 tidak berbeza dan portfolio serantau kami menyumbang kepada hampir separuh daripada perolehan Perbankan Transaksi kami:

- Melancarkan platform Pengurusan Tunai Serantau berasaskan laman web (Maybank2E – Regional Cash) di Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina dan Wilayah Besar China.
- Melancarkan platform Pembiayaan Perdagangan Serantau (Maybank TradeConnex) di seluruh 11 pasaran di ASEAN, Wilayah Besar China dan Papua New Guinea.
- Melancarkan platform Kustodi berasaskan laman web (Maybank eCustody) di Malaysia dan Indonesia.

Di peringkat domestik, kami mengekalkan kedudukan teratas kami dalam Pembiayaan Perdagangan dengan penguasaan pasaran sebanyak 26.8% (sehingga November 2013), dan Pengurusan Tunai dengan penguasaan pasaran dalam jumlah transaksi dan nilai transaksi masing-masing sebanyak 47% dan 41% (sehingga September 2013).

Kami turut mendapat 20 anugerah utama untuk kedua-dua, perkhidmatan dan pelaksanaan serta janji niaga yang kami rangka dalam penyelesaian Pembiayaan Perdagangan, Pengurusan Tunai dan Kustodi oleh beberapa penerbitan serantau dan kewangan iaitu Alpha SEA, The Asset, Asian Banking & Finance, Global Finance, Global Custodian, GTR Exporta, The Corporate Treasurer dan The Asian Banker.

Menuju ke tahun 2014, bersama dengan kumpulan Liputan Pelanggan, kami berhasrat mengembangkan kedudukan utama kami di pasaran dengan meletakkan kedudukan kami sebagai jurubank utama untuk pelanggan-pelanggan Korporat, di dalam negara dan di peringkat serantau.



Datuk Abdul Farid Alias, Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Maybank, John Wong, Pengarah Urusan dan Ketua, Perbankan Transaksi Kumpulan, dan Carlos Lacerda, Pengarah Urusan Microsoft Malaysia, pada pelancaran Maybank2E – Tunai Serantau dengan platform Windows Phone 8 untuk melengkapkan platform iOS dan Android sedia ada (Mac 2013).

PASARAN GLOBAL

Sepanjang tiga tahun lalu, model perniagaan Perbankan Global serantau telah membolehkan Pasaran Global membina asas perolehan yang cukup kuat untuk menangani apa juga ketidaktentuan pasaran jangka pendek dan persekitaran perdagangan yang tidak menggalakkan.

Pada 2013, kami mula menggunakan proses langsung Sistem Pengurusan Risiko Perbendaharaan Global di beberapa Pusat Perbendaharaan utama. Ini telah membolehkan kami menguruskan dengan lebih baik, pendedahan risiko global dan menyokong pertumbuhan portfolio rentas sempadan. Hasilnya, kami berupaya untuk menyokong beberapa produk baru di seluruh rantau yang membolehkan kami bersaing dengan penyedia penyelesaian kewangan utama. Produk-produk ini termasuk Pinjaman dan Deposit Berstruktur Berkaitan Kadar Faedah, Tukaran Asing Generasi Kedua dan Opsyen Kadar Faedah. Keupayaan untuk menguruskan produk kewangan yang rumit telah membolehkan Maybank untuk meningkatkan penguasaannya di pasaran asas dan mengembangkan liputan pelanggan korporat dalam semua sektor.

Pada 2013, operasi Pasaran Global domestik kami telah menyumbang sebanyak RM1.7 bilion dan RM1.4 bilion masing-masing kepada perolehan dan PBT. Di rantau ini, kami telah mencatatkan perolehan sebanyak RM2.4 bilion dan PBT pula sebanyak RM2.0 bilion.

Bagi 2014, tumpuan kami akan diteruskan untuk meningkatkan model risiko kami dan mendapatkan serta memupuk tenaga mahir untuk platform pertumbuhan yang dikenalpasti di Singapura, Wilayah Besar China dan Indochina. Ini merupakan masa yang baik untuk kami memandangkan ia bertepatan dengan usaha untuk mendorong pertumbuhan di rantau Asia Utara dan Delta Mekong, yang mana pasaran kewangan masih di peringkat permulaan.

PENGURUSAN ASET

Maybank Asset Management merupakan cabang pengurusan aset bagi Kumpulan Maybank yang menyediakan pelbagai penyelesaian pelaburan konvensional dan Islam kepada pelanggan-pelanggan runcit, korporat dan institusi. Kekuatan kami terletak pada penglibatan serantau dan kemahiran di pasaran-pasaran utama ASEAN—Malaysia, Indonesia, Singapura dan Thailand, disokong oleh keupayaan penyelidikan serantau yang kukuh. Pada 2013, kami cukup berbangga kerana dapat memperluaskan kemahiran pelaburan kami (untuk meliputi rantau ASEAN), bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran dan meletakkan garis panduan pematuhan dan pengurusan risiko yang ketat, selain mengembangkan operasi serantau kami:

- Melancarkan Maybank Islamic Asset Management di Forum Ekonomi Dunia di London pada 29 Oktober 2013.
- Melancarkan PT Maybank GMT Asset Management di Indonesia pada 7 November 2013.
- Melancarkan dana unit amanah global pertama –Dana Bon Maybank Global pada 19 November 2013.
- Melancarkan cawangan pertama di Medan, Indonesia pada 6 Disember 2013.

Ketika kami mengembangkan perniagaan Asset Management di rantau ini, kami amat berbangga dengan keputusan awal kami yang dicapai pada 2013. Kami telah mencatatkan pertumbuhan menggalakkan sebanyak 33.0% dari segi Aset Yang di Uruskan dengan meningkatkannya daripada RM9.4 bilion pada 31 Disember 2012 kepada RM12.5 bilion sehingga 31 Disember 2013.

Dengan asas yang dibina, kami percaya bahawa kami bergerak pada hala tuju yang betul untuk merealisasikan aspirasi untuk menjadi syarikat pengurusan aset peneraju di ASEAN menjelang 2017.



Nor' Azamin Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif, Kumpulan Maybank Asset Management, Dato' Azian Mohd Noh, Pengerusi Maybank Islamic Asset Management, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan Datuk Mohaiyani Shamsudin, Pengerusi, Kumpulan Maybank Asset Management di pelancaran Maybank Islamic Asset Management di London (Oktober 2013).

SEPINTAS LALU

MESEJ KEPADA PEMEGANG SAHAM

SIAPA KAMI

STRATEGI & PENCAPAIAN KUMPULAN

ULASAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB KAMI

KEPIMPINAN KAMI

TADBIR URUS KORPORAT

LAIN-LAIN MAKLUMAT

MAKLUMAT AGM

PERBANKAN GLOBAL

JANJI NIAGA UTAMA DISELESAIKAN PADA 2013

Indonesia 	Indonesia 	Indonesia 	Indonesia 	Indonesia 	Indonesia 
PT Trans Retail	PT Matahari Departmental Store Tbk	PT Lautan Luas	PT. Lestari Banten Energi (Ahli Kumpulan Genting)	PT Acset Indonusa	PT Panorama Sentrawisata Tbk
AS\$750 juta	IDR14.6 triliun	IDR700 billion	USD730 juta	IDR387 billion	IDR100 billion
Pinjaman Berjangka Bersindiket	Pengurus Utama Bersama	Bon IDR	Pengatur Utama Mandat Bersama	IPO	Bon IDR
Pengatur Mandat Utama	Penempatan Saham	Penajajamin Utama	Pinjaman Berjangka Bersindiket	Penajajamin Utama Tunggal	Penajajamin Utama Bersama
Januari 2013	Mac 2013	Mei 2013	Mei 2013	Jun 2013	Jun 2013
Indonesia 	Indonesia 	Indonesia 	Indonesia 	Indonesia 	Indonesia 
PT Cipaganti Citra Graha	PT Media Karya Sentosa	PT Duta Anggada Realty Tbk	PT ATPK Resources Tbk	PT Charoen Pokphand Indonesia Tbk	PT Trans Retail PT Trans Retail Indonesia PT Trans Media Corpora
IDR68 billion	AS\$155 juta	IDR1 triliun	IDR1 triliun	AS\$500 juta	AS\$1.27 billion
IPO	Pinjaman Berjangka Bersindiket	Program Bon	Penasihat Kewangan	Pinjaman Berjangka Bersindiket	Pinjaman Berjangka Bersindiket
Penajajamin Bersama Utama	Pengatur Mandat Utama	Penajajamin Utama Bersama	Terbitan Hak	Pengatur Mandat Utama	Pengatur Mandat Utama Bersama Arranger
Jun 2013	Jun 2013	Oktober 2013	November 2013	November 2013	Disember 2013
Indonesia 	Indonesia 	Hong Kong 	Hong Kong 	Singapura 	Singapura 
PT Astra Sedaya Finance	PT Garuda Indonesia	Huawei Tech Investment Co Ltd.	Far East Horizon Ltd	City Developments Limited	Hao Yuan Development Pte Ltd
IDR2 triliun	AS\$50 juta	AS\$1.5 billion	AS\$375 juta	AS\$50 juta	SGD216.8 juta
IDR Bond	Pengatur	Kemudahan Kredit Berputar dan Pinjaman Berjangka Bersindiket	Pinjaman Berjangka Bersindiket	Pengurus Sukuk Islam	Pinjaman Berjangka Bersindiket
Penajajamin Utama Bersama	Pinjaman Berjangka Bersindiket	Pengatur Mandat Utama	Pelbagai Matawang	Pengurus	Pengatur Mandat Utama
Disember 2013	Disember 2013	September 2013	Disember 2013	Januari 2013	Februari 2013

JANJI NIAGA UTAMA DISELESAIKAN PADA 2013

Singapura 	Singapura 	Singapura 	Singapura 	Singapura 	Singapura 
Parkway Pantai Limited	Shangri-La Treasury Asia	AREIF (Singapore 1) Pte. Ltd	Oxley Gem Pte Ltd	Measat Satellite Systems Sdn Bhd	PacificLight Energy Pte Ltd
SGD750 juta	AS\$350 juta	SGD680 juta	SGD490 juta	AS\$280 juta	SGD670 juta
Club TL & RCF Pengatur Mandat Utama	Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Mandat Utama, Penajajamin & Pengurus	Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur & Pengurus Mandat Utama Asal	Pinjaman Kelab Berjangka Pengatur Mandat Utama	Pinjaman Berjangka Pelbagai Matawang Pinjaman Asal (Bahagian S\$)	Pinjaman Berjangka Bersindiket Pemberi Pinjaman Mandat Utama
Februari 2013	Februari 2013	Mac 2013	Jun 2013	Jun 2013	Jun 2013
Singapura 	Singapura 	Singapura 	Singapura 	Singapura 	Filipina 
Swiber Holdings Ltd	Universal Group Holdings (Pte) Ltd	W2005/Hines West Fifty-Third Realty LLC	Viva Industrial Trust	Tuaspring Pte Ltd	San Miguel Corporation
AS\$500 juta	SGD1.15 billion	AS\$860 juta	SGD463 juta	SGD720 juta	AS\$1.5 billion
Program Terbitan Sijil Amanah Islam Pelbagai Matawang Pengatur Tunggal Utama Program, Pengurus, Koordinator Global	Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur Utama Mandat Asal Bersama, Penajajamin & Pengurus	Pinjaman Berjamin Kanan Pengatur Mandat Utama Bersama	IPO Pengurus Bersama & Penajajamin Bersama	Kemudahan Kredit Pinjaman Berjangka & Sampingan Penasihat Kewangan, Penajajamin Tunggal, Pengatur Mandat Utama, Pengurus & Bank Lindung Nilai Asal	Pinjaman Kredit Berputar Bersindiket Pengatur Mandat Utama dan Pengurus
Ogos 2013	Oktober 2013	Oktober 2013	November 2013	November 2013	April 2013
Filipina 	Vietnam 	Malaysia 	Malaysia 	Malaysia 	Malaysia 
Travellers International Hotel Group Inc	Vingroup	Sime Darby Global Berhad	Malakoff Power Bhd	Cerah Sama Sdn Bhd (A member of Taliworks Corporation Bhd)	Jati Cakerawala Sdn Bhd
PHP18 billion	AS\$250 juta	AS\$1.5 billion	RM5.8 billion	RM750 juta	RM540 juta
IPO Koordinator Global Bersama, Pengurus Bersama & Pengurus Utama Bersama	Pinjaman Bersindiket Pengatur & Pengurus Mandat Utama	Program Terbitan Sukuk Pelbagai Matawang Penasihat Utama Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama, Pendedar, Ejen Penyenaraian Bursa & Penasihat Syariah Bersama	Sukuk Penasihat Prinsipal Tunggal, Pengatur Utama, Pengurus Utama, Ejen Kemudahan, Penasihat Syariah, Ejen Pemegang Amanah & Sekuriti	Nota Berjangka Sederhana Islam Penasihat Utama, Pengatur Utama, Pengurus Utama, Ejen Kemudahan, Ejen Sekuriti & Penasihat Syariah	Sukuk Murabahah Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama, Ejen Kemudahan & Penasihat Syariah Bersama
November 2013	Oktober 2013	Januari 2013	Januari 2013	Januari 2013	Januari 2013

PERBANKAN GLOBAL

JANJI NIAGA UTAMA DISELESAIKAN PADA 2013


Malaysia  Teknologi Tenaga Perlis Consortium Sdn Bhd RM835 juta Sukuk Murabahah Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama & Penasihat Syariah Bersama Januari 2013	Malaysia  DanaInfra Nasional Berhad RM300 juta Sukuk Dagangan Pertukaran Pengatur Utama Bersama Februari 2013	Malaysia  UMW Holdings Berhad RM2 billion Nota Berjangka Sederhana Islam Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama, Ejen Kemudahan & Penasihat Syariah Februari 2013	Malaysia  Sunway Real Estate Investment Trust RM320 juta Penempatan Saham Ejen Penempatan Bersama Februari 2013	Malaysia  SP Setia Berhad RM942.9 juta Penempatan Utama Penasihat & Pengurus Tunggal Februari 2013	Malaysia  Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd RM2.84 billion Kemudahan Perbankan Bersindiket Pengatur Utama Bersama Mac 2013
Malaysia  Parkson Retail Group Limited USD500 juta Nota Kanan Tidak Bercagar Pengurus Bersama April 2013	Malaysia  Cliq Energy RM363.6 juta IPO Ejen dan Penajajamin Penempatan April 2013	Malaysia  Sapura Kencana Petroleum Berhad AS\$1.85 billion Janji niaga Club Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Mandat Utama & Ejen Kemudahan April 2013	Malaysia  Sapura Kencana Petroleum Berhad RM1.64 billion Penempatan Saham Penasihat Prinsipal Bersama & Ejen Penempatan Bersama April 2013	Malaysia  Al-Aqar Capital Sdn Bhd RM1 billion Nota Berjangka Sederhana Islam Penasihat Prinsipal, Pengatur Utama, Ejen Kemudahan, Pemegang Amanah / Sekuriti & Penasihat Syariah Mei 2013	Malaysia  Batu Kawan Berhad Sehingga RM500 juta Nota Berjangka Sederhana Islam Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama & Pengurus Utama Bersama / Pengurus Bersama Jun 2013
Malaysia  AirAsia X Berhad RM1.14 billion IPO Koordinator Global Bersama, Pengurus Bersama, Pengurus Penajajamin Bersama, Dan Penajajamin Bersama Julai 2013	Malaysia  Tanjung Bin O&M Berhad RM470 juta Sukuk Wakalah Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama, Ejen Kemudahan & Sekuriti Julai 2013	Malaysia  Sarawak Hidro Sdn Bhd RM1 billion Program Nota Berjangka Sederhana Islam Berjamin Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama, Pengurus Bersama Ogos 2013	Malaysia  Sapura Acergy Sdn Bhd RM116 juta sebulan Enterpris Universal Perkhidmatan Hub Perancangan Sumber Penyedia Penyelesaian Tunggal September 2013	Malaysia  Malaysia Airports Holdings Berhad RM2.5 billion Sukuk Kanan & Program Sukuk Subordinat Berterusan Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama & Pengurus Utama Bersama September 2013	Malaysia  Lebuhraya Kajang Seremban Sdn Bhd RM400 juta Pinjaman Berjangka Bersindiket Pemberi pinjaman Pengatur Utama Bersama Oktober 2013

JANJI NIAGA UTAMA DISELESAIKAN PADA 2013

Malaysia  Westports Holdings Berhad RM2.24 bilion IPO Penasihat Prinsipal, Koordinator Global Bersama, Pengurus Bersama, Penajajamin Pengurusan & Penajajamin Bersama Oktober 2013	Malaysia  LTH Property Holdings Limited GBP225 juta Pembiayaan Islam Bersindiket Berjangka Joint Mandated Lead Arranger Oktober 2013	Malaysia  Pelaburan Hartanah Berhad RM500 juta Peningkatan Saiz Dana AHB Pengurus & Pendedar Dana Oktober 2013	Malaysia  Battersea Project Holding Co Ltd & Battersea Project Phase 1 Holding Co Ltd GBP790.2 juta Kemudahan Bersindiket TL/RC/BG Pengatur & Pemberi Pinjaman Mandat Utama Oktober 2013	Malaysia  Sime Darby Property Selatan Group RM895.4 juta Pembiayaan Berjangka Islam Bersindiket Penasihat Kewangan, Pengatur Mandat Utama, Ejen Kemudahan & Sekuriti November 2013	Malaysia Impian Ekspresi Sdn Bhd RM1.305 bilion Kemudahan Pembiayaan Bersindiket Bank Koordinasi, Penasihat Prinsipal Tunggal, Pengatur Utama Tunggal, Pengurus Utama Tunggal, Pengatur Mandat Utama, Pemberi Pinjaman, Ejen Kemudahan & Sekuriti November 2013
Malaysia  UMW Oil & Gas Corporation Berhad RM2.7 bilion IPO Pengurus Transaksi, Penasihat Prinsipal Bersama, Koordinator Global Bersama, Pengurus Bersama, Penajajamin Pengurusan Bersama & Penajajamin Bersama November 2013	Malaysia  Malakoff Power Berhad RM5,380 juta Sukuk Murabahah Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama & Ejen Kemudahan Disember 2013	Malaysia  Yinson Production Limited USD112.7 juta Pinjaman Berjangka Bersindiket Pengatur & Pemberi Pinjaman Mandat Utama Bersama Disember 2013	Malaysia  Telekom Malaysia Berhad RM3.0 bilion Program Sukuk Wakalah Penasihat Prinsipal Bersama, Pengatur Utama Bersama, Pengurus Utama Bersama, Ejen Kemudahan, Pemegang Amanah & Penasihat Syariah Bersama Disember 2013	Malaysia  Imtiaz Sukuk II Berhad RM9.0 bilion Program Kertas Komersial Islam & Nota Berjangka Sederhana Islam Pengatur & Pengurus Utama Bersama Disember 2013	

OPERASI LUAR NEGARA MAYBANK

Dengan pelaksanaan struktur organisasi baru pada 2014, operasi antarabangsa Maybank (tidak termasuk Singapura dan Indonesia) akan menyaksikan CEO Antarabangsa yang baru - Pollie Sim, memacu pertumbuhan di Wilayah Besar China, Filipina, Indochina dan lain-lain pasaran untuk menggerakkan proses regionalisasi. Operasi Singapura akan diterajui oleh Datuk Lim Hong Tat manakala pertumbuhan BII akan dipacu oleh Presiden Direktor, Taswin Zakaria. Ketiga-tiga CEO akan melapor terus kepada Presiden & CEO Kumpulan.



Tiada dalam peta:

Amerika Syarikat (3)

1 Cawangan, 2 Cawangan menerusi Maybank Kim Eng

United Kingdom (2)


1 Cawangan, 1 Cawangan menerusi Maybank Kim Eng

Myanmar (1)

1 Pejabat Perwakilan

Mauritius (1)

1 Cawangan menerusi BII



ANTARABANGSA



“Tahun 2013, umumnya merupakan tahun yang penting bagi unit perniagaan Antarabangsa kerana kami telah mencapai kemajuan dalam perjalanan kami ke arah aspirasi 2015. Tahun 2014 akan lebih menarik kerana Kumpulan melaksanakan penstrukturan dan sebahagian daripada inisiatif ini telah mula menampakkan hasil tahun ini. Dengan memanfaatkan platform perniagaan antarabangsa, kami mahu membina sinergi yang lebih besar dan mempercepatkan pemerolehan keuntungan dari francais Maybank di seluruh lanskap antarabangsa kami.”

POLLIE SIM

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Antarabangsa

Sejak bermulanya jejak transformasi kami lima tahun lalu untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau, kami telah muncul sebagai peserta serantau yang digeruni dengan penglibatan di semua 10 buah negara ASEAN dan lain-lain pasaran kewangan utama termasuk China, Hong Kong, Timur Tengah, London, New York dan Labuan, untuk menawarkan kepada pelanggan produk perniagaan dan peluang-peluang pelaburan.

Kini, kami bersedia untuk meneruskan pencapaian perniagaan serantau dan kecemerlangan operasi ke satu tahap yang lebih tinggi yang akan membawa kami untuk menempuh tahun 2015 dan seterusnya.

Penstrukturan semula Maybank Antarabangsa, sebagai tunjang perniagaan strategik baru-baru ini akan menyediakan lebih banyak tumpuan ke arah menyelaraskan pelbagai pasaran luar negara Maybank. Ini akan menyatukan platform antarabangsa untuk kerjasama perniagaan, sinergi produk dan pelaksanaan perkhidmatan berpusat kepada pelanggan. Ia akan menempatkan Maybank pada kedudukan daya saing yang tinggi untuk menajamkan kedudukan sebagai peneraju serantau.

Di bawah struktur baru ini, pasaran luar negara yang diliputi oleh Maybank Antarabangsa terdiri daripada Wilayah Besar China, Filipina, Indochina dan lain-lain negara seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Labuan, Brunei, Bahrain dan Papua New Guinea.

Di masa hadapan, kami akan terus mengembangkan jejak antarabangsa kami dengan menyediakan laluan lebih besar dan selesa untuk pelanggan kami.

TINJAUAN 2014

Kami amat positif terhadap tinjauan ASEAN khususnya di Singapura, Malaysia, Indonesia dan Filipina serta pertumbuhan Wilayah Besar China dan Indochina yang akan disokong oleh permintaan luaran.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Memaksimumkan potensi di seluruh rantau dengan memanfaatkan capaian pasaran produk yang besar dan luas untuk menghasilkan penyelesaian kewangan yang mampu memenuhi keperluan pelanggan.
- Memanfaat kekuatan di seluruh bank untuk menawarkan penyelesaian yang pintar dan menyeluruh kepada pelanggan.

PENCAPAIAN UTAMA 2013

Prestasi kewangan yang meningkat



PBT kami berkembang 35.2% T-ke-T pada 2013, didorong oleh peningkatan pendapatan bukan faedah sebanyak 23.0% T-ke-T dan pendapatan faedah bersih yang tinggi sebanyak 15.4% T-ke-T didorong oleh pertumbuhan menggalakkan dalam pinjaman dan pendahuluan. Pinjaman dan deposit kasar masing-masing naik 27.4% dan 12.4%, dengan Wilayah Besar China mendahului pertumbuhan dalam pinjaman berjangka korporat dan deposit.

Pengembangan rangkaian pengedaran

Dalam 2013, kami meneruskan pengembangan agresif. Maybank Philippines Incorporated (MPI) menambah 22 cawangan kepada 77 cawangan kesemuanya, manakala Maybank Cambodia Plc (MCP) membuka empat lagi cawangan dan meningkatkan rangkaian pengedarannya kepada 16 cawangan.

Meluaskan liputan pelbagai platform serantau

Di seluruh rantau ini, kami telah mengembangkan Sistem Pengurusan Tunai Serantau (RCMS) untuk turut meliputi Indonesia, Filipina, Hong Kong dan China, bagi kemudahan pelanggan-pelanggan serantau. Liputan bagi platform Pembiayaan Perdagangan Serantau (TradeConnex) pula dikembangkan ke Filipina, Beijing, Hong Kong, Laos, Kemboja, Brunei dan Papua New Guinea. Kami telah memperkenalkan rangkaian mesin juruwang automatik global (Global ATM) di cawangan-cawangan kami di Ho Chi Minh, Laos dan London dalam tahun kewangan.

Hasil dan PBT (RM' juta)**Pinjaman Kasar dan Deposit (RM' bilion)**

WILAYAH BESAR CHINA

ULASAN

Maybank Wilayah Besar China mempunyai tiga cawangan iaitu di Hong Kong, Shanghai dan Beijing, khususnya menyediakan perkhidmatan perbankan pemborongan kepada segmen komersial dan korporat, dengan tumpuan bagi perkhidmatan rentas sempadan dalam konteks ASEAN-China.

TINJAUAN 2014

Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) China dijangka meningkat 8.1% (2013: 7.8%), yang dicerminkan oleh peningkatan sederhana dalam permintaan luaran. Pertumbuhan ekonomi akan didorong oleh sokongan dasar pertumbuhan kerajaan dan sokongan eksport yang meningkat.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Meningkatkan keupayaan produk dan Renminbi (RMB).
- Mengukuhkan jalinan serantau untuk meneroka aliran rentas sempadan ASEAN-China.

PRESTASI 2013



- Maybank Wilayah Besar China mencatatkan kenaikan pendapatan faedah bersih sebanyak 18.2% T-ke-T kepada AS\$65.3 juta, disumbangkan khususnya oleh aktiviti pemberian pinjaman korporat di Hong Kong.
- Jumlah pinjaman meningkat 30.9% T-ke-T kepada AS\$3.6 bilion, disokong oleh kenaikan dalam pinjaman berjangka korporat. Deposit pelanggan mencatatkan peningkatan 25.9% T-ke-T kepada AS\$2.4 bilion, diterajui oleh pertumbuhan kukuh Maybank Shanghai.

PENCAPAIAN 2013

Usaha sama lebih erat antara Kumpulan dengan pasukan petugas liputan pelanggan Wilayah Besar China telah menyaksikan pengembangan asas pelanggan-pelanggan kami di China dan pelanggan-ke-pelanggan. Ia juga mengukuhkan keupayaan kami dalam mendapatkan janji niaga merentasi sempadan serantau. Lebih daripada 65% transaksi pinjaman dan pembiayaan perdagangan adalah merupakan transaksi rentas sempadan antara ASEAN dan China.

Keupayaan perbendaharaan dan jenis-jenis produk kami telah dipertingkatkan dengan pemerolehan lesen derivatif oleh cawangan kami di Shanghai dalam tahun kewangan.

Selain itu, kami telah melancarkan RCMS untuk memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan serantau.

Hasil dan PBT (AS\$' juta)**Pinjaman Kasar dan Deposit (AS\$' bilion)**

ANTARABANGSA

MAYBANK FILIPINA

ULASAN

Maybank Philippines Incorporated (MPI) merupakan penyedia perkhidmatan perbankan penuh yang menawarkan produk dan perkhidmatan pemborongan, pelaburan dan perkhidmatan pengurusan aset, penyelesaian perbendaharaan dan perkhidmatan amanah serta kustodi.

Kini, MPI mempunyai rangkaian luas merangkumi 77 cawangan yang terletak di lokasi strategik di bandar-bandar utama di seluruh negara.

TINJAUAN 2014

Ekonomi Filipina dijangka kekal kukuh dengan pertumbuhan GDP antara 6.5% - 7.5% (2013: 7.2%). Selain meneruskan pembangunan dan pembinaan semula kawasan-kawasan yang terjejas akibat taufan, aktiviti ekonominya akan didorong oleh sektor perladangan dan perindustrian yang berdaya maju, khususnya dengan pembinaan projek-projek infrastruktur utama.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Mengembangkan kehadiran dan penguasaan pasaran kami, khususnya dalam bidang perbankan runcit.
- Mencapai kecemerlangan operasi menerusi peningkatan pemprosesan dan teknologi.
- Meneruskan keupayaan produk.

PRESTASI 2013

- Pendapatan faedah bersih naik sebanyak 25.9% T-ke-T berikutan meningkatnya margin faedah bersih dan jumlah perniagaan perdagangan.
- Pendapatan bukan faedah berkembang sebanyak 42.6% T-ke-T, disokong oleh perdagangan yang meningkat tinggi, keuntungan dagangan pertukaran asing serta fi daripada pinjaman bersindiket dan dua hala.
- PBT jatuh sebanyak 22.6% T-ke-T daripada Peso831 juta berbanding Peso678 juta, terutamanya disebabkan perbelanjaan yang lebih tinggi dan peruntukan daripada pengecutan nilai sekuriti.
- Pertumbuhan pinjaman kekal kukuh dengan peningkatan sebanyak 18.1% T-ke-T, disokong oleh perbankan runcit. Deposit berkembang ketara sebanyak 49.9% T-ke-T, diterajui oleh pertumbuhan dalam akaun semasa.


PENCAPAIAN 2013

Kami menyaksikan pengembangan agresif rangkaian cawangan kami menerusi pembukaan sebanyak 22 cawangan sepanjang tahun kewangan. Segmen perbankan runcit kami telah mencatatkan pertumbuhan kukuh, khususnya di bahagian perniagaan kad kredit dan gadai janji.


Dalam perbankan pemborongan, kami telah memeterai janji niaga pembiayaan korporat dan transaksi perbankan utama yang disokong oleh pelancaran platform serantau – RCMS untuk pengurusan tunai dan TradeConnex untuk pembiayaan perdagangan.

Kami turut mendapat pentauliahn untuk menjadi bank penyelesaian bagi pelanggan-pelanggan pembrokeran saham dan menyaksikan manfaat daripada sinergi dalam bidang ini menerusi Maybank ATR Kim Eng. Senarai anugerah boleh dirujuk di muka surat 62.

Hasil dan PBT (Peso' juta)



Pinjaman Kasar dan Deposit (Peso' juta)



MAYBANK INDOCHINA

ULASAN

Operasi Indochina kami bertapak di Kemboja, Vietnam dan Laos. Di Kemboja, entiti kami yang diperbadankan di negara itu - Maybank Cambodia Plc (MCP) – menyediakan kedua-dua perkhidmatan runcit dan komersial menerusi 16 cawangan. Kami mempunyai dua cawangan penuh di Vietnam yang terletak di Ho Chi Minh dan Hanoi, selain sebuah cawangan penuh di Vientiane, Laos. Kami turut mempunyai pejabat perwakilan di Myanmar.

TINJAUAN 2014

Kemboja dijangka menyaksikan pertumbuhan yang mantap, didorong oleh peningkatan perdagangan dan hasil daripada usaha pemelbagaian ekonomi oleh kerajaan. Sementara itu, pertumbuhan KDNK Vietnam dianggarkan sebanyak 5.6% (2013: 5.4%), yang disokong oleh peningkatan dalam aktiviti perdagangan dan pemulihan persekitaran global. Ekonomi Laos dijangka mengekalkan kemantapannya, disokong oleh permintaan domestik dan pelaburan yang kukuh.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Memanfaatkan penglibatan serantau Maybank untuk menghubungkan Indochina ke pasaran ASEAN dan mengembangkan portfolio Perbankan Pengguna di Indochina.
- Mengukuhkan keupayaan produk Perbankan Global dan Perbankan Konsumer.

PRESTASI 2013

- PBT Maybank Indochina berkembang sebanyak 143.5% T-ke-T kepada AS\$18.3 juta, didorong terutamanya oleh pertumbuhan pendapatan faedah bersih MCP sebanyak 29.8% dan pertumbuhan pendapatan bukan faedah 8.8%.
- Pinjaman kasar meningkat 7.1%, dipacu oleh pertumbuhan 13.8% daripada MCP dan kenaikan lebih daripada 100% di Maybank Laos. Deposit pelanggan naik 9.5% daripada AS\$348 juta kepada AS\$381 juta, yang merangkumi 47.4% pertumbuhan dari Maybank Laos dan 19.4% di Maybank Vietnam.

PENCAPAIAN 2013


MCP meraikan 20 tahun penubuhannya di Kemboja dengan mengadakan majlis makan malam menghargai pelanggan pada November 2013. Komitmen jangka panjang kami di Kemboja dikukuhkan lagi dengan pembukaan empat cawangan baru dan enam ATM luar cawangan pada 2013. Kami melancarkan TradeConnex, platform pembiayaan perdagangan berasaskan laman web, yang membolehkan pelanggan mendapatkan perkhidmatan kewangan perdagangan dan pangkalan maklumat pengetahuan kami. Kami juga berjaya melaksanakan latihan Pemulihan Bencana yang menggunakan pendekatan senario bencana tempatan.

Anugerah yang diterima oleh Maybank Kemboja boleh dirujuk di muka surat 62.


Pada Februari 2013, Maybank Vietnam memperkenalkan Global ATM di cawangannya di Ho Chi Minh. Kami turut menjalin hubungan dengan An Binh Bank (ABBank) sebagai rakan perbankan untuk perkhidmatan pengurusan tunai yang membolehkan kami memanfaatkan rangkaian cawangan ABBank sebagai pusat pungutan tunai.

Maybank Laos memperkenalkan TradeConnex dalam tahun kewangan ini. Selain itu, kami turut menghubungkan Laos ke Global ATM 2013.

Hasil dan PBT (AS\$' juta)



Pinjaman Kasar dan Deposit (AS\$' juta)



ANTARABANGSA

LAIN-LAIN NEGARA

ULASAN

Penyertaan Kumpulan Maybank di lain-lain pasaran termasuk tiga cawangan di Brunei, dua di Papua New Guinea (PNG) dan setiap satu di New York, London dan Bahrain. Kami turut memiliki cabang perbankan Islam di Jakarta. Pada 2013, kami telah menubuhkan cawangan luar pesisir di Labuan - Maybank International Labuan Branch (MILB) - tambahan kepada syarikat subsidiari sedia ada iaitu Maybank International Labuan Ltd.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Mengukuhkan keupayaan platform dan produk kami untuk menjadi bank laluan ke pasaran-pasaran luar negara bagi pelanggan-pelanggan kami di ASEAN.
- Maybank New York dan Maybank London menumpukan kepada usaha mengukuhkan kutipan deposit.
- Maybank Brunei akan mengembangkan portfolio perdagangan dan konsumer.
- MILB akan menumpukan kepada usaha memacu perolehan, khususnya bagi perolehan berasaskan fi dan meningkatkan keupayaan produk.

PRESTASI 2013

- Lain-lain negara menunjukkan peningkatan dari segi PBT sebanyak 80.7% T-ke-T, dengan pendapatan faedah bersih naik sebanyak 4.7% yang disumbangkan sebahagian besarnya oleh faedah pinjaman dan pendahuluan serta penerimaan amanah. Sementara itu, pendapatan bukan faedah meningkat 39.7% diterajui khusus oleh pendapatan pertukaran asing.
- Rekod pinjaman mencatatkan pertumbuhan yang menggalakkan sebanyak 19.0% T-ke-T didorong khususnya oleh pemberian pinjaman korporat. Deposit pelanggan, sementara itu, turun sebanyak 11.2% dalam tempoh kewangan ini.

PENCAPAIAN 2013


Tahun ini, Maybank London melancarkan jalinan ATM pertama ke rangkaian global kami yang memenuhi keperluan transaksi bagi pelanggan di UK.

Pada November 2013, kami juga telah memindahkan lokasi Maybank New York ke pejabat lebih besar yang mencerminkan komitmen jangka panjang dan potensi perniagaan dalam operasi kami di Amerika Syarikat.


Maybank Brunei dan Maybank PNG melancarkan TradeConnex, platform perdagangan berasaskan laman web yang menawarkan laluan mudah serta mobiliti dan keselesaan kepada pelanggan pembiayaan perdagangan kami. Kami juga telah mengembangkan liputan platform Perbankan Internet Serantau ke Maybank PNG pada April 2013.

Pada Jun 2013, kami menubuhkan MILB untuk menjadikan Labuan sebagai platform yang kukuh untuk mendorong pertumbuhan perniagaan masa hadapan.

Hasil dan PBT (RM' juta)



Pinjaman Kasar dan Deposit (RM' bilion)



SYARIKAT-SYARIKAT SEKUTU

PRESTASI 2013


MCB Bank

- Di sebalik tinjauan ekonomi Pakistan yang mencabar dan kejatuhan margin faedah bersih, pinjaman kasar naik 0.83% disumbangkan oleh kenaikan dalam pinjaman jangka pendek. Deposit berkembang 14.2%, sebahagian besarnya disumbangkan oleh akaun CASA.

An Binh Bank (ABB)

- Prestasi ABB kekal mencabar apabila State Bank of Vietnam (SBV) telah mengurangkan kadar diskaun pada TK2013 untuk mengurangkan kos pinjaman bagi merangsang ekonomi negara berkenaan.
- Sementara itu, pinjaman dan deposit masing-masing menunjukkan peningkatan ketara iaitu sebanyak 71.3% and 29.0%. Pertumbuhan pinjaman didorong oleh kadar faedah yang rendah yang ditetapkan oleh SBV dan pertumbuhan deposit khususnya disumbangkan oleh deposit pelanggan daripada segmen runcit.

PBT Saham Syarikat Sekutu (RM' juta)



SINGAPURA



“Kami akan menggarap keupayaan ketiga-tiga entiti kami termasuk Maybank Singapura, Maybank Kim Eng dan Etiqa, bagi memaksimumkan potensi perniagaan di pasaran ini. Visi negara kami untuk menjadikan penyedia perkhidmatan kewangan utama di Singapura ini dengan komitmen untuk memenuhi dan menjangkau jangkauan pelanggan di pasaran-pasaran yang disasarkan. Untuk ini, saya amat berterima kasih kepada penjawat jawatan saya yang terdahulu, Cik Pollie Sim, kerana telah menyediakan asas yang kukuh untuk kami meneruskan pertumbuhan ini.”

DATUK LIM HONG TAT

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Singapura

Dalam agenda serantau kami, satu daripada keutamaan adalah operasi luar negara akan menyumbang 40% kepada keuntungan Kumpulan.

Dari perspektif yang lebih luas, kami akan memanfaatkan kekuatan keseluruhan Maybank Singapura, Maybank Kim Eng dan Etiqa untuk membantu mempercepatkan pencapaian matlamat kami dan merealisasikan potensi negara ini sepenuhnya.

Operasi kami di Singapura akan menjana manfaat utama dari segi melicinkan struktur organisasi Kumpulan untuk memacu ke hala yang strategik.

Struktur baru bagi Singapura berkuatkuasa pada 1 Januari 2014, dengan pelantikan Ketua Kumpulan, CFS, Datuk Lim Hong Tat sebagai CEO yang baru bagi Maybank Singapura.

TINJAUAN 2014

Ekonomi Singapura dijangka berkembang antara 2–4% pada 2014. Industri berorientasikan luaran seperti pembuatan dan pengangkutan & penyimpanan pula dijangka mendapat manfaat daripada peningkatan permintaan global. Bagaimanapun, sektor berorientasikan domestik mungkin mencatat pertumbuhan yang lebih perlahan kerana kedudukan pasaran buruh yang sukar akan berterusan. Industri pembinaan, khususnya, akan berdepan dengan tekanan daripada penurunan permintaan swasta untuk projek-projek kediaman.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Menerusi manfaat gabungan keupayaan Maybank Singapura, Maybank Kim Eng dan Etiqa akan menyediakan penyelesaian kewangan lengkap untuk pelanggan dengan pendekatan yang tiada sempadan.
- Mengoptimumkan peluang perniagaan serantau dan memacu manfaat sinergi dalam Kumpulan.
- Mendalamkan ikatan kami di seluruh segmen pelanggan utama dan meningkatkan jualan silang.
- Memanfaatkan saluran maya dan pakatan strategi untuk meluaskan titik sentuhan pelanggan.
- Meningkatkan sumber deposit yang stabil dengan menawarkan perkhidmatan pengurusan transaksi dan kekayaan yang mempunyai ciri kelainan.
- Meluaskan tawaran produk Islam untuk menyediakan penyelesaian alternatif kepada pelanggan kami.

ULASAN

Sebagai Bank Kelayakan Penuh (QFB), Maybank Singapura telah memantapkan kehadirannya di pasaran perbankan runcit dan pemborongan di negara ini dengan saiz aset bersih kira-kira S\$42 bilion dan lebih 1,600 kakitangan.

Rangkaian kami termasuk 27 lokasi perkhidmatan di Singapura dan kami merupakan satu daripada peserta atm5 – satu-satunya rangkaian perkongsian ATM di Singapura daripada enam buah QFB, dengan jumlah capaian kepada lebih 130 pusat sentuhan dan 170 ATM.

Teras strategik kami adalah untuk mengukuhkan francais domestik dan kedudukan kami untuk memanfaatkan kedudukan Singapura sebagai pusat kewangan untuk memelopori aspirasi serantau Kumpulan dengan beberapa keutamaan yang telah ditetapkan.

PRESTASI KEWANGAN 2013

PBT tahun penuh dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah sebanyak S\$414 juta. Jumlah ini 3.7% lebih rendah berbanding setahun lalu berikutan impak guna pakai perakaunan baru untuk kepentingan efektif, yang menyeimbangkan pertumbuhan pendapatan yang tinggi.

Sebelum impak penyelarasan perakaunan, pendapatan berasaskan dana bersih naik 12.6% dan PBT pula 10.8% lebih tinggi dalam tahun kewangan. Prestasi ini disebabkan oleh pertumbuhan pinjaman sebanyak 13.6% dengan portfolio pinjaman kami mencapai rekod tertinggi S\$31 bilion pada akhir tahun.

Pendapatan berasaskan fi sebanyak S\$285 juta adalah 6.6% lebih tinggi bersandarkan kepada sumbangan yang kukuh daripada aktiviti berkaitan perbendaharaan, pengurusan kekayaan dan perniagaan kad kredit.

Kualiti aset kekal menggalakkan dengan nisbah rosot nilai pinjaman kasar sebanyak 0.30%, lebih baik berbanding 0.45% dalam tahun sebelumnya.

ANTARABANGSA

INDONESIA



“Kami menutup tahun kewangan 2013 dengan keputusan kewangan yang memuaskan di tengah-tengah persekitaran ekonomi yang mencabar dengan PATAMI berjumlah Rp1.55 trilion dan jumlah aset melebihi Rp140 trilion, naik 22% berbanding tahun sebelumnya. Jejak transformasi kami yang berterusan telah menghasilkan keputusan positif yang menjadi petunjuk baik bagi pertumbuhan jangka panjang kami. Di samping memperkukuhkan apa yang telah kami mulakan dan menajamkan hala strategik kami, jejak transformasi akan menumpukan kepada usaha mengoptimumkan peluang-peluang ekonomi dari awal hingga akhir. Dalam melaksanakan perkara ini, kami akan terus memberi keutamaan kepada perkhidmatan berkualiti tinggi, menginovasikan produk, memudahkan pemprosesan dan menghubungkan serantau dengan Kumpulan.”

TASWIN ZAKARIA
Pengarah Presiden (Bakal), BII

TINJAUAN 2014

Ekonomi Indonesia dijangka berkembang sederhana pada 5.6% T-ke-T, kerana dasar kewangan yang ketat pada 2013 akan memberi tekanan kepada sektor hartanah. Bagaimanapun tekanan inflasi dijangka akan menjadi normal antara 5% dan 6% kerana kesan daripada kenaikan harga bahan api pada 2013 akan berkurangan menjelang Julai 2014. Tambahan lagi, defisit akaun semasa (CAD) Indonesia juga dijangka akan meningkat antara 2.8% dan 3% daripada KDNK kerana Kerajaan dan Bank Pusat melaksanakan beberapa langkah untuk menahan kenaikan CAD.

Defisit imbalan perdagangan Indonesia dan CAD telah merosot apabila eksport jatuh dan import meningkat. Di tengah-tengah ekonomi global yang lembap, eksport Indonesia telah jatuh dengan ketara manakala import meningkat selaras dengan pertumbuhan ekonomi yang mantap. Selain itu, dengan ketidaktentuan disebabkan penirisan Penurunan Kuantitatif di Amerika Syarikat dan pengembangan CAD, telah menyebabkan matawang rupiah Indonesia lemah berbanding dolar AS.

Ekonomi Indonesia dijangka berkembang 5.7% pada 2013 berbanding 6.23% pada 2012, disebabkan oleh penggunaan swasta yang perlahan dan pelaburan yang sederhana. Inflasi pula naik kepada 8.38% pada 2013 berbanding 4.30% dalam tahun sebelumnya akibat daripada pelarasan harga bahan api pada Jun 2013.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Transformasi Serantau Domestik – orientasi pertumbuhan serantau akan diselaraskan dengan potensi ekonomi serantau, menajamkan liputan dan produktiviti serantau kami menerusi pemahaman lebih baik terhadap perniagaan tempatan dan risiko yang berkaitan, manakala operasi serantau dan cawangan berusaha untuk memperkukuhkan pembangunan komuniti.
- Perbankan Runcit dan Perniagaan akan menumpukan kepada perkhidmatan untuk komuniti, manakala Perbankan Global akan menyediakan pertubuhan Tahap 1 dan enterpris milik kerajaan.
- Orientasi semula segmen pelanggan.
- Mengukuhkan infrastruktur IT.
- Membangunkan modal insan.
- Strategi pengurusan kos.

PRESTASI 2013

- Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) meningkat 29% kepada Rp2.2 trilion.
- Keuntungan Selepas Cukai dan Kepentingan Minoriti (PATAMI) naik sebanyak 28% kepada rekod terbaru sebanyak Rp1.55 trilion.
- Aset meningkat sebanyak 22% kepada Rp140.7 trilion.
- Portfolio pinjaman bersih berkembang 26% kepada Rp102.0 trilion.
- Deposit pelanggan naik 25% kepada Rp107.2 trilion, disumbangkan oleh kenaikan ketara dalam deposit simpanan sebanyak 31%.

PT BANK INTERNASIONAL INDONESIA TBK

BII beroperasi disemua wilayah di Indonesia, menerusi 422 cawangan termasuk cawangan Syariah dan dua cawangan luar negara iaitu di Mauritius dan Mumbai, India.

Dengan 1,524 ATM termasuk Mesin Deposit Tunai (CDM) di seluruh negara, kami merupakan satu daripada bank yang mempunyai sambungan dengan semua rangkaian perbankan di Indonesia iaitu menerusi ATM PRIMA, ATM BERSAMA, ALTO dan CIRRUS dan juga rangkaian MEPS di Malaysia serta ATM Maybank di Malaysia dan Singapura.

Kami menawarkan perkhidmatan kewangan penuh untuk kedua-dua pelanggan individu dan korporat menerusi perbankan runcit, perniagaan dan global, manakala syarikat-syarikat subsidiari kami iaitu PT Wahana Ottomitra Multiartha Tbk (WOM Finance) dan PT BII Finance (BII Finance) masing-masing menyediakan pembiayaan motosikal dan kereta.

Kami bermatlamat untuk menjadi bank 'persaudaraan' peneraju di Indonesia dengan sentiasa berada dekat dengan komuniti, memberikan perkhidmatan menerusi produk dan penyelesaian yang khusus untuk pelanggan serta memberikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi.

PRESTASI 2013

PATAMI pada 2013 meningkat 28% kepada Rp1.55 trilion, yang dicapai menerusi pertumbuhan kukuh di seluruh perniagaan teras Bank, pertumbuhan deposit yang juga mantap, keuntungan dari syarikat-syarikat subsidiari yang naik dengan ketara dan kenaikan di seluruh operasi. Tumpuan Bank terhadap pengurusan kos dan pemulihan produktiviti menjadi penyumbang terbesar bagi prestasi tahun penuh kami.

Di sebalik persekitaran pasaran yang mencabar, pinjaman bersih kami meningkat sebanyak 26% kepada Rp102.0 trillion berbanding Rp80.9 trilion pada 2012. Deposit pelanggan pula meningkat kukuh sebanyak 25% kepada Rp107.2 trilion berbanding Rp85.9 trilion dalam tahun sebelumnya, dengan deposit simpanan menyaksikan pertumbuhan kukuh sebanyak 31% dan akaun semasa berkembang 20% manakala deposit tetap naik 24%.

Nisbah pinjaman berbanding deposit (LDR) terkumpul stabil pada 93.24%. LDR di peringkat Bank (tidak termasuk syarikat subsidiari) kekal pada tahap menggalakkan sebanyak 87.04%, manakala LDR terkumpul Bank yang diubahsuai termasuk bon senior, pinjaman jangka panjang dan deposit pelanggan mencatat purata 82.06% sehingga 31 Disember 2013.

Pendapatan faedah bersih meningkat sebanyak 9% daripada Rp5.3 trilion pada Disember 2012 kepada Rp5.8 trilion pada Disember 2013 hasil daripada pertumbuhan ketara pinjaman. Ini dicapai di sebalik penurunan kecil dalam margin faedah bersih daripada 5.73% kepada 5.20% berikutan kedudukan pasaran yang mencabar berserta persaingan kukuh dalam industri.

Pinjaman tidak berbayar (NPL) di peringkat Bank telah menerima kesan daripada kenaikan kadar faedah sepanjang 2013 dan juga penurunan aktiviti eksport berikutan kedudukan semasa ekonomi global dan domestik. Sehingga 31 Disember 2013, NPL kasar Bank berada pada 2.11% dan NPL bersih pula pada 1.55%. Pihak Bank bagaimanapun telah meningkatkan pemantauan akaun pelanggan dan juga kualiti kredit untuk memastikan kualiti aset diuruskan dengan sebaik-baiknya dan kekal pada tahap yang menggalakkan.

PENCAPAIAN

Pada 2013, kami telah memasuki segmen mikro untuk menyokong pembiayaan mikro di Indonesia. Selari dengan tumpuan pada sektor pembiayaan mikro, kami juga telah melancarkan program CSR untuk meningkatkan daya saing wanita dengan menyediakan Pembiayaan Mikro di Makassar. Bersama-sama Kumpulan Maybank, kami menyediakan dana berputar berjumlah Rp1 bilion untuk ahli "Asosiasi Pendamping Perempuan Usaha Kecil" menerusi 29 buah Lembaga Keuangan Perempuan di lima buah wilayah di Indonesia, iaitu di Sumatra, Jawa, Kalimantan, Sulawesi dan Nusa Tenggara.

Kami mencatatkan pertumbuhan yang mampan dalam Perbankan Perniagaan dengan pinjaman berkembang 30% kepada Rp35.3 trilion dan pinjaman PKS meningkat 35% kepada Rp13.8 trilion. Sementara itu, pertumbuhan deposit mengukuh sebanyak 22% kepada Rp30.7 trilion. Pengembangan perniagaan mikro kami menerusi program memperkuat komuniti tempatan telah menjana pertumbuhan amat menggalakkan bagi pinjaman mikro iaitu sebanyak 328% kepada Rp146 bilion.

Perbankan Runcit telah menyaksikan pemulihan dari segi prestasi, yang ditunjukkan menerusi peningkatan prestasi syarikat-syarikat subsidiari Bank - PT Wahana Ottomitra Multiartha Tbk (WOM) dan BII Finance – di bawah pengurusan Perbankan Runcit, juga telah mencatatkan peningkatan ketara dan menyumbang kepada keseluruhan prestasi Bank.

Pinjaman Perbankan Global berkembang sebanyak 21% kepada Rp31.0 trilion berbanding Rp25.5 trilion. Perbankan Transaksi pula melonjak 113% apabila pelanggan-pelanggan CoOL Banking meningkat sebanyak 113%, jumlah urus niaga naik 24%, pelanggan penggajian 38% dan aset di bawah pengurusan berkembang 47%.

Perbankan Syariah BII telah menunjukkan keputusan yang menggalakkan sejak dilaksanakan pengubahsuaian model perniagaan dan akan terus menjadi penyedia produk untuk seluruh perniagaan.

Sejajar dengan komitmen BII untuk menambah baik perkhidmatan perbankan untuk keperluan pelanggan, kami telah membina platform perbankan elektronik untuk meningkatkan khidmat pembayaran dan perbankan transaksi bagi perbankan runcit, perniagaan dan global kerana ia menyediakan laluan kepada pelbagai produk BII yang lengkap.

Pada Julai 2013, kami berjaya melaksanakan terbitan hak sebanyak Rp1.5 trilion untuk mengukuhkan struktur modal bagi menyokong pertumbuhan perniagaan kami di masa hadapan.

Pada Oktober 2013, kami telah membuka semula cawangan di Mumbai untuk mengembangkan perkhidmatan kami kepada pelanggan serantau. Kehadiran kami di Mumbai adalah untuk membina sinergi dan ia selari dengan visi Kumpulan untuk menjadi peneraju perkhidmatan kewangan serantau.

Sebagai sebahagian daripada proses transformasi yang termasuk pelaburan dalam rangkaian dan infrastruktur IT, kami telah mendapat Anugerah Kecemerlangan Perbankan IT 2013 daripada majalah Warta Ekonomi sebagai pemenang bank komersial bagi kategori jumlah Modal Rp 5 – 30 trilion Tahap 1. Anugerah ini menunjukkan bahawa kami berjaya melaksanakan teknologi maklumat bagi operasi perbankan kami. Selain itu, kami juga menerima Anugerah Sektor Kewangan Terbaik bagi Tadbir Urus Korporat Yang Baik pada Persidangan dan Anugerah IICD 2013 Ke-5 daripada Institut Lembaga Pengarah Korporat (Indonesian Institute for Corporate Directorship -IICD). Anugerah ini mencerminkan ketelusan kami dalam melaksanakan prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat Yang Baik.

Senarai penuh anugerah dan pengiktirafan ini boleh didapati di muka surat 63.

INSURANS & TAKAFUL



“Kami telah mencatatkan satu lagi rekod pada 2013 dan kali ini diperolehi menerusi kerja keras dan dedikasi kakitangan kami serta kerjasama kukuh dalam Kumpulan Maybank dan semangat keusahawanan para pengedar-pengedar kami. Bagi memastikan pertumbuhan keuntungan yang mampan, kami telah memberi lebih banyak tumpuan terhadap perniagaan premium biasa dan insurans kebakaran/takaful. Seajar dengan falfasah keinsanan Etiqa, kami sentiasa proaktif dalam penyelesaian tuntutan dengan mendekati pelanggan yang terlibat dalam kejadian-kejadian tidak diingini seperti banjir.”

KAMALUDIN AHMAD

Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Ageas Holdings Bhd (MAHB)

TINJAUAN 2014

Pertumbuhan industri insurans dan takaful tahun 2014 akan kekal stabil disebabkan oleh permintaan domestik, pengurusan risiko yang lebih baik dan pengenalan produk inovatif baru atau yang dipertingkatkan. Peserta-peserta insurans dan takaful dijangka menggunakan opsyen pengedaran pelbagai serta membangunkan saluran alternatif dan pada masa sama mengukuhkan barisan agensi untuk membina kedudukan yang kukuh dalam industri.

Di sebalik tinjauan yang positif, industri ini akan berdepan dengan pelbagai perubahan berikutan pelaksanaan regim peraturan-peraturan baru dan modal berasaskan risiko (RBC) bagi takaful. Pelaksanaan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) 2013 akan menyaksikan pengendali insurans dan takaful komposit melepaskan lesen komposit mereka, sekali gus memisahkan perniagaan hayat/keluarga dan am kepada entiti yang berbeza kerana mereka diberikan tempoh lima tahun untuk mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pengenalan regim RBC bagi sektor takaful dan keperluan operator insurans/takaful komposit untuk mengasingkan operasi mereka kepada lesen berasingan untuk perniagaan Hayat/Keluarga dan Am mungkin mendorong ke arah satu lagi pusingan penggabungan pasaran. Operator insurans dan takaful komposit kemungkinan melupuskan bahagian operasi insurans/takaful mereka jika kos tambahan modal menjadi bebanan kerana langkah-langkah peraturan yang ditetapkan ini akan menjejaskan pulangan yang boleh dijana.

Selain itu, Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful dijangka akan menyokong pertumbuhan jangka panjang dan membangunkan industri insurans hayat dan takaful keluarga dan juga melindungi kepentingan pengguna.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Meningkatkan tumpuan terhadap bahagian-bahagian yang menguntungkan – berpindah daripada Premium Tunggal kepada Premium Biasa.
- Menambah pengambilan ejen hayat dan meningkatkan produktiviti ejen takaful keluarga.
- Melancarkan produk baru yang menumpukan kepada kaitan dengan produk pelaburan, persaraan dan endowmen.
- Melaksanakan peluang berpotensi tinggi dalam perniagaan dalam talian dengan menumpukan kepada portal pelanggan, web mudah alih dan aplikasi.

PRESTASI 2013

- Dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 (TK2013), premium bertulis kasar (GWP) Etiqa jatuh 11% kepada RM4.8 bilion berbanding RM5.4 bilion pada 2012.
- Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) Etiqa, bagaimanapun, mencatatkan pertumbuhan 7%, meningkat kepada RM733.3 juta.
- Jumlah aset meningkat 3% kepada RM28.3 bilion daripada RM27.5 bilion pada 2012.
- Perniagaan Takaful kami terus menerajui industri dengan penguasaan pasaran sebanyak 47.3% bagi Takaful Am dan 31.6% dalam perniagaan baru Takaful Keluarga.
- Kami memiliki angkatan agensi terbesar dengan lebih 18,000 ejen (untuk kedua-dua Hayat/Keluarga dan Am).
- Operasi Bankasurans kami kini merupakan No.1 dengan penguasaan pasaran sebanyak 27% bagi Perniagaan Baru Premium Biasa.
- Kami merupakan satu-satunya syarikat insurans dan pengendali takaful di Malaysia yang telah diiktiraf dengan penarafan Kekuatan Kewangan Penginsurans 'A' oleh Fitch Ratings untuk kedua-dua Etiqa Insurance Berhad (EIB) and Etiqa Takaful Berhad (ETB).
- Bon subordinat EIB sebanyak RM500 juta telah menerima penarafan jangka panjang AA1 daripada RAM Ratings Berhad.

ULASAN

Sebagai satu daripada tunjang utama 'Struktur Baru Maybank', cabang Insurans dan Takaful dengan jenama Etiqa berhasrat menjadi peneraju di Malaysia yang tiada tandingan dan muncul sebagai peserta serantau dalam sektor insurans dan takaful. Etiqa berazam untuk berkembang dan menjadi tunjang yang kukuh bagi Kumpulan Maybank dengan menyumbangkan hasil yang besar dan keuntungan yang tinggi.

Etiqa menawarkan jenama yang unik dan tersendiri untuk setiap jenis dan kelas insurans hayat dan am serta pelan takaful keluarga dan am menerusi rangkaian pengedaran pelbagai saluran. Barisan produk hayat dan keluarganya termasuk endowment, insurans berjangka, kemalangan peribadi, pendidikan, insurans perubatan berkaitan pelaburan, manakala insurans konvensional dan takafulnya pula terdiri daripada insurans kebakaran, kenderaan bermotor, penerbangan, marin dan polisi kejuruteraan.

Dengan memberi tumpuan kepada kemudahan pelanggan, Etiqa memiliki agensi yang kuat terdiri daripada lebih 18,000 ejen dan 31 cawangan di seluruh Malaysia, termasuk rangkaian pengedaran Bankasurans dan Bankatakaful di 400 cawangan Maybank dan bank pihak ketiga. Untuk manfaat pengguna internet, MotorTakaful dan Maybank2u menawarkan jualan langsung menerusi internet. Selain itu, produk-produk Etiqa yang disalurkan menerusi koperasi, syarikat broker dan institusi telah mendekatkannya dengan pelanggan dan meningkatkan capaiannya ke pasaran di negara ini.

Etiqa bekerjasama erat dengan rakan kongsi dan pelanggan untuk menginsankan industri insurans dan takaful selari dengan aspirasi Maybank untuk menginsankan perkhidmatan kewangan di seluruh Asia. Keazaman Etiqa ini bersandarkan kepada kekukuhan, kepakaran dan asas yang kuat sebagai institusi kewangan utama di negara ini dan didorong oleh profesionalisme, pemahaman terhadap pelanggan, keberanian dan integriti kakitangannya.

Pada 2013, Etiqa mencatat sejarah apabila kedua-dua EIB dan ETB telah mendapat penarafan 'A' Insurer Financial Strength oleh Fitch Ratings.

EIB, cabang insurans konvensional Etiqa, merupakan satu-satunya syarikat insurans di Malaysia yang diberi penarafan 'A' oleh Fitch Ratings sejak 2011. Penarafan ini menunjukkan kekuatan profil perniagaan EIB dalam pasaran insurans hayat domestik dan insurans am, kapasiti pengedaran yang luas, prestasi operasi yang konsisten, kualiti yang berwibawa dan pendekatan pelaburan yang berhemah. Penarafan ini turut membuktikan kedudukan modal EIB yang mantap atas asas penyesuaian risiko dan rizabnya yang kukuh.


Sementara itu, penarafan 'A' untuk ETB, penarafan tertinggi untuk pengendali takaful di Malaysia, mencerminkan kedudukannya sebagai peneraju dalam pasaran takaful di negara ini yang mempunyai liputan pengedaran yang luas, sejarah operasi selama 20 tahun, kedudukan mudah tunai yang kukuh dan margin operasi yang menggalakkan. Penarafan ini juga mengiktiraf kedudukan ETB sebagai subsidiari operasi teras dalam Kumpulan.

EIB juga menerima penarafan jangka panjang AA1 daripada RAM Ratings Berhad bagi terbitan bon subordinat berjumlah RM500 juta. Selain itu, penarafan keupayaan bayaran tuntutan jangka panjang dan pendek EIB masing-masing telah diberi penarafan AAA dan P1. Kedua-duanya diberi penarafan jangka panjang dengan tinjauan stabil.

PRESTASI KEWANGAN

Gabungan premium dan sumbangan kasar jatuh 11% tahun-ke-tahun (T-ke-T) kepada RM4.8 bilion, berikutan persekitaran yang mencabar bagi perniagaan Insurans Hayat/Takaful Keluarga.

Premium/Sumbangan Kasar




Nota bagi *: Dis 2011 - angka 12-bulan dinyatakan semula.

(Angka bagi Dis 2011 sebanyak RM2.3 bilion adalah berdasarkan prestasi 6 bulan berikutan pertukaran Tahun Kewangan daripada Jun ke Disember).

Bagaimanapun, Etiqa mencatatkan pertumbuhan 7% T-ke-T dari segi Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) bagi TK2013, meningkat kepada RM733.3 juta hasil daripada peningkatan prestasi penanggungan perniagaan am dan pulangan yang menggalakkan daripada pelaburan ekuiti. Jumlah aset meningkat 3% kepada RM28.3 bilion berbanding RM27.5 bilion dalam tahun sebelumnya.

Keuntungan Sebelum Cukai




Nota bagi *: Dis 2011 - angka 12-bulan dinyatakan semula.

(Angka Dis 2011 sebanyak RM280 juta adalah berdasarkan kepada prestasi 6 bulan berikutan perubahan dalam Tahun Kewangan daripada Jun hingga Disember).

*: angka dinyatakan semula berikutan pelarasan audit tahun sebelumnya.

INSURANS & TAKAFUL

Jumlah Aset




Nota untuk *: angka dinyatakan semula berikutan pelarasan audit tahun sebelumnya.


Dalam tempoh yang sama, perniagaan Hayat/Keluarga jatuh 20% T-ke-T berikutan minat rendah pelanggan terhadap produk Premium Tunggal dan persaingan sengit dalam perniagaan berkaitan kredit daripada bank pihak ketiga. Bagi Insurans Am/Takaful, kenaikan dalam semua kelas perniagaan, kecuali Marin, Penerbangan dan Transit (MAT), menerajui pertumbuhan perniagaan Am sebanyak 2% berbanding tahun sebelumnya.

Sumbangan perniagaan daripada segmen yang pelbagai ini ditunjukkan di bawah:

Perniagaan Hayat/Keluarga



Perniagaan Am



Keseluruhan sumbangan kasar takaful berkurangan sebanyak 10% T-ke-T kepada RM2.3 bilion, menyumbang sebanyak 49% kepada jumlah premium/sumbangan kasar Etiqa.

Di sebalik penurunan ini, perniagaan takaful terus menerajui industri, dengan penguasaan pasaran sebanyak 47.3% dalam Takaful Am dan 31.6% dalam perniagaan baru Takaful Keluarga (Statistik ISM 12 bulan berakhir pada 30 September 2013).

INOVASI PRODUK

Pada 2013, kami mengotakan janji untuk menjadi pembekal produk pilihan kepada rakan-rakan pengedaran kami dalam bidang seperti simpanan persaraan, perancangan pendidikan dan perlindungan kekayaan. Kami turut melancarkan barisan produk untuk menggalakkan pertumbuhan perniagaan. Berikut adalah produk-produk baru utama Etiqa yang dilancarkan pada 2013:

Mabrur

Mabrur merupakan simpanan takaful dan perlindungan menyeluruh yang melengkapkan persediaan pelanggan untuk menunaikan Haji dan Umrah. Etiqa menyediakan Pusat Sehenti untuk pelanggan membuat perancangan Haji dan Umrah yang lebih baik. Etiqa turut memudahkan proses untuk pelanggan membuka akaun dan mendaftar dengan Lembaga Tabung Haji sebaik Pembayaran Tunai pertama dibuat. Dengan pelan ini, pembukaan akaun diberikan percuma tanpa dikenakan caj.

Takaful Alif Plus

Produk ini merupakan sumbangan lazim pelan asas takaful yang direka khusus sebagai kemudahan simpanan untuk pendidikan masa hadapan anak-anak. Ia menawarkan manfaat matang pada akhir tempoh pelan berkenaan. Peserta boleh memilih untuk membuat perlindungan terhadap dirinya bagi memastikan masa hadapan anak-anak dan keluarga mereka terpelihara dari segi kewangan jika berlaku senario tidak diingini yang melibatkan peserta.

Smart Retirement Xtra

Smart Retirement Xtra merupakan perlindungan persaraan yang akan membuat pembayaran kepada pelanggan untuk tempoh tetap 10 tahun selepas mereka bersara. Pada masa yang sama, pemegang polisi ini akan menikmati pengecualian cukai baharu sehingga RM3,000 sehingga tahun penilaian pada 2021.

Elite Investment Link

Elitelink merupakan pelan Premium Biasa Berkaitan Pelaburan yang bukan hanya menawarkan perlindungan untuk kematian serta kecacatan penuh dan kekal, ia turut menawarkan elemen pelaburan. Pelanggan-pelanggan juga boleh menambah perlindungan opsional untuk perlindungan yang lebih lengkap.

Ultra Medic Rider

Pelan perubatan insurans hospital dan pembedahan premier ini menyediakan perlindungan perubatan lengkap sehingga RM1.5 juta sepanjang hayat pelanggan dan pilihan terhadap lima pelan berbeza untuk memenuhi perbelanjaan dan keperluan seseorang.

MELUASKAN BIDANG OPERASI KAMI

Pelan Transformasi Agensi yang telah berlangsung selama dua tahun, berjaya memacu pengambilan ejen dan penubuhan infrastruktur untuk membina daya saing dan kemampunan Agensi Hayat dan Saluran Keluarga. Pelbagai kejayaan utama termasuk pengenalan pelan pampasan baru untuk menggalakkan budaya prestasi tinggi dan juga penubuhan empat pejabat inkubator baru bagi menambah bilangan Pemimpin Agensi masa hadapan. Program untuk meningkatkan pengetahuan ejen dan produktiviti ini diperkenalkan untuk menyediakan penyelesaian kekayaan lengkap untuk pelanggan.

Saluran Bankasurans telah menampakkan pertumbuhan dalam kelas perniagaan utama seperti Premium Biasa Perniagaan Baru dan Kebakaran, akibat kekukuhan dan bilangan pelanggan Maybank. Premium Biasa Perniagaan Baru telah mencatat pertumbuhan 7% dan Kebakaran merekodkan pertumbuhan sebanyak 6% berbanding tahun sebelumnya. Saluran Bankasurans juga berjaya mempelopori segmen Berpendapatan Tinggi (HNW) dan Mewah, yang mana pelancaran pelan pemotongan cukai 'Smart Retirement Xtra', menyaksikan kadar penyertaan segmen ini lebih 40% berbanding 9% dalam tahun sebelumnya.

Bagi segmen bankasurans Premium Biasa Perniagaan Baru, Etiqa mendominasi penguasaan pasaran sebanyak 27% pada suku ketiga 2013.

Perniagaan dalam talian MotorTakaful pula mencatatkan prestasi yang amat menggalakkan pada 2013 dengan pertumbuhan 48% berbanding tahun sebelumnya. Dari segi bilangan polisi, pelanggan MotorTakaful meningkat kepada 38,657 berbanding 27,591 tahun lalu. Perniagaan dalam talian juga disokong oleh kempen dalam talian yang amat berjaya, "My Car's A Star", yang telah menggalakan peserta menghantar gambar kereta mereka. Kempen ini telah menarik 12,150 permohonan dan merekodkan jualan polisi kenderaan bermotor sebanyak 5,829 sepanjang kempen tersebut diadakan. Kempen ini telah memenangi dua anugerah – Anugerah Emas bagi Media Sosial Terbaik dan Anugerah Perak bagi Kempen Pemasaran Digital Terbaik daripada anugerah pengiklanan terkemuka 'Dragons of Asia 2013' menerusi Anugerah Promosi Pemasaran Asia.

BERPEGANG PADA JANJI

Menjadi peneraju tiada tandingan bukan hanya angka semata-mata, tetapi juga kami mahu mendekati pelanggan-pelanggan kami dan memenuhi janji kami terhadap mereka. Etiqa telah membangunkan 'mata bukti' pada setiap tahun, yang bermakna mencari jalan untuk menghidupkan janji jenama Etiqa iaitu "Menginsankan Insurans dan Takaful". Pada 2013, Etiqa melancarkan tiga mata bukti baru untuk menghidupkan jenama Etiqa. Dengan berlakunya banjir pada musim monsun setiap tahun, Etiqa telah membuat persediaan awal untuk membantu para pelanggan yang terlibat. Talian khas telah dibuka untuk perkhidmatan lebih pantas; terdapat lawatan segera oleh penilai insurans ke kawasan-kawasan yang terlibat dan kami juga telah menyediakan bantuan trak khas Etiqa untuk menemui pelanggan-pelanggan.

Kempen kesedaran khas juga telah dikendalikan di kawasan-kawasan yang sering dilanda banjir untuk mengingatkan penduduk tentang tindakan yang perlu diambil jika dan apabila banjir berlaku. Beg kalis air khas juga telah diedarkan kepada penduduk-penduduk untuk menyelamatkan dokumen-dokumen penting, jika keadaan memerlukan.

PENGLIBATAN ANTARABANGSA

Tambahan kepada cawangan sedia ada di Singapura, Brunei dan Pakistan, portfolio Insurans dan Takaful disasarkan untuk melengkapkan pertumbuhan Maybank di peringkat antarabangsa dengan tumpuan terhadap negara-negara di mana Maybank memiliki kapasiti pengedaran yang kukuh. Pengembangan

antarabangsa juga akan menyediakan Etiqa dengan peluang menarik untuk berada di pasaran-pasaran pertumbuhan tinggi, memanfaatkan dua amanat utama, operasi luar negara Maybank dan kepakaran Etiqa dalam perniagaan takaful dan bankasurans.

Etiqa Insurance Berhad (EIB) Singapura

Cawangan Etiqa di Singapura mencatatkan penurunan 6% dalam PBT atau S\$5.57 juta pada TK2013 berbanding S\$5.94 juta dalam tahun sebelumnya. Perolehan mencatatkan kenaikan sebanyak 7% atau S\$40.75 juta berbanding tahun sebelumnya (S\$38.2 juta). Menerusi proses penanggungan yang ketat dan berdisiplin, sumbangan premium motor telah mencatatkan pengurangan GWP daripada 30% kepada 25%. Sementara itu, terdapat peningkatan segmen Kebakaran (daripada 21% kepada 25%) manakala Marin, Penerbangan dan Transit serta segmen lain-lain masing-masing kekal pada 4% dan 45%. Keseluruhan campuran saluran pengedaran telah meningkat dengan Agensi sebagai penyumbang utama dengan jualan sebanyak 51%. Memandang ke hadapan, cawangan ini bermatlamat untuk menarik segmen pasaran baharu dengan meningkatkan tawaran produk bagi mengembangkan asas pasaran dan mengekalkan keuntungan.

Etiqa Insurance Berhad (EIB) Brunei

Cawangan Etiqa di Brunei mencatatkan sedikit pertumbuhan bagi GWP berbanding tahun sebelumnya. Perniagaan insurans am Etiqa Brunei didominasi oleh saluran Agensi sebagai penyumbang hasil utama (88%), dengan tumpuan kebanyakannya terhadap korporat dan risiko projek. Cawangan berhasrat untuk mengukuhkan portfolionya dan meneroka kelainan dalam perniagaan bukan-permotoran selain meraih potensi kenaikan negara ini.

Pak-Kuwait Takaful Company Limited (PKTCL) Pakistan

Menerusi pegangan sebanyak 32.5% dalam PKTCL, Etiqa Oversea Insurance Private Limited (EOIPL) merupakan pelabur terbesar tunggal dalam syarikat takaful pertama di Pakistan ini. Walaupun terdapat banyak cabaran pada 2013, GWP syarikat ini berkembang 8% berbanding tahun sebelumnya.

MENINGKATKAN PENGALAMAN PELANGGAN

Etiqa adalah tentang insan dan sebagai sebahagian daripada janji jenama Etiqa, kami telah menggunakan strategi "Service to Care" untuk menginsankan interaksi dengan semua pelanggan. Mendapati bahawa pertemuan pertama dengan pelanggan kami amat penting, kami telah mengambil langkah berani untuk menutup maklum balas suara interaktif di Pusat Hubungan Etiqa Online.

Dalam tahun kewangan ini, Etiqa Online mengendalikan lebih daripada satu juta khidmat panggilan dan e-mel daripada pemilik posisi dan rakan niaga Etiqa. Untuk menyediakan laluan lebih baik kepada pelanggan, kumpulan yang berasaskan telah ditubuhkan untuk menguruskan pemegang polisi, orang tengah dan ejen utama. Kumpulan baharu ini telah memudahkan pelanggan untuk berhubung dengan Etiqa untuk sebarang pertanyaan.

Dalam usaha menyokong matlamat Etiqa untuk menginsankan interaksi semua pelanggan, kami telah memanfaatkan sistem pangkalan data pengetahuan untuk memastikan setiap pertanyaan dan permohonan diselesaikan dengan cepat dan lengkap. Dengan pelaksanaan sistem pangkalan data ini, kadar penyelesaian hubungan yang tinggi telah didaftarkan iaitu sebanyak 93% hasil daripada peningkatan tahap kecekapan kumpulan dari segi kemahiran teknikal dan tingkah laku.

Kami menerima pengiktirafan daripada industri dalam bentuk anugerah daripada Perhubungan Pelanggan dan Persatuan Pusat Perhubungan Malaysia (CCAM). Kami merupakan satu-satunya syarikat insurans dan pengendali takaful yang telah memenangi anugerah oleh CCAM ini.

INSURANS & TAKAFUL

PROGRAM ZAKAT KORPORAT / TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Tanggungjawab Zakat Korporat

Program Tanggungjawab Zakat Korporat (CZR) oleh Etiqa merupakan sebahagian komitmen untuk menyediakan sumbangan zakat kepada institusi keagamaan dan juga kumpulan-kumpulan kurang berkemampuan di seluruh Negara. Untuk 2013, dua program CZR telah dilangsungkan di Kedah dan Sarawak.

- 22 Jun 2013 – Program CZR di Merbok, Kedah** - Seramai 80 sukarelawan Etiqa telah membawa keceriaan kepada lebih 450 orang kanak-kanak pada majlis di Madrasah Zubaidiyah, Merbok, sehari.
- 7 Disember 2013 – Program CZR di Kuching, Sarawak** - Etiqa menyumbang sebanyak RM121,700 kepada Madrasah Al-Khairat untuk pembinaan asrama dan sebanyak RM229,210 lagi untuk Urusetia Saudara Kita.

Tanggungjawab Sosial Korporat

- “Hey Kids! Let’s Lead A Healthier Lifestyle” Picnic & Health Hunt**
Pada 28 September 2013 – Melibatkan kira-kira 100 sukarelawan Etiqa menghiburkan seramai 150 orang kanak-kanak dari Projek Perumahan Rakyat Pantai Ria, Pantai Dalam. Program sehari berlibur ini termasuk pendedahan mengenai pentingnya hidup sihat.
- Etiqa Nurtures Camp di Pangsoo, Hulu Langat**
Pada 13-14 Disember 2013 – Melibatkan seramai 40 anak-anak kakitangan Etiqa dan ejen yang menyertai kem 2-hari/1-malam. Menerusi program ini, kanak-kanak diberikan pendedahan mengenai ciri-ciri kepimpinan dan meningkatkan kemahiran hidup menerusi pelbagai aktiviti di dalam dan di luar kelas.
- Buka Puasa bersama Komuniti di Al-Aman, Lembah Jaya**
Pada Julai 26, 2013 - Etiqa Takaful Berhad menaja majlis berbuka puasa untuk 300 tetamu di Masjid Al-Aman, Lembah Jaya.
- Tanggungjawab Korporat: Bantuan untuk ibu tunggal**
Pada 10 Julai hingga 6 Ogos 2013 – Etiqa menyediakan gerai-gerai untuk ibu tunggal dari Persatuan Ibu-Ibu Tunggal Lembah Pantai untuk menjual makanan dan kraf di Dataran Maybank sepanjang Ramadhan.

Senarai penuh anugerah dan pengiktirafan yang diterima boleh didapati di muka surat 62.

ANUGERAH



Encik Kamaludin Ahmad, Ketua Kumpulan, Insurans @ Takaful menerima anugerah Syarikat Insurans Terbaik Bukan Hayat di Malaysia di Anugerah Insurans Kewangan Dunia 2013.

ANUGERAH



Encik Ahmad Rizlan Azman, Ketua Pegawai Eksekutif, Etiqa Takaful Berhad menerima anugerah Penyedia Takaful Terbaik di Anugerah Berita Kewangan Islam 2013.

PROGRAM CZR



Encik Ahmad Rizlan Azman, Ketua Pegawai Eksekutif, Etiqa Takaful Berhad menyerahkan cek kepada wakil dari Madrasah Zubaidiyah, Merbok, Kedah.

PROGRAM CZR



Lebih daripada 150 kanak-kanak dari Projek Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria, Pantai Dalam menyertai acara CSR “Hey Kids! Let’s Lead A Healthier Lifestyle” Picnic @ Health Hunt anjuran Etiqa.

PERBANKAN ISLAM

SEPINTAS LALU

MESEJ KEPADA PEMEGANG SAHAM

SIAPA KAMI

STRATEGI & PENCAPAIAN KUMPULAN

ULASAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB KAMI

KEPIMPINAN KAMI

TADBIR URUS KORPORAT

LAIN-LAIN MAKLUMAT

MAKLUMAT AGM



“Tema ‘Inspirasi Islam’ di seluruh “Struktur Baru Maybank” telah terbukti berkesan apabila ia memberikan keputusan positif dari segi kewangan, perkhidmatan, persekitaran dan budaya. Ia membolehkan kami untuk menunjukkan keupayaan kami tentang bagaimana, bila, di mana dan apakah bentuk maklum balas kepada apa yang dimahukan dan yang menjadi keperluan para pelanggan. Kami akan meneruskan perhubungan dengan pelanggan dan sentiasa berusaha untuk menjadi rakan kewangan mereka di rantau ini.”

MUZAFFAR HISHAM

Ketua Kumpulan, Perbankan Islam
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Islamic Berhad

TINJAUAN

Pertumbuhan global dalam industri kewangan Islam dijangka akan berterusan dengan momentum yang kukuh dan Malaysia berada di kedudukan yang baik untuk berada di hadapan dalam kemajuan industri ini. Bersandarkan kepada perkembangan industri ini, Perbankan Islam Kumpulan Maybank berada di landasan yang betul untuk memasuki fasa pertumbuhan baru menerusi pelan-pelan regionalisasi sambil memperkukuhkan perniagaan di pasaran utama. Kami yakin ia dapat dicapai dengan komitmen dan usaha sama berterusan di seluruh Kumpulan, selari dengan aspirasi kami untuk menjadi ‘Peneraju Global dalam Kewangan Islam menjelang 2015’.

Pada 2014, kami akan menumpukan terhadap kekuatan operasi serantau bagi meningkatkan sumbangan daripada lain-lain entiti dalam Perbankan Islam Kumpulan sambil mengekalkan kedudukan teratas kami di peringkat domestik. Dengan janji niaga utama baru-baru ini melibatkan transaksi merentas sempadan, kami mampu menjadi penyedia peneraju bagi penyelesaian kewangan berlandaskan Syariah dan rakan kewangan pilihan untuk menghubungkan ekonomi dunia ke rantau ini.

KEUTAMAAN KAMI PADA 2014

- Mengekalkan penguasaan pasaran No.1 di Malaysia dan terus memanfaatkan infrastruktur Kumpulan Maybank.
- Memantapkan kehadiran serantau di pasaran-pasaran utama – untuk menjadi bank Islam pilihan di ASEAN yang akan menghubungkan ekonomi dunia ke rantau ini.
- Memperkukuhkan Pusat Kecemerlangan Perbankan Islam Kumpulan – untuk menjadi peneraju industri yang terkemuka dalam perbankan dan kewangan Islam dan memantapkan amalan pengurusan risiko.

ULASAN PRESTASI 2013

PERBANKAN ISLAM KUMPULAN MAYBANK

- Bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013, perniagaan Perbankan Islam Kumpulan berkembang dengan pesat sebanyak 28%, dengan jumlah pendapatan meningkat kepada RM2.8 bilion berbanding RM2.2 bilion dalam tahun sebelumnya.
- Perniagaan Perbankan Islam Kumpulan di pasaran utama mengukuh manakala inisiatif di peringkat antarabangsa berkembang dengan baik khususnya di dua pasaran utama iaitu Indonesia dan Singapura.

MAYBANK ISLAMIC BERHAD


- Maybank Islamic mengekalkan kedudukan teratasnya dengan rekod Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) sebanyak RM1.4 bilion, yang mencerminkan pertumbuhan 17% tahun-ke-tahun (T-ke-T). Jumlah pembiayaan kasar berkembang sebanyak 40% kepada RM86.9 bilion, dan ini menyumbang sebanyak 38.9% kepada jumlah pembiayaan domestik Kumpulan Maybank.
- Maybank Islamic mengekalkan penguasaan pasaran sebagai No.1 dalam industri perbankan Islam di Malaysia dari segi aset, pembiayaan dan deposit masing-masing sebanyak 28.8%, 30.6% dan 23.8%. (Sumber: Buletin Perangkaan Bulanan BNM Disember 2013)

PERBANKAN ISLAM


PASARAN UTAMA

Prestasi Perniagaan


Jumlah Pendapatan Maybank Islamic (RM' bilion)




Keuntungan Sebelum Cukai Maybank Islamic (RM' bilion)



Pembiayaan Maybank Islamic (RM' bilion)



Deposit Maybank Islamic (RM' bilion)



Keputusan Segmen Perniagaan

Bagi TK2013, pembiayaan berkembang sebanyak 40% T-ke-T, meningkat kepada RM24.9 bilion, bersandarkan kepada kedudukan modal yang menggalakkan sebanyak RM6.7 bilion. Pertumbuhan pembiayaan ini disumbangkan oleh Perkhidmatan Kewangan Komuniti (CFS) dan Perbankan Global (GB). Pertumbuhan pembiayaan oleh CFS, merangkumi segmen pengguna, perusahaan kecil dan sederhana dan perbankan perniagaan berkembang sebanyak 39% T-ke-T atau RM18.4 bilion manakala pembiayaan yang disumbangkan oleh Perbankan Global (GB) naik 45% T-ke-T atau RM6.5 bilion. Deposit daripada pelanggan meningkat RM12.0 bilion atau 17% T-ke-T apabila kedua-dua portfolio CFS dan GB berkembang sebanyak 28% dan 7% setiap satu, yang masing-masing berjumlah RM43.2 bilion dan RM39.9 bilion.

Penyelesaian Kewangan Inovatif

Pasaran produk dan perkhidmatan patuh Syariah oleh Maybank Islamic telah berkembang dengan amat baik dalam beberapa tahun ini sekali gus memberi gambaran tentang penerimaan yang menggalakkan di kalangan pelanggan-pelanggan runcit dan pemborongan. Ini adalah kerana produk dan perkhidmatan yang ditawarkan memenuhi keperluan, menyediakan nilai tambah dan berpadanan dengan matlamat kewangan dan gaya hidup mereka.

Beberapa produk perbankan pengguna telah dilancarkan dalam 2013 yang melengkapkan dan memanfaatkan dua kekuatan utama Kumpulan Maybank iaitu ruang dalam talian menerusi Maybank2u dan perbankan elektronik di ATM,

untuk menyediakan perbankan yang pantas, mudah dan selesa kepada pelanggan. Maybank Islamic turut memperkenalkan MaybankOne-i, kiosk kewangan inovatif dengan perkhidmatan perbankan yang pantas dan tanpa gangguan. Bersama Kumpulan Maybank, Maybank ASPIRE telah dilancarkan untuk menawarkan pelanggan berada dengan pengalaman perbankan yang berbeza kelebihannya dan produk kewangan yang lengkap. Selain itu, penyelesaian matawang asing yang luas telah dibangunkan untuk menguruskan dengan lebih baik pendedahan antarabangsa dan keperluan pelanggan perbankan peribadi. Dalam bidang PKS dan Perbankan Perniagaan, kami telah mengukuhkan dan mengembangkan lagi produk kewangan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada para pelanggan. Ini dicapai dengan mengurangkan masa pemprosesan dan bagi memenuhi keperluan pelanggan menerusi pengenalan “Shariah Clean Financing-i” dan “SME Property & Business Financing-i”.

Maybank Islamic juga meneruskan kerjasama dengan GB untuk memperkenalkan penyelesaian kewangan Islam yang menarik untuk pelabur-pelabur syarikat dan institusi. Kami berhasrat untuk menjadi rakan perkhidmatan kewangan utama bagi pelabur korporat ketika kami mengembangkan kepimpinan menjangkaui sempadan dengan mendapatkan janji niaga utama dalam matawang tempatan dan asing. Ini akan menyumbang kepada pertumbuhan di negara-negara kami beroperasi. Berkenaan sukuk, Perbankan Pelaburan Maybank terus menjadi satu daripada tiga penaja jamin teratas mengikut “Bloomberg Global Islamic Bonds League Table” dan ia disenaraikan di tempat kedua dalam “Bloomberg Malaysia Ringgit League Table” dengan penguasaan pasaran masing-masing sebanyak 7.8% dan 19%.

PASARAN ANTARABANGSA

Di peringkat antarabangsa, tahun 2013 menandakan satu lagi sejarah bagi pengembangan global Perbankan Islam Kumpulan. Janji niaga rentas sempadan yang kami lakukan menunjukkan pertumbuhan yang menggalakkan seperti ditunjukkan menerusi pelancaran gadai janji Islam pertama Maybank Islamic dalam matawang pound sterling, sempena Forum Ekonomi Islam Dunia Kesembilan yang dilangsungkan di UK. Perbankan Islam Kumpulan turut mencatat satu lagi pencapaian apabila ia memperolehi janji niaga kewangan pertama dalam matawang pound sterling daripada Lembaga Tabung Haji yang juga janji niaga pertama seumpamanya pernah diperolehi oleh sebuah bank Islam di Malaysia. Perkembangan ini akan mempercepatkan keupayaan Maybank Islamic untuk bersaing dengan peserta-peserta global di London yang juga sebuah pusat kewangan peneraju di dunia.

Di Singapura, cabang perbankan Islam kami telah memperkenalkan lebih banyak produk 'yang pertama' di pasaran, dengan pelancaran pembiayaan kediaman dan komersial serta pembiayaan hartanah industri bagi hartanah-hartanah di Malaysia serta pembiayaan automotif. Pasukan petugas Perbankan Pelaburan Maybank turut berperanan sebagai pengatur utama tunggal, koordinator global dan penasihat Syariah bagi sukuk pertama oleh Swiber Capital Pte Ltd dari Singapura. Ia juga merupakan struktur sukuk wakala pertama dan terbesar dalam matawang dolar Singapura bagi terbitan sukuk oleh sebuah korporat di Singapura. Jumlah aset dan deposit mencatatkan pertumbuhan tahunan yang menggalakkan masing-masing sebanyak 89% dan 28%, berikutan pengembangan yang ketara dalam asas pelanggan.

Di Indonesia, Unit Usaha Syariah milik Bank Internasional Indonesia (BII UUS) telah menunjukkan pertumbuhan tahunan yang menggalakkan dengan jumlah aset dan deposit masing-masing meningkat sebanyak 91% dan 402%. Dengan menumpukan kepada pelanggan, BII UUS telah melancarkan penyelesaian gadai janji inovatif berasaskan kontrak Syariah iaitu musyarakah mutanaqisah. Kontrak ini menyediakan kelebihan yang unik menerusi keperluan bayaran pendahuluan yang rendah. Pada 2013, kami telah berusaha mengembangkan saluran BII UUS dengan memanfaatkan rangkaian saluran BII. Ini telah menyaksikan peningkatan bilangan cawangan kepada 269 Pejabat Saluran (OC) berdaftar berbanding 105 cawangan OC pada 2012.

Melangkah ke hadapan, kami akan terus memanfaatkan kedudukan kami sebagai bank peneraju di ASEAN untuk mengukuhkan lagi jalinan rentas sempadan di rantau ini (khususnya antara Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei) serta antara ASEAN, Timur Tengah dan pusat-pusat kewangan utama di seluruh dunia.

Pusat Kecemerlangan (COE) Syariah dan Pengurusan Risiko

Pelaksanaan berterusan inisiatif oleh Maybank Islamic di bawah COE sekali lagi telah menjadikan kami pusat rujukan mengenai perkara-perkara berkaitan perbankan dan kewangan Islam. Antara inisiatif ini termasuk pelancaran biasiswa Syariah bagi mahasiswa dan lepasan Ijazah, usaha sama strategik dengan Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM), pembangunan kepimpinan pemikiran dalam terbitan kewangan Islam dan akhbar-akhbar utama serta jalinan pembabitan pasaran menerusi siri pengurusan risiko Syariah.

Mengenai pengurusan risiko, ketika ini Maybank Islamic mengaplikasikan pendekatan pengurusan risiko bersepadu yang diperkenalkan oleh Kumpulan Maybank. Risiko kami diuruskan secara sistematik menerusi tadbir urus risiko, infrastruktur dan kemudahan yang diterapkan di dalam perniagaan pendekatan Islam. Pendekatan ini memastikan pengurusan risiko enterpris yang berkesan dalam persekitaran perniagaan yang berubah dengan pantas. Selari dengan keperluan pengawal seliaan Bank Negara Malaysia, Maybank Islamic telah menetapkan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang menyeluruh bagi memastikan pandangan efektif dan berkesan oleh Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Syariah, unit Pengurusan dan perniagaan mengenai aktiviti serta operasi yang dikendalikan oleh tunggal perniagaan.

Memulangkan semula kepada komuniti

Maybank Islamic percaya dengan pendekatan untuk berada di hati komuniti, selari dengan misi Kumpulan untuk 'Menginsankan Perkhidmatan Kewangan ke Seluruh Asia'. Selain mewujudkan peluang dan pertumbuhan menerusi perniagaan kami, kami berhasrat untuk memenuhi tanggungjawab sosial dengan memupuk nilai-nilai unik dan mampan yang memberikan impak positif terhadap masyarakat. Pada 2013 kami menumpukan kepada tiga bidang utama, iaitu meningkatkan kebajikan terhadap masyarakat menerusi sumbangan zakat dan korban, pembangunan tenaga mahir dalam industri dan menggalakkan kesihatan dikalangan kanak-kanak. Bagi keuntungan TK2012, tumpuan utama untuk meningkatkan kebajikan terhadap masyarakat dibuat menerusi sumbangan zakat berjumlah RM15.2 juta untuk pusat-pusat zakat negeri dan kumpulan komuniti Asnaf. Sebagai sebahagian daripada projek zakat, kami telah bekerjasama dengan Islamic Relief Malaysia dalam menyediakan bantuan makanan dalam bulan Ramadhan untuk mengurangkan beban kira-kira 8,800 keluarga miskin di 35 rangkaian masjid di seluruh negara. Maybank Islamic telah melaksanakan Qurban Perdana Maybank pada tahun ini sebagai mengenang jasa masyarakat yang telah menyokong Maybank dan program ini telah dilaksanakan secara serentak di beberapa lokasi di seluruh negara serta di Singapura, Indonesia dan Brunei. Maybank Islamic dengan kerjasama Institut Jantung Negara (IJN) juga telah membiayai pesakit jantung di kalangan kanak-kanak yang menjalani rawatan perubatan khas di pusat ini. Dengan kerjasama INCEIF dan Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA), Maybank Islamic telah menyertai inisiatif untuk menumpukan usaha membangunkan tenaga mahir dalam industri dengan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang menyertai program Kewangan Islam Profesional Bertauliah (CIFP). Inisiatif-inisiatif ini menunjukkan komitmen kami untuk melaksanakan Tanggungjawab Korporat jangka panjang dalam menyokong kebajikan sosial di Malaysia dan di seluruh ASEAN.

Senarai penuh anugerah yang diterima boleh di dapati di muka surat 63.

JAWATANKUASA SYARIAH



Tan Sri Dato' Seri (Dr) Hj Harussani Hj Zakaria

(Pengerusi)
Mufti Kerajaan Negeri Perak

Tan Sri Dato' Seri (Dr) Hj Harussani merupakan ahli Majlis Mesyuarat, Majlis Islam dan Istiadat Melayu Kerajaan Negeri Perak dan Pengerusi Jawatankuasa Syariah Negeri. Beliau juga menduduki kerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam. Beliau berkhidmat dengan Takaful Nasional Berhad sejak 1993 sebagai salah seorang ahli Majlis Penasihat Syariahnya. Pada masa yang sama, beliau merupakan ahli Jawatankuasa Syariah Bank Pembangunan & Infrastruktur Malaysia Berhad dan Amanah Raya Berhad. Beliau memperoleh PhD (Darjah Kehormat Doktor Syariah) pada 2001 daripada Universiti Malaya.

Beliau juga merupakan ahli Majlis Fatwa Kebangsaan, ahli Majlis Universiti Islam Malaysia dan Ahli Lembaga Kolej Islam Perak. Beliau mendapat PhD dalam bidang Pengajian Islam daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris (MPSI) pada 2010.



Dr Ahcene Lahsasna

(Ahli)
Profesor Madya Pengajian Penasihat Siswazah, Jabatan Pengajian Syariah dan Perundangan, Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (INCEIF)

Profesor Madya Dr Ahcene Lahsasna (PhD, CFP, ACIP, RFP, Shariah RFP, Penasihat Syariah) merupakan pensyarah di INCEIF. Beliau juga merupakan penasihat akademik Pengajian Siswazah di institusi yang sama. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perundangan Islam dan Undang-undang Islam dari Algeria, serta Ijazah Sarjana dan PhD dalam dua-dua bidang yang sama dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM). Ketika ini, Dr Lahsasna merupakan Penasihat Syariah Berdaftar dengan Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan berkhidmat sebagai ahli Lembaga Syariah Maybank Islamic, Etiqa Takaful dan Majlis Penasihat Syariah MFPC. Dr Lahsasna telah dilantik sebagai Panel Akreditasi FAA oleh Agensi Akreditasi Kewangan.



Dr Mohamad Deen Mohd Napiah

(Ahli)
Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

Dr Mohammad Deen Mohd Napiah merupakan Penolong Profesor di Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, IIUM. Beliau telah dilantik sebagai Ketua, Jabatan Undang-undang Islam dan kemudiannya dinaikkan pangkat sebagai Penolong Dekan (Hal Ehwal Pelajar) di fakulti yang sama. Beliau telah mendapat ijazah pertama dalam Pengajian Syariah & Islam dari Universiti Kuwait. Beliau memiliki PhD dari Glasgow Caledonian University, Scotland. Sebelum dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Syariah Maybank pada 2005, beliau merupakan Penasihat Syariah di EON Bank Berhad dari 1997 hingga 2003. Beliau kini merupakan Penasihat Syariah di Amanah Hartanah Bumiputera sejak 2010, Penaksir Akademik bagi Agensi Kualiti Malaysia (MQA) sejak 2001 dan juga merupakan ahli Jawatankuasa Kerja bagi Terminologi dan Nomenclatur di SIRIM. Dr Mohammad Deen merupakan Penasihat Syariah berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan Sekuriti Islam (Sukuk) di Suruhanjaya Sekuriti. Baru-baru ini beliau dilantik sebagai ahli Panel Jawatankuasa Disiplinari, Lembaga Disiplinari Peguam Bela & Peguam Cara, Majlis Perundangan Negara.



Dr Ismail bin Mohd @ Abu Hassan

(Ahli)
Penolong Profesor, Kuliyyah Undang-undang Ahmad Ibrahim, IIUM

Dr Ismail bin Mohd @ Abu Hassan merupakan graduan Kelas Pertama Kepujian dalam bidang Syariah Kepujian dalam bidang Syariah dari Universiti Malaya dan diikuti LL.M dalam bidang Undang-undang Perbandingan dari SOAS, London. Beliau kemudiannya mendapatkan PhD dalam bidang Perbandingan Undang-undang Pembuktian dari Universiti Manchester, United Kingdom. Dr Ismail telah berkhidmat sebagai Pensyarah di Kuliyyah Undang-undang, IIUM selama lebih 15 tahun. Dr Ismail menduduki kerusi Penasihat di beberapa institusi berpengaruh seperti Amanahiba Malaysia, Uqud Baraka Malaysia Sdn Bhd dan HTH Services Singapore. Beliau turut menjadi ahli Jawatankuasa Syariah di Jawatankuasa Pengurusan Wakaf, Majlis Agama Islam Selangor, Infaq lil Waqf ANGKASA, Etiqa Takaful Berhad, Waqf Selangor Muamalat dan Amanah Hartanah Berhad. Selain itu, beliau turut menjadi Ahli Lembaga Perbadanan Wakaf Selangor Darul Ehsan dan Etiqa Takaful Berhad. Beliau merupakan Penasihat Syariah berdaftar bagi Skim Unit Amanah Islam dan Sekuriti Islam (Sukuk) di Suruhanjaya Sekuriti dan Amanah Hartanah Bumiputera.



Encik Sarip bin Adul

(Ahli)
Pensyarah di Universiti Malaysia Sabah

Encik Sarip merupakan Pensyarah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan pengkhususan dalam bidang Syariah, Muamalat Islam dan Kewangan Islam. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah dari Universiti Al-Azhar, Mesir dan Ijazah Sarjana dalam bidang Fiqh dan Usul Al-Fiqh dari Universiti Jordan, Amman, Jordan. Encik Sarip kini menyambung PhD dalam bidang Syariah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan juga merupakan Penasihat bagi Program Siswazah pelajar-pelajar UMS.



Dr Marjan binti Muhammad

(Ahli)
Penyelidik di Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA)

Dr Marjan Muhamad merupakan Ketua, Jabatan Hal Ehwal Penyelidikan di Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam (ISRA). Sebelum menyertai ISRA, beliau merupakan tutor di Fakulti Kehakiman dan Undang-undang di Universiti Sains Islam Malaysia. Beliau memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Fiqh and Usul al-Fiqh dari IIUM pada 1998 dan meneruskan Ijazah Sarjana dan PhD di universiti yang sama, kedua-duanya dalam bidang yang sama. Sejak menyertai ISRA, beliau secara aktif telah menghasilkan berbagai kertas penyelidikan dan rencana antarabangsa mengenai Kewangan Islam. Sebelum ini, beliau merupakan Ahli Jawatankuasa Syariah RHB Islamic Bank dari 2011 hingga 2013.



Dr Mohamed Fairouz bin Abdul Khir

(Ahli)
Penyelidik di ISRA

Dr Mohamed Fairouz merupakan penyelidik di ISRA dan koordinator di Unit Perbankan Islam institusi ini. Sebelum menyertai ISRA, beliau berkhidmat di IIUM selama lapan tahun sebagai Pensyarah di Jabatan Fiqh dan Sains Manusia. Beliau juga merupakan Penasihat Syariah yang berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti, Ahli Jawatankuasa Syariah MNRB Re-Takaful, dan Pengerusi Jawatankuasa Syariah AGRO Bank. Beliau mendapat PhD dan Ijazah Sarjana Syariah dari Universiti Malaya dengan pengkhususan dalam bidang Fiqh, Usul al-Fiqh dan Kewangan Islam dan Ijazah Sarjana Muda pada dalam bidang yang sama dari IIUM. Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Penasihat Syariah di Malaysian Industrial Development Finance Berhad.

SEPINTAS LALU

MESEJ KEPADA PEMEGANG SAHAM

SIAPA KAMI

STRATEGI & PENCAPAIAN KUMPULAN

ULASAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB KAMI

KEPIMPINAN KAMI

TADBIR URUS KORPORAT

LAIN-LAIN MAKLUMAT

MAKLUMAT AGM

MODAL INSAN KUMPULAN



“Keupayaan kami mengukur serta menyesuaikan diri dengan keperluan perniagaan dan cabaran telah menyumbang kepada pencapaian prestasi yang meningkat di peringkat serantau, seperti penglibatan kakitangan yang lebih baik, meningkatkan tahap produktiviti dan pengekalan prestasi kewangan unggul. Ini menjadi dorongan bagi Kumpulan dalam mewujudkan kelainan yang benar-benar berdaya saing.”

NORA ABD MANAF
Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan

KEUTAMAAN KAMI PADA TAHUN 2014

- Mempercepatkan Budaya Prestasi Tinggi.
- Mengoptimumkan kos.
- Mewujudkan kelainan berdaya saing dan kemampanan transformasi dengan mengatarkan intervensi di seluruh Kumpulan.

SOROTAN PENCAPAIAN TAHUN 2013

- Petunjuk modal insan kami mengatasi penanda aras dalam negara dan setanding dengan amalan terbaik global. Kami telah mencapai daya tarikan yang positif untuk semua ukuran tenaga mahir utama dan petunjuk kami menuju ke arah yang betul.
- Kami menerima pengiktirafan sebagai satu-satunya organisasi Asia diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi prestasi kewangan yang unggul dan Amalan Sumber Tenaga Manusia Terbaik oleh Towers Watson. Kami disenaraikan dalam Norma-norma Syarikat Berprestasi Tinggi Global Towers Watson yang mana berfungsi sebagai penanda aras syarikat-syarikat berprestasi tinggi.
- Maybank muncul sebagai pemenang bagi kategori Perbankan & Perkhidmatan Kewangan untuk tahun ketiga berturut-turut dalam anugerah 100 Majikan Siswazah Terkemuka Malaysia 2013, mengatasi institusi kewangan tempatan dan asing. Maybank juga memperbaiki kedudukan keseluruhan, naik ke tempat kedua pada tahun 2013 daripada nombor tiga tahun 2012 dan nombor lima tahun 2011.
- Produktiviti kami bertambah baik apabila diselaraskan dengan objektif strategik utama. Pendapatan bersih bagi setiap pekerja meningkat kepada RM388,067 pada tahun 2013 daripada RM351,517 pada tahun 2012 manakala Keuntungan Sebelum Cukai (PBT) bagi setiap pekerja meningkat daripada RM167,142 pada tahun 2012 kepada RM185,669 pada tahun 2013. Perolehan bagi kos setiap kakitangan adalah 3.8 kali.

MENGEKALKAN BAKAT DAN PEMBANGUNAN KEPIMPINAN

Ketika Kumpulan memacu dan mendalami inisiatif serantau serta memberi tumpuan meraih sinergi daripada keluasan perniagaannya, sistem Pengurusan Tenaga Mahir Kumpulan (TM) kami disesuaikan untuk kekal berada satu langkah di hadapan bagi menyediakan tenaga mahir yang sesuai untuk memenuhi keperluan perniagaan. Kami menggunakan proses amalan terbaik global dalam mengenal pasti bakat setanding atau lebih baik daripada organisasi yang terbaik di seluruh dunia. Diukur berbanding dengan Institut LDA Saratoga (Audit Pembangunan Kepimpinan), kami telah diberi penarafan amalan terbaik global untuk lima daripada tujuh aspek dan amalan yang baik untuk baki dua lagi.

Salah satu elemen kritikal dalam rangka kerja pengurusan tenaga mahir mantap yang berjaya adalah mengekalkan sumber dalaman yang dipercayai dan sumber tenaga mahir yang konsisten untuk mengambil alih peranan kepimpinan apabila tiba masanya. Program saluran tenaga mahir kami disasarkan terhadap kumpulan tenaga mahir yang berbeza dari pemimpin bawahan kepada atasan.

Petunjuk utama bakat dan realisasi penggantian kami kini bergerak ke arah betul dan pada tahap tertinggi sejak tahun 2008. Pada tahun 2013, kami mempunyai daya tinjauan yang tinggi terhadap tenaga mahir di seluruh Kumpulan apabila kami meluaskan semakan ke atas pelbagai bakat hingga ke China dan Indochina serta Maybank Kim Eng. Kami terus mencapai tahap penyediaan 100% daripada tinjauan berbilang bakat di seluruh kumpulan. Ini telah menyebabkan peningkatan kumpulan pengganti bagi jawatan kritikal lebih 130% pada tahun 2013 sejak tahun 2008. Pada masa yang sama, kesediaan pengganti kami untuk mengambil alih jawatan kritikal atau peranan yang lebih besar juga telah meningkat pada tahun 2013 kepada 37% sejak tahun 2008.

Sasaran untuk mengembangkan tenaga mahir kami sendiri dengan mengisi 8 daripada setiap 10 kekosongan dengan kepakaran dalaman telah dicapai dalam lebih daripada 70% daripada kekosongan jawatan yang diisi secara dalaman pada tahun 2013. Lebih 100 tenaga mahir telah dikerahkan dalam tugas yang merentasi sempadan dan projek-projek serantau berbanding dengan 54 pada tahun 2012 dan 11 pada tahun 2011. Terdapat 25 Tugas Jangka Panjang pada tahun 2013 berbanding dengan 17 pada tahun 2012, yang membuktikan kejayaan saluran program memupuk bakat kami untuk menjadi tangkas dan boleh bertugas di mana-mana negara. Dasar “GO Ahead” yang menyelurus berjaya mengurangkan peletakan jawatan sebanyak 33% sejak tahun 2008. Strategi pengambilan kakitangan pelbagai peringkat bagi memastikan kumpulan tenaga mahir yang besar terus mendapat minat dari kalangan pemohon jawatan terbaik di rantau ini.

Maybank Go Ahead Challenge (MGAC) kedua melibatkan peserta dari 10 buah negara dengan 13 kewarganegaraan untuk satu pertandingan kes perniagaan antarabangsa. Ia mengumpul lebih 5,000 permohonan, naik lima kali ganda dari tahun 2012 dalam pada kami berkembang ke empat buah negara baharu di mana Maybank beroperasi. Kami juga telah memperkenalkan anugerah baharu yang menawarkan pemenang tertinggi dengan latihan dua minggu di Maybank New York dan tunai AS\$1,000. Sejumlah 85% daripada 54 peserta akhir telah menyertai Kumpulan Maybank. MGAC menaja dan menyokong graduan baharu untuk membangun dan menjalani cabaran dan kini menjadi ukuran standard pasaran. Kos pengambilan langsung graduan dikurangkan sebanyak 32% dengan keupayaan memanfaatkan pangkalan data peserta cabaran. Peserta akhir diberi tawaran pekerjaan bersyarat terutamanya untuk menyertai Program Perantis Pengurusan Global (GMAP).

Anugerah Biasiswa Maybank untuk kedua-dua pengajian tempatan dan luar negara menawarkan 50 anugerah. Jumlah pembayaran di bawah skim biasiswa penuh untuk 112 penerima biasiswa Maybank yang mengikuti pelbagai peringkat kajian berjumlah hampir RM8 juta sejak skim itu dimulakan pada tahun 1972. Program untuk penerima biasiswa Maybank telah diperkukuhkan sejak tahun 2010 di mana para penerima akan terlibat dalam pembelajaran dan inisiatif pembangunan melalui program mentor, peluang latihan semasa percutian dan latihan bengkel untuk memupuk profesionalisme dan pembangunan peribadi.

Selain daripada program-program pembangunan junior, Maybank juga mempunyai program sendiri peringkat kemasukan awal seperti berikut:

- Program Perantis Maybank Global (GMAP). Sebuah program dua tahun dalam jawatan bagi graduan untuk meneroka dan mengalami pengalaman pertukaran kerja bergiliran yang termasuk tugas antarabangsa selama enam bulan. GMAP menggalakkan pendedahan rentas sempadan dan rangkaian di kalangan tenaga mahir muda dan diperkenalkan di Malaysia, Hong Kong, China, Indonesia, Singapura, Kemboja dan Vietnam.
- Program Tahap Permulaan Pengurusan Cawangan (BMELP). Direka untuk melatih pengurus cawangan yang beraspirasi dengan menyediakan pembelajaran dan kemahiran yang disasarkan melalui pengalaman latihan intensif dalam pengurusan cawangan.
- Program Bersekutu Maybank/Ernst & Young. Mereka yang terpilih menjalani tugas tiga tahun di Ernst & Young sebagai juruaudit sementara mendapatkan persijilan perakaunan profesional masing-masing yang ditaja sepenuhnya oleh Maybank.
- Program Latihan Amali Maybank. Memberi gambaran awal industri ditambah dengan objektif pembelajaran berstruktur ketika pelatih dilatih menjadi pekerja profesional.

Juga pada tahun lalu kami membangunkan Program Bersepadu Potensi – Pencapaian Tinggi (HIP) bagi memupuk para pekerja muda yang berpotensi tinggi untuk meningkatkan kesediaan mereka mengambil alih jawatan penting di dalam Kumpulan. Lebih 700 kakitangan telah mendaftar dengan program-program yang dijalankan di Malaysia, Indonesia dan Filipina.

Untuk kemajuan berterusan bakat-bakat utama kami, program Peralihan Pemimpin Menjadi CEO (TLC) telah diperkenalkan pada tahun 2010 untuk mengenal pasti dengan lebih baik kalangan tenaga mahir para junior hingga peringkat pertengahan untuk kumpulan-kumpulan pengganti. Pada tahun 2013, 72% daripada graduan TLC dari kelompok perintis telah mengambil peranan yang lebih besar, mengembangkan skop mereka atau berpindah ke peranan lain dalam Kumpulan, petunjuk jelas program ini mencapai objektifnya.

Pengerusi dan EXCO Kumpulan kami terlibat secara aktif dalam program-program kepimpinan untuk berkongsi pandangan dan berkhidmat sebagai model contoh untuk memberi inspirasi kepada pemimpin masa depan dalam Prinsip Guru kami. Mereka menjalankan program “Pemimpin Mengajar Pemimpin” di mana setiap EXCO Kumpulan terlibat dengan pemimpin-pemimpin kami di program Pemimpin Hebat, Kepimpinan Berimpak Tinggi dan Kepimpinan Dorongan Prestasi Maybank. Pengerusi dan EXCO Kumpulan juga terlibat dengan semua peringkat kakitangan dalam siri bual bicara berkenaan.

Satu lagi program kepimpinan utama adalah Program Keberkesanan Pasukan Tertinggi, satu program 24 bulan untuk mengukuhkan keberkesanan peribadi dan pasukan. Pada tahun 2013, 160 pemimpin yang terdiri daripada EXCO Kumpulan dan pasukan kepimpinan mereka telah terlibat dalam program ini.

Di bawah program Pengurus Tinggi dan Pemimpin Hebat Maybank, 510 pengurus telah mendapat faedah pada tahun 2013 terdiri daripada pengurusan kedua-dua dalaman dan luaran dan program kepimpinan.

Kami juga mempunyai sepasukan tiga jurulatih sah sepenuh masa yang merupakan sebahagian daripada tumpuan kami terhadap Mentor dan Bimbingan. Pada tahun 2013, mereka melakukan lebih 150 sesi latihan untuk 51 pemimpin dan 45 program penglibatan pasukan & kepimpinan kepada 850 pemimpin. Di samping itu, kami mempunyai lebih 560 yang adalah sama ada mentor atau kakitangan yang dibimbing melalui program-program dan rangkaian yang pelbagai, termasuk Program Wanita Mentor Wanita kami.

MEMUPUK BUDAYA & TAHAP PENGLIBATAN

Nilai teras kami, T.I.G.E.R. (Kerja Berpasukan, Integriti, Pertumbuhan, Kecemerlangan & Kecekapan, Membina Perhubungan) adalah prinsip-prinsip penting membimbing semua dalam tindakan kami dan pemacu utama untuk melibatkan kakitangan Maybank dalam menyampaikan misi menginsankan Maybank.

Pada tahun ini, kami terus melaksanakan inisiatif untuk menyelaraskan diri sebagai sebuah Kumpulan yang pelbagai dengan budaya prestasi tinggi yang sama di mana kakitangan mampu cemerlang, menunaikan janji dan mencapai hasil yang kami harapkan.

EXCO Kumpulan memainkan peranan penting dalam memacu transformasi Kumpulan yang menyediakan kejelasan visi serta meningkatkan iklim dan budaya organisasi yang betul. Mereka menggunakan pelbagai platform seperti “Townhall” dan sesi Perbualan Bersiri untuk menggalakkan pertukaran idea dan juga menerajui Perbualan Jujur, Terbuka dan Dipercayai (HOT) dengan kakitangan di semua peringkat. Forum Tanya Pengurusan Kanan adalah saluran utama bagi kakitangan untuk berkomunikasi secara langsung dengan EXCO Kumpulan. Setiap satu daripada 150 pertanyaan yang diterima pada tahun 2013 telah diberikan maklum balas dan diambil tindakan dan juga membentuk asas untuk banyak penambahbaikan.



Datuk Abdul Farid Alias, Presiden dan CEO Kumpulan di “Hari Pengalaman Latihan Kerja EXCO.”

MODAL INSAN KUMPULAN

Berikutan pengumuman EXCO Kumpulan pada bulan Oktober 2013 mengenai menggerakkan transformasi dan hubungan serantau Kumpulan, Pameran Bergerak Transformasi Serantau EXCO Kumpulan telah diadakan di Singapura, Hong Kong, Filipina dan Indonesia untuk antara lain, berkomunikasi dan menjelaskan struktur organisasi Kumpulan yang disemak serta arah tuju transformasi. Pameran bergerak akan terus diadakan di tahap sesi “Townhall” sektor dan negara dalam tahun kewangan 2014, dengan EXCO Kumpulan memudahkan sesi untuk memberi bimbingan kepimpinan dan penajaran kepada hasil yang diinginkan.

EXCO Kumpulan juga menjalankan hari pengalaman latihan kerja EXCO yang unik di beberapa pusat khidmat pelanggan untuk mengenal pasti cabaran dan kesejahteraan kakitangan. Begitu juga, inisiatif yang dipanggil Kami Di Sini Untuk Berkhidmat (WAHTS) turut memberi pengalaman kepada lebih daripada 300 penyelia sebagai Pembantu Perkhidmatan Pelanggan (CSA) di cawangan-cawangan kami. Inisiatif ini menyumbang kepada meningkatkan tahap penglibatan, menggalakkan budaya mengutamakan pelanggan dalam kalangan semua kakitangan Maybank dan memberi ruang untuk mencari idea-idea baharu untuk menambahbaik tahap perkhidmatan apabila maklum balas diambil tindakan.

Untuk menanamkan nilai-nilai teras dan agenda transformasi, pertandingan fotografi video My TIGER, kerjasama antara GHC dan Strategi Kumpulan & Pejabat Transformasi, menjemput kakitangan Maybank di seluruh Kumpulan untuk berkongsi cerita-cerita inspirasi rancangan transformasi mereka dengan Maybank. Sebanyak 249 penyertaan telah diterima, dengan EXCO Kumpulan mengambil bahagian untuk menunjukkan bagaimana nilai-nilai telah memberi kesan terhadap kehidupan mereka. Pertandingan itu berjaya kerana ia menegaskan bahawa Maybank telah menerima nilai-nilai TIGER kami dan transformasi.

Kami mempunyai pelbagai saluran di seluruh kumpulan selain komunikasi tempatan untuk memenuhi pelbagai keperluan kakitangan, membolehkan kami secara berkesan mendekati mereka tepat pada masanya. Dalam tahun kewangan, kami telah melancarkan MyPortal2u di Malaysia, sebuah portal komunikasi baharu yang menawarkan lebih fleksibiliti dan kuasa untuk berkongsi maklumat dengan mudah kepada 27,000 kakitangan di Malaysia. Maybank Filipina juga melancarkan portal kakitangannya untuk memudahkan pengetahuan dan pembelajaran. Berita serantau adalah ciri utama wajib dalam semua saluran komunikasi kami termasuk surat berita Kumpulan iaitu Berita Kumpulan Maybank (BKM).

MEMANTAPKAN PENGURUSAN PRESTASI

Maybank telah memperkukuhkan sistem Pengurusan Prestasi (PM) di pelbagai peringkat transformasi untuk memastikan ia adalah dinamik, sejajar dan tangkas dalam menjangkakan cabaran dan peluang. GHC mengendalikan klinik mengenai PM dan memantau rapat kualiti dan objektiviti Pelan Pembangunan Peribadi (PDP), Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dan buaian prestasi, untuk memastikan keberkesanan PM di semua peringkat. Pada tahun 2013, klinik telah diadakan di lapan buah kawasan CFS di Malaysia dan sektor-sektor utama terpilih. Sistem PM dalam talian juga diperluaskan ke Maybank Kim Eng manakala penajaran komponen PM utama telah diselesaikan dengan BII.

Pada bulan Oktober 2013, sistem telah disemak semula untuk disesuaikan dengan fasa seterusnya dalam transformasi. Penambahbaikan hasil dari maklum balas kakitangan melalui pelbagai saluran dan forum akan dilaksanakan dalam TK2014. Semakan itu memudahkan proses dan prosedur PM di samping memastikan KPI yang lebih fokus untuk meningkatkan penajaran strategi. Ia memberikan hak milik kakitangan yang lebih besar terhadap kejayaan dan hasil kerja mereka, menggalakkan perkongsian lebih kuat antara pengurus dan kakitangan bawahan dengan memberikan mandat dan memformalkan perbualan prestasi antara kakitangan dan pengurus penyelia/kakitangan bawahan mereka.

STRATEGI GANJARAN BERKAITAN PRESTASI

Strategi jumlah ganjaran kami telah berkembang selari dengan perubahan perniagaan dengan fokus yang lebih kepada penyediaan ganjaran yang betul, faedah-faedah, pembangunan kerjaya dan peluang kemajuan. Kami menggunakan pendekatan holistik dalam struktur pampasan kami yang mengiktiraf kakitangan melalui ganjaran kewangan dan ganjaran bukan kewangan seperti gaji tetap, pelbagai bonus/insentif jangka pendek, pelan insentif jangka panjang, iaitu Skim Saham Pekerja dan peluang pembangunan. Kami menyokong budaya ‘Bayar untuk Prestasi’ di mana prestasi tinggi diberi ganjaran sewajarnya. Bonus boleh diubah dibayar berdasarkan unit perniagaan Kumpulan dan prestasi individu menguatkan lagi ganjaran meritokrasi kami. Prestasi teladan juga diiktiraf melalui platform seperti anugerah pekerja/pasukan terbaik, anugerah kecemerlangan akademik kakitangan dan anugerah perkhidmatan lama. Pada tahun 2013, Kumpulan menawarkan dua pelan insentif khusus perniagaan baharu membawa kepada sejumlah 16 pelan seumpama itu untuk mengiktiraf prestasi yang luar biasa. Maybank juga telah membayar ex-gratia kepada kakitangan perkeranian dan bukan perkeranian, di atas bonus kontrak mereka dan ditawarkan Skim Saham Pekerja yang ketiga pada bulan April 2013.

Hari ini, pelaksanaan pengurusan ganjaran kami telah beralih daripada yang diketuai oleh Sumber Manusia kepada yang diketuai oleh Pengurus Pasukan Pekerja, memberikan Pengurus berkenaan kuasa dalam membuat keputusan pemberian ganjaran. Ini dapat dilihat dalam sistem PM kami di mana meritokrasi digunakan untuk semua proses pengurusan prestasi dan ganjaran berkait rapat dengan prestasi individu terhadap matlamat sejajar dengan Sektor dan Kumpulan.

PEMBANGUNAN PEMBELAJARAN & KEMAHIRAN

Kejayaan jangka panjang Maybank bergantung kepada menyediakan kakitangan dengan alat pembangunan dan pengetahuan yang betul untuk berjaya dan juga bersaing dengan berkesan dalam pelbagai persekitaran.



Pn Nora Abd Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan menerima trofi berprestij Towers Watson untuk Anugerah Syarikat Berprestasi Tinggi Global 2012/2013.

Kami mempunyai pembangunan pembelajaran yang tersusun dan bersepadu 70:20:10 (Pembelajaran melalui pengalaman: Kejurulatihan, Mentor & Rangkaian: pembelajaran formal) prinsip nisbah intervensi pembangunan dengan penekanan kepada pembelajaran melalui pengalaman untuk membantu kakitangan membangunkan minat yang lebih besar untuk pembelajaran atas dorongan sendiri. Diperkenalkan sejak tahun 2010, penglibatan dalam projek-projek serantau dan antarabangsa sebagai contoh, adalah peluang pembelajaran dan pembangunan utama diberikan kepada kakitangan.

Majlis Sektor Pengurusan Pembelajaran (LMC) yang dipengerusikan oleh Ketua Sektor dan dipermudahkan oleh GHC memastikan inisiatif perniagaan ini disokong oleh latihan yang sesuai untuk menutup jurang kemahiran, meningkatkan pengetahuan yang relevan dan meningkatkan kecekapan. LMC turut mengawal konsistensi dan kualiti pembelajaran.

Maybank telah secara agresif mengubah cara Kumpulan menguruskan latihan dan pembangunan. Jumlah hari latihan bagi setiap kakitangan di seluruh Kumpulan pada purata 4.5 hari adalah lebih tinggi berbanding Persatuan Latihan & Pembangunan Amerika (ASTD) yang menjadi penanda aras global. Sejumlah besar sumber dilaburkan bagi mengukuhkan kecekapan kakitangan dalam rancangan pembangunan Kumpulan. Jumlah penggunaan bajet pembelajaran Kumpulan kami bagi tahun kewangan 2013 adalah RM118.87 juta, lebih daripada keperluan berkanun. Perbelanjaan latihan kakitangan bagi Bank berbanding jumlah gaji kasar pada tahun 2013 adalah 2.78%, melebihi standard minimum Bank Negara Malaysia sebanyak 2.5%. Ini juga lebih tinggi daripada penanda aras global ASTD sebanyak 2.65%. Pada tahun 2013, sebanyak 295 kursus e-pembelajaran dengan 14 sukatan pelajaran baharu telah ditawarkan dengan 139,077 bilangan peserta.

Sumber manusia bekerjasama dengan sektor-sektor perniagaan untuk meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan dan menggalakkan inovasi dalam kalangan kakitangan. Pada tahun 2013, hasil perkongsian dengan Kualiti Perkhidmatan, telah mengadakan projek Kami Di Sini Untuk Berkhidmat (WAHTS), sebuah projek berasaskan kompetensi perkhidmatan yang menyeragamkan program latihan khidmat Bank. Projek Harry Potter merupakan satu lagi usaha untuk meningkatkan pengetahuan produk bertujuan meningkatkan jualan. Bahan-bahan latihan semasa boleh didapati melalui portal pembelajaran MyCampus, dengan penilaian yang dijalankan untuk mengukur tahap pengetahuan kakitangan.

Maybank juga menawarkan program ganjaran untuk meningkatkan kelayakan profesional kakitangan. Di bawah Skim Bantuan Pendidikan Kakitangan (SEAS) yang merangkumi kakitangan daripada kategori perkeranian dan ke atas, sejumlah RM828,945 telah dikeluarkan pada tahun 2013 (peningkatan sebanyak 73% dari tahun 2012) kepada kakitangan yang mengambil Sarjana Muda atau Sarjana, ACCA, CIMA atau pensijilan profesional lain secara separuh masa. Pada tahun 2013, Bank mengeluarkan sebanyak RM134,000 kepada 76 kakitangan sempena pencapaian mereka di bawah Anugerah Akademik Staf.

Pada bulan April, Maybank telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Institut Bank-bank Malaysia (IBBM) bagi mengukuhkan kerjasama untuk meningkatkan pensijilan profesional kakitangan. MoU ini membolehkan kakitangan untuk mendaftar kursus-kursus profesional kelas dunia yang ditawarkan oleh Institut, termasuk Program Chartered Banker.

Melalui Program Peralihan Kerjaya (CTP) kami, Maybank menjadi salah satu daripada beberapa organisasi dengan program berstruktur yang menggunakan semula kakitangan berlebihan akibat perubahan organisasi, dalam membuktikan falsafah insaniah kami. Kakitangan di CTP ditawarkan kemahiran semula yang diperlukan serta latihan, kaunseling dan bimbingan untuk menyediakan mereka bagi mengambil peranan baharu dalam organisasi dengan yakin dan cepat. Pada tahun 2013, 275 kakitangan telah mendaftar yang mana 134 telah berjaya diberi tugas semula.

MERANGKUMI PELUANG KESAKSAMAAN, KEPELBAGAIAN & KETERANGKUMAN

Maybank beriltizam dalam menggalakkan promosi kesaksamaan, kepelbagaian dan penyertaan yang positif dalam organisasi. Kami memberikan rasa hormat yang sama, berpandukan kepada prinsip meritokrasi dan keadilan terhadap sesiapa sahaja tanpa mengira peringkat, gred dan umur dalam menyediakan peluang yang sama untuk pengambilan, kenaikan pangkat, pertukaran atau peluang-peluang pembangunan pembelajaran. Pada tahun 2013, umur persaraan baharu bagi kakitangan di Kumpulan Maybank Malaysia telah dinaikkan daripada 55 tahun kepada 60 tahun, selaras dengan Umur Persaraan Minimum Rang Undang-Undang Malaysia 2012.

Amalan kepelbagaian jantina kami melepasi tanda aras global. Wanita mempunyai peluang yang sama dalam pembangunan profesional dan peribadi serta kemajuan kerjaya. Sebanyak 31% wanita kini berada dalam kumpulan pengurusan atasan, 7% lebih daripada purata global sebanyak 24% pada 2013 seperti terkandung dalam Laporan Perniagaan Grant Thornton International. Dalam tempoh tiga tahun lepas, kami telah menggandakan jumlah perwakilan wanita di bawah 30 tahun serta kategori perkhidmatan kurang dari 5 tahun. Perwakilan wanita dalam jawatan pengurusan kanan juga telah berkembang sebanyak 23% sejak tahun 2007.

Pembentukan dasar Pengaturan Kerja Anjal Waktu, perluasan program mentor wanita dan penubuhan pusat penjagaan kanak-kanak kecemasan merupakan kunci inisiatif agenda wanita/keluarga yang telah dilaksanakan pada tahun 2013.

Demografi tenaga kerja sepintas lalu - % pada tahap yang berbeza, umur purata & tempoh.

Jumlah Kakitangan: 47,771	
Pengurusan Kanan	2%
Pengurusan Pertengahan	9%
Eksekutif	55%
Bukan Eksekutif	34%
Purata Umur Tenaga Kerja	36 tahun
Purata Tempoh Kerja	10 tahun

Pada Disember 2013, nisbah lelaki kepada wanita dalam pengurusan kanan dan pertengahan adalah seperti berikut:

Tahap kerja	Perwakilan Jantina: % Perempuan	Perwakilan Jantina: % Perempuan (tidak termasuk Maybank Kim Eng & BII Finance)
	Dis 2013	Dis 2012
Pengurusan Kanan	31%	31%
Pengurusan Pertengahan	42%	43%

Maybank menerima pujian bersama daripada ACCA-Talent Corp Malaysia untuk Laporan mengenai Kepelbagaian Jantina di Anugerah Laporan Kemampanan ACCA - Malaysia (MaSRA) 2013.

MODAL INSAN KUMPULAN

KESUKARELAAN PEKERJA YANG BERKESAN

Jumlah kakitangan Maybank terlibat dalam pelbagai inisiatif Tanggungjawab Korporat (CR) setiap tahun menunjukkan bagaimana mendalamnya semangat kesukarelaan berakar di seluruh Kumpulan. Kakitangan Maybank memperuntukkan sejumlah lebih 119,000 jam sukarela, mengukuhkan misi insaniah kami terhadap komuniti yang terlibat dengan Maybank di peringkat global. Hari CR Global keempat yang diadakan pada 28 September 2013 menyaksikan lebih 19,000 warga Maybank mempamerkan 105 inisiatif CR mampan yang telah dimulakan pada tahun 2012 di bawah program Cabaran Cahaya Kasih (CKC). Maybank Kemboja menerima anugerah Prestasi Sosial Cemerlang Bank, dianjurkan oleh IDG Asean untuk Penajaan Kanak-kanak – inisiatif “Jalan Keluar Dari Kemelatan” yang telah memberi manfaat kepada 400 kanak-kanak kurang bernasib baik yang tidak mempunyai akses kepada pendidikan yang betul, asas penjagaan kesihatan dan pemakanan yang mencukupi.

Pada tahun kewangan ini, Maybank melancarkan Kempen Perayaan Serantau semasa Hari Raya Aidilfitri dengan inisiatif CR yang digerakkan oleh lebih 1,000 kakitangan Maybank yang melawat 50 hospital di Malaysia dan Indonesia, mengedarkan gula-gula kepada lebih 14,000 penyedia penjagaan kesihatan yang bekerja pada hari pertama Hari Raya. Kumpulan Maybank sentiasa berada di barisan hadapan, bertindak balas dengan cepat dari segi kewangan, bukan kewangan atau secara sukarela kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat bencana alam - sama ada sebagai kumpulan atau perkongsian dengan masyarakat. Pada bulan November dan Disember, Maybank membantu mangsa Taufan Haiyan di Filipina dan banjir di beberapa negeri di Malaysia. Kumpulan Maybank juga membantu kakitangan yang terjejas oleh bencana dengan menderma sejumlah RM267,465.50.

Kakitangan Maybank juga aktif dalam pelbagai acara lain seperti sambutan hari kebangsaan, meraih dana untuk badan amal dan perayaan-perayaan. Selain menjadi duta jenama, mereka mempamerkan bakat mereka dalam pertandingan acara seperti pasukan sorak, perarakan lintas atau gerai korporat, memenangi anugerah dan hadiah-hadiah utama.



KESEIMBANGAN KERJA-KEHIDUPAN DAN KELUARGA

Di samping pakej jumlah ganjaran yang kompetitif, kami sentiasa berusaha untuk memberikan keseimbangan kerja dan kehidupan bagi meningkatkan produktiviti dan memperbaiki pengkelan kakitangan. Mewujudkan budaya yang selamat dan tempat kerja yang kondusif sentiasa menjadi keutamaan Bank dan ini dimanifestasikan dalam Pernyataan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) apabila Bank berikrar untuk menggalakkan kesedaran keselamatan dan kesihatan pekerjaan di kalangan kakitangan dan pihak-pihak berkepentingan lain di tempat kerja.

Pelbagai program kesihatan dan keselamatan telah diadakan di seluruh negara seperti kempen mini Gaya Hidup Sihat, Program Komuter Selamat, Bengkel Keibubapaan Positif, Bengkel Minda Terapi dan Bengkel Ergonomik. Bagi memastikan amalan terbaik, Bank mengadakan jalinan dengan organisasi profesional dan pusat perubatan pakar. Program ini berstruktur dan interaktif, yang merangkumi aktiviti peserta dipantau oleh profesional terlatih hinggalah sesi dialog. Aktiviti-aktiviti ini dihadiri dengan penuh semangat oleh lebih 3,400 kakitangan di seluruh negara pada tahun 2013.

Maybank juga melabur sumber yang banyak untuk menggalakkan kakitangan mengambil bahagian dalam sukan. Karnival Sukan dan Gelanggang Tahunan Maybank melibatkan 22 sukan dan merupakan platform penting untuk menggalakkan semangat berpasukan dan kekitaan di kalangan kakitangan di seluruh dunia. Kami juga mengambil bahagian dalam BII Maybank Bali Marathon dan The Edge-Bursa Malaysia KL Rat Race 2013, dengan pelari kami mengungguli kedudukan teratas dalam pelbagai kategori. Pasukan Hoki Maybank memperbaiki kedudukannya di dalam liga sebagai naib juara yang mana kali terakhir ia berada di kedudukan yang sama ialah pada 1999. Pasukan bola sepak kami juga memperbaiki kedudukannya dalam Liga KLFA Liga dari tempat keenam pada tahun 2012 kepada tempat keempat pada tahun 2013.

Maybank telah membentuk pasukan siap sedia Pertolongan Cemas (FAST) di Ibu Pejabat dan pejabat wilayah. Seramai 173 kakitangan ahli FAST yang menyediakan perkhidmatan di majlis-majlis utama Bank dan kepada pelanggan sekiranya berlaku kecemasan.

Pada tahun 2013, kami mengesahkan Pengaturan Kerja Masa Anjal (FWA) yang memberikan garis panduan yang jelas kepada fleksibiliti di tempat kerja. FWA memberi kuasa kepada kakitangan untuk mengurus dan mengoptimumkan waktu kerja mereka tanpa menjejaskan komitmen pekerjaan dan peribadi masing-masing.

Satu lagi inisiatif keseimbangan kerja - kehidupan yang utama ialah penubuhan Pusat Penjagaan Kanak-kanak Harimau Cubs Maybank (MT3C) yang terletak di Menara Maybank. MT3C boleh memuatkan seramai 20 kanak-kanak pada satu-satu masa dengan 8 penjaga terlatih menguruskan pusat itu. MT3C menjajarkan Maybank dengan agenda negara untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja.

Pada tahun 2013, di bawah Bantuan Kewangan Maybank untuk Anak-anak Kakitangan Memasuki Institusi Pengajian Tinggi dan Sekolah Berasrama, Maybank mengagihkan sejumlah RM147,000 kepada 189 anak-anak kakitangan yang berpendapatan bulanan sebanyak RM4,000 dan ke bawah. Skim bantuan kewangan ‘Kembali ke Sekolah’ pula mengagihkan sejumlah RM306,000 kepada 1,530 anak-anak kakitangan yang memperoleh pendapatan bulanan sebanyak RM2,500 dan ke bawah.

TEKNOLOGI KUMPULAN

SEPINTAS LALU

MESEJ KEPADA PEMEGANG SAHAM

SIAPA KAMI

STRATEGI & PENCAPAIAN KUMPULAN

ULASAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB KAMI

KEPIMPINAN KAMI

TADBIR URUS KORPORAT

LAIN-LAIN MAKLUMAT

MAKLUMAT AGM



“Fokus utama kami adalah untuk menyokong perniagaan dalam mencapai aspirasi pertumbuhan serantau dengan penggunaan optimum teknologi, masa pemulihan operasi dan kecemerlangan perkhidmatan yang lebih baik dengan kecekapan kos. Kami perlu menyediakan perbezaan keupayaan melalui penyelesaian inovatif dengan ketangkasan dan kepantasan memasuki pasaran.”

GEOFF STECYK
Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan

KEUTAMAAN KAMI DALAM 2014

- Meningkatkan produktiviti dan keberkesanan melalui kecemerlangan perkhidmatan untuk memenuhi harapan pelanggan kami.
- Mempercepatkan keuntungan serantau melalui inisiatif serantau yang pantas serta penuaian pulangan pelaburan melalui Program Transformasi IT kami.
- Memberi tumpuan kepada projek-projek utama yang akan mewujudkan satu pengalaman perbankan menarik untuk pelanggan kami dan menghasilkan nilai untuk pemegang saham.

ASPIRASI TEKNOLOGI KUMPULAN

- Membolehkan kualiti dan produktiviti Maybank - menjajarkan dan melibatkan pasukan dalam peningkatan berterusan untuk memberikan perkhidmatan terbaik dengan kos yang kompetitif.
- Perindustrian dan profesionalisme Maybank - mengoptimumkan model operasi dengan penyeragaman proses dan teknologi untuk mencapai keupayaan kejuruteraan IT bertaraf dunia.
- Bank layan diri berdigital - layan diri penuh bagi pelanggan-pelanggan melalui platform berbilang saluran.

TEKNOLOGI KUMPULAN

Perkhidmatan Transformasi Keusahawanan telah disusun semula untuk diselaraskan dengan struktur Kumpulan Maybank yang baharu dengan bahagian IT sedang diubah menjadi Teknologi Kumpulan, sementara Operasi diubah kepada Operasi Kumpulan dan Kualiti Perkhidmatan diletakkan di bawah pejabat PCEO Kumpulan di Jabatan Pemasaran Strategik Kumpulan. Teknologi dan Operasi Kumpulan, yang berfungsi sebagai dua entiti berasingan, melayan tiga tonggak biasa (perniagaan, sokongan dan negara), manakala Kualiti Perkhidmatan terletak dalam tonggak sokongan pejabat PCEO Kumpulan.

Penyusunan semula ini menyediakan tumpuan khusus pada setiap bidang - Teknologi, Operasi dan Kualiti Perkhidmatan. Oleh itu, Kumpulan Teknologi akan bertanggungjawab untuk memaksimumkan keupayaan dan kemampuan bagi semua pelaburan dan perkhidmatan IT dalam Kumpulan termasuk negara, untuk menyokong perniagaan yang semakin berkembang di peringkat serantau dengan cara yang berkesan dan cekap.

TEKNOLOGI KUMPULAN

PERKHIDMATAN PERKONGSIAN MAYBANK (MSS)

Pembentukan Perkhidmatan Perkongsian Maybank pada bulan Julai 2013 mencerminkan tumpuan utama kami pada tahun 2013 untuk menyokong perniagaan, melonjakkan Kumpulan Maybank ke peringkat yang lebih tinggi dengan membina keupayaan dan penyelesaian Teknologi Maklumat serantau (IT).

MSS merupakan syarikat subsidiari milik penuh Maybank dengan status MSC. Selaras dengan Program Transformasi Ekonomi Kerajaan untuk membangunkan juara-juara bank serantau, MSS menjadi wadah Maybank untuk:

- Mempercepatkan kematangan teknologi dan keupayaan untuk berada di hadapan pesaing kami;
- Mewujudkan nilai kepada pemegang saham melalui manfaat cukai;
- Membina keupayaan dalaman untuk mengurangkan pergantungan kepada pihak luar; dan
- Menyediakan ketelusan perniagaan dalam pelaburan teknologi kami.

Perkhidmatan Perkongsian Maybank adalah berstatus



Sebagai organisasi perkhidmatan perkongsian IT, MSS berkeupayaan untuk menyediakan perkhidmatan IT serantau, menyelaraskan sistem serantau dan mengelakkan overhead yang tidak perlu, membantu untuk mempercepatkan transformasi IT bank peringkat serantau.

Sejajar dengan keutamaan strategik bank, satu daripadanya meningkatkan tempo untuk keserantauan, MSS telah menjadi pemandu dalam memulakan projek pelbagai skala di seluruh rantau ini termasuk inisiatif IT Backsourcing, Penyelesaian Cawangan Wilayah, Sistem Pengurusan Tunai Wilayah, TradeConnex Wilayah dan ATM Global.

Peralihan IT “Backsourcing”

Peralihan pelbagai pasukan dan perkhidmatan daripada bekas pembekal perkhidmatan infrastruktur pihak ketiga kami kepada MSS di bawah inisiatif IT “backsourcing” adalah satu amalan licin, lancar dan berjaya yang bermula pada bulan Julai 2013 dan siap pada 13 Oktober 2013. Ia melibatkan integrasi 300 ahli baharu ke dalam MSS. Maybank adalah bank pertama di Malaysia yang melaksanakan latihan seperti itu dan ia telah mengukuhkan lagi bakat dan kemahiran dengan kepakaran yang berkaitan.

Amalan “backsourcing” menangani objektif kritikal di bawah:

- Kualiti - sokongan operasi IT diseragamkan dan proses IT konsisten
- Kos - perbelanjaan pembangunan keseluruhan digunakan dengan lebih berkesan di seluruh Kumpulan
- Kepantasan - ciri-ciri dan aplikasi yang dibangunkan untuk satu pasaran dapat cepat dilaksanakan ke pasaran lain
- Tadbir urus - menguruskan penyelesaian dari satu lokasi, mengoptimumkan sokongan di peringkat serantau

Perkhidmatan infrastruktur “backsourcing” IT yang akan membolehkan bank mempunyai kawalan hujung-ke-hujung perkhidmatan IT adalah seperti berikut:

- Pusat Operasi Keusahawanan
- Perkhidmatan Pengkomputeran Teragih
- Perkhidmatan Rangkaian
- Meja Bantuan

Maybank Shared Services will be Supporting All Your IT Needs!

You have reached Maybank Help Desk. This is Yan Ling speaking. How may I assist you?

As part of our IT Backsourcing transition initiative, please be informed that effective 29 September 2013, Help Desk will be supported internally by Maybank Shared Services.

The Help Desk toll-free numbers remain the same:

Malaysia: 1800-88-1008
Singapore: 800-6011-304

However, there will be changes to the fax number and email address.

The new contact details are as follows:

Fax Number: +603-27110013
Email: maybankhelpdesk@maybank.com.my

Thank you.

MSS Help Desk Team

Humanising Financial Services Across Asia.

Maybank

Salah satu kesan segera peralihan tersebut adalah meja perkhidmatan bantuan IT Maybank kini disokong secara dalaman oleh MSS iaitu kakitangan Maybank memberi khidmat kepada kakitangan Maybank. Maybank di Malaysia dan Singapura kini menggunakan meja bantuan yang sama untuk semua keperluan IT mereka. Tumpuan adalah kepada penyampaian dan meningkatkan mutu perkhidmatan pelanggan untuk pelanggan dalaman dan luaran.

Penyelesaian Cawangan Wilayah (RBS)

RBS adalah inisiatif transformasi IT yang pertama dimulakan di bawah agenda transformasi. Objektif RBS adalah bukan sahaja untuk menyediakan perkhidmatan pelanggan yang lebih baik dan cekap tetapi untuk mewujudkan pengalaman baharu dan berubah untuk pelanggan kami di cawangan.

Untuk menjadi lebih cekap, RBS menawarkan perkhidmatan pelanggan yang konsisten, meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pemprosesan, membina asas untuk platform juruwang standard serantau dan melengkapi konsep “cawangan masa hadapan”. Pelanggan akan gembira dengan pengalaman cawangan baharu dan berubah melalui urus niaga tanpa kertas, atau sekatan cawangan asal serta pengenalan pelanggan yang berkesan dan cekap yang mengurangkan masa menunggu dan masa pemprosesan di kaunter.

RBS menggantikan platform juruwang yang sedia ada di Singapura dan Malaysia. RBS diaktifkan untuk semua cawangan di Singapura pada awal bulan November 2013, manakala penempatan di seluruh negara di Malaysia mencapai 485 buah lokasi pada bulan Disember 2013.

Sistem Pengurusan Tunai Serantau (RCMS)

Melalui RCMS yang baharu, Maybank telah membezakan dirinya daripada bank-bank lain dengan menjadi bank pertama di dunia yang mempunyai perbankan mudah alih korporat menggunakan platform telefon Windows 8 yang menyediakan kemudahan dan mobiliti kepada pelanggan korporat. Sistem ini juga boleh diakses melalui pelbagai peranti mudah alih seperti IOS (untuk iPhone dan iPad), Android (telefon dan tablet), Blackberry 10 dan web mudah alih.

Maybank juga merupakan bank pertama di Malaysia yang melancarkan sistem pengurusan tunai serantau di ASEAN dan China dan mempunyai jenama standard di seluruh rantau ini, menyediakan pengalaman pelanggan yang konsisten dan membezakan Maybank dengan bank-bank tempatan yang lain.

RCMS membenarkan Maybank untuk mentransformasikan perkhidmatan pelanggan korporat dengan menyediakan saluran elektronik yang konsisten dan mantap merentasi rantau atas satu platform sahaja. Penyampaian perkhidmatan tanpa sempadan, mudah untuk digunakan, dan platform masa sebenar yang komprehensif menawarkan kepada pelanggan kawalan yang lebih baik ke atas mudah tunai. RCMS juga merupakan sistem pelbagai bahasa - Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, Bahasa Indonesia, Jepun dan dua Bahasa Cina iaitu bahasa yang dipermudahkan dan bahasa tradisional.

Selepas berjaya dilancarkan di Singapura dan Malaysia pada tahun 2012, RCMS telah diperkenalkan di Filipina, China dan Indonesia, masing-masing pada bulan Mac, Jun dan November 2013. Pelaksanaan seterusnya ini menerima pakai pendekatan Rapid Drop untuk mencapai perniagaan serantau, yang mengambil tempoh lebih singkat apabila keupayaan standard diperkenalkan di negara-negara lain berdasarkan pengajaran dan pengalaman yang diperoleh.

TradeConnex Serantau

TradeConnex menyediakan platform pemprosesan perdagangan yang tunggal dan seragam di seluruh rantau ini dan terus ditempatkan di negara-negara lain selepas berjaya diperkenalkan di beberapa buah negara termasuk Singapura, Filipina, Kemboja dan Indonesia pada tahun 2012. Pada tahun 2013, TradeConnex telah dilancarkan di Beijing (pada bulan Jun), Laos (Julai) dan Papua New Guinea (November). Sebagai penyelesaian berasaskan laman sesawang, ia menawarkan akses, mobiliti dan kemudahan untuk pelanggan. Dengan memiliki pelbagai ciri seperti maklumat terkini pasaran, e-permohonan dan komunikasi dengan Pusat Maklumat Perdagangan kami, kami memastikan pelanggan mendapatkan maklumat terkini berkaitan dengan perdagangan antarabangsa mereka.

Satu lagi kejayaan dicapai pada 1 Disember 2013 dengan siapnya integrasi antara TradeConnex Serantau dengan FITAS atau Finance of International Trade Automated System Maybank Singapura bagi pemprosesan secara terus sistem pembiayaan perdagangan barisan belakang (back office), sekali gus menunjukkan keupayaan Kumpulan untuk mewujudkan penyelesaian serantau. Kerjasama ini membuka jalan untuk pasukan projek TradeConnex Serantau melaksanakan integrasi serantau TradeConnex daripada pembiayaan perdagangan barisan belakang untuk laman sesawang lain pada tahun 2014.

ATM Global

Bank terus meluaskan lagi rangkaian global ATM dengan pembukaan mesin ATM di Vietnam (bulan Februari), Laos (April) dan London (Ogos), menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak enam buah ATM global (di Kemboja, Papua New Guinea dan Brunei). Mesin ATM akan menyediakan kepada pelanggan kami akses wang tunai secara mudah dan selamat selain pengalaman perbankan yang lebih baik apabila mereka berada di luar negara.

Untuk maklumat lanjut mengenai pengiktirafan industri kami, rujuk muka surat 63.

OPERASI KUMPULAN



“Struktur Kumpulan yang disemak semula pada tahun 2014 dan penubuhan Operasi Kumpulan sebagai sektor yang berdedikasi merupakan satu strategi untuk mempercepatkan perjalanan transformasi Kumpulan ini. Operasi Kumpulan akan memberi tumpuan kepada semua aktiviti operasi serta meningkatkan kecemerlangan operasi di seluruh Kumpulan.

Penekanan akan diberikan untuk menyelaraskan operasi kami di rantau ini dengan objektif meningkatkan pengalaman pelanggan kami dan keuntungan Kumpulan.”

JEROME HON
Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

KEUTAMAAN KAMI DALAM 2014

- Pemusatan, keserantauan dan memperkemaskan proses dan struktur dalam semua aktiviti operasi perbankan utama.
- Mengamalkan kecemerlangan operasi dan inisiatif LEAN.
- Memperkukuhkan budaya pengurusan risiko dalam Operasi Kumpulan.

STRATEGI OPERASI KUMPULAN

Inisiatif transformasi yang dirancang untuk tahun 2014 termasuk pemusatan, keserantauan dan memperkemaskan proses dan struktur untuk memastikan produktiviti yang lebih tinggi serta kecekapan kos. Ini akan melibatkan aktiviti-aktiviti operasi perbankan utama, yang termasuk Pembayaran & Terminal Layan Diri (Bayaran & SST), Pusat Operasi Perdagangan (TOC), Pentadbiran Kredit (CA) dan Operasi Perbendaharaan.

Kecemerlangan operasi dan inisiatif LEAN akan diguna pakai dengan tujuan untuk memastikan proses dan hasil yang cekap dan produktif. Selain meningkatkan produktiviti dan menyokong rancangan strategik pengurusan kos Kumpulan melalui inisiatif ini, kami juga akan memberi tumpuan kepada mengukuhkan budaya risiko dalam Operasi Kumpulan.

KAJIAN OPERASI 2013

Sebelum tahun 2014, Operasi telah ditempatkan di bawah Perkhidmatan Transformasi Enterpris (ETS) yang terdiri daripada lima unit utama - CA, pembayaran dan SST, TOC, Sokongan Pengurusan dan Pejabat Pengurusan Projek (MS-PMO) dan Sistem Pengurusan Cagaran Kumpulan (GCMS).

Keupayaan Pusat Pentadbiran Kredit (CAC) telah diperluaskan untuk membabitkan Operasi dengan mengambil alih beberapa aktiviti yang sedia ada daripada cawangan. Peranan utama, yang telah dipindahkan daripada cawangan ke CAC, ialah pengurusan dan pengendalian sampul surat sekuriti fizikal yang membolehkan cawangan untuk memberi tumpuan kepada jualan dan perkhidmatan pelanggan. Setakat ini, satu juta sampul surat keselamatan telah dipindahkan ke pusat-pusat serantau masing-masing.

Maybank adalah bank utama dalam membangunkan sistem komunikasi dalam talian dengan firma-firma undang-undang. Status masa sebenar untuk dokumentasi telah tersedia dan kami boleh mengesan prestasi peguam/peguam cara ketika mahukan penyelesaian awal. Baru-baru ini, kami juga telah meningkatkan sistem untuk memulakan komunikasi dengan pihak berkepentingan lain yang utama iaitu pemaju hartanah. Pemaju kini boleh mengetahui mengenai status dokumentasi dan tarikh serta jumlah pengeluaran dibuat oleh mereka. Pada masa ini, terdapat kira-kira 9,000 pengguna dan lebih 350,000 kes dokumentasi dikendalikan oleh sistem sejak pelaksanaannya pada tahun 2004.

Pada tahun 2013, Pusat Operasi Perdagangan telah mengambil langkah besar ke arah menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan yang menjuarai amalan terbaik dan bertindak sebagai pusat rujukan untuk mana-mana isu yang berkaitan dengan perdagangan, dengan melaksanakan kedua-dua inisiatif utama:

1. Pengambilalihan Aktiviti Pemprosesan Perdagangan dari Unit Luar Negara di TOC

Pemusatan aktiviti pemprosesan perdagangan di TOC telah mewujudkan penyeragaman proses yang kini dilakukan mengikut negara. Ini juga telah membolehkan amalan terbaik dan perkongsian pengetahuan di seluruh negara-negara dalam melaksanakan TOC serantau untuk menyokong aktiviti-aktiviti serantau Perbankan Global.

2. Pemusatan Aktiviti Semakan Dokumen Eksport di TOC

Aktiviti ini sebelumnya dilakukan oleh sumber luar disebabkan oleh kekurangan kepakaran dalam Bank. Dengan membawa kembali aktiviti Semakan Dokumen Eksport ke TOC, Pusat Kewangan Perdagangan (TFC) kini mempunyai satu proses yang seragam. Ini telah juga meningkatkan pengalaman pelanggan kami dengan mengurangkan masa pemprosesan di TFC dan menyediakan keutamaan pelanggan. Sebagai pemain utama dalam Pembiayaan Perdagangan di negara ini, Maybank kini mempunyai pasukan pemeriksaan dokumen yang bertauliah sendiri.

Pelbagai usaha yang dilakukan oleh pasukan operasi seperti perkembangan keupayaan, peningkatan pengalaman pelanggan, memperkemas proses dan pemusatan sistem untuk bertindak sebagai satu sumber yang tepat berhasil apabila beberapa anugerah diterima pada tahun 2013 daripada ejen nostro.

Sistem Pengurusan Cagaran Kumpulan (GCMS) adalah sistem pengurusan cagaran berpusat, yang menyediakan rangka kerja untuk pengurusan yang cekap bagi maklumat cagaran dan memenuhi keperluan operasi dan pemantauan khusus di bawah Basel II ke arah mengoptimumkan aset wajaran risiko. Ia juga berfungsi sebagai sumber tunggal data cagaran untuk Sistem Maklumat Pengurusan serta pelaporan kawal selia, pematuhan dan analisis perniagaan. GCMS memudahkan penilaian semula cagaran layak khusus untuk digunakan sebagai pengurangan risiko kredit.

Sokongan bayaran dan ATM SST kini digabungkan ke dalam satu unit, membolehkan laporan dan operasi LEAN diselaraskan, dan dengan itu, kami kini dapat menyokong pertumbuhan perniagaan. Kami juga menyatukan unit Penjelasan Cek Masuk dengan unit Penjelasan Cek Keluar sebagai Pusat Sehenti untuk mengendalikan pemprosesan cek, sejajar dengan keperluan BNM untuk menyeragamkan amalan. Ini secara ketara memperbaiki produktiviti serta kecekapan pasukan.

Kami juga telah membolehkan pemantauan masa sebenar yang meluas melalui platform laman sesawang berpusat merentasi 4,520 terminal layan diri di Malaysia dan enam negara dengan melaksanakan Penyelesaian Pemantauan ATM Global – eSST. Keupayaan dan manfaat yang diperoleh daripada projek ini ialah:

Sistem

- Ketersediaan data SST berasaskan web dan dalam masa sebenar
- Berskala untuk menyokong negara-negara
- Kebolehcapaian diperluaskan kepada penyedia perkhidmatan dan mesin
- Keupayaan Dashboard dan gambar keseluruhan prestasi SST

Proses

- Pemprosesan langsung (STP) melalui peningkatan automatik untuk pembekal perkhidmatan/mesin vendor
- Penyelesaian kali pertama bagi kesalahan dan kesilapan SST disediakan
- Mengurangkan tempoh pemulihan dengan keupayaan daripada jauh membawa SST untuk kesalahan terpilih

Risikn Perniagaan

- Mengesan keupayaan kesilapan untuk mengenal pasti di mana langkah-langkah pencegahan diperlukan
- Laporan dan analisis automatik disediakan
- Kemampuan jumlah transaksi masa sebenar untuk menguruskan waktu puncak dan keperluan tenaga manusia

Untuk anugerah kami, sila rujuk ke muka surat 63.

1 penyelesaian, 4,520 SST di seluruh Malaysia dan 6 negara



**DENGAN DEDIKASI
KAKITANGAN
MAYBANK, KAMI
MEMPERKASAKAN
KOMUNITI DI
SELURUH ASIA.**



KOMUNITI

119,000

JUMLAH JAM DISUMBANGKAN

KOMUNITI



ALAM SEKITAR



TEMPAT KERJA



PASARAN





TANGGUNGJAWAB KORPORAT

“...Model Baru Ekonomi mesti turut memasukkan komitmen ke arah kemampanan bukan hanya sahaja dalam aktiviti ekonomi kami tetapi mempertimbangkan kesan pembangunan ekonomi terhadap persekitaran dan sumber asli yang berharga. Tidak bermakna kepada kami mengejar masa depan jika hanya berdasarkan sepenuhnya kepada penciptaan kekayaan”

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SRI HAJI MOHAMMAD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK,
Perdana Menteri Malaysia



Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin, Pengerusi Yayasan Maybank, beramah mesra dengan penerima sumbangan program pembiayaan mikro Bank Internasional Indonesia (BII).

Ketika mana sektor kewangan memainkan peranan penting dalam menyemarakkan pertumbuhan ekonomi di peringkat negara dan serantau, terdapat keperluan yang semakin meningkat untuk menangani isu kemampanan. Seperti mana ditekankan oleh Perdana Menteri kita, pendekatan bersepadu ke arah kemampanan, yang mengambil kira dasar dan amalan ekonomi, alam sekitar dan sosial, telah menjadi perkara yang amat penting.

Kemampanan telah menjadi asas penting kepada Maybank sejak pada peringkat awal penubuhannya – baik dalam prestasi perniagaan kami, produk-produk dan perkhidmatan kami atau dalam berurusan dengan pemegang kepentingan Maybank. Begitu juga, tanggungjawab korporat (CR) adalah penting dalam cara kami berurusan. Bagi tempoh lebih daripada 50 tahun, Maybank telah mengamalkan 'Rakyat Diutamakan' - baik sama ada pelanggan kami, pelabur, kakitangan, rakan atau komuniti.

Sejak di peringkat awal lagi, Maybank melihat bahawa menjadi warga korporat yang baik adalah penting kepada pertumbuhan Maybank. Hari ini – sebagai sebuah kumpulan perkhidmatan kewangan utama di Asia – Maybank menyedari bahawa perlunya untuk memikul peranan kepimpinan sebagai warga korporat yang bertanggungjawab.

Keyakinan ini terjelma di dalam misi Maybank untuk menginsankan perkhidmatan kewangan ke seluruh Asia.

Laporan Kemampanan Kami 2013

Ketika Maybank berkembang ke seluruh ASEAN, komitmen kami terhadap amalan ketelusan dan kebertanggungjawaban meningkatkan. Laporan Kemampanan 2013 mencerminkan janji kami untuk memaklumkan kepada umum - bukan sahaja kepada para pemegang saham tetapi juga kepada semua pemegang kepentingan kami dengan ikrar untuk menjadi entiti yang bertanggungjawab dan mampan dalam perniagaan. Tahun ini, Maybank menumpukan kepada membina hubungan serantau dalam usaha Kemampanan Korporat ke arah mencapai misi Maybank. Laporan tahun ini juga selari dengan piawaian baharu yang ditetapkan oleh Inisiatif Pelaporan Global, GRI4.

KOMUNITI

Bank Prihatin



Maybank mempunyai sejarah yang panjang dalam peranannya berada di tengah-tengah komuniti. Sejak awal lagi, kami menyasarkan untuk menjadi sebuah entiti milik semua rakyat Malaysia, dan cawangan Maybank bagaikan menjadi satu nukleus di kebanyakan bandar-bandar kecil di seluruh negara. Selari dengan misi menginsankan perkhidmatan kewangan, kami kini meluaskan pendekatan berasaskan komuniti ini ke seluruh rantau.

Pada tahun 2013, Maybank telah memberikan impak pelaburan yang besar ke seluruh Asia Tenggara – inisiatif-inisiatif yang dilakukan bukan hanya untuk menggalakkan akses perkhidmatan kewangan kepada setiap lapisan masyarakat tetapi juga mempromosikan transformasi yang tulen dan berterusan.

Di bawah penyelarasan Yayasan Maybank, kerja-kerja kemasyarakatan yang kami lakukan mensasarkan kepada kumpulan-kumpulan penerima manfaat yang luas sebagai usaha menyediakan satu piawaian baharu terhadap aktiviti tanggungjawab sosial. Ini bukan sekadar memberikan sumbangan tetapi mengadakan program-program yang bermakna dan berkekalan hasilnya. Pelaburan sosial kami melibatkan pendidikan, pemerkasaan komuniti, sukan, kesihatan, seni, kebudayaan dan warisan. Adalah menjadi prinsip Yayasan, kebanyakan program seharusnya digerakkan oleh pekerja atas dasar sukarela.



Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin dan Puan Nora Abd Manaf, Ketua Modal Insan Kumpulan mengucapkan tahniah kepada penerima Anugerah Biasiswa Maybank 2013.

PENDIDIKAN

Menggalakkan Kecemerlangan

Kami amat komited dalam menyokong pembangunan sosial dan ekonomi melalui pendidikan, terutamanya pelajar-pelajar yang cemerlang akademiknya daripada keluarga-keluarga berpendapatan rendah. Program biasiswa Maybank adalah bertujuan menarik bakat-bakat terbaik serantau dan menyediakan mereka peluang-peluang untuk mencapai potensi penuh dalam jangka masa panjang. Program sekolah angkat Maybank adalah bertujuan untuk menambahkan akses pendidikan, terutamanya dalam kalangan masyarakat luar bandar. Kami juga bekerjasama dengan rakan kongsi terpilih dalam program-program pendidikan untuk melengkapi kanak-kanak dengan kemahiran-kemahiran penting untuk kehidupan seperti celik kewangan.

Anugerah Biasiswa Maybank

Pada tahun 2013, Yayasan Maybank memperuntukkan RM30 juta untuk membiayai biasiswa yang meliputi yuran tuisyen, sara hidup, komputer riba dan latihan. Kami juga mengendalikan program-program pembangunan seperti latihan amali dan 'mentorship' untuk membolehkan para pemegang biasiswa meneruskan kerjayanya dengan Kumpulan Maybank.

Biasiswa-biasiswa Maybank BII

Pada bulan November 2012, Bank Internasional Indonesia (BII) melancarkan program anugerah biasiswa tempatan dan seberang laut. Pada tahun 2013, lebih 8,400 pelajar dari di seluruh Indonesia memohon biasiswa tempatan, dan 28 berjaya mendapatnya. Sementara itu, seramai 300 pelajar memohon biasiswa keluar negara, dan lima telah pun dianugerahkan biasiswa untuk belajar di Malaysia dan Singapura.

Menggalakkan Kecemerlangan Pendidikan di Sekolah Luar Bandar (PEERS)

Kami bekerjasama rapat dengan rakan kongsi terpilih untuk melaksanakan program pendidikan melibatkan 16 buah sekolah luar bandar yang dijadikan sekolah angkat di bawah program PEERS. Antara rakan utama ialah British Council, yang mana kami telah membangunkan sebuah program untuk tempoh selama tiga tahun membantu guru bahasa Inggeris mengekalkan kurikulum baharu, menarik dan berkaitan. Sehingga kini, lebih daripada 4,800 pelajar dan 360 guru mendapat manfaat.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

CashVille Kidz

Pada tahun 2013, kami melancarkan CashVille Kidz Musim 2, sebuah siri animasi TV, yang dihasilkan oleh Yayasan Maybank dan MoneyTree Sdn Bhd. Program ini mengajar para pelajar tentang pentingnya mengurus wang dengan baik dan menumpukan kepada pengajaran kewangan yang merangkumi kepentingan menyimpan wang hinggalah amalan-amalan perbelanjaan positif dan pelaburan bijak. Siri percubaan CashVille Kidz telah ditonton lebih 1.5 juta penonton – meningkat lebih 10 kali berbanding sasaran awalnya. Inisiatif itu juga diperluas dengan turut memasukkan Cabaran Celik Kewangan yang menguji kanak-kanak sekolah rendah tentang kemahiran mereka dalam perancangan kewangan. Meskipun baru di pasaran, ia telah mendapat pengiktirafan sebagai pemenang bersama Efma-Accenture Innovation Awards 2013 di bawah kategori 'Perniagaan Bertanggungjawab'. Penganugerahan itu disertai oleh lebih 150 buah bank dari 54 buah negara. Musim ke-2 dijangka bermula pada pertengahan tahun 2014.



Para pelajar bergambar bersama-sama watak-watak CashVille Kidz, iaitu Penny, Suzy, Sens dan Barry.

Program Memperkasakan Belia

Dengan kerjasama Heartware Network dan Kementerian Pelajaran Singapura, pada tahun 2012 Maybank Singapura telah melancarkan Program Heartware Character & Citizenship Education (CCE) Leadership dan Program Tuisyen. Disebabkan sistem pendidikan Singapura yang kompetitif, pelajar yang latar belakangnya berpendapatan rendah menghadapi masalah untuk mendapatkan akses kepada sokongan pendidikan tambahan. CCE Leadership dan Program Tuisyen disasarkan untuk menangani perbezaan ini dengan menawarkan kelas percuma dan bimbingan rakan sebaya. Pada tahun 2013 hampir 250 pelajar dan sukarelawan belia mendapat faedah daripada inisiatif-inisiatif ini. Kami merancang untuk terus menyokong program-program yang membantu komuniti berkembang secara berkekalan.

MEMPERKASAKAN KOMUNITI

Merangsang Pembangunan

Kesukarelawan Kakitangan



Misi kerja-kerja kemasyarakatan sentiasa berada dekat di hati kakitangan Maybank. Pada tahun 2013 sahaja, lebih daripada 23,000 warga Maybank menyumbang lebih daripada 119,000 jam daripada masa mereka sendiri untuk mengambil bahagian dalam program komuniti secara sukarela.

Melalui program tahunannya yang utama Cahaya Kasih, kami telah menstruktur, memantau dan menilai kesan semua kerja kesukarelaan yang dilakukan kakitangan tersebut. Sejak dimulakan pada tahun 2006, Cahaya Kasih mencabar warga-warga Maybank di seluruh dunia untuk mengemukakan projek yang memberikan manfaat jangka panjang kepada komuniti yang dipilih mereka. Pada tahun 2013, kami menerima lebih daripada 100 buah cadangan projek. Setiap cadangan diberi geran awal untuk mengerakkan projek tersebut. Sebanyak 20 projek terbaik yang mampu mempamerkan usaha dan impaknya, menerima bantuan tambahan RM20,000 untuk dimanfaatkan oleh para penerima faedahnya.

Inisiatif-inisiatif tersebut telah dilaksanakan di 16 buah negara sepanjang tahun, dan pada akhir cabaran, setiap projek diadili berdasarkan kepada kesan dan manfaat setelah dilaksanakan. Projek terbaik di setiap kategori telah mendapat dana tambahan untuk pembangunan yang seterusnya. Untuk mendapatkan senarai penuh projek-projek berkenaan, sila lawati www.maybankfoundation.com.

Sementara itu, sejak tahun 2010, kami telah menggunakan Hari Tanggungjawab Sosial (CR) Global untuk mempamerkan inisiatif-inisiatif yang dilakukan oleh warga Maybank. Usaha-usaha yang dilakukan pada tahun 2013 meliputi pemerkasaan komuniti, pendidikan dan sukan, alam sekitar, kesihatan dan inisiatif-inisiatif perubahan. Pada tahun lepas, kami menganggar lebih daripada 800,000 orang menerima manfaat daripada program-program kesukarelaan tersebut.

Untuk menggalakkan kerja-kerja kesukarelaan, Maybank memberikan kepada kakitangannya pelepasan cuti selama tiga hari dalam tempoh setahun.

Desa Maybank Sinar Harapan Baharu

Pada tahun 2013, sekumpulan warga Maybank telah melancarkan sebuah projek untuk meningkatkan taraf kehidupan penduduk di Pulau Carey, Selangor, Malaysia. Projek itu bertujuan menangani isu-isu yang sukar: kemiskinan, kesedaran pendidikan yang rendah, kurangnya kebersihan asas dan penjagaan kesihatan, ketagihan dadah dan alkohol, golongan tua yang dipinggirkan, peningkatan tinggi bilangan ibu tunggal, kekurangan sumber dan aktiviti kurikulum tambahan untuk belia.

Selepas melawat 100 buah keluarga, sukarelawan Maybank telah melibatkan diri mereka dengan komuniti itu dan berjaya mendapat kepercayaan mereka. Warga Maybank juga bekerjasama dengan pelbagai pertubuhan yang berminat untuk menyokong inisiatif tersebut. Bersama-sama dengan rakan-rakan kerjasama itu, perbincangan dan kelas-kelas diadakan melibatkan topik daripada pendidikan, pekerjaan hingga kebersihan asas, pemeriksaan perubatan percuma dan kempen pencegahan dadah.

Projek ini telah membuahkan hasilnya termasuk meningkatkan kesedaran tentang pentingnya penjagaan kesihatan dan meningkatkan minat terhadap pendidikan kanak-kanak yang seterusnya digalakkan lagi oleh kewujudan sumber baharu seperti perpustakaan dan komputer untuk golongan muda.

Dengan cara ini, inisiatif berkenaan membantu memperkasakan komuniti supaya mengambil tanggungjawab untuk kemajuan sosial dan ekonomi mereka.



Datuk Abdul Farid Alias, Presiden & CEO Kumpulan, membantu seorang peserta cacat penglihatan sebelum memulakan acara kebajikan Cahaya Kasih.

Pembiayaan Mikro

Melalui salah satu daripada program-program Tanggungjawab Korporat (CR) kami 'BII Berbagi', syarikat subsidiari kami di Indonesia, Bank Internasional Indonesia (BII) telah melaksanakan program pembiayaan mikro bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan dengan membantu wanita Indonesia yang memerlukan, terutamanya di kawasan luar bandar – untuk meningkatkan taraf hidup mereka dengan terlibat dalam bidang keusahawanan.

Pada tahun 2012, BII telah bekerjasama dengan Koperasi Mitra Dhuafa (KOMIDA), sebuah institusi kewangan mikro Indonesia (MFI) untuk menyediakan dana pusingan Rp1 bilion (kira-kira RM300,000) kepada wanita-wanita yang memerlukan dengan pengenaan kadar faedah yang rendah.

Pada tahun 2013, BII meluaskan usaha mereka dengan melancarkan dua program pembiayaan mikro tambahan dengan Baitul Maal Tamwil (BMT) dan Asosiasi Perempuan Usaha Kecil (ASPUK). Setiap program mempunyai dana pusingan sebanyak Rp1 bilion (kira-kira RM300,000). BMT lebih menumpukan kepada perusahaan mikro manakala ASPUK menyasarkan khusus kepada wanita yang menjadi pemilik-pemilik perniagaan mikro. Melalui BMT, BII menyediakan pembiayaan mikro kepada lebih 200 buah perusahaan mikro merentasi enam buah wilayah. Kerjasama dengan ASPUK telah dilancarkan pada bulan Disember 2013. ASPUK beroperasi melalui 29 buah koperasi dan melibatkan wanita-wanita di Sulawesi, Sumatera, Kalimantan, Nusa Tenggara Barat, Nusa Tenggara Timur dan Jawa.

Sejak tahun 2012, inisiatif-inisiatif pembiayaan mikro 'BII Berbagi' telah memberi manfaat kepada 5,000 wanita.

Bantuan Bencana

Pada tahun 2013, Kumpulan Maybank dan Yayasan Maybank telah menyumbang RM1 juta kepada Persatuan Palang Merah Kebangsaan Filipina untuk membantu mangsa Taufan Haiyan, yang melanda bahagian tengah Filipina pada bulan November, sehingga meninggalkan kesan kemusnahan yang besar. Tahun lepas juga menyaksikan siapnya Pusat Komuniti Maybank bagi penempatan semula komuniti Xavier – rumah kediaman kepada 573 keluarga yang menjadi mangsa Taufan Sendong (Washi) pada tahun 2011. Dibiayai oleh Maybank Filipina, Pusat Komuniti digunakan oleh keluarga-keluarga yang terjejas untuk aktiviti komuniti. Selain itu, Maybank Filipina juga memulakan program-program pembangunan kapasiti untuk

membantu keluarga-keluarga dalam komuniti mendapat peluang kerja yang lebih baik dan mendapatkan semula mata pencarian mereka.

Pada awal bulan Disember, pantai timur Malaysia dilanda banjir akibat hujan lebat dalam musim tengkujuh sehingga memaksa berpuluh ribu orang mengosongkan kediaman mereka yang mana bekalan elektrik dan air terputus di kebanyakan kawasan. Maybank menyumbang RM110,000 bagi membeli makanan dan bekalan bantuan kepada lebih daripada 1,000 keluarga yang terjejas.

HIDUP SIHAT

Memupuk Kesihatan



Sokongan kami yang berterusan bagi akses penjagaan kesihatan dan kesihatan diri merupakan aspek misi kemanusiaan kami.

Pusat Pemindahan Hepar, Hospital Selayang

Pada tahun 2002, Maybank mengadakan pakatan dengan Hospital Selayang untuk membantu wujudkan dan mengendalikan Pusat Pemindahan Hepar (LTC). LTC melakukan pembedahan pemindahan hepar bagi mereka yang tidak dapat menanggung kos bayaran yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta. Dengan sokongan kami, kos perubatan diberikan subsidi untuk pesakit-pesakit yang kurang bernasib baik, dan setakat ini, LTC telah menjalankan 60 pemindahan hepar. Maybank telah menyumbang RM6.2 juta bukan sahaja untuk menyokong operasi pusat berkenaan tetapi juga mengadakan dana pembiayaan kepada pesakit-pesakit yang memerlukannya. Jumlah ini termasuk dana yang diperolehi melalui program-program kebajikan yang diadakan bersempena acara-acara sukan tahunan Maybank Malaysia Open (MMO).

Institut Jantung Negara (IJN)

Dalam usaha menggalakkan akses kepada penjagaan kesihatan, Maybank Islamic telah membuat komitmen melalui Yayasan Maybank untuk menyumbang RM1.7 juta selama 5 tahun kepada Pusat Pediatrik Jantung Serantau yang baru di Institut Jantung Negara. Sumbangan ini bukan hanya memberikan bantuan peralatan perubatan yang amat diperlukan tetapi juga membantu menanggung subsidi perbelanjaan perubatan kepada pesakit-pesakit yang berpendapatan rendah. Sejak tahun 2012, kerjasama ini telah membantu 30 kanak dari sekitar rantau.

Sukan

Sukan melahirkan insan yang sihat, membangunkan bakat, dan menjadi pemacu kepada daya saing. Kami bukan sahaja giat menggalakkan kakitangan untuk mengambil bahagian dalam sukan, tetapi juga turut menaja beberapa acara sukan yang utama.

Bersama-sama dengan Persatuan Badminton Malaysia, kami menganjurkan latihan dan pertandingan kepada para pemain muda, membolehkan pemain kebangsaan menjadi sumber inspirasi dan berkongsi kepakaran mereka dengan generasi baharu.

Melalui Kejohanan Golf Terbuka Malaysia Maybank (MMO), kami membantu menggalakkan usaha melahirkan pemain-pemain muda. Pada tahun 2013, pertandingan itu turut mendapat sumbangan derma orang ramai berjumlah RM10,000 untuk disumbangkan kepada Tabung Wira Media Prima Lahad Datu, diikuti pula sumbangan RM200,000 oleh Yayasan Maybank. Sumbangan ini adalah sempena tragedi serangan pengganas Lahad Datu, Sabah pada bulan Februari 2013 yang mengakibatkan anggota tentera terbunuh kerana mempertahankan kedaulatan negara.

Sementara itu, Pertandingan "Star Experience for Charity" menyaksikan lapan pemain golf amatir menyumbang RM5,000 kepada "Make A Wish Malaysia" – sebuah yayasan yang membantu menjadikan impian pesakit kanak-kanak yang tiada harapan sembuh, menjadi kenyataan. Acara tersebut berjaya mengutip RM40,000 daripada pemain golf, yang kemudiannya dipadankan dengan sumbangan sebanyak RM40,000 daripada Yayasan Maybank.

TANGGUNGJAWAB KORPORAT

SENI, BUDAYA & WARISAN

Nukilan Jiwaku

Sepanjang 10 tahun yang lalu, kami telah membantu lebih daripada 300 artis, jurugambar, penulis dan pereka grafik dengan menaja acara-acara yang meraikan pelbagai budaya yang ada di Asia Tenggara.

Pada tahun 2013, salah satu acara itu ialah Pameran Seni Nukilan Jiwa yang diadakan di Balai Seni Maybank, Kuala Lumpur. Ia mempamerkan bakat artistik 24 artis kurang upaya. Nukilan Jiwaku memberikan peluang kepada orang kurang upaya untuk berkarya dan juga membantu mereka berdikari menyara diri sendiri.

Anugerah Fotografi Maybank

Anugerah Fotografi Maybank diwujudkan berdasarkan kepercayaan bahawa gambar mampu bercerita tentang sesuatu yang melangkaui batas-batas bahasa, sosioekonomi dan kebudayaan. Pada tahun 2012, kami menerima 20,000 penyertaan tetapi jumlahnya meningkat tiga kali ganda kepada 67,000 pada tahun 2013. Bertemakan “Inspiring Asia”, anugerah itu menarik penyertaan sembilan daripada 10 buah negara ASEAN. Penyertaan itu dinilai oleh hakim-hakim yang terkenal seperti Ming Thein, Raghu Rai dan Mike Yamashita, dan para pemenangnya datang dari empat buah negara yang beza.

ALAM SEKITAR

Ke arah Mesra Alam



Seiring dengan misi kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan merentasi Asia, Maybank sentiasa berusaha menyediakan pembiayaan kepada perniagaan yang memberikan kesan positif dan mampan kepada alam sekitar.

Kami juga menggalakkan amalan alam sekitar yang baik dan berpanjangan di seluruh aktiviti operasi dalam usaha mengurangkan kesan langsung dan sebaliknya terhadap alam sekitar dan mengurus bahan dan sisanya secara wajar.

Sejak tahun 2011, kami telah menyertai Projek Pendedahan Karbon (CDP), sebuah sistem global bagi syarikat-syarikat dan bandar raya mengukur, mendedahkan, menguruskan dan berkongsi maklumat alam sekitar yang penting. Bagi penyertaan kali pertama, kami meraih 37 daripada 100 mata, pada tahun 2012, kami mencatat 58, dan pada tahun 2013, mata kami bertambah kepada 67.

Sementara itu, sebagai menyokong kempen alam sekitar untuk menghijaukan bumi, Maybank, melalui Yayasan Maybank telah menjalankan pelbagai aktiviti kesedaran dan program biodiversiti. Kami juga bekerjasama dengan organisasi hidupan liar dan pemuliharaan alam mencari cara-cara untuk melindungi warisan semula jadi.

Maybank telah terlibat dalam pemuliharaan harimau untuk lebih daripada tiga dekad lalu. Sejak tahun 2010, Maybank telah menyumbang hampir RM1.5 juta membiayai penyelidikan saintifik, program-program jangkauan sosial dan meluaskan koridor hidupan liar di kawasan yang kritikal antara dua kawasan hutan simpanan yang menjadi kediaman utama harimau itu di Malaysia – Taman Negara dan Banjaran Utama. Koridor itu penting terutamanya bukan hanya kepada harimau tetapi juga hidupan liar lain, kerana mereka boleh berhijrah antara dua ekosistem itu.



Warga Maybank menanam pokok bakau dalam program pemuliharaan alam sekitar anjuran Maybank Wilayah Pulau Pinang/Kedah/Perlis (PKP).

Pada tahun 2013, sokongan yang kami berikan diperkukuhkan lagi melalui sumbangan kepada Zoological Society Malaysia. Selain ini, kami menganjurkan Kem Harimau Zoo (Tiger Zoo Camp) yang mana lebih daripada 100 pelajar dijemput untuk menghabiskan masa selama dua hari di Zoo untuk belajar dan bermain, sebagai cara mempelajari tentang pentingnya menjaga binatang dan mengekalkan persekitaran.

Kami juga telah menyokong larian Wild Tiger Run, larian pertama seumpamanya di Malaysia. Dikendalikan oleh “Malaysian Conservation Association for Tigers” (MYCAT), larian itu bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kesukaran yang dihadapi oleh harimau Malaya dan mengumpul dana untuk usaha-usaha pemuliharaannya. Lebih daripada 2,000 orang mengambil bahagian dalam larian itu, yang berjaya mengutip RM55,000.

Selain itu, bagi tempoh tiga tahun berturut-turut, Maybank menyokong Festival Filem Eco Maybank Kuala Lumpur (KLEFF). Pesta tahunan ini menggunakan platform ‘hibur didik’ untuk menyebarkan mesej berkaitan kehidupan yang mampan menerusi filem, bengkel-bengkel komuniti, forum, perbincangan dan aktiviti. Lebih daripada 6,400 orang menyertai acara tersebut.

Sempena Hari Bumi 2013, lebih daripada 100 warga Maybank dan keluarga mereka menyertai kempen “Aveda Walk for Water” yang diadakan pada bulan April 2013 di Publika Mall, Kuala Lumpur. Kempen yang bertujuan meningkatkan kesedaran tentang isu-isu berkaitan air, diadakan sebagai menyokong NGO tempatan – Eco Knights and Blue Life’s Project H2O (Bantuan Sumbangan Air Minuman Bersih kepada Mantanani). Acara jalan kaki sejauh 2.5 kilometer melambangkan jarak perjalanan yang perlu ditempuhi oleh sesetengah orang untuk mendapatkan bekalan-bekalan air yang selamat. Hasil dana melebihi RM25,000 yang diperoleh telah digunakan untuk memasang sebuah sistem penapisan yang menyediakan air bersih untuk tempoh yang panjang kepada komuniti Pulau Mantanani.

TEMPAT KERJA

Menyediakan Peluang



Bagi maklumat tentang dasar CR Maybank dan inisiatif-inisiatif bagi tempat kerja, sila rujuk kepada seksyen Modal Insan Kumpulan di muka surat 110.



PASARAN

Menginsankan Perkhidmatan Kewangan di seluruh Asia

Komitmen kami untuk menginsankan perkhidmatan kewangan merentasi Asia adalah berdasarkan empat prinsip utama: menyediakan akses kepada pembiayaan; menawarkan terma-terma dan harga yang munasabah; menasihati pelanggan berdasarkan keperluan mereka; dan berada di tengah-tengah komuniti.

Dengan memiliki 399 buah cawangan dan 2,777 buah terminal layan diri, kami mempunyai jaringan kewangan paling luas di Malaysia. Maybank kini mempunyai 422 buah cawangan di Indonesia dan 79 buah cawangan di Filipina (kesemua mesra orang kurang upaya). Untuk meningkatkan akses pembiayaan, kami menyediakan perbankan bergerak di kawasan-kawasan terpencil dan pada tahun 2013, kami meneruskan perkongsian strategik dengan POS Malaysia yang memiliki serangkaian 348 buah pejabat pos di seluruh negara untuk membantu menjangkau komuniti yang kebanyakannya berada di kawasan luar bandar. Sementara itu, dengan pelancaran perkhidmatan pengeluaran wang tanpa kad yang pertama di Malaysia, kami juga cuba untuk mendekati golongan yang tidak pernah menggunakan perkhidmatan perbankan.

Sepanjang tahun kewangan, kami meneruskan transformasi cawangan kami. Selain pembukaan cawangan-cawangan baharu di lokasi strategik, di setiap rantau kami menubuhkan cawangan-cawangan mega yang menyediakan perkhidmatan kios luar bank kepada para pelanggan.

Pada tahun 2013, kami membuka 44 buah gerai MaybankOne di seluruh negara. MaybankOne menyediakan serangkaian luas produk-produk kewangan meliputi pelbagai segmen pasaran, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah. Ia juga terbukti menjadi wadah yang berkesan dalam membantu mereka yang bergaji lebih rendah memahami tentang produk kewangan. Kami juga mengembangkan perniagaan lain ke pasaran-pasaran luar negeri, termasuk Perbankan Islam dan Pengurusan Kekayaan Serantau di Singapura; dan Pasaran Global dan Pengurusan Tunai Serantau di Singapura dan Indonesia.

Sementara itu, kehadiran kami dalam dunia digital juga terus diperluaskan. Pada masa ini, kami merupakan pengendali perbankan Internet terbesar di negara ini, dengan menguasai 50 peratus pasaran dan mempunyai lebih daripada 2.1 juta pengguna aktif. Kami juga menjadi bank pertama memperkenalkan perkhidmatan perbankan bergerak yang komprehensif – bilangan pengguna kami berjumlah 1.68 juta bersamaan penguasaan sebanyak 80 peratus pasaran. Kami juga mengambil faedah daripada kepopularan aktiviti pembelian dalam talian apabila melancarkan Maybank2u Pay, yang membolehkan perniagaan-perniagaan kecil mengurus niaga secara dalam talian.

Dalam berkembang di peringkat serantau, perkhidmatan digital kami akan jadi kunci kepada menyediakan akses perkhidmatan ke seluruh komuniti. Di seluruh ASEAN, kami kini membolehkan perniagaan rentas sempadan bernilai tinggi dilakukan dalam bidang-bidang seperti perbankan maya, pengurusan kekayaan dan perkhidmatan kad. Kami telah menubuhkan satu rangka kerja untuk mengambil faedah daripada sinergi serantau dan terdapatnya peningkatan amalan-amalan terbaik dan kerjasama tentang inisiatif bersama.

Di dalam dunia di mana saling berhubungan menjadi sesuatu yang semakin penting dalam kehidupan kita, sempadan geografi pula berubah sebaliknya. Untuk menyampaikan sesuatu maklumat menjadi lebih mudah berbanding sebelumnya, begitu juga dalam mendapatkan maklum balas. Maybank mempunyai peminat Facebook seramai 1.07 juta setakat bulan Disember 2013, yang mana jumlahnya terus berkembang pantas. Pada tahun 2013, kami telah dinamakan sebagai Jenama No.1 menggunakan Facebook untuk Hubungan Sosial di Malaysia meliputi semua industri, dan antara 5 teratas dalam kalangan institusi kewangan dunia – bukan sahaja memperlihatkan tempoh gerak balas yang terpantas tetapi juga kadarnya juga yang tertinggi. Kami melihat platform media sosial menjadi wadah yang amat berkuasa untuk melibatkan diri dengan komuniti kami yang berkembang, bagi membolehkan kami untuk terus mengukuhkan hubungan serantau.

Pada tahun lalu, kami merupakan satu daripada 10 bank dunia (dan bank tunggal dari Malaysia yang menyertainya) untuk disenaraikan di dalam Indeks Pasaran Baru Muncul, Indeks Kemampanan Dow Jones (Dow Jones Sustainability Index Emerging Market Index). Bagi tahun 2013, kami mendapat mata sebanyak DJSI 69, naik sembilan mata berbanding pada tahun 2012. DJSI ialah indeks kemampanan global yang paling lama wujud dan menjadi rujukan utama terhadap tahap kemampanan melabur oleh pelabur dan juga syarikat.

LANGKAH BERIKUTNYA

Mengerakkan Agenda

Pada tahun 2013, kami telah mula mengusahakan dua wadah utama yang akan mengerakkan misi menginsankan operasi dan melaksanakan agenda kemampanannya: Pelan Hala Tuju Tanggungjawab Korporat dan Pelan Kemampanan 5-tahun.

Hala Tuju CR

Pada tahun 2013, kami telah memperhebatkan penglibatan dengan komuniti dengan melaksanakan pelan hala tuju yang akan membantu kami mewujudkan nilai yang mampan dalam apa juga yang kami lakukan. Hala tuju CR akan menyasarkan kepada:

- Program utama yang penting di peringkat serantau tetapi berkaitan dengan keadaan tempatan
- Meningkatkan inisiatif komuniti di pasaran utama serantau
- Progresif, mampan dan hasil-hasilnya ketara

Pelan Kemampanan

Menjelang akhir tahun 2014, kami sasar untuk menyiapkan reka bentuk Pelan Kemampanan 5-tahun. Ia akan menggariskan pendekatan yang jelas dalam mencapai kemampanan yang bukan sahaja mengubah hubungan kami dengan pemegang saham tetapi membimbing kami dalam memajukan produk dan perkhidmatan secara lebih berdaya maju daripada segi ekonomi, sosial dan persekitaran.

Pelan ini akan menetapkan secara khusus komitmen utama dan sasaran yang akan meningkatkan momentum dan pastikan kemampanan adalah berkaitan dan mendatangkan kesan yang besar.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut tentang tanggungjawab korporat Maybank dan usaha-usaha kemampanan korporat, sila rujuk kepada Laporan Kemampanan 2013.

PERHUBUNGAN PELABUR

Dalam usaha mengekalkan kredibiliti kami dalam penyediaan laporan awam dan aktiviti perhubungan pelabur, kami sentiasa memastikan penyediaan maklumat terkini dan laporan operasi yang konsisten, telus dan kerap.

Kami kekal komited untuk memastikan pasaran dimaklumkan mengenai sebarang maklumat Kumpulan bagi membolehkan kedua-dua pelabur sedia ada dan pelabur berpotensi untuk menilai perniagaan, prestasi dan prospek kami. Pada 2013, Program Perhubungan Pelabur Kumpulan melibatkan secara aktif dengan komuniti pelaburan dan pasaran kewangan apabila kami mengendalikan lebih banyak pertemuan dalam mesyuarat dalaman, pameran bergerak dan persidangan. Kami juga meneruskan dengan penganjuran Hari Pelabur Maybank, yang menyediakan peluang kepada pelabur-pelabur untuk mendapatkan lebih maklumat mengenai sektor perniagaan dan melibatkan diri dengan peneraju-peneraju utama. Pada 2013, tiga Hari Pelabur dianjurkan melibatkan Maybank Islamic, Bank Internasional Indonesia dan Perkhidmatan Kewangan Komuniti. Komitmen kami yang kukuh untuk berkomunikasi dengan komuniti pelabur bukan hanya mengukuhkan pemahaman Kumpulan, tetapi juga bermatlamat untuk menggunakan platform ini untuk mendapatkan maklum balas penting daripada pelabur-pelabur dan memastikan kami sentiasa mengikuti perkembangan terkini jangkaan pemegang saham di Kumpulan Maybank.

SARANAN PENGANALISIS

Kami menerima 16 panggilan “Beli” berbanding 15 pada 2012 dan sasaran harga purata Maybank telah dinaikkan daripada RM9.62 ke RM10.75, kenaikan sebanyak 11.7%.

Acara Utama	Tarikh
Pengumuman Keputusan Kewangan Suku Keempat Tahun Kewangan 2012	21 Februari 2013
Suku Pertama Tahun Kewangan 2013	23 Mei 2013
Suku Kedua Tahun Kewangan 2013	21 Ogos 2013
Suku Ketiga Tahun Kewangan 2013	21 November 2013
Lain-lain Acara Mesyuarat Agung Tahunan ke-53 bagi Tahun Kewangan 2012	28 Mac 2013

SOROTAN

- Mengambil bahagian dalam lebih banyak dalam pameran bergerak, persidangan dan menganjurkan Hari Pelabur untuk meningkatkan penglibatan dengan pelabur.
- Meningkatkan pengiktirafan industri menerusi anugerah daripada Persatuan Perhubungan Pelabur Malaysia, Alpha Southeast Asia dan NACRA.
- Mengekalkan analisis daftar saham untuk memberikan pemahaman lebih baik kepada pemegang saham.
- Liputan analisis yang menunjukkan saranan-saranan yang positif dan harga purata sasaran yang tinggi.


TAKLIMAT PENGANALISIS

Selari dengan amalan standard Kumpulan, pengurusan kanan telah mengendalikan taklimat media dan penganalisis bagi keputusan separuh tahun dan tahun penuh Kumpulan dengan menyediakan kemudahan persidangan telefon untuk peserta-peserta luar negara. Persidangan telefon dengan pelabur pula diadakan bersempena dengan pengumuman keputusan kewangan suku pertama dan ketiga Kumpulan. Pengumuman keputusan kewangan, pembentangan dan dokumen-dokumen lain yang berkenaan disediakan di laman sesawang korporat.


	2013	2012	2011
Pengumuman Keputusan Kewangan: Taklimat penganalisis	2	2	2
Pengumuman Keputusan Kewangan: Sidang telefon	4	4	2
Bilangan syarikat ditemui (mesyuarat dalaman dan pameran bergerak)	267	251	238
Bilangan penganalisis/pengurus dana ditemui (mesyuarat dalaman dan pameran bergerak)	397	332	325
Hari Pelabur	3	3	-
Persidangan pelabur & pameran bergerak tanpa janji niaga	9	5	6

Nota: Hari Pelabur adalah inisiatif yang diperkenalkan hanya pada 2012


BILANGAN PENGANALISIS / PENGURUS DANA YANG DITEMUI (MESYUARAT DALAMAN DAN PAMERAN BERGERAK)



BILANGAN SYARIKAT YANG DITEMUI (MESYUARAT DALAMAN DAN PAMERAN BERGERAK)



PERSIDANGAN PELABUR & PAMERAN BERGERAK TANPA JANJI NIAGA



Kumpulan bertemu dengan 397 penganalisis dan pengurus dana daripada 267 syarikat, masing-masing naik 19.6% dan 6.4% daripada tahun sebelumnya berikutan peningkatan minat yang ketara daripada komuniti pelaburan.

PAMERAN BERGERAK, PERSIDANGAN DAN HARI PELABUR

Kami menyertai persidangan tempatan dan antarabangsa serta pameran bergerak secara aktif dalam untuk menyediakan pelabur-pelabur kami dan pelabur berpotensi dengan maklumat lebih mendalam terhadap prestasi, perkembangan dan strategi Kumpulan untuk tahun 2013 dan juga maklumat mengenai hala tuju kami bagi 2014. Antara acara-acara yang dikendalikan pada 2013 termasuk:

Tempat	Acara	Tarikh	Penganjur
Kuala Lumpur	Hari Pelabur: Maybank Islamic	19 Mac 2013	Maybank IR
Hong Kong	Maybank Hong Kong NDR	11-12 April 2013	Maybank Kim Eng
Kuala Lumpur	Hari Korporate RHB	25 April 2013	RHB
Indonesia	Hari Pelabur: Bank Internasional Indonesia	3 Jun 2013	Maybank IR
Singapura	Persidangan Citi ASEAN	6-7 Jun 2013	Citi
Kuala Lumpur	Invest Malaysia Kuala Lumpur 2013	13-14 Jun 2013	Maybank Kim Eng/ Bursa Malaysia
Kuala Lumpur	Macquarie Asian Financials Tour	18 Jun 2013	Macquarie
Amerika Syarikat	Persidangan ASEAN Maybank Kim Eng	8-12 Julai 2013	Maybank Kim Eng
Singapura	Persidangan ASEAN UBS	17-18 September 2013	UBS
Hong Kong	Forum Pelabur CLSA ke-20 2013	23-27 September 2013	CLSA
Amerika Syarikat	Invest Malaysia US 2013	4-8 November 2013	Maybank Kim Eng/ Bursa Malaysia
Kuala Lumpur	Hari Pelabur: Perkhidmatan Kewangan Komuniti	28 November 2013	Maybank IR

LAMAN WEB

Laman web korporat Maybank di www.maybank.com terus menarik kunjungan dan pertanyaan baik daripada pengunjung tempatan mahupun luar negara. Bahagian Perhubungan Pelabur memastikan bahawa seksyen Perhubungan Pelabur di laman web korporat ini sentiasa dikemaskinikan dengan maklumat terbaru Kumpulan.

MESYUARAT AGUNG LUAR BIASA

Mesyuarat Agung Tahunan ke-53 kami berlangsung pada 28 Mac 2013.

ANALISIS PENDAFTAR SAHAM

Dua analisis pendaftar telah dikendalikan pada 2013 bagi membolehkan pemahaman yang lebih baik di kalangan pemegang saham Kumpulan dan memudahkan perancangan program-program pelabur. Analisis pendaftar saham menyediakan pecahan pemegang saham mengikut profil, jumlah pegangan saham, stail pelaburan dan lokasi geografi. Bagi analisis pegangan saham kami, sila rujuk di muka surat 174.

LIPUTAN PENGANALISIS

Sehingga Disember 2013, Maybank telah diberikan liputan oleh 25 institusi penyelidikan dan ini mencerminkan minat yang kukuh di kalangan institusi penyelidikan ekuiti tempatan dan asing.

PENARAFAN KREDIT

Sebagai sebahagian dasar kami untuk menyediakan maklumat bebas mengenai Kumpulan kepada pemegang kepentingan dan orang awam, kami mengekalkan penarafan kredit dengan lima agensi penarafan: RAM Ratings, Malaysian Rating Corporate (MARC), Standard and Poor's (S&P), Fitch Ratings dan Moody's Investors Services. Untuk penarafan penuh, sila rujuk di muka surat 44 untuk Saham Maybank.

No.	Liputan Penyelidikan Ekuiti
1	Affin Securities
2	Alliance Research
3	AmResearch
4	BOA Merrill Lynch
5	CIMB
6	Citigroup
7	CLSA Asia Pacific
8	Credit Suisse
9	Goldman Sachs
10	Hong Leong Investment Bank
11	HSBC
12	HwangDBS Vickers
13	JP Morgan
14	KAF Seagroatt & Campbell
15	Kenanga Investment Bank
16	Macquarie
17	MIDF Research
18	Morgan Stanley
19	Nomura Securities
20	RHB Research Institute
21	Standard and Poor's
22	Standard Chartered
23	TA Securities
24	UBS Securities
25	UOB Kay Hian

**DENGAN ADANYA
INDIVIDU BERBAKAT DI
MAYBANK, KAMI MAMPU
MEMBANGUNKAN POTENSI
DALAM DIRI ANDA.**



ORANG RAMAI

47,000

WARGA MAYBANK





LEMBAGA PENGARAH

Dari kiri ke kanan:

Datuk Mohaiyani Shamsudin, Dato' Johan Ariffin, Zainal Abidin Jamal, Dato' Seri Ismail Shahudin, Dato' Mohd Salleh Hj Harun, Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor



Dari kiri ke kanan:
Datuk Abdul Farid Alias, Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil, Dato' Dr Tan Tat Wai, Cheah Teik Seng, Erry Riyana Hardjapamekas, Mohd Nazlan
Mohd Ghazali (Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat)



PROFIL LEMBAGA PENGARAH



TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BUKAN BEBAS
(Pengerusi)

- 65 tahun – warga Malaysia
- Sarjana Muda Sains (Kepujian), Kejuruteraan Perlombongan, Imperial College of Science & Technology, University of London; Ahli Bersekutu Royal School of Mines, UK

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor dilantik sebagai Pengarah dan Pengerusi Maybank pada 1 Oktober 2009. Beliau merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas Maybank sejak bulan Julai 2004 hingga Februari 2009.

Beliau mempunyai karier yang cemerlang dalam industri minyak dan gas selama 31 tahun dengan Royal Dutch Shell Group of Companies dan pernah menjadi Ketua Pegawai Eksekutif Perniagaan Serantau dan Pengarah Urusan Shell Exploration and Production B.V. sebelum bersara pada awal 2004. Beliau juga Pengerusi Maxis Communications Berhad dari bulan Januari 2004 hingga November 2007, Etiqa Insurance & Takaful dari bulan Januari 2006 hingga Februari 2009, Lembaga Getah Malaysia dari bulan Februari 2009 hingga Mei 2010, Pengarah Dana Pembangunan Pasaran Modal dari bulan Januari 2004 hingga Januari 2010 dan Pengarah Woodside Petroleum Ltd, syarikat senarai awam di Australian Securities Exchange, daripada Disember 2007 hingga April 2011.

Beliau kini memegang jawatan ahli lembaga dalam syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank Investment Bank Berhad dan Pesuruhjaya Presiden PT Bank Internasional Indonesia Tbk. Beliau juga adalah Pengarah di Pusat Kepimpinan dan Tadbir Urus ICLIF, Malaysia.

Beliau telah menghadiri 14 Mesyuarat daripada 15 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan merupakan penama kepada Permodalan Nasional Berhad, pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



DATO' MOHD SALLEH HJ HARUN

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BEBAS
(Naib Pengerusi)

- 69 tahun – warga Malaysia
- Ahli Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia; Fellow Institut Bank-Bank Malaysia

Dato' Salleh Hj Harun telah dilantik sebagai Pengarah dan Naib Pengerusi Maybank pada 18 November 2009. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Skim Saham Pekerja.

Beliau memulakan kariernya sebagai Akauntan Kanan dengan Perbendaharaan antara tahun 1971 hingga 1974, dan menyertai Kumpulan Maybank pada tahun 1974 sebagai Pengurus Pelaburan Aseambankers Malaysia Berhad (kini dikenali sebagai Maybank Investment Bank Berhad), sebelum berpindah ke Bank Rakyat untuk tugas singkat pada tahun 1978. Dato' Salleh kemudiannya kembali berkhidmat dengan Kumpulan Maybank dengan memegang pelbagai jawatan kanan yang terakhir sebagai Pengarah Eksekutif Maybank dari 1994 hingga 2000. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia, jawatan yang dipegang sehingga tahun 2004. Sejak itu, beliau menyertai Lembaga Pengarah Kumpulan RHB termasuk Pengerusi RHB Insurance Berhad sehingga bulan November 2009.

Beliau kini memegang jawatan pengarah dalam syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuk menjadi Pengerusi Maybank Ageas Holdings Berhad, Etiga Insurans Berhad, Etiqa Takaful Berhad dan Maybank Philippines Inc. Beliau juga Pengarah Scicom (MSC) Berhad, Asia Capital Reinsurance Malaysia Sdn Bhd dan FIDE Forum.

Beliau telah menghadiri kesemua 15 Mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Dato' Salleh tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



DATUK ABDUL FARID ALIAS

PENGARAH EKSEKUTIF BUKAN BEBAS

(Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan)

- 46 tahun – warga Malaysia
- Sarjana Muda Sains (Perakaunan), Pennsylvania State University, University Park, Amerika Syarikat, Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Denver University, Amerika Syarikat, Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, Harvard University

Datuk Abdul Farid Alias dilantik sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan serta Pengarah Eksekutif Maybank pada 2 Ogos 2013. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan dan ahli Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Beliau merupakan Timbalan Presiden dan Ketua, Perbankan Global dari 1 Julai 2010 sebelum pelantikannya sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Beliau menyertai Kumpulan Maybank pada 2008.

Sebelum menyertai Maybank, beliau memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam bidang perbankan pelaburan, kewangan korporat dan pasaran modal ketika berkhidmat di Aseambankers Malaysia Berhad (1992-1994), Schroders (1994-1995), Malaysian International Merchant Bankers Berhad (1996-1997), J.P. Morgan (1997-2005) dan Khazanah Nasional Berhad (2005-2008).

Ketika ini, keanggotaannya dalam Lembaga Pengarah syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengarah Maybank Investment Bank Berhad dan Maybank Ageas Holdings Berhad. Jawatannya dalam syarikat-syarikat lain termasuk sebagai Pengerusi Malaysia Electronic Payment System Sdn Bhd dan Pengarah Cagamas Holdings Berhad.

Datuk Abdul Farid Alias kini merupakan Pengerusi Persatuan Bank-Bank Dalam Malaysia. Beliau juga merupakan Naib Pengerusi Institut Bank-Bank Malaysia dan ahli ASEAN Banking Council, Asian Banker Association, Visa Senior Client Council Program dan Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).

Beliau telah menghadiri 7 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 sejak pelantikannya pada 2 Ogos 2013.

Datuk Abdul Farid Alias tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



TAN SRI DATUK DR HADENAN A. JALIL

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

- 68 tahun – warga Malaysia
- Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Henley Management College, UK; Ijazah Sarjana Pengurusan Perniagaan, Asian Institute of Management, Filipina; Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya

Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 15 Julai 2009. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Audit dan sebagai ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan serta Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan bagi Lembaga Pengarah.

Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil merupakan Juruaudit Negara dari tahun 2000 hingga 2006. Beliau berkhidmat dengan Kerajaan selama 36 tahun dalam pelbagai jawatan termasuk Perbendaharaan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, dan Kementerian Kerja Raya sebelum pelantikannya sebagai Ketua Audit Negara.

Ketika ini beliau merupakan Pengarah di beberapa syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengarah Maybank Islamic Berhad. Beliau juga merupakan anggota Lembaga Penyeliaan AnBinh Commercial Joint Stock Bank (Vietnam), dan juga Pengerusi ICB Islamic Bank Ltd (Bangladesh), Protasco Berhad dan syarikat-syarikat subsidiarinya, PNB Commercial Sdn Bhd dan syarikat-syarikat subsidiarinya, Pelangi Management Sdn Bhd, Roadcare Sdn Bhd, Infrastructure University Kuala Lumpur, Panel Operasi Penilaian Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia dan THP Sinar Sdn Bhd. Beliau turut menduduki kerusi sebagai Lembaga Pengarah Unilever (Malaysia) Holdings Sdn Bhd dan University Tun Abdul Razak Sdn Bhd dan juga anggota Jawatankuasa Audit, Johor Corporation.

Beliau telah menghadiri kesemua 15 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Tan Sri Datuk Dr Hadenan tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



DATO' SERI ISMAIL SHAHUDIN

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

- 63 tahun – warga Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya

Dato' Seri Ismail Shahudin telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 15 Julai 2009. Beliau berkhidmat sebagai Pengerusi Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah dan ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah.

Beliau pernah menjadi Pengerusi Bank Muamalat Malaysia Berhad dari 2004 hingga persaraannya dalam bulan Julai 2008. Beliau pernah menjawat jawatan kanan di Citibank, berkhidmat di Malaysia dan New York, United Asian Bank dan Maybank di mana beliau dilantik sebagai Pengarah Eksekutif pada tahun 1997. Beliau meninggalkan Maybank pada tahun 2002 bagi mengetuai MMC Corporation Berhad.

Beliau kini merupakan ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk Pengerusi Maybank Islamic Berhad dan Pengarah MCB Bank Limited, Pakistan. Beliau juga menjadi pengarah beberapa syarikat senarai awam termasuk Nadayu Properties Berhad (dulunya dikenali sebagai Mutiara Goodyear Development Berhad), EP Manufacturing Berhad, Opus International Consultants Ltd, syarikat yang tersenarai di New Zealand Stock Exchange dan Aseana Properties Limited, syarikat yang tersenarai di London Stock Exchange.

Beliau telah menghadiri 14 daripada 15 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013.

Dato' Seri Ismail Shahudin tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



DATO' DR TAN TAT WAI

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

- 67 tahun – warga Malaysia
- PhD dalam bidang Ekonomi, Harvard University, AS; Sarjana Ekonomi, University of Wisconsin (Madison), AS; Ijazah Sarjana Muda Sains dalam bidang Kejuruteraan Elektrik & Ekonomi, Massachusetts Institute of Technology, AS

Dato' Dr Tan Tat Wai telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 15 Julai 2009. Beliau merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan juga ahli Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan, dan Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan Lembaga Pengarah.

Beliau memulakan kerjaya dengan Bank Negara Malaysia pada tahun 1978, mengendalikan penyelidikan dalam polisi ekonomi dan kemudiannya sebagai pakar perunding BNM, Bank Dunia dan Universiti PBB selama beberapa tahun. Beliau berkhidmat sebagai setiausaha dan ahli Majlis Perdagangan Tidak Nampak Malaysia yang ditubuhkan bagi merumuskan dasar untuk mengurangkan defisit Malaysia dalam perdagangan perkhidmatan. Beliau merupakan bekas ahli Majlis Perniagaan Malaysia lantikan Kerajaan, ahli Meja Bulat Korporat Malaysia; ahli majlis Industri Pulau Pinang, Majlis Kordinasi Perindustrian (ICC) dan Jawatankuasa Nasional Daya Saing Perniagaan (NCBC) yang ditubuhkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Beliau telah mewakili Malaysia sebagai ahli Majlis Penasihat Perniagaan APEC (ABAC) dan juga Majlis Wawasan Open University.

Dalam Kumpulan Maybank, beliau merupakan Pengarah Maybank Trustees Berhad. Beliau juga Pengarah Eksekutif Southern Steel Berhad, sejak Januari 2014. Sebelum ini, beliau pernah berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Kumpulan Southern Steel selama kira-kira 20 tahun. Beliau juga menganggotai Lembaga Pengarah Shangri-La Hotels (M) Bhd, Lotte Chemical Titan Holding Sdn Bhd (dulunya dikenali sebagai Titan Chemicals Corp Sdn Bhd), NSL Ltd, sebuah Syarikat tersenarai di Singapura dan Starglow Investments Ltd serta beberapa syarikat senarai awam yang lain. Beliau juga merupakan Presiden Lam Wah Ee Hospital, sebuah institusi yang bukan berasaskan keuntungan.

Beliau telah menghadiri kesemua 15 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Dato' Dr Tan tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



ZAINAL ABIDIN JAMAL

PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF BUKAN BEBAS

- 60 tahun – warga Malaysia
- LL.B (Honours), University of Singapore

Zainal Abidin Jamal telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 22 Julai 2009. Beliau merupakan ahli Jawatankuasa Semakan Kredit, Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan, dan Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan Lembaga Pengarah.

Beliau merupakan peguam korporat dan komersil dan telah menubuhkan firmanya sendiri iaitu Zainal Abidin & Co, pada tahun 1987, di mana beliau ialah Pengasas dan Rakan Kongsi Utama. Beliau didaftarkan sebagai Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya pada tahun 1986. Antara tahun 1983 hingga 1986, beliau telah menyandang jawatan sebagai Setiausaha Syarikat Harrison's Malaysian Plantations Berhad. Sebelum itu, beliau juga pernah berkhidmat di Singapura sebagai peguambela dan peguamcara Mahkamah Agung Singapura pada tahun 1980 dan pernah menjadi Majistret Kelas Satu di Brunei Darussalam.

Beliau kini merupakan Lembaga Pengarah bagi syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank Trustees Berhad dan Pengarah Etiqa Insurance Berhad, Etiqa Takaful Berhad dan Maybank Islamic Berhad. Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah SP Setia Berhad, Lam Soon (M) Berhad, Kesus Holdings Berhad, PNB Asset Management (Japan) Co Ltd, PNB International Limited dan PNB-SBI ASEAN Gateway Investment Management Limited.

Beliau telah menghadiri kesemua 15 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013.

Zainal Abidin Jamal tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan merupakan penama Permodalan Nasional Berhad, pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



CHEAH TEIK SENG

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

- 60 tahun – warga Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Sains, University of Manchester, UK
- Fellow, Institut Akauntan Bertauliah di England and Wales

Cheah Teik Seng telah dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 26 Ogos 2009. Beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah.

Sebagai seorang pemegang biasiswa kerajaan persekutuan dan Jabatan Perkhidmatan Awam, beliau mula menyertai perkhidmatan awam pada awal tahun '80-an. Setelah meninggalkan sektor kerajaan, beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam industri perkhidmatan perbankan dan kewangan di Malaysia serta di London, Hong Kong dan Singapura. Beliau pernah berkhidmat dengan Public Bank, Chase Manhattan Bank, Merrill Lynch, Goldman Sachs, UBS dan dengan BNP Paribas sebagai Pengarah Urusan selama 9 tahun. Beliau telah dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif ECM Libra Avenue Group pada tahun 2006. Beliau kini merupakan Pengarah dan Rakan Kongsi Aktis Capital Singapore Pte Ltd.

Beliau kini juga ahli Lembaga Pengarah syarikat-syarikat di bawah Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank (Cambodia) Plc., Maybank Kim Eng Holdings Ltd dan Maybank Agro Fund Sdn Bhd dan juga Pengarah Maybank Investment Bank Berhad.

Cheah Teik Seng turut menduduki kerusi Lembaga Pengarah syarikat-syarikat lain senarai awam seperti Drillsearch Energy Limited di Australia dan MJIC Investments Corp. di Filipina. Beliau turut menjadi Pengarah bagi syarikat-syarikat ekuiti swasta di Hong Kong dan China.

Beliau telah menghadiri 14 daripada 15 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013.

Cheah Teik Seng tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.

PROFIL LEMBAGA PENGARAH



DATO' JOHAN ARIFFIN

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

- 55 tahun – warga Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Indiana University, AS; Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Miami, AS

Dato' Johan Ariffin dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 26 Ogos 2009. Beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Beliau memulakan kerjaya dalam bahagian hartanah di Citibank. Kemudiannya, beliau memegang pelbagai jawatan kanan di beberapa buah anak syarikat tersenarai awam di samping memulakan perniagaannya sendiri dalam perundingan pengiklanan dan pemasaran serta perniagaan pembangunan hartanah. Beliau kemudiannya mengetuai Bahagian Hartanah Danaharta sebagai Pengurus Besar Kanan sebelum menerajui TTDI Development Sdn Bhd hingga bulan Januari 2009.

Belia juga merupakan ahli Lembaga Pengarah anak syarikat Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank International (L) Limited dan Maybank International Trust (L) Ltd dan juga Pengarah Maybank Ageas Holdings Berhad, Etiqa Insurance Berhad dan Etiqa Takaful Berhad. Beliau juga adalah Pengerusi Mitraland Properties Sdn Bhd dan Pengarah Sime Darby Property Berhad selain Ahli Majlis Kebangsaan bagi Persatuan Pemaju Perumahan Hartanah Malaysia (REHDA).

Beliau telah menghadiri 14 daripada 15 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013.

Dato' Johan Ariffin tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



DATUK MOHAIYANI SHAMSUDIN

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

- 65 tahun – warga Malaysia
- Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) Cornell University, Ithaca, New York, AS; Sarjana Muda Sastera (Ekonomi) Knox College, Galesburg, Illinois, AS

Datuk Mohaiyani dilantik sebagai pengarah Maybank pada 22 Ogos 2011. Beliau berkhidmat sebagai ahli Jawatankuasa Semakan Kredit Lembaga Pengarah.

Beliau pernah berkhidmat dengan Amanah Chase Merchant Bank Berhad dan Seagrott & Campbell Sdn Bhd sebelum mengasaskan syarikat pembrokeran saham sendiri, Mohaiyani Securities Sdn Bhd in 1985 dan memegang jawatan sebagai Pengarah Urusan. Ketika pembabitan aktifnya dalam industry pembrokeran saham, beliau dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Kuala Lumpur Stock Exchange (kini dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad) dan Pengerusi Persatuan Syarikat-syarikat Pembrokeran Saham Malaysia. Selain itu, beliau dilantik sebagai ahli beberapa kumpulan kerja barisan tertinggi kebangsaan seperti Majlis Tindakan Ekonomi Negara (NEAC), Majlis Perundingan Ekonomi Negara II (MAPEN II), Majlis Maklumat Teknologi Negara (NITC), Jawatankuasa Kewangan Tahap Tertinggi bagi Tadbir Urus Korporat di Kementerian Kewangan dan Majlis Penasihat Kebangsaan bagi Wanita di Kementerian Wanita, Keluarga dan Pembangunan Komuniti.

Beliau merupakan ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank termasuk sebagai Pengerusi Maybank Asset Management Group Berhad dan Maybank Asset Management Sdn Bhd serta Pengarah Maybank Investment Bank Berhad. Beliau kini merupakan Pengarah Dana Pembangunan Pasaran Modal dan juga sebagai ahli dan pemegang amanah di Yayasan Institut Jantung Negara, Yayasan NUR, Yayasan Kepimpinan Perdana dan Majlis Kebangsaan Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO).

Beliau telah menghadiri 14 daripada 15 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013.

Datuk Mohaiyani tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



ERRY RIYANA HARDJAPAMEKAS

PENGARAH BEBAS BUKAN EKSEKUTIF

- 64 tahun – warga Indonesia
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi/Perakaunan, Universiti Padjadjaran, Bandung, Indonesia; Kursus Pengurusan Kewangan, Harvard Business School, AS

Erry Riyana Hardjapamekas dilantik sebagai Pengarah Maybank pada 25 Jun 2012. Beliau juga dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah.

Beliau memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman bekerja. Kemahiran utama beliau adalah dalam bidang pengurusan am dan kewangan yang mana beliau telah meluangkan masa selama 12 tahun, termasuk 4 tahun sebagai Pengarah Kewangan PT Timah sebelum dilantik sebagai Pengarah Presiden PT Timah Tbk pada Mac 1994, jawatan yang dipegangnya selama 8 tahun. Dalam industry perbankan, beliau merupakan Pesuruhjaya Presiden PT Bank BNI Tbk dari Februari 2008 hingga Mei 2009, dan sebelum itu sumbangannya kepada pasaran modal Indonesia telah membawa kepada pelantikannya sebagai anggota Lembaga Pesuruhjaya di Jakarta Stock Exchange pada 1996 dan sebagai Pesuruhjaya Presiden dari Mac 1998 hingga April 2001.

Erry Riyana juga telah dilantik sebagai Pesuruhjaya dan Naib Pengerusi Suruhanjaya Membanteras Korupsi Republik Indonesia pada 2003, jawatan yang dipegangnya hingga 2007. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Pengerusi Kumpulan Nasional Pindahan Perniagaan Ketenteraan republik itu dari 2008 hingga 2009, diikuti dengan pelantikannya sebagai anggota Jawatankuasa Pemilihan Pesuruhjaya bagi Suruhanjaya Membanteras Korupsi pada 2010 dan 2011. Selain itu, sejak 2011, beliau telah memegang jawatan sebagai Pengerusi Kumpulan Bebas Reformasi Birokrasi Nasional.

Ketika ini, Erry Riyana merupakan Pesuruhjaya Bebas bagi PT ABM Investama Tbk, PT Hero Supermarket Tbk, PT Tirta Investama/Danone Aqua dan juga PT Weda Bay Nickel dan Ketua Pesuruhjaya PT MRT Jakarta.

Beliau telah menghadiri kesemua 15 mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013.

Erry Riyana tidak mempunyai sebarang pertalian kekeluargaan dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama Maybank. Beliau tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan Maybank dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan.



MOHD NAZLAN MOHD GHAZALI

PENASIHAT PERUNDANGAN @ SETIAUSAHA SYARIKAT

Mohd Nazlan merupakan Penasihat Perundangan & Setiausaha Syarikat Maybank, dan juga Ketua Khidmat Korporat & Perundangan. Beliau merupakan lulusan Sarjana Muda dalam bidang Falsafah Perundangan serta Sarjana Sastera, kedua-duanya dari Universiti Oxford. Beliau juga merupakan Barrister at Law (Lincoln's Inn) dan Peguambela & Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya.

Beliau telah berkhidmat sebagai Rakan Kongsi dan Ketua Pasaran Modal Ekuiti di Tetuan Zaid Ibrahim & Co, dengan pengkhususan dalam hal-hal berkaitan perundangan korporat, perkhidmatan kewangan dan undang-undang sekuriti terutamanya urus niaga korporat seperti peningkatan modal dan penggabungan & pengambilalihan sebelum menyertai Maybank pada tahun 2005. Sebelum itu, beliau bertugas di Suruhanjaya Sekuriti Malaysia selama lebih kurang 7 tahun hingga tahun 2000 dan jawatan terakhir beliau adalah Pengurus Besar, Bahagian Penguatkuasaan, dengan tanggungjawab meliputi bahagian penyiasatan, pendakwaan dan aduan. Beliau juga pernah berkhidmat di Pejabat Pengerusi Eksekutif dan Bahagian Terbitan & Pelaburan ketika di Suruhanjaya Sekuriti. Mohd Nazlan memulakan kerjaya beliau pada tahun 1991 di Tetuan Shook Lin & Bok, menguruskan hal-hal korporat, pemindahan hak dan perbankan.

JAWATANKUASA EKSEKUTIF KUMPULAN



DATUK ABDUL FARID ALIAS

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Malaysia
Ketua, Kumpulan Perbankan Global (Memangku)

Datuk Abdul Farid Alias dilantik sebagai Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, pada 2 Ogos 2013 dan CEO, Malaysia berkuat kuasa pada 1 Januari 2014. Sebelum pelantikannya, Datuk Farid merupakan Timbalan Presiden & Ketua Perbankan Global Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab

Datuk Farid mempelopori strategi perniagaan dan pertumbuhan Kumpulan Maybank di seluruh barisan perniagaan dan negara di mana Maybank beroperasi bagi memastikan keseimbangan antara kecemerlangan operasi, tadbir urus yang kukuh dan pertumbuhan perniagaan. Beliau juga bertanggungjawab bagi membangun dan memacu nilai hala tuju pelanggan Maybank yang merentasi semua barisan perniagaan dan sempadan wilayah serantau serta memastikan kemampanan jangka panjang untuk nilai pemegang saham.

Pengalaman

Datuk Abdul Farid memiliki lebih 20 tahun pengalaman dalam perbankan pelaburan dan pasaran modal ketika berkhidmat di pelbagai bank saudagar dan pelaburan seperti Aseambankers Malaysia Berhad dari 1992 hingga 1994, Schroders dari 1994 hingga 1995, Malaysia International Merchant Bankers Berhad dari 1996 hingga 1997, dan J.P. Morgan dari 1997 hingga 2005. Beliau menyertai Khazanah Nasional Berhad dari 2005 hingga 2008 sebagai Pengarah Pelaburan. Di Khazanah, beliau menduduki jawatan sebagai Lembaga Pengarah Pesuruhjaya/Pengarah beberapa syarikat senarai awam.

Kelayakan

Sarjana Muda Sains (Perakaunan), Pennsylvania State University, University Park, Amerika Syarikat. Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan), Denver University, Amerika Syarikat; Program Pengurusan Lanjutan, Harvard Business School, AS.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Ahli Lembaga Pengarah Maybank Investment Bank Berhad dan Maybank Ageas Holdings Berhad; Pengerusi ASEAN Inter-Regional Relations, ASEAN Banking Council (ABC); Pengerusi Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia; Pengerusi Malaysian Electronic Payment System Sdn Bhd; Pengarah Cagamas Holdings Berhad; Naib Pengerusi Institut Bank-Bank Malaysia; Ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan).



MOHAMED RAFIQUE MERICAN BIN MOHD WAHIDUDDIN MERICAN

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan

Mohamed Rafique Merican dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan sejak 1 Jun 2012.

Tanggungjawab

Rafique bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan, modal dan pinjaman Kumpulan. Beliau memantau Pengawal Kewangan Kumpulan, Bendahari Korporat Kumpulan, Cukai Kumpulan, Prestasi & Perhubungan Pelabur Kumpulan, Pemerolehan Strategik Kumpulan, Pejabat Kewangan Strategik Kumpulan dan Operasi Kewangan Kumpulan (Pengurusan Pemulihan Korporat dan Pengurusan Maklumat Enterpris).

Pengalaman

Beliau memiliki lebih daripada 20 tahun pengalaman dalam sektor korporat, termasuk lima tahun pengalaman sebagai Ketua Pegawai Kewangan di Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Malakoff Berhad. Sebelum menyertai TNB pada 2009, beliau berkhidmat di Radicare (M) Sdn Bhd, syarikat konsesi pengurusan kemudahan di hospital-hospital di Lembah Klang, Selangor, Kelantan, Terengganu dan Pahang sebagai Ketua Pegawai Operasi dan selepas itu, sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya. Beliau juga memegang jawatan di dalam bidang pembiayaan korporat dan sebagai penasihat di Kumpulan Amanah Capital dan Bumiputra Merchant Bankers Berhad dalam tahun-tahun awal kerjanya.

Kelayakan

Beliau merupakan Ahli Fellow Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA), United Kingdom, dan Akauntan Bertauliah Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Ahli Majlis Penasihat Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) Malaysia.

**DATUK LIM HONG TAT**

*Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Singapura*

Datuk Lim Hong Tat dilantik sebagai Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti Kumpulan Maybank dan CEO, Maybank Singapura sejak 1 Januari 2014. Beliau sebelum ini merupakan Timbalan Presiden dan Ketua, Perkhidmatan Kewangan Komuniti.

Tanggungjawab

Sebagai Ketua Kumpulan, Perkhidmatan Kewangan Komuniti, beliau bertanggungjawab untuk memacu dan melaksanakan strategi perbankan komuniti Bank di seluruh tapak operasi. Ini meliputi perbankan cawangan, pembiayaan pelanggan, Perbankan PKS dan Perniagaan, jualan dan pengedaran, pengurusan kekayaan, pembayaran, perbankan maya, inovasi produk dan segmen pelanggan.

Beliau turut bertanggungjawab dalam mengembangkan perniagaan semua entiti Maybank di Singapura. Ini merangkumi seluruh produk dan perkhidmatan kewangan – perbankan komersial, perbankan global, perbankan pelaburan dan insurans.

Pengalaman

Datuk Lim menyertai bank sebaik tamat pengajian pada 1981. Beliau memiliki pengalaman selama 32 tahun yang merangkumi semua aspek perbankan, menguruskan cawangan, perbankan serantau, kad kredit dan operasi perbankan antarabangsa termasuk memegang jawatan pengurusan kanan sebagai Pengarah/Presiden dan CEO Maybank Philippines Incorporated, Ketua Perbankan Antarabangsa dan Ketua Perbankan Konsumer dalam Kumpulan Maybank.

Kelayakan

Sarjana Muda Ekonomi (Pentadbiran Perniagaan) (Hons), Universiti Malaya; Diploma Pemasaran dan Jualan Perkhidmatan Bank, Pusat Pengurusan Antarabangsa.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Pengarah Maybank Kim Eng Holdings Ltd; Ahli Majlis Eksekutif Produk Visa; Ahli Lembaga Pengarah EFMA (Persatuan Pengurusan Kewangan Eropah); Pengarah Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd; Pengerusi Jawatankuasa Perniagaan Strategik MEPS.

**NORA ABD MANAF**

Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan

Nora Abd Manaf dilantik sebagai Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan, Kumpulan Maybank berkuatkuasa pada 1 Januari 2014. Sebelum pelantikan ini beliau merupakan Naib Presiden Eksekutif Kanan dan Ketua, Modal Insan Kumpulan, Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab

Nora bertanggungjawab merangka strategi pengurusan dan pembangunan Modal Insan Kumpulan. Beliau telah menerajui Program transformasi kakitangan sejak 2009. Nora bertanggungjawab terhadap Pusat Modal Insan Kumpulan tentang Kepakaran bagi membangunkan dan melaksanakan dasar-dasar yang digunakan di seluruh Kumpulan merangkumi pelbagai bidang perniagaan dan negara serta memastikan bahawa strategi Pengurusan Modal Insan yang berkesan di seluruh Kumpulan.

Pengalaman

Sebelum menyertai Maybank, beliau berkhidmat di Kumpulan Standard Chartered Group lebih 9 tahun dengan jawatan terakhir sebagai Ketua Sumber Manusia di Scope International (subsidiari milik penuh Standard Chartered UK Plc). Jawatan yang dipegangnya dalam Kumpulan ini termasuk Naib Presiden Eksekutif Inisiatif Strategik, PT Bank Permata, Indonesia, peranan dalam jawatan pembangunan kepimpinan di London, memainkan peranan dalam integrasi di Hong Kong pasca pengambilalihan SCB terhadap Chase Retail Bank HK, Ketua Imbuhan Malaysia dan Ketua Sumber Manusia, Perbankan Pemborongan Global Malaysia. Sebelum Standard Chartered, beliau berkhidmat dalam pelbagai syarikat multinasional dan pertubuhan tempatan yang besar termasuk yang terlibat dalam telekomunikasi iaitu di Maxis dan separa konduktor di Intel.

Kelayakan

Akauntan Bertauliah berdaftar dengan Institut Akauntan Malaysia (MIA); sijil pasca sizwazah Pembangunan Sumber Manusia, Cornell University; Sijil 'Strengths Coach' Tahap II (Gallup); Jurulatih Bertauliah ICAEW (Institut Akauntan Bertaulian di England dan Wales QPRT).

Jawatankuasa Keanggotaan/Pelantikan

Presiden Persatuan Bank-bank Perdagangan Malaya (MCBA); Pengerusi Kumpulan Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (HRMDG); ahli jawatankuasa Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), dan juga sebagai anggota Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC); dilantik sebagai Pengerusi Malaysia GLC G20 HR Circle; dan diserapkan dalam Global HR50.

JAWATANKUASA EKSEKUTIF KUMPULAN



DR JOHN LEE HIN HOCK
Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

Dr John Lee dilantik sebagai Ketua Pegawai Risiko Kumpulan sejak 17 Januari 2011.

Tanggungjawab

Dr John Lee bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko, termasuk risiko kredit dan pematuhan di seluruh Kumpulan.

Pengalaman

Dr John Lee sebelum ini berkhidmat di Amanah Merchant Bank dan Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE). Sebelum pelantikannya di Maybank, beliau berkhidmat sebagai perunding dan penasihat perkhidmatan kewangan yang mana beliau menjadi rakan kongsi Penasihat Perniagaan KPMG untuk tempoh 13 tahun, membantu pelbagai institusi kewangan di seluruh pasaran Asia Pasifik. Beliau memiliki pengalaman mendalam dalam industri kewangan dan pengurusan risiko dengan pengkhususan dalam kewangan Islam, strategi perniagaan, pengurusan risiko dan pengurusan prestasi.

Beliau telah diiktiraf sebagai Pengurus Risiko Bank Terbaik 2013 oleh Asia Risk pada Oktober menerusi sumbangannya kepada Kumpulan.

Kelayakan

Sarjana Muda Ekonomi, Monash University, Australia. Ijazah Doktor Falsafah Ekonomi, Monash University, Australia. Fellow Akauntan Amalan Bertauliah Australia (CPA Australia); ahli Persatuan Kewangan Amerika, Persatuan Ekonometrik dan Persatuan Pengajian Kewangan.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Ahli Kumpulan Kerja Pengurusan Risiko Mudah Tunai Kumpulan dan Kumpulan Kerja Pengurusan Risiko bagi Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB); Ahli Lembaga Penasihat Pusat Pengajian Perniagaan, Universiti Monash (Cawangan Malaysia).



MUZAFFAR HISHAM
Ketua Kumpulan, Perbankan Islam
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Islamic Berhad

Muzaffar Hisham merupakan Ketua Kumpulan Perbankan dan Ketua Pegawai Eksekutif Maybank Islamic Berhad sejak 30 Mac 2011.

Tanggungjawab

Sebagai Ketua Kumpulan Perbankan Islam dan CEO Maybank Islamic, Muzaffar memainkan peranan penting bagi menguruskan dan memantau keseluruhan francais perbankan Islam Malayan Banking Berhad dan memastikan bahawa operasinya berada pada platform yang selari, memanfaatkan sumber-sumber Kumpulan. Ketika ini, bidang tanggungjawabnya termasuk memastikan strategi bagi perniagaan perbankan Islam Kumpulan termasuk produk pembangunan dan penyerahan, sokongan pemasaran serta risiko dan pengurusan pematuhan Syariah, mempelopori pengembangan Perbankan Islam Kumpulan di ASEAN dan seluruh dunia.

Pengalaman

Muzaffar memiliki pengalaman selama 19 tahun dalam perkhidmatan perbankan dan kewangan. Beliau memulakan kerjaya di Asian International Merchant Bankers Berhad di Bahagian Perbankan Korporat. Beliau kemudiannya menyertai Amanah Merchant Bank Berhad dan Amanah Short Deposits Berhad yang mana beliau terbabit secara meluas dalam perniagaan Hutang Korporat dan Pembiayaan dari hutang bersindiket hinggalah memberi nasihat mengenai sekuriti hutang swasta. Beliau turut terlibat dalam pelbagai penstrukturan hutang dan korporat sepanjang krisis kewangan 1997/1998. Sepanjang melaksanakan tugasnya di CIMB Investment Bank dan HSBC Amanah, Muzaffar terlibat dalam perniagaan perbankan pelaburan. Sebelum menyertai Maybank, Muzaffar merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif CIMB Islamic Bank Berhad. Sebelumnya beliau adalah ahli Lembaga Pengarah CIMB Insurance Brokers Sdn Bhd.

Beliau menerima Anugerah Asset Triple A Awards 2013, Anugerah Kepimpinan Industri bagi Pakar Bank Islam Terbaik di atas sumbangannya dalam membangunkan kewangan Islam serantau dan membangunkan perniagaan perbankan Islam Kumpulan.

Kelayakan

Sarjana Muda Sains (Kepujian) Ekonomi dan Perakaunan, University of Bristol, United Kingdom.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Pengerusi Jawatankuasa Standard, Persatuan Institut Perbankan Islam Malaysia (AIBIM); ahli H.M. Treasury U.K. Global Islamic Finance and Investment Group.



GEOFF STECYK
Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan

Geoff Stecyk dilantik sebagai Ketua Pegawai Teknologi Kumpulan, berkuatkuasa 1 Januari 2014. Sebelum pelantikannya, beliau merupakan Ketua Perkhidmatan Transformasi Enterpris Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab

Geoff mengatur strategi, mengarah, memacu dan membina keupayaan strategik serantau yang berdaya tinggi bagi Kumpulan untuk menggunakan teknologi sebagai kelebihan daya saing dalam perkhidmatan serta pengurusan kos untuk Kumpulan. Beliau juga bertanggungjawab untuk mewujudkan pusat kecemerlangan supaya fungsi teknologi maklumat (IT) Kumpulan di rantau selaras dengan hasrat Visi dan Misi Bank. Sebagai individu yang ditugaskan mengendalikan infrastruktur lengkap Kumpulan, beliau bertanggungjawab untuk memaksimumkan kapasiti dan keupayaan IT Serantau dan memberikan sokongan perkhidmatan yang cekap dan konsisten kepada Kumpulan.

Pengalaman

Beliau menyertai Maybank pada November 2008 sebagai Ketua Pegawai Transformasi mengetuai Program Pemulihan Prestasi LEAP30. Sebelum menyertai Maybank, beliau merupakan Ketua Negara Bankasurans dengan American International Assurance (AIA) China dari 2006 hingga 2008. Lebih awal dari itu, beliau adalah Naib Presiden Eksekutif Integrasi Perniagaan Southern Bank Berhad dari 2001 hingga 2004. Beliau terlibat dalam transformasi bank tersebut meliputi semua bidang utama peruncitan dan perbankan PKS dengan tumpuan kepada usaha memacu pertumbuhan pendapatan segera untuk membiayai transformasi penstrukturan dalam jangka sederhana.

Kelayakan

Sarjana Muda Perdagangan (Pemasaran/Kewangan), University of Alberta, Kanada.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Ahli Lembaga Maybank (PNG) Ltd; Ahli Jawatankuasa Pemanduan Institusi Kewangan, Bank Negara Malaysia.



KAMALUDIN AHMAD
Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful
Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Maybank Ageas Holdings Bhd (MAHB)

Kamaludin Ahmad dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Maybank Ageas Holdings Bhd (MAHB) dan Ketua Kumpulan, Insurans & Takaful berkuatkuasa 1 Disember 2013.

Tanggungjawab

Beliau bertanggungjawab bagi pertumbuhan perniagaan Insurans & Takaful Kumpulan Maybank.

Pengalaman

Kamaludin menyertai Kumpulan Maybank sebagai CEO Etiqa Insurance Berhad pada 4 Jun 2012 untuk memacu perniagaan insurans konvensional Etiqa. Sebelum menyertai Etiqa, beliau merupakan Ketua Strategi & Prestasi Korporat di Kumpulan UEM. Beliau pernah bersama AIG selama 15 tahun dengan jawatan terakhir sebagai Naib Presiden Serantau, Asia Pasifik. Beliau pernah berkhidmat di Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti dan AmInvestment Bank.

Kelayakan

Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Sains Actuarial, University of Kent, England.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Naib Presiden Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM); Ahli Jawatankuasa Pengurusan Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM); Ahli Lembaga Insurance Services Malaysia Berhad.

JAWATANKUASA EKSEKUTIF KUMPULAN



MICHAEL FOONG SEONG YEW

*Ketua Pegawai Strategi Kumpulan
Pejabat Presiden & CEO Kumpulan*

Michael Foong dilantik sebagai Ketua Pegawai Strategi Kumpulan, berkuatkuasa 1 Januari 2014. Beliau sebelum ini merupakan Ketua Pegawai Strategi & Transformasi Kumpulan Maybank.

Tanggungjawab

Michael menerajui Pejabat Presiden & CEO Kumpulan, yang bertanggungjawab untuk memacu agenda regionalisasi, pemajuan perniagaan, transformasi dan program produktiviti Kumpulan di seluruh rantau, selain membangunkan objektif strategik jangka panjang Kumpulan. Beliau turut memantau unit Pembangunan & Inovasi Korporat Kumpulan dan juga Hal Ehwal Korporat, Pemasaran Strategik dan Pengurusan Kualiti Perkhidmatan Kumpulan.

Pengalaman

Sebelum menyertai Kumpulan Maybank, Michael merupakan Pengarah Urusan Accenture, perunding amalan pengurusan di Malaysia. Beliau meluangkan masa selama 17 tahun menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dalam sektor perkhidmatan kewangan diseluruh Asia, terutamanya bank dan juga syarikat insurans dan bursa-bursa saham. Rekod perkhidmatan beliau termasuk perancangan korporat, merancang strategi kumpulan dan perniagaan, model operasi, proses penyusunan semula perniagaan, rangka kerja pengurusan prestasi dan strategi ICT. Antara 2004 dan 2011, beliau menumpukan kepada perancangan dan pelaksanaan program transformasi berskala besar berbilang tahun untuk bank di Malaysia dan Singapura.

Michael pernah memegang pelbagai jawatan pengurusan di Accenture. Beliau bersama-sama menguruskan unit Penerokaan Teknologi Asia-Pasifik milik Accenture dari 2000 hingga 2002, dan diikuti dengan pejabat Pembangunan Korporat Accenture di Asia-Pasifik. Michael telah berkhidmat di seluruh pelusuk Asia Pasifik dan meluangkan masa selama tujuh tahun menerajui pejabat Accenture di Beijing, Shanghai, Hong Kong, Sydney, Singapura, Tokyo dan Jakarta.

Kelayakan

Sarjana Sastera dalam Pengajian Ekonomi dan Pengurusan daripada Cambridge University, United Kingdom; Program Pengurusan Perniagaan Lanjutan dari Kellogg Graduate School of Management di Northwestern University, Chicago, AS.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Nil.



POLLIE SIM

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Antarabangsa

Pollie Sim dilantik sebagai CEO, Antarabangsa bagi Kumpulan Maybank berkuatkuasa dari 1 Oktober 2013.

Tanggungjawab

Pollie bertanggungjawab terhadap strategi, menerajui dan mentransformasi operasi luar negara Kumpulan yang meliputi 16 buah negara, tidak termasuk Singapura dan Indonesia. Tanggungjawab utama kumpulan kerjanya adalah untuk membina sinergi yang lebih luas dan mempercepatkan keuntungan francais Maybank di seluruh lanskap antarabangsa untuk pertumbuhan jangka panjang, dan juga untuk mengukuhkan kedudukan Bank sebagai peneraju perkhidmatan kewangan serantau.

Pengalaman

Sebelum pelantikan terbarunya sebagai CEO antarabangsa bagi Kumpulan Maybank Group, Pollie menerajui Maybank Singapura pada Julai 2006. Beliau memiliki lebih daripada 30 tahun pengalaman dalam industri Perbankan dan kewangan serta pernah memegang banyak jawatan kanan dalam Kumpulan Maybank. Beliau bertanggungjawab menerajui dan membangunkan perniagaan perbankan runcit Maybank di Singapura. Sebelum menyertai Maybank Singapura, Pollie merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Mayban Finance (S) Ltd.

Pada 2012, Pollie dianugerahkan sebagai FICP Kehormat (Profesional Industri Kewangan Bertauliah) oleh Institut Perbankan & Kewangan (IBF) Singapura dan turut menerima Anugerah Kepimpinan Kehormat bagi Pacific Rim Bankers Programme.

Kelayakan

Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Brunel University of West London, United Kingdom. Diploma Pengajian Pengurusan, Institut Pengurusan Singapura; Diploma Pemasaran dan Jualan Perkhidmatan Bank, Pusat Pengurusan Antarabangsa.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Pengarah Bukan Eksekutif bagi beberapa syarikat, Singapore Unit Trusts Ltd, Sorak Financial Holdings Pte Ltd, Maybank Philippines Incorporated, Maybank Kim Eng Holdings Ltd dan Maybank (Cambodia) Plc; Pengerusi Majlis Pelaburan Unit Amanah Singapura.



JEROME HON KAH CHO
Ketua Pegawai Operasi Kumpulan

Jerome Hon dilantik sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan, berkuatkuasa pada 1 Disember 2013.

Tanggungjawab

Jerome bertanggungjawab merangka formula dan membangunkan strategi operasi bagi menyokong visi dan misi Kumpulan Maybank. Beliau memantau keseluruhan operasi dan proses-proses Kumpulan dan memastikan pelaksanaan khidmat sokongannya cekap dan berkesan.

Pengalaman

Sebelum pelantikannya, Jerome merupakan Ketua Eksekutif Audit Maybank selama lebih 7 tahun dan tugasnya memantau fungsi Audit Dalaman Maybank dan juga syarikat-syarikat subsidiarinya. Jerome telah berkhidmat dengan Maybank selama 20 tahun dan telah memegang pelbagai jawatan dalam Kumpulan Maybank termasuk Perakaunan, Operasi Berpusat dan jawatan pengurusan utama syarikat-syarikat subsidiari Kumpulan Maybank yang terlibat dalam perniagaan amanah dan pembrokeran pasaran hadapan. Sebelum menyertai Maybank, beliau berkhidmat dengan firma perakaunan selama 8 tahun. Sepanjang tempoh tersebut, beliau terlibat dalam berbagai jenis audit termasuk perkhidmatan kewangan, insurans, perkilangan dan lain-lain perkhidmatan.

Kelayakan

Institut Akauntan Am Bertauliah Malaysia (MICPA); Ahli MICPA; Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA).

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Nil.



TASWIN ZAKARIA
Presiden Direktor (Bakal)*
Bank Internasional Indonesia (BII)

Taswin merupakan warga Indonesia yang dilantik sebagai Presiden Direktor (Bakal) sejak 11 November 2013.

Tanggungjawab

Taswin bertanggungjawab bagi keseluruhan prestasi perniagaan dan pertumbuhan BII. Beliau memantau operasi BII, termasuk perkhidmatan perbankan seperti perbankan runcit, perniagaan dan global dan juga pengurusan risiko, kewangan, modal insan, operasi & IT, undang-undang dan pematuhan. Beliau turut bertanggungjawab dalam memanfaatkan kekuatan Kumpulan Maybank untuk mendapatkan sebahagian besar daripada penguasaan pasaran dan pada masa sama mengukuhkan kekuatan operasi Kumpulan Maybank di Indonesia.

Pengalaman

Taswin telah berkhidmat sebagai ahli bebas Lembaga Pesuruhjaya BII sejak 2003 hingga 11 November 2013. Beliau juga merupakan ahli bebas Lembaga Pesuruhjaya PT Jasa Angkasa Semesta Tbk (2005-2013), Presiden Direktor PT Indonesia Infrastructure Finance (2010-2011), Pengarah Barclays Bank Plc Indonesia dan Ketua bagi Asia untuk Pasaran Modal Alternat/ Kewangan Islam di Barclays (2001-2003). Beliau merupakan Naib Presiden Deutsche Bank AG, Jakarta dan juga Ketua Pasaran Modal Hutang dan Pengurusan Risiko Liabiliti (1997-2001). Beliau memulakan karier dalam bidang perbankan di Citibank NA, Jakarta, yang mana beliau merupakan Ketua Unit Penstrukturan Korporat dan Pembiayaan Projek (1992-1997).

Kelayakan

Ijazah Sarjana Muda Sains Dalam Bidang Pentadbiran Perniagaan, Ijazah Perakaunan, Cum Laude (Kepujian), Ohio State University, AS.

Jawatankuasa Keahlian/Pelantikan

Nil.

**bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa*

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Pendahuluan

Lembaga Pengarah Maybank percaya bahawa tadbir urus korporat yang baik bukan hanya sekadar kenyataan untuk dipatuhi, bahkan kami komited mencapai piawaian tertinggi integriti perniagaan, etika dan profesionalisme merentasi seluruh aktiviti Kumpulan. Dengan komitmen ini dan selari dengan aspirasi serantau Kumpulan untuk menginsankan perkhidmatan kewangan, Lembaga Pengarah menyasarkan untuk mempertingkatkan kemakmuran perniagaan dan memupuk budaya dengan nilai-nilai etika, sambil terus memberikan dan mengekalkan cadangan nilai Kumpulan untuk manfaat pihak-pihak berkepentingan di dalam dan luar negara.

Pendekatan asas Lembaga Pengarah dalam hal ini adalah untuk memastikan kepimpinan eksekutif yang betul, strategi dan kawalan dalaman bagi pengurusan risiko, tersedia pada tempatnya. Pihak Lembaga juga menyemak model tadbir urusnya secara berterusan bagi memastikan ia kekal relevan, berkesan dan berupaya menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.


Penyata Tadbir Urus Korporat ini bertujuan memberi gambaran yang penting mengenai amalan tadbir urus korporat Kumpulan ini kepada para pelabur. Model tadbir urus korporat Kumpulan Maybank mengguna keperluan dan garis panduan berikut:-

1. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia 2012 (dirujuk di sini sebagai “Kod” atau MCCG 2012);
2. Garis Panduan Tadbir Urus Korporat Bank Negara Malaysia (BNM) bagi Bank Institusi Berlesen (“BNM/GP1”) yang disemak semula;
3. Keperluan Penyenaraian (“Keperluan Penyenaraian”) Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa Malaysia);
4. Buku Hijau Peningkatan Kecekapan Pengarah (Buku Hijau) oleh Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
5. Panduan Tadbir Urus Korporat: Ke Arah Kecemerlangan Lembaga Pengarah Edisi ke-2 (Panduan CG) oleh Bursa Malaysia; dan
6. Kad Skor Tadbir Urus Korporat Malaysia-Asean oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG).

Maybank juga memantau kemajuan piawaian tadbir urus korporat yang diamalkan oleh organisasi-organisasi dan institusi pemberian pinjaman terkemuka dan ternama di rantau ini dan di seluruh dunia untuk memastikan piawaian tertinggi diterima pakai dalam tadbir urus korporatnya.

Bukti komitmen Kumpulan yang kuat dalam hal ini, Bank ini telah menerima beberapa penghargaan pada tahun 2013 kerana mempamerkan piawaian tinggi dalam tadbir urus korporat termasuk Anugerah Emas untuk Laporan Tahunan Paling Cemerlang dan juga Anugerah Kecemerlangan Industri dalam kategori Kewangan bagi syarikat-syarikat yang tersenarai di Pasaran Utama pada Anugerah Laporan Korporat Tahunan Nasional 2013. Maybank juga telah dianugerahkan Tadbir Urus Korporat Terbaik di Malaysia dalam undian FinanceAsia “Asia’s Best Managed Companies Poll 2013”.

Pada 1 Oktober 2013, Maybank menyemak semula Struktur Organisasi Kumpulan dan pasukan kepimpinannya dalam usaha untuk memacu prestasi perniagaan serantau dan mencapai kecemerlangan operasi Kumpulan Maybank pada tahun 2015 dan seterusnya. Dengan transformasi ini, usaha-usaha serantau Maybank akan disegerakan, kecekapan dan produktiviti di serata Kumpulan meningkat dengan ketara, sinergi diraih dan potensi direalisasikan. Pada masa yang sama, kedudukan utama dalam perniagaan di seluruh Kumpulan Maybank akan dipertingkatkan, budaya prestasi tinggi tegas diinstitusikan dan tadbir urus kumpulan diperkukuhkan.



Lembaga Pengarah sukacita memaklumkan kepada para pemegang saham mengenai model tadbir urus korporat, lapan prinsip dan 26 cadangan Kod serta tahap pematuhan Kod sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, seperti yang dinyatakan di bawah.

Secara umumnya, Maybank mematuhi prinsip yang ditetapkan dalam MCCG 2012 dan aplikasi dalam setiap prinsip ini akan dinyatakan pada setiap bahagian Penyata Tadbir Urus Korporat dan juga Laporan Tahunan ini.

LEMBAGA PENGARAH

Piagam Lembaga Pengarah

Sebagai mengiktiraf bahawa amalan tadbir urus korporat yang mantap dan difikirkan dengan baik adalah penting untuk melindungi kepentingan para pemegang kepentingan Kumpulan, Lembaga Maybank dipandu oleh Buku Panduan Lembaga Pengarah (Buku Panduan), berkenaan dengan peranan, kuasa, tugas dan fungsi Lembaga Pengarah. Buku Panduan Lembaga Pengarah dikaji semula secara berkala dan telah disemak semula baru-baru ini untuk menggabungkan perubahan kepada perundangan terutamanya pengenalan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan pindaan terkini kepada Syarat-Syarat Penyenaraian (*Prinsip 1, Cadangan 1.1 dan 1.7 dalam MCCG 2012*).

Buku Panduan ini bukan sahaja mencerminkan amalan terbaik semasa dan kaedah-kaedah serta peraturan-peraturan yang diguna pakai, ia juga menggariskan proses dan prosedur untuk memastikan keberkesanan dan kecekapan Lembaga-lembaga Pengarah Kumpulan dan jawatankuasa mereka. Ia merupakan sebuah dokumen dinamik yang perlu dikemas kini dari semasa ke semasa untuk mencerminkan perubahan dasar, proses dan prosedur Bank serta pindaan peraturan dan kawal selia yang berkenaan, atau akan dikaji semula sekurang-kurangnya sekali dalam dua tahun, yang mana lebih awal.

Lembaga-lembaga subsidiari Kumpulan dan syarikat bersekutu, di dalam dan luar negara, digalakkan untuk menggunakan Buku Panduan yang seumpamanya untuk setiap entiti korporat masing-masing.

Buku Panduan, antara lain mengandungi terma-terma rujukan yang nyata serta had kuasa Lembaga Pengarah dan jawatankuasanya, dan pelbagai dasar dalaman yang berkenaan.

Buku Panduan ini mengandungi bab-bab seperti berikut:

1. Piawaian pelaksanaan perniagaan Kumpulan (*Cadangan 1.3 daripada MCCG 2012*);
2. Tugas dan kewajipan Pengarah;
3. Pelantikan dan peletakan jawatan Pengarah;
4. Struktur Tadbir Urus;
5. Prosiding Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya;
6. Imbuhan dan manfaat untuk para Pengarah;
7. Penyaluran maklumat kepada Lembaga Pengarah
8. Program latihan dan induksi;
9. Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah;
10. Konflik kepentingan dan transaksi pihak berkaitan; dan
11. Dasar-dasar utama lain bagi Bank dan Kumpulan.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah *(Cadangan 1.2 daripada MCCG 2012)*

Perniagaan dan hal ehwal Bank dan Kumpulan adalah diurus di bawah arahan dan pengawasan Lembaga Pengarah Maybank, yang juga mempunyai tanggungjawab untuk mengkaji semula dan meluluskan strategi keseluruhan perniagaan, organisasi dan dasar-dasar penting Bank dan Kumpulan secara berkala.

Seterusnya, Lembaga Pengarah juga menetapkan nilai teras Kumpulan dan mengguna pakai piawai yang tepat bagi memastikan Bank beroperasi dengan integriti dan selaras dengan peraturan dan kawal selia yang bersesuaian.

Lembaga Pengarah mempunyai jadual rasmi berkaitan hal-hal khusus untuk diputuskan yang meliputi antara lain, yang berikut :

- Mengkaji semula dan meluluskan strategi dan pelan perniagaan untuk Bank dan Kumpulan;
- Mengenal pasti dan menguruskan risiko utama yang mempengaruhi Kumpulan termasuk mewujudkan dan meluluskan dasar-dasar yang relevan untuk pencegahan pengubahan wang haram, dan amalan anti-persaingan;
- Mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan;
- Mengawasi pengendalian dan prestasi perniagaan Kumpulan;
- Mengkaji semula perancangan penggantian dan rancangan pengurusan bakat bagi Kumpulan, dan meluluskan pelantikan dan pampasan kakitangan pengurusan kanan;
- Meluluskan dasar baharu berkaitan kepelbagaian lembaga pengarah, gaji kakitangan dan faedah;
- Meluluskan perubahan struktur organisasi korporat;
- Meluluskan pelantikan para Pengarah dan emolumen serta faedah selaras dengan undang-undang yang relevan;
- Meluluskan dasar yang berkaitan dengan program penjenamaan korporat, perhubungan awam, hubungan pelabur dan program komunikasi pemegang saham; dan
- Mengkaji semula strategi Kumpulan mengenai promosi kemampanan yang memberi tumpuan kepada aspek alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) *(Cadangan 1.4 daripada MCCG 2012)*.

Selain daripada peruntukan khusus untuk Lembaga Pengarah dalam Terma Rujukan, tanggungjawab untuk menguruskan aktiviti perniagaan Maybank diserahkan kepada Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif (PCEO) Kumpulan, yang akan melaporkan kepada Lembaga Pengarah.

Komposisi dan Keseimbangan Lembaga Pengarah

Ketika ini terdapat 11 Pengarah dalam Lembaga Pengarah Maybank. Lapan ialah Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, dua Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif (penama Permodalan Nasional Berhad (PNB)) dan seorang adalah Pengarah Eksekutif Bukan Bebas (PCEO Kumpulan) *(Prinsip 3, Cadangan 3.5 daripada MCCG 2012)*.

Komposisi semasa Lembaga Pengarah mematuhi Bab 15.02 Syarat-Syarat Penyenaraian kerana lebih separuh daripada anggotanya ialah Pengarah Bebas *(Prinsip 2, Cadangan 2.1 MCCG 2012)*.

Para Pengarah berpengetahuan luas, berpengalaman dan berkemahiran dalam bidang-bidang utama seperti perakaunan, undang-undang, sekuriti, operasi dan pembangunan perniagaan antarabangsa, kewangan dan pengurusan risiko antara lain. Profil ringkas setiap anggota Lembaga Pengarah tertera di muka surat 134-139 dalam Laporan Tahunan ini.

Keterangan

Lembaga Pengarah komited untuk memastikan kepelbagaian dan perincian dalam komposisi dan pertimbangan, dan Kumpulan percaya bahawa kepelbagaian itu akan memberi kesan positif dan nilai yang relevan kepada Kumpulan. Pelantikan ke dalam Lembaga Pengarah adalah berdasarkan merit.

Khususnya, mengikut Cadangan 2.2 dalam Kod, Maybank telah menubuhkan Dasar Kepelbagaian Jantina dalam Lembaga Pengarah (Dasar Kepelbagaian Jantina) bagi menunjukkan komitmennya menambah perwakilan wanita dalam Lembaga Pengarah. Di bawah Dasar Kepelbagaian Jantina, Lembaga Pengarah menerima pakai matlamat yang boleh diukur daripada semasa ke semasa iaitu mengekalkan sekurang-kurangnya seorang (1) Pengarah wanita di Lembaga Pengarah dan mempunyai minimum 20% perwakilan wanita menjelang tahun 2016. Untuk mencapai matlamat ini, proses pemilihan bagi pelantikan Pengarah melibatkan penyenaraian pendek calon yang berpotensi termasuk sekurang-kurangnya seorang (1) wakil wanita bila mana dirasakan perlu dan keutamaan diberikan pada pelantikan seorang Pengarah wanita untuk mengisi jawatan Pengarah wanita yang kosong kerana bersara atau meletakkan jawatan.

Lagipun, pemilihan para Pengarah adalah berpandukan kriteria yang digariskan dalam Dasar Kriteria Kesesuaian dan Kelayakan untuk Pelantikan/Pelantikan Semula Individu Bertanggungjawab Utama (KRPs) Institusi Berlesen dalam Kumpulan Maybank (Dasar Kesesuaian dan Kelayakan) seperti yang dinilai sewajarnya oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuan (NRC).

Kebebasan Pengarah dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif

Komposisi semasa Lembaga Pengarah, dengan sebahagian besarnya terdiri daripada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, memastikan dan menyediakan pandangan pengurusan yang kukuh dan bermakna. Komposisi Lembaga Pengarah mencerminkan kepentingan pemegang saham majoriti yang diwakili secukupnya oleh pelantikan pengarah penama, dan diseimbangkan dengan kepentingan pemegang saham minoriti. Pengarah Bukan Eksekutif tidak mengambil bahagian dalam pengurusan harian Bank dan tidak terlibat dalam mana-mana urusan perniagaan atau hubungan lain dengan bank (selain daripada situasi yang dibenarkan oleh peraturan) dalam memastikan mereka benar-benar mampu melaksanakan penilaian bebas dan bertindak untuk kepentingan Kumpulan dan pemegang saham. Seterusnya, Lembaga Pengarah berpuas hati dan yakin, tiada individu atau kumpulan Pengarah mempunyai kuasa yang berpotensi menimbulkan konflik kepentingan. Berlandaskan BNM/GP1, tiada Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Bank mempunyai lebih daripada 5% ekuiti kepentingan dalam institusi berlesen atau syarikat berkaitan dan tidak seorang pun daripada mereka mempunyai hubungan dengan pemegang saham utama institusi berlesen.

Pengarah Bukan Eksekutif Maybank terus proaktif dalam melibatkan diri dengan pengurusan kanan dan pihak lain yang berkaitan seperti juruaudit luaran/dalaman dan unit Pematuhan Bank, dan unit Risiko. Mereka memastikan bahawa pelbagai kebimbangan dan isu relevan kepada pengurusan dan pengawasan perniagaan dan operasi Bank dan Kumpulan ditangani dengan baik. Komitmen Lembaga Pengarah untuk memastikan tadbir urus baik dalam mempertimbangkan isu-isu utama terbukti dengan pengenalan “Waktu Perbincangan Lembaga Pengarah Tanpa Pengurusan” (di mana sesi hanya melibatkan Pengarah Bukan Eksekutif) sebagai item kekal dalam agenda mesyuarat bulanan Lembaga Pengarah (di akhir setiap mesyuarat).

Lembaga Pengarah memastikan semua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif memiliki kualiti-kualiti berikut:

- Mampu mencabar andaian, pendapat atau pandangan orang lain dengan persoalan bijak, perdebatan yang membina dan teliti, dan tidak dipengaruhi perasaan dalam membuat keputusan melibatkan kepentingan Bank;
- Sentiasa bersedia untuk mempertahankan pandangan, kepercayaan dan pendapat sendiri untuk kepentingan utama Bank; dan
- Memiliki pemahaman yang baik mengenai aktiviti perniagaan Bank untuk memberi maklum balas tepat berhubung isu-isu strategik dan teknikal yang dikemukakan oleh Lembaga Pengarah.

Dasar Kebebasan Pengarah

Dasar Kebebasan Pengarah Kumpulan ini merumuskan pendekatan Maybank dalam menentukan sejauh mana pengarah itu adalah bebas. Ia menyediakan satu garis panduan bagi pihak Lembaga Pengarah dan subsidiari berlesen yang berkaitan dalam penilaian kebebasan bagi setiap Pengarah Bebas.

Sejajar dengan Dasar Kumpulan mengenai Kebebasan Pengarah dan Cadangan 3.1 daripada MCCG, pihak Lembaga Pengarah melalui NRC menilai kebebasan Pengarah Bebas berikutan pelantikannya, semasa pelantikan semula dan dalam sebarang keadaan setiap tahun.

NRC mengendalikan penilaian bebas melalui Lembaga Pengarah dan Penilaian Tahunan Golongan Setara serta juga proses Penilaian Kesesuaian dan Kelayakan dengan mengambil kira kemahiran pengarah, pengalaman, sumbangan, latar belakang, hubungan ekonomi dan keluarga, tempoh jawatan pengarah dan akuan diri Pengarah Bebas mengenai kepatuhan mereka dengan kriteria kebebasan di bawah BNM/GP1, Keperluan Penyenaraian dan juga Dasar Bank mengenai Kebebasan Pengarah.

NRC menentukan keupayaan Pengarah Bebas untuk terus memberikan pertimbangan yang bebas dan objektif terhadap perbincangan Lembaga Pengarah serta juga menimbangkan jika terdapat apa-apa alasan atau sebab yang mendapat perhatian NRC yang boleh menjejaskan status kebebasan para Pengarah Bebas Maybank.

Lembaga Pengarah berpendapat bahawa kesemua lapan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif (NED), iaitu Dato' Mohd Salleh Hj Harun, Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil, Dato' Seri Ismail Shahudin, Dato' Dr Tan Tat Wai, Dato' Johan Ariffin, En Cheah Teik Seng, Datuk Mohaiyani Shamsudin, dan En Erry Riyana Hardjapamekas memenuhi kriteria kebebasan yang dinyatakan di bawah BNM/GP1, Keperluan Penyenaraian serta Dasar Bank mengenai Kebebasan Pengarah.

Pengarah Kanan Bebas Bukan Eksekutif

Selari dengan amalan terbaik tadbir urus korporat, Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil terus memainkan peranan beliau sebagai Pengarah Kanan Bebas ("SID") dalam Lembaga Pengarah di mana sebarang isu atau kebimbangan pemegang saham dan pemegang kepentingan boleh diajukan kepada beliau.

Beliau bertanggungjawab untuk menangani isu-isu yang telah dikemukakan oleh para pemegang saham. Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil juga merupakan Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah dan anggota Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan.

Beliau boleh dihubungi di alamat e-mel beliau: adenan.aj@maybank.com.my.

Proses Pelantikan Lembaga Pengarah (Prinsip 2, Cadangan 2.2 MCCG 2012)

Terdapat prosedur formal dan telus bagi pelantikan Pengarah baharu ke dalam Lembaga Pengarah, tanggungjawab utama yang telah diberikan kepada Jawatankuasa Pencalonan dan Imbuhan ("NRC"). Tanggungjawab tersebut termasuk penyaringan, mengendalikan pemilihan awal terhadap calon dalaman dan luar, melaksanakan penilaian yang diperlukan dan menaksir keupayaan calon-calon untuk melaksanakan tugas mereka dengan berkesan dan cekap sebelum mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusannya. NRC juga

memastikan calon memenuhi syarat-syarat yang relevan daripada segi kemahiran dan kecekapan teras, pengalaman, integriti dan masa yang dianggap sesuai serta layak untuk dilantik sebagai pengarah.

Prosedur ini adalah sejajar dengan Dasar Kesesuaian dan Kelayakan Kumpulan yang berkuat kuasa sejak bulan Ogos 2006 dan baru-baru ini disemak dan dipinda untuk menggabungkan Peruntukan baharu seperti dikehendaki di bawah FSA, Garis Panduan BNM bagi Kriteria Kesesuaian dan Kelayakan dan BNM/GP1. Selaras dengan prosedur ini, NRC mengesyorkan kepada Lembaga Pengarah calon yang sesuai untuk jawatan pengarah dan pelantikan pengurusan kanan utama Maybank dan subsidiari-subsidiari yang berkenaan.

Dasar Kesesuaian dan Kelayakan menggariskan sifat dan kelayakan calon untuk menentukan kesesuaiannya, antara lain dalam hal pengurusan dan pengalaman kepimpinannya, yang seharusnya berada di tahap yang paling kanan dalam kumpulan perkhidmatan kewangan tempatan atau antarabangsa terkemuka, syarikat awam atau firma/badan profesional. Daripada segi kemahiran keahlian dan latar belakang calon, beliau seharusnya mempunyai pelbagai kemahiran, termasuklah dalam bidang perniagaan, undang-undang dan kewangan, pengetahuan profesional dan pengalaman dalam industri kewangan serta pengalaman dalam pasaran serantau dan antarabangsa.


Aspek-aspek ini dipertimbangkan oleh Lembaga Pengarah dalam membuat pemilihan, dengan bantuan NRC: -

1. Jujur, integriti dan reputasi – seseorang itu perlu mempunyai kualiti-kualiti utama seperti jujur, integriti, tekun, pemikiran terbuka dan keadilan.
2. Cekap dan berupaya – seseorang itu mestilah mempunyai kemahiran yang sewajarnya, keupayaan dan komitmen untuk melaksanakan tugas-tugasnya.
3. Integriti kewangan – seseorang itu mampu menguruskan hutang atau hal ehwal kewangannya secara berhemah.

Dasar Kesesuaian dan Kelayakan ini juga penting sebagai garis panduan untuk mengenal pasti jurang kemahiran dalam komposisi Lembaga Pengarah. Dasar tersebut menghuraikan keperluan bagi Pengarah Bukan Eksekutif Maybank yang telah mencapai usia 70 dan ke atas, dan mereka yang telah berkhidmat sebagai Lembaga Pengarah selama 12 tahun atau lebih, untuk menyerahkan surat peletakan jawatan mereka setiap tahun kepada NRC enam bulan sebelum mesyuarat agung tahunan, untuk membolehkan cadangan tepat dibuat oleh Lembaga Pengarah.

Tambahan pula, selaras dengan Cadangan 3.2 dan 3.3 daripada MCCG, tempoh perkhidmatan untuk para Pengarah Bebas telah dihadkan pada maksimum sembilan tahun dan apabila tamat tempoh sembilan tahun, Pengarah Bebas boleh terus berkhidmat dalam Lembaga Pengarah tertakluk kepada pemilihan semula jawatan sebagai Pengarah Bukan Bebas. Dalam keadaan berkecuali, para pemegang saham boleh memutuskan bahawa seorang Pengarah Bebas boleh kekal melebihi jangka terkumpul sembilan tahun, tertakluk kepada penilaian NRC, cadangan Lembaga Pengarah serta justifikasi yang kukuh diberikan kepada para pemegang saham di mesyuarat agung. Pihak Lembaga telah sedia maklum bahawa pada masa ini tiada dalam kalangan anggota bebasnya telah mencapai tempoh terkumpul selama sembilan tahun dalam Maybank.

Proses pencalonan dibuat dengan jelas dan telus seperti ditetapkan dalam dasar proses pencalonan bagi pelantikan Pengerusi, Pengarah dan CEO sebuah Institusi Berlesen dalam Kumpulan (Dasar Proses Pencalonan). Proses pencalonan ini melibatkan lima tahap seperti berikut:-



PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Permohonan pelantikan seseorang calon itu akan dikemukakan kepada BNM untuk mendapat kelulusan sebagai mana yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (FSA) atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSA) (yang mana berkenaan), tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah yang berkenaan dalam Kumpulan.

Proses pelantikan Pengarah Eksekutif pada dasarnya akan meliputi mengenal pasti calon berpotensi untuk memastikan hanya yang terbaik dipilih untuk jawatan eksekutif tertinggi demi kepentingan Kumpulan. Proses ini termasuk mengenal pasti calon yang berpotensi (sama ada dari dalam dan luar) oleh sebuah jawatankuasa khas Lembaga Pengarah berdasarkan keterangan jangkaan peranan dan kebolehan yang diperlukan oleh Lembaga Pengarah. Proses ini termasuk temu duga, yang kemudiannya diikuti dengan permohonan kepada NRC untuk perbincangan dan selepas itu cadangan terakhir dibuat kepada Lembaga Pengarah untuk pengesahan, dan akhirnya diserahkan kepada BNM untuk kelulusan. Dalam tahun kewangan, Lembaga Pengarah telah meluluskan pelantikan Datuk Abdul Farid Alias sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas/PCEO Kumpulan menggantikan Dato' Sri Abdul Wahid Omar yang menyertai Kerajaan sebagai Menteri.

Bank juga menjalankan penilaian tahunan mengenai kesesuaian para Pengarah untuk terus mengisi kedudukan kepimpinan strategik mereka berikutan proses pelantikan tersebut, mengikut Dasar Kesesuaian dan Kelayakan Kumpulan dan selaras dengan Garis Panduan BNM bagi Kriteria Kesesuaian dan Kelayakan dan BNM/GP1. Penilaian kesesuaian dan kelayakan ini melibatkan akuan diri oleh para Pengarah serta pemeriksaan bebas ke atas penglibatan perniagaan mereka selaras dengan Seksyen 59 FSA, Seksyen 68 IFSA (jika berkenaan) dan BNM/GP1 untuk memastikan kesesuaian para Pengarah untuk terus berkhidmat sebagai pengarah Bank.

Persaraan dan Pemilihan Semula Pengarah

Selepas pelantikan, semua pengarah Bank, termasuk PCEO Kumpulan sebagai Pengarah Eksekutif adalah tertakluk kepada pemilihan semula oleh para pemegang saham. Mereka juga tertakluk kepada persaraan mengikut giliran sekurang-kurangnya sekali setiap tiga tahun mengikut Keperluan Penyenaraian dan Artikel 96 dan 97 Artikel Tataurus Bank. Sokongan Lembaga Pengarah untuk pemilihan semula Pengarah bukan automatik dan tertakluk kepada penilaian prestasi yang memuaskan.

Pertamanya, NRC menilai para Pengarah yang akan dipilih semula pada Mesyuarat Agung Tahunan dan kemudian akan mengemukakan cadangannya kepada Lembaga Pengarah untuk perbincangan dan kelulusan. Setelah mendapat pengesahan Lembaga Pengarah, maklumat yang relevan termasuk justifikasi mengenai pelantikan semula itu kemudiannya dikemukakan kepada BNM untuk kelulusan jika tempoh pelantikan Pengarah ini hampir tamat.

Dato' Dr Tan Tat Wai dan Mr Cheah Teik Seng yang akan bersara dan memohon pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan akan datang menurut Artikel 96 dan 97 dalam Artikel Tataurus Bank, seperti yang dinilai oleh NRC dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah, telah menepati kehendak Lembaga Pengarah dan telah menunjukkan contoh teladan baik dalam perkhidmatan seperti yang ditunjukkan oleh, antara lainnya, sumbangan mereka kepada perbincangan Lembaga ini. En Zainal Abidin bin Jamal yang juga akan bersara menurut Artikel 96, bagaimanapun menyatakan hasrat untuk tidak dipilih semula pada Mesyuarat Agung Tahunan.

Datuk Abdul Farid Alias telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif Bukan Bebas/PCEO Kumpulan berkuat kuasa 2 Ogos 2013 dan harus bersara pada Mesyuarat Agung Tahunan menurut Artikel 100 dalam Tataurus Bank. Datuk Abdul Farid Alias memohon pemilihan semula pada Mesyuarat Agung Tahunan.

Kecekapan Lembaga Pengarah dan Pengarah Individu

Setiap tahun kewangan, NRC menyediakan proses yang rasmi atau formal dan telus untuk menilai keberkesanan setiap Pengarah, Lembaga Pengarah secara keseluruhan dan jawatankuasanya, serta prestasi PCEO Kumpulan (berdasarkan Kad Skor Seimbang) mengikut kemahiran dan pengalaman masing-masing selaras dengan Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah dan Rakan Kerja.

Penilaian ini terutamanya berdasarkan jawapan ke atas soal selidik yang disediakan di peringkat dalaman oleh Perkhidmatan Korporat dan Perundangan Maybank yang mengambil kira amalan terbaik yang sedia ada. Borang penilaian diagihkan kepada semua ahli Lembaga Pengarah dan meliputi topik termasuk tanggungjawab Lembaga Pengarah berhubung perancangan strategik, pengurusan risiko, pengurusan prestasi, laporan kewangan, audit dan proses dalaman, pengurusan sumber manusia, tanggungjawab sosial korporat, komunikasi, tadbir urus korporat serta kepentingan dan nilai pemegang saham. Bidang lain yang dinilai termasuk komposisi dan saiz Lembaga Pengarah, sumbangan setiap ahli Lembaga Pengarah di mesyuarat, keputusan dan pendapat Lembaga Pengarah, maklumat dan sokongan yang diberikan kepada Lembaga Pengarah serta tatacara mesyuarat.

Program-program tindakan penambahbaikan akan dikenal pasti apabila keputusan Lembaga Pengarah disemak semula dan penilaian jawatankuasa dijalankan oleh NRC dan Lembaga Pengarah. Program-program tersebut termasuk keperluan latihan pengarah individu, yang akan dikaji semula setiap setengah tahun seterusnya. Pengerusi Lembaga Pengarah dan Pengerusi NRC berbincang dengan anggota individu berkenaan bidang-bidang peningkatan prestasi.

Selepas mempertimbangkan komposisi, kalibar dan kepelbagaian, Lembaga Pengarah mesti berpuas hati bahawa ia cekap dan berkesan dalam melaksanakan perbincangan mengikut BNM/GP1. Saiz Lembaga Pengarah buat masa ini membolehkan ia untuk melaksanakan peranannya secara profesional dengan mengambil kira komposisi, keluasan dan kerumitan aktiviti perniagaan Kumpulan, di dalam negara mahupun antarabangsa. Perubahan Lembaga Pengarah pada masa hadapan mungkin dibuat untuk meningkatkan kemahiran atau membolehkan perancangan pengganti secara teratur.

Pengerusi akan sentiasa cuba memastikan bahawa keputusan Lembaga Pengarahnya berdasarkan persetujuan bersama (jika tidak, sekurang-kurangnya berdasarkan kehendak majoriti), dan sebarang kebimbangan atau percanggahan pendapat Pengarah tentang masalah yang dibincangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah atau Jawatankuasa serta keputusan mesyuarat, akan ditangani sewajarnya dan dicatatkan dalam minit mesyuarat berkenaan.

Peranan dan Tanggungjawab Pengerusi dan Presiden Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif (Prinsip 1, Cadangan 1.1 dan Prinsip 3, Cadangan 3.4 daripada MCCG 2012)

Peranan dan tanggungjawab Pengerusi dan PCEO Kumpulan dibahagikan dengan jelas, ditakrif dan didokumentasikan serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah, selari dengan amalan terbaik dan pemantauan oleh Pengurusan. Perbezaan ini membolehkan pemahaman yang lebih baik dan pengagihan tanggungjawab bidang kuasa dan kebolehpercayaan. Struktur hierarki yang jelas dengan pendekatan fokus dan had kuasa berkaitan juga memudahkan kecekapan dan mempercepatkan proses membuat keputusan.

Pengerusi

Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Megat Mohd Nor ialah Pengerusi Maybank. Sebelum dilantik sebagai Pengerusi Maybank pada 1 Oktober 2009, beliau merupakan seorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank dari bulan Julai 2004 hingga Februari 2009. Beliau tidak pernah memegang jawatan eksekutif di Maybank.

Beliau, sebelum ini pernah menjadi pengerusi bagi dua buah syarikat senarai awam iaitu Shell Refining Company Berhad dan Maxis Communications Berhad.

Pengerusi menerajui Lembaga Pengarah serta bertanggungjawab untuk memastikan prestasi berkesan Lembaga Pengarah. Pengerusi sentiasa bekerjasama dengan ahli Lembaga Pengarah lain dalam merangka dasar untuk menyelaraskan aktiviti perniagaan yang diterajui oleh pengurusan kanan selaras dengan matlamat dan aspirasi Kumpulan, di samping memantau pelaksanaannya. Pengerusi memastikan pelaksanaan dan prosiding teratur Lembaga Pengarah, di mana perbincangan dan penghujahan yang bermanfaat mengenai sesuatu isu yang dibahaskan adalah digalakkan bagi mencerminkan tahap keraguan dan kebebasan yang sewajarnya.

Pengerusi akan mengetuai usaha untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan program perancangan pengganti untuk Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan. Beliau juga menggalakkan hubungan kerja yang sihat dengan PCEO Kumpulan dan menyediakan sokongan yang diperlukan serta nasihat yang sesuai. Beliau menunjukkan standard tertinggi amalan tadbir urus korporat dan memastikan bahawa amalan-amalan ini dimaklumkan kepada pemegang kepentingan.

Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Datuk Abdul Farid Alias ialah PCEO dan Pengarah Eksekutif Maybank sejak 2 Ogos 2013 (sebelum itu, Dato' Sri Abdul Wahid Omar merupakan PCEO).

Datuk Abdul Farid telah diberikan tanggungjawab tertentu oleh Lembaga Pengarah, khususnya untuk mengawasi operasi harian bagi memastikan pengurusan Kumpulan berjalan dengan lancar dan berkesan. Selain itu, beliau bertanggungjawab untuk menggariskan rancangan jangka sederhana dan panjang untuk mendapat kelulusan Lembaga Pengarah dan melaksanakan dasar-dasar dan keputusan Lembaga Pengarah, serta menyelaraskan pembangunan dan pelaksanaan strategi perniagaan dan korporat, khususnya dengan memastikan semuanya dikendalikan untuk mencapai hasil yang diharapkan, khasnya pembentukan tindakan pembaikan bagi mengatasi masalah yang dikenal pasti. Beliau juga bertanggungjawab untuk membangunkan dan menterjemah strategi menjadi matlamat dan keutamaan, serta menetapkan strategi dasar dan arah operasi perniagaan, pelaburan dan aktiviti lain mengikut kawalan pengurusan risiko yang berkesan.

Sebagai PCEO Kumpulan, beliau memastikan amalan pengurusan kewangan pada tahap tertinggi daripada segi integriti dan ketelusan untuk manfaat pemegang saham serta perniagaan dan hal ehwal Bank dijalankan secara beretika dan selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

PCEO Kumpulan turut diberi tanggungjawab untuk memastikan walaupun matlamat utama mampu memaksimumkan pulangan pemegang saham, faktor sosial dan persekitaran tidak diabaikan, dan juga membangun dan mengekalkan program komunikasi dan dialog yang kukuh dengan pemegang saham, pelabur, penganalisis dan juga kakitangan, selain menyediakan kepimpinan yang berkesan bagi Kumpulan. Beliau juga bertanggungjawab memastikan tahap kecekapan pengurusan yang tinggi serta pelaksanaan rancangan penggantian pengurusan yang cekap bagi mempertahankan kemampanan operasi. PCEO Kumpulan, berdasarkan kedudukannya sebagai ahli Lembaga Pengarah, juga berfungsi sebagai perantara Lembaga Pengarah dan pengurusan kanan.

Mesyuarat Lembaga Pengarah

Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat setiap bulan berserta mesyuarat tambahan apabila terdapat masalah mendesak yang diperlu diputuskan di antara tempoh mesyuarat yang telah dijadualkan. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, Lembaga Pengarah bermesyuarat sebanyak 15 kali untuk berunding dan mempertimbangkan pelbagai perkara penting yang memerlukan panduan dan kelulusannya.

Semua Pengarah telah memenuhi syarat-syarat bahawa Pengarah harus menghadiri sekurang-kurangnya 75% daripada mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada tahun kewangan sesuai dengan BNM/GP1, dan menghadiri sekurang-kurangnya 50% daripada mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 selaras dengan Keperluan Penyenaraian.

Amalan semasa adalah memilih ahli Lembaga Pengarah untuk menganggotai Lembaga Pengarah syarikat subsidiari, terutamanya di luar negara. Ia diteruskan untuk mengekalkan kawalan dan memastikan operasi subsidiari masing-masing selaras dengan strategi dan matlamat Kumpulan. Melangkah ke hadapan, lebih ramai anggota utama Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan akan menyertai Lembaga Pengarah subsidiari bagi memastikan tadbir urus Kumpulan sentiasa memberi tumpuan kepada strategi dan operasi, selaras dengan aspirasi korporat Maybank dan pembesaran operasi serantau.

Maklumat kehadiran setiap Pengarah di dalam Lembaga Pengarah serta Jawatankuasanya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Nama Pengarah	Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah			Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Semakan Kredit (CRC)			Bilangan Mesyuarat Jawatankuasa Audit (ACB)		
	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor	15	14	93	–	–	–	–	–	–
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun	15	15	100	–	–	–	–	–	–
Datuk Abdul Farid bin Alias ¹	7	7	100	5	3	60	–	–	–
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar ²	6	6	100	18	16	89	–	–	–
Tan Sri Dr Hadenan bin A. Jalil	15	15	100	–	–	–	14	14	100
Dato' Seri Ismail bin Shahudin	15	14	93	25	19	76	–	–	–
Dato' Dr Tan Tat Wai	15	15	100	–	–	–	–	–	–
En Zainal Abidin bin Jamal	15	15	100	25	20	80	–	–	–
En Alister Maitland ³	4	4	100	–	–	–	–	–	–
En Cheah Teik Seng	15	14	93	–	–	–	14	14	100
Dato' Johan bin Ariffin	15	14	93	25	18	72	14	14	100
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin	15	14	93	25	20	80	–	–	–
En Erry Riyana Hardjapamekas	15	15	100	–	–	–	14	13	93

Nota:

* Kesemua ahli Lembaga Pengarah dan Jawatankuasanya telah memenuhi peratusan minimum kehadiran mesyuarat yang diperlukan. Bagi CRC, keperlunya adalah kehadiran minimum sebanyak 60% pada mana-mana tahun kewangan.

¹ Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah dan CRC berkuatkuasa dari 2 Ogos 2013.

² Bersara daripada Lembaga Pengarah (serta juga CRC) pada penutupan perniagaan pada 4 Jun 2013.

³ Bersara sebagai ahli Lembaga Pengarah (juga bersara daripada RMC, NRC dan ESS) berkuatkuasa dari 28 Mac 2013.

PENYATA TADBIR
URUS KORPORAT

Nama Pengarah	Bilangan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)			Bilangan mesyuarat Jawatankuasa Penamaan & Imbuhan (NRC)			Bilangan mesyuarat Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan (ESS)		
	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%	Bilangan	Hadir	%
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun	-	-	-	12	12	100	5	5	100
Tan Sri Dr Hadenan bin A. Jalil	-	-	-	12	12	100	5	5	100
Dato' Seri Ismail bin Shahudin ⁴	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Dato' Dr Tan Tat Wai	9	9	100	12	11	92	5	5	100
Encik Zainal Abidin bin Jamal	-	-	-	12	12	100	5	5	100
Encik Alister Maitland	1	1	100	3	3	100	1	1	100
Encik Cheah Teik Seng	9	9	100	-	-	-	-	-	-

Nota:
⁴ Dilantik sebagai seorang anggota RMC berkuat kuasa dari 31 Oktober 2013.

Imbuhan Pengarah (Prinsip 2, Cadangan 2.3 daripada MCCG 2012)

Lembaga Pengarah percaya bahawa satu perkara yang perlu diberi perhatian supaya efektif dalam menjalankan tugas-tugas serta tanggungjawabnya adalah menetapkan satu pakej imbuhan yang adil dan komprehensif. Pakej tersebut perlu setimpal dengan kepakaran, kemahiran, tanggungjawab serta risiko sebagai seorang pengarah dalam sebuah institusi kewangan.

Penentuan pakej imbuhan bagi Pengarah Bukan Eksekutif (NED) termasuk Pengerusi Bukan Eksekutif, adalah perkara yang ditentukan Lembaga Pengarah secara keseluruhan menurut cadangan relevan yang dibuat oleh NRC, selepas semakan dengan penanda aras bebas bagi jawatan seumpamanya di luar Bank.

Komponen imbuhan Pengarah Eksekutif distrukturkan supaya ia selari dengan imbuhan jangka pendek dan panjang bagi prestasi korporat dan individu. Sebahagian signifikan pakej imbuhan Pengarah Eksekutif telah dibuat dengan pendekatan boleh berubah-ubah bergantung kepada prestasi Kumpulan sepanjang tahun, mengikut Prestasi Petunjuk Utama serta kad skor yang selaras dengan matlamat korporat, yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Selari dengan tadbir urus korporat yang baik, Lembaga Pengarah telah menetapkan hasratnya untuk menyemak imbuhan NED untuk Maybank dan syarikat-syarikat di bawah kumpulan tersebut secara berkala sekurang-kurangnya

sekali dalam setiap tiga tahun. Rangka kerja imbuhan sedia ada diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan para pemegang saham di AGM ke-50 Maybank yang diadakan pada 29 September 2010. Inisiatif dalaman, yang dipacu oleh Perkhidmatan Korporat dan Undang-Undang Kumpulan juga dilakukan untuk terus mengesahkan rangka kerja imbuhan yang sedia ada.

Di Mesyuarat Agung Luar biasa Maybank yang diadakan pada 13 Jun 2011 ("EGM"), para pemegang sahamnya telah meluluskan Skim Saham Pekerja (ESS) yang menyediakan tawaran dan memberikan opsyen kepada kakitangan yang layak. EGM ini turut meluluskan peruntukan opsyen dan/atau memberikan saham-saham Maybank kepada bekas PCEO, untuk melanggan sehingga tahap maksimum sebanyak 5,000,000 saham Maybank. Berikutan pelantikan Datuk Abdul Farid Alias sebagai Pengarah Eksekutif/PCEO Kumpulan pada 2 Ogos 2013, resolusi untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham terhadap tawaran dan pemberian opsyen saham-saham Maybank kepada beliau juga akan dibentangkan pada AGM akan datang.

Jumlah saham yang ditawarkan kepada Pengarah Eksekutif/PCEO Kumpulan, sebagai kakitangan yang layak, di bawah ESS adalah berdasarkan kepada prestasi Bank dan juga beliau sendiri pada akhir tahun kewangan, seperti yang ditetapkan dalam Kad Skor Seimbang Kumpulan/PCEO Kumpulan.

Para NED tidak layak menyertai ESS ini.

Ringkasan jumlah imbuhan Pengarah yang membezakan antara Pengarah Eksekutif dan Bukan-Eksekutif, secara agregat dalam kategori komponen bersesuaian bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

	Gaji (RM)	Bonus (RM)	Yuran Pengarah (RM)	Emolumen Lain (RM)	Faedah seumpamanya (RM)	ESS (RM)	Jumlah (RM)
Pengarah Eksekutif							
Datuk Abdul Farid bin Alias ¹	645,806	812,055		323,798	3,148		1,784,807
Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar ²	718,667	1,574,752		1,324,760	18,719	14,971	3,651,869
JUMLAH	1,364,473	2,386,807		1,648,558	21,867	14,971	5,436,676
Pengarah Bukan-Eksekutif							
Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin bin Megat Mohd Nor			300,000	571,000	39,820		910,820
Dato' Mohd Salleh bin Hj Harun			375,000	41,500	34,047		450,547
Tan Sri Dr Hadenan bin A. Jalil			295,000	55,500	2,822		353,322
Dato' Seri Ismail bin Shahudin			240,083	41,000	375		281,458
Dato' Dr Tan Tat Wai			295,000	49,500	200		344,700
Encik Zainal Abidin bin Jamal			280,000	61,500	2,283		343,783
Encik Cheah Teik Seng			250,000	44,000	2,972		296,972
Dato' Johan bin Ariffin			250,000	54,000	3,524		307,524
Datuk Mohaiyani binti Shamsudin			220,000	42,000	50		262,050
Encik Erry Riyana Hardjapamekas			220,000	35,500	50		255,550
Encik Alister Maitland ³			70,000	12,000	175		82,175
JUMLAH			2,795,083	1,007,500	86,318		3,888,901
JUMLAH KESELURUHAN	1,364,473	2,386,807	2,795,083	2,656,058	108,185	14,971	9,325,577

Nota:-
1. Dilantik sebagai Pengarah Eksekutif/PCEO Kumpulan berkuatkuasa dari 2 Ogos 2013.
2. Bersara sebagai Pengarah Eksekutif/PCEO pada penutupan perniagaan pada 4 Jun 2013.
3. Bersara sebagai Pengarah Bukan-Eksekutif berkuatkuasa dari 28 Mac 2013.

Emolumen-emolumen Lain Pengarah Eksekutif termasuk kos pencen, elaun-elaun, gratuiti persaraan dan pembayaran balik. Faedah-faedah yang seumpamanya ("BIK") bagi NED termasuk keahlian kelab golf sementara BIK untuk Pengerusi dan Naib Pengerusi termasuk seorang pemandu kereta dan elaun minyak. Tiada ESS telah ditawarkan kepada Datuk Abdul Farid Alias selepas pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif/ PCEO Kumpulan Maybank pada 2 Ogos 2013. Bagaimanapun, terdapat perbelanjaan ESS yang berlaku pada tempoh dari 2 Ogos 2013 sehingga 31 Disember 2013 berkaitan ESOS dan RSU yang diberikan kepada Datuk Abdul Farid Alias sebelum pelantikan beliau sebagai Pengarah Eksekutif/PCEO Kumpulan bagi Maybank.

Kualiti dan Penyediaan Maklumat untuk Lembaga Pengarah (Cadangan 1.5 daripada MCCG 2012)

Bagi melaksanakan tugas dengan berkesan, Lembaga Pengarah mempunyai akses penuh dan tidak terbatas terhadap semua maklumat berkaitan perniagaan dan hal ehwal serta nasihat dan khidmat pengurusan kanan Kumpulan. Selain daripada mesyuarat Lembaga Pengarah rasmi, Pengerusi juga mengekalkan komunikasi yang kerap dengan PCEO Kumpulan untuk membincangkan hal-hal khusus dan dibantu pula oleh Setiausaha Syarikat dalam memastikan komunikasi yang kerap dan pada waktunya antara pengurusan kanan dan Lembaga Pengarah pada setiap masa.

Para Pengarah juga kerap dimaklumkan tentang sebarang peraturan dan garis panduan baharu, serta sebarang pindaan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, Bursa Malaysia Securities Berhad, Suruhanjaya Sekuriti, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan pihak berkuasa lain, termasuk cadangan perubahan dalam undang-undang korporat Malaysia mahupun antarabangsa, terutamanya kesan daripada perubahan atau pindaan tersebut ke atas para Pengarah khususnya, dan Bank serta Kumpulan secara amnya.

Tujuan utama Garis Panduan Agenda Tahunan Lembaga Pengarah adalah untuk membawa perhatian Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengarah yang berkaitan serta pengurusan kanan berhubung hal-hal selain dari “kebiasaan” bagi sepanjang tahun tersebut untuk memudah cara perancangan yang lebih baik di samping lebih berkesan daripada segi masa untuk pelbagai pihak yang terbabit. Ia juga mewujudkan disiplin yang lebih tinggi bagi pihak pengurusan kanan terhadap agenda tersebut. Pada masa yang sama, tumpuan sebegini membolehkan Lembaga Pengarah menimbang dan menyumbang ke arah perbincangan yang lebih bernilai dan berkesan tentang sesuatu isu pilihan dan hal-hal berkaitan. Sebagai reaksi kepada kemajuan teknologi dalam dunia digital, pihak Pengurusan telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan mesyuarat Lembaga Pengarah secara elektronik di mana kertas-kertas berkaitan di muat naik ke dalam platform terkawal, iaitu, BoardPAC yang boleh diakses melalui peranti tablet.

Sebelum setiap mesyuarat Lembaga Pengarah, agenda bersama dengan laporan menyeluruh untuk setiap senarai agenda yang bakal dibahaskan, akan dikemukakan kepada setiap Pengarah sekurang-kurangnya lima hari genap sebelum mesyuarat yang diadakan untuk membolehkan pengarah-pengarah mendapatkan penjelasan lanjut di mana perlu, agar dimaklumkan sepenuhnya sebelum mesyuarat.

Selain itu, minit-minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan pelbagai Jawatankuasa Pengarah Bank memasukkan perbincangan oleh ahli-ahli pada setiap mesyuarat dalam mencapai keputusan. Minitnya adalah tepat dan padat. Draf minit mesyuarat dikeluarkan untuk edaran kepada Lembaga Pengarah dalam tempoh satu minggu sebelum mesyuarat untuk maklum balas awal dan cadangan sebelum dikemukakan pada mesyuarat yang berikutnya untuk pengesahan rasmi.

Ahli pengurusan kanan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Lembaga Pengarah untuk melaporkan mengenai perkara berkaitan bidang masing-masing, dan juga untuk memberi ringkasan dan mengemukakan maklumat terperinci kepada Pengarah-pengarah tentang cadangan yang dikemukakan untuk pertimbangan. Maklumat tambahan atau penjelasan mungkin diperlukan, khususnya berkaitan isu yang rumit dan teknikal yang dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Bagi memastikan kualiti laporan pihak Lembaga adalah yang tertinggi dan disediakan selaras dengan keperluan amalan terbaik dan berdasarkan jangkaan Lembaga tersebut, para Pengarah diberikan satu ruang untuk memberikan maklum balas bertulis ketika setiap mesyuarat untuk memberi penarafan terhadap kualiti laporan-laporan tersebut dan juga sesi membincangkannya.

Setiausaha Syarikat

Ketua Penasihat Perundangan dan Setiausaha Syarikat, dalam tugasnya sebagai Setiausaha Syarikat, bertanggungjawab memberi nasihat kepada Lembaga Pengarah tentang isu-isu yang berkaitan pematuan korporat dengan undang-undang peraturan dan prosedur yang memberi kesan kepada Lembaga Pengarah dan Kumpulan, serta amalan-amalan tadbir urus terbaik. Beliau juga bertanggungjawab menasihati para Pengarah tentang obligasi dan tugas mereka untuk mendedahkan kepentingan sekuriti yang dimiliki dan sebarang percanggahan kepentingan dalam transaksi yang melibatkan Bank, larangan bagi urus niaga sekuriti dan halangan ke atas pendedahan maklumat yang mempunyai kesan sensitif terhadap harga saham (*Prinsip 1 dan Cadangan 1.6 daripada MCCG 2012*). Semua Pengarah boleh mendapatkan khidmat dan nasihat Setiausaha Syarikat dan Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah bertindak sebagai mekanisme penilai terhadap sokongan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Setiausaha Syarikat kepada Lembaga Pengarah dalam tahun kewangan.

Indeks Kepuasan Lembaga Pengarah (BSI)

BSI dikendalikan pada setiap tahun, menunjukkan satu inisiatif penting untuk memastikan sokongan berterusan yang mencukupi diberikan oleh Setiausaha Syarikat kepada Lembaga Pengarah, untuk membantu para Pengarah melaksanakan tugas secara berkesan. Kajian BSI dikendalikan pada bulan Disember 2013 untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Bidang penilaiannya meliputi kecekapan transaksi dan operasi, yang merangkumi kualiti minit mesyuarat Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa, kertas-kertas pembentangan dan tatacara mesyuarat, serta latihan dan pengurusan pengetahuan, selain khidmat nasihat mengenai hal-hal berhubung tugas Pengarah, seperti pendedahan kepentingan dan larangan terhadap urus niaga. Berasaskan maklum balas yang diterima daripada anggota-anggotanya, Lembaga Pengarah secara amnya berpuas hati dengan sokongan yang diberikan pada tahun kewangan ini dan beberapa bidang dikenal pasti untuk penambahbaikan.

Nasihat Profesional Bebas

Setiap Pengarah boleh mendapatkan khidmat nasihat profesional bebas atas perbelanjaan Bank sekiranya perlu, dalam menjalankan tugas mereka selaras dengan Dasar dan Prosedur Bank mengenai Akses kepada Nasihat Profesional Bebas, Pengurusan Kanan dan Setiausaha Syarikat oleh Pengarah Kumpulan Maybank. Salinan mana-mana laporan, nasihat dan cadangan yang diberikan oleh penasihat profesional bebas kepada Pengarah yang berkenaan, akan dikemukakan oleh Pengarah berkenaan kepada Setiausaha Syarikat dan sekiranya sesuai, akan mengedarkannya kepada Pengarah lain bagi memastikan mereka dimaklumkan berkenaan isu-isu penting yang mungkin memberi kesan kepada kepentingan pertumbuhan dan prestasi Kumpulan (*Cadangan 1.5 daripada MCCG 2012*).

Dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, seorang perunding bebas telah dilantik untuk menjalankan satu semakan ke atas Imbuhan Pengarah Bukan-Eksekutif.

Latihan Untuk Para Pengarah

Lembaga Pengarah mendapati pentingnya pendidikan secara berterusan kepada pengarah-pengarah untuk memastikan mereka dilengkapi dengan kemahiran dan pengetahuan yang perlu untuk menjalankan tugas-tugas mereka dan mendepani cabaran-cabaran Lembaga Pengarah.

Menerusi Program Latihan Berstruktur bagi Pengarah (STPD), setiap Pengarah perlu menghadiri sekurang-kurangnya satu program latihan yang dirancang khusus oleh organisasi untuk para Pengarah dalam tahun kewangan yang dikaji (*Cadangan 4.2 daripada MCCG 2012*).

Bagi tahun kewangan dalam kajian, kesemua ahli Lembaga Pengarah mematuhi dasar dalaman yang memerlukan mereka menghadiri pelbagai program latihan dan bengkel mengenai isu-isu yang berkaitan dengan Kumpulan, yang dianjurkan secara dalaman, dan juga secara kerjasama dengan penyedia latihan luar. Ahli-ahli Lembaga Pengarah telah menghadiri program latihan penting iaitu Pendidikan Pengarah-pengarah Institusi Kewangan (FIDE) yang bermula sejak tahun 2010. Selain itu, Kumpulan Maybank merupakan anggota korporat berdaftar bagi Forum FIDE sejak tahun 2012. Forum FIDE ditubuhkan dengan matlamat untuk membolehkan ahli alumninya mempengaruhi amalan tadbir urus serta pemikir utama dalam institusi kewangan, dan antara lain mendapat manfaat tadbir urus korporat, rundungan meja bulat, dan sesi maklumat terkini industri serta maklumat oleh pakar bidang berkenaan. Untuk maklumat terperinci mengenai Forum FIDE, sila rujuk kepada www.fide.org.my.

Perkhidmatan Korporat & Perundangan menyelaras program induksi komprehensif untuk Pengarah-pengarah baharu yang dijalankan untuk menyediakan maklumat dan gambaran menyeluruh yang diperlukan bagi membantu mereka memahami operasi Kumpulan dan menghargai cabaran isu-isu yang dihadapi Kumpulan dalam mencapai matlamatnya. Program ini meliputi perkara-perkara seperti strategi dan perniagaan Kumpulan, pemprosesan kerja dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah, serta tugas-tugas dan tanggungjawab Pengarah-pengarah institusi berlesen.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah secara berterusan menilai keperluan latihan para Pengarah dengan merujuk kepada penilaiannya dan mengenal pasti bidang-bidang utama yang menjadi tumpuan bagi program latihan.

Program latihan, persidangan dan forum yang dihadiri oleh para Pengarah bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

FIDE/ICLIF

- Program Elektif FIDE: Program Tadbir Urus IT dan Pengurusan Risiko Lembaga Pengarah
- Siri Pengerusi Lembaga Pengarah Bursa / ICLIF: Peranan Pengerusi Lembaga Pengarah
- Sidang Kemuncak Kepimpinan Tenaga Asia
- Forum FIDE - Dialog FSA & IFSA

Seminar/Persidangan Luar

- Forum Eksekutif Kewangan Islam IFSB-INCEIF
- Sidang Kemuncak Tahunan ke-10 Lembaga Perkhidmatan Kewangan Islam (IFSB)
- Program Akreditasi Mandatori
- Forum Ekonomi Islam Sedunia ke-9 (WIEF)
- Program Pengurusan Lanjutan - Harvard Business School
- Faktor-Faktor Asas Kelompok Bencana Asia (ACP) dan Kelompok Pertanian Asia (AAP)
- Program Menambah Keupayaan Tenaga Mahir dalam Sektor Kewangan (FSTEP) - Sesi Pemimpin Terkemuka
- Siri Agenda Lembaga PwC: Lembaga & Strategi, Di Mana Kita
- Syarahan Makan Malam: McKinsey & TalentCorp - Memajukan Wanita ke Peringkat Tertinggi Organisasi
- Khazanah Megatrends 2013
- Simposium Pasaran Modal Dunia: Pemimpin Kewangan mengenai Masa Depan Industri Kewangan
- 20 Sesi bual bicara @ Harvard

Latihan Dalaman Maybank

- Latihan Pengarah Kumpulan Maybank
- Bengkel Risiko Tahunan
- Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah dalam Kewangan Islam
- Siri Guru - Mentakrif Kapitalisme Biasa Baharu 2030: Memanfaatkan Prinsip Islam dan Penginsanan oleh Lord Hastings
- Siri Guru - Doktor di Khalayak Kami: Satu Sesi Pembelajaran bersama YAB Tun Dr Mahathir Mohamad

Perkhidmatan Korporat dan Perundangan Kumpulan telah berjaya menganjurkan Latihan Pengarah Kumpulan Maybank buat pertama kalinya pada 22 November 2013 di Grand Hyatt. Program tersebut dihadiri oleh 49 Pengarah yang mewakili Maybank dan subsidiari di bawah Kumpulan. Topik-topik yang dibentangkan pada program itu berkaitan dengan:

- Gambaran Menyeluruh/Taklimat Terkini Mengenai Pelan Perniagaan Kumpulan dan Bajet 2014
- Budaya Risiko
- Transformasi IT dan Inisiatif Strategik IT
- Pengurusan Tenaga Mahir dan Perancangan Penggantian

Pada akhir tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, semua Pengarah harus mengikuti Program Akreditasi Mandatori, bagi mematuhi Keperluan Penyenaraian.

Selain daripada menghadiri pelbagai program latihan, sebilangan Pengarah juga telah dijemput untuk berucap di persidangan dan seminar yang dianjurkan oleh badan-badan kawal selia dan persatuan profesional.

PROFESIONALISME LEMBAGA PENGARAH

Jawatan Pengarah dalam Syarikat-syarikat lain

Sebagai mematuhi syarat Keperluan Penyenaraian dan selari dengan amalan terbaik saranan Buku Hijau, setiap ahli Lembaga Pengarah tidak boleh memegang lebih daripada lima jawatan Pengarah dalam syarikat senarai awam. Ini adalah supaya mereka boleh melaksanakan tugas secara berkesan bagi memastikan komitmen, sumber dan masa ditumpukan sepenuhnya ke arah melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan.

Walaupun Lembaga Pengarah menghargai pengalaman dan perspektif yang diperoleh oleh Pengarah Bukan Eksekutif daripada perkhidmatan mereka di syarikat-syarikat, pertubuhan dan persatuan lain, Buku Panduan Lembaga Pengarah menetapkan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif mesti berunding dengan Pengerusi untuk penerimaan apa jua pelantikan syarikat-syarikat lain tidak akan menjejaskan komitmen masa dan tanggungjawab kepada Lembaga Pengarah Maybank dan Kumpulan (*Cadangan 4.1 daripada MCCG 2012*).

NRC menilai kebebasan seseorang Pengarah Bebas Bukan Eksekutif dalam subsidiari berlesen Kumpulan Maybank berdasarkan satu deklarasi yang menyatakan mereka tidak menerima arahan dari mana-mana pihak termasuk Maybank (*Cadangan 3.1 daripada MCCG 2012*). Dalam hal ini, semua Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Maybank telah mematuhi keperluan BNM/GPI yang berkaitan. Selain itu, setiap subsidiari utama dalam Kumpulan juga telah melantik Pengarah Bebas Bukan Eksekutif yang bukan ahli kepada Lembaga Pengarah Maybank untuk memastikan keseimbangan optimum di antara ahli lembaga pengarah daripada segi pengaruh bebas dalaman dan luaran.

Percanggahan Kepentingan

Sememangnya menjadi amalan Kumpulan Maybank memerlukan ahli-ahli Lembaga Pengarah membuat deklarasi pada mesyuarat Lembaga Pengarah sekiranya mereka mempunyai kepentingan dalam cadangan yang sedang dipertimbangkan termasuk kepentingan yang wujud menerusi keluarga rapat ahli Lembaga Pengarah, selari dengan pelbagai keperluan berkanun mengenai pendedahan kepentingan Pengarah. Dalam setiap keadaan, mana-mana pengarah yang berkepentingan akan mengecualikan diri mereka dari menghadiri perbincangan dan perbahasan. Ini ditunjukkan dalam minit mesyuarat tersebut.

Urus niaga Dalaman

Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai prinsipal Maybank dilarang daripada terbabit dalam transaksi sekuriti atau sebarang hartanah berdasarkan maklumat sensitif yang belum dimaklumkan kepada awam, menurut Keperluan Penyenaraian dan peruntukan berkaitan dalam Akta Pasaran Modal & Perkhidmatan 2007. Notis untuk pemberhentian urus niaga saham Maybank akan diedarkan terlebih dahulu kepada Pengarah, kakitangan pengurusan utama dan pegawai prinsipal yang dianggap memiliki maklumat sensitif.

JAWATANKUASA LEMBAGA PENGARAH

Lembaga Pengarah mengagihkan sebahagian tanggungjawab urus tadbir mereka kepada jawatankuasa-jawatankuasa Pengarah berikut yang beroperasi menurut terma rujukan yang jelas bagi membantu Lembaga Pengarah melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Walaupun Lembaga Pengarah telah memberi kuasa kepada jawatankuasa-jawatankuasa ini untuk membincangkan dan membuat keputusan untuk beberapa perkara operasi, tugas utama membuat keputusan akhir tetap milik Lembaga Pengarah keseluruhannya. Pengerusi Jawatankuasa Lembaga akan mengusulkan dan membentangkan laporan mengenai aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang berkenaan di mesyuarat Lembaga pada setiap bulan.

Jawatankuasa Lembaga Pengarah adalah seperti berikut: -

1. Jawatankuasa Audit
2. Jawatankuasa Semakan Kredit
3. Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan
4. Jawatankuasa Pengurusan Risiko
5. Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan

Jawatankuasa Audit

Jawatankuasa Audit telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk menyiasat sebarang aktiviti mengikut Terma-terma Rujukannya dan memiliki akses tanpa had dalam audit luaran dan dalaman serta ahli pengurusan kanan Kumpulan. Aktiviti Jawatankuasa Audit yang bermesyuarat 14 kali dalam tahun kewangan, telah diringkaskan dalam Laporan Jawatankuasa Audit dan Terma-terma Rujukannya sebagaimana dinyatakan di muka surat 162 Laporan Tahunan ini. Ahli Jawatankuasa Audit adalah seperti yang tertera di muka surat 162 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Semakan Kredit

Tanggungjawab Jawatankuasa Semakan Kredit termasuk, antara lain, yang berikut:

1. Untuk menyemak/menolak pinjaman yang di luar kuasa budi bicara Jawatankuasa Kredit Pengurusan Kumpulan (GMCC);
2. Mengkaji semula/menolak, dengan kuasa untuk membantah atau menyokong, semua cadangan yang dikemukakan oleh GMCC kepada Lembaga untuk kelulusan/pengesahan;
3. Mengkaji semula/menolak, dengan kuasa untuk membantah atau menyokong, semua had global (dan mana-mana peningkatan ke atasnya) yang disarankan oleh GMCC kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan. Juga untuk mengesahkan setiap tahun had global sedia ada yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dan dicadangkan oleh GMCC untuk pembaharuan;
4. Menjalankan lain-lain tanggungjawab yang mungkin diserahkan oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa; dan
5. Untuk mengawasi keseluruhan fungsi pengurusan kredit yang meliputi, tetapi tidak terhad kepada, portfolio, proses awal-ke-akhir, infrastruktur, sumber dan tadbir urus.

Jawatankuasa bertemu setiap bulan sejak bulan Mei 2013 dan bermesyuarat sebanyak 25 kali dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Ahli Jawatankuasa Semakan Kredit dan butir-butir kehadiran ahli dinyatakan di muka surat 151 Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Penamaan dan Imbuan (NRC)

NRC terdiri daripada Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif, majoritinya terdiri daripada pengarah bebas dan ketika ini dipengerusikan oleh Naib Pengerusi Bebas Maybank (*Prinsip 2, Cadangan 2.1 dan 2.3 daripada MCCG 2012*).

Tanggungjawab NRC antara lain adalah seperti berikut:

1. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah mengenai pelantikan, kenaikan pangkat dan imbuan serta dasar pampasan bagi eksekutif dalam jawatan pengurusan utama;
2. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah, rangka kerja bagi Pembangunan Kepimpinan Kumpulan.
3. Untuk menyelia pemilihan Pengarah dan komposisi am Lembaga Pengarah Maybank (saiz, kemahiran dan keseimbangan antara Pengarah Eksekutif dan Pengarah Bukan Eksekutif);
4. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank, rangka kerja dan dasar imbuan para Pengarah meliputi yuran, elaun dan faedah barangan akibat menjalankan tugas mereka sebagai Pengarah bagi semua Lembaga Pengarah dan jawatankuasa serta bagi PCEO dan para pegawai pengurusan kanan;
5. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank tentang dasar berkaitan tempoh perkhidmatan Pengarah Eksekutif dan Bukan Eksekutif;
6. Untuk menilai prestasi dan keberkesanan individu dan ahli-ahli Lembaga Pengarah secara kumpulan dan Jawatankuasa Lembaga Pengarah dan subsidiari-subsidiarinya serta prosedur bagi membuat penilaian;
7. Untuk mencadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan keberkesanan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa-jawatankuasanya;
8. Untuk mencadangkan kepada Lembaga Pengarah Maybank, satu rangka kerja /model pengurusan prestasi, termasuk mengadakan parameter bagi sasaran prestasi yang sesuai dan penanda aras bagi Kad Skor Seimbang Kumpulan PCEO di awal setiap tahun kewangan;
9. Untuk menyediakan perancangan penggantian, pengurusan bakat dan penilaian prestasi eksekutif dalam jawatan pengurusan utama;
10. Untuk menimbang dan mencadangkan penyelesaian kepada isu-isu konflik kepentingan yang menjejaskan Pengarah-pengarah;
11. Untuk membuat penilaian tahunan supaya memastikan para Pengarah, individu utama yang bertanggungjawab dan Setiausaha Syarikat tidak hilang kelayakan di bawah subseksyen 59 (1) Akta Perkhidmatan Kewangan, 2013; dan
12. Untuk menyemak keperluan dan program latihan untuk para Pengarah.

Ringkasan aktiviti utama pada tahun 2013 adalah antara lain, seperti berikut:

1. Pemilihan semula dan persaraan para Pengarah di Mesyuarat Agung Tahunan;
2. Penilaian Tahunan Lembaga Pengarah;
3. Penilaian Kesesuaian dan Kelayakan ke atas Pengarah dan para eksekutif kanan;
4. Penubuhan Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa bagi subsidiari Maybank;
5. Pelantikan dan pelantikan semula ahli Jawatankuasa Syariah;
6. Kajian Semula Imbuan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif;
7. Kajian semula Struktur Kumpulan dan penyusunan semula EXCO;
8. Kajian semula Prestasi dan Ganjaran Tahunan bagi para eksekutif kanan;
9. Pelantikan eksekutif Kumpulan ke jawatan pengurusan utama dalam Kumpulan;
10. Kajian semula inisiatif Pengurusan Bakat;
11. Kajian Semula Pelaksanaan Jumlah Ganjaran;
12. Kajian semula dasar yang melibatkan eksekutif kanan;
13. Cadangan makmal mini pengarah wanita untuk GLC/GLIC; dan
14. Program kecekapan kredit.

NRC telah mengadakan 12 mesyuarat sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013. Ahli-ahli NRC dan butir-butir kehadiran mesyuarat oleh ahli-ahli tertera pada muka surat 152 dalam Laporan Tahunan ini.

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)

Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa Pengurusan Risiko bagi pengawasan risiko termasuk yang berikut:

1. Untuk mengkaji semula dan meluluskan strategi pengurusan risiko, rangka kerja risiko, dasar-dasar risiko, toleransi risiko dan had penerimaan risiko;
2. Untuk mengkaji semula dan menilai kecukupan dasar dan rangka kerja pengurusan risiko dalam mengenal pasti, mengukur, memantau dan mengawal risiko dan sejauh mana mereka beroperasi dengan berkesan;
3. Untuk memastikan infrastruktur, sumber dan sistem tersedia untuk pengurusan risiko, iaitu memastikan kakitangan yang bertanggungjawab melaksanakan sistem risiko pengurusan menjalankan tugas berkenaan secara bebas daripada kegiatan pengambilan risiko institusi kewangan; dan
4. Untuk mengkaji semula laporan berkala tentang pendedahan risiko, komposisi portfolio risiko dan kegiatan pengurusan risiko.

Tugas khusus Jawatankuasa Pengurusan Risiko dalam mengurus risiko meliputi yang berikut:

1. Untuk mengkaji semula kesan risiko ke atas kecukupan modal dan keuntungan dan kualiti aset di bawah senario tekanan;
2. Mengkaji semula dan menilai proses penilaian kecukupan modal dalaman (ICAAP), tahap kawal selia dan modal dalaman di peringkat Bank, berbanding profil risikonya;
3. Mengkaji semula dan mencadangkan tindakan strategik yang perlu diambil oleh Bank yang timbul daripada peraturan kawal selia yang memberi kesan kepada amalan pengurusan risiko untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
4. Untuk mengkaji semula, mencadangkan dan meluluskan langkah-langkah pembetulan untuk menangani kebimbangan terhadap risiko seperti yang diketengahkan oleh pelbagai pihak berkuasa kawal selia setempat, di mana berkaitan;
5. Untuk mengkaji semula dan meluluskan produk dan perkhidmatan baharu dan memastikan pematuhan dengan garis panduan sedia ada yang dikeluarkan oleh BNM atau badan kawal selia yang berkenaan;
6. Untuk menyelia resolusi keputusan Penarafan Risiko Komposit BNM bagi Kumpulan Maybank;
7. Menyediakan pengawasan mengenai kebimbangan pengurusan risiko khusus dalam Sektor Perniagaan Kumpulan;
8. Menyerahkan isu-isu operasi yang bersesuaian kepada Pengurusan untuk tindakan mereka yang selanjutnya;
9. Untuk menjalankan tanggungjawab lain yang diserahkan kepadanya oleh Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa; dan
10. Mengkaji semula dan meluluskan Terma Rujukan (TORs) Jawatankuasa Risiko Eksekutif dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko di cawangan subsidiari atau luar negeri.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Jawatankuasa RMC lazimnya bertemu sembilan kali sepanjang tahun kewangan dengan mesyuarat tambahan diadakan untuk menangani isu-isu segera yang memerlukan pertimbangan mereka. Sepanjang tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, sembilan mesyuarat telah diadakan. Pengerusi dan majoriti ahli Jawatankuasa merupakan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Ahli RMC dan maklumat kehadiran ahli-ahlinya dinyatakan dalam muka surat 152 Laporan Kewangan ini.

Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan (Jawatankuasa ESS)

Skim Saham Kakitangan (ESS) dilaksanakan bagi memberikan pelan insentif jangka panjang dan juga untuk menyelaraskan kepentingan kakitangan dengan matlamat Kumpulan Maybank. Ini bagi mewujudkan peningkatan nilai yang berterusan bagi organisasi dan pemegang saham. Tawaran pertama di bawah ESS ini diberikan pada 23 Jun 2011 kepada semua kakitangan yang layak.

Lembaga Pengarah telah menyerahkan tanggungjawab kepada Jawatankuasa ESS untuk menentukan semua persoalan terhadap dasar dan kewajaran daripada pentadbiran ESS dan untuk melaksanakan langkah-langkah perlu untuk menjana yang terbaik bagi pihak Bank.

Tanggungjawab menyeluruh Jawatankuasa ESS seperti digariskan dalam Terma Rujukan termasuk untuk mentadbir ESS dan untuk mencadangkan sasaran/kriteria kewangan dan prestasi kepada Lembaga Pengarah untuk kelulusan sebelum pelaksanaan serta apa jua syarat yang dirasakan sesuai.

Semua ahli Jawatankuasa ESS merupakan Pengarah Bukan Eksekutif. Mesyuarat diadakan pada bila-bila masa Jawatankuasa ESS diperlukan untuk mempertimbangkannya dengan kadar segera.

Sebanyak enam mesyuarat Jawatankuasa ESS telah diadakan dalam tahun kewangan yang dikaji.

Ahli Jawatankuasa ESS dan maklumat mengenai kehadiran mesyuarat ahli-ahlinya dinyatakan dalam muka surat 152 Laporan Tahunan ini.

JAWATANKUASA PENGURUSAN PERINGKAT EKSEKUTIF (ELC)

PCEO Kumpulan, dengan sokongan Lembaga Pengarah mewujudkan pelbagai ELC dan memberikan sebahagian kuasanya untuk membantu dan menyokong Jawatankuasa Lembaga Pengarah berkaitan dalam operasi Bank. ELC utama, yang mana kebanyakan dipengerusikan oleh PCEO Kumpulan atau Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan adalah seperti berikut:-

- Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan
- Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan
- Jawatankuasa Audit Dalaman
- Jawatankuasa Risiko Eksekutif
- Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti
- Jawatankuasa Kakitangan Kumpulan
- Jawatankuasa Perolehan Kumpulan
- Jawatankuasa Hala tuju IT Kumpulan

PERHUBUNGAN PELABUR DAN KOMUNIKASI PEMEGANG SAHAM

Perhubungan Pelabur (IR) merupakan fungsi bagi rangkaian kerja tadbir urus korporat Maybank yang memastikan para pemegang saham, pemegang kepentingan, pelabur dan komuniti pelaburan di dalam dan luar negara diberikan maklumat yang sewajarnya, tepat pada masa dan komprehensif tentang Kumpulan. Unit IR Maybank komited dalam menyediakan komunikasi terbuka dan efektif untuk memperbaiki pendedahan dan ketelusan.

Dasar Perhubungan Pelabur Maybank adalah rangka kerja dasar-dasar, prosedur dan proses-proses yang merupakan asas kepada program Perhubungan Pelabur dan ia juga menonjolkan aliran komunikasi oleh jurucakap Maybank yang dilantik. Program Perhubungan Pelabur dilaksanakan sepanjang tahun kewangan bagi memastikan aktiviti yang terancang dikendalikan untuk memaklumkan mengenai strategi, prestasi operasi, keputusan kewangan, dan perkembangan yang berlaku kepada Bursa Malaysia, penganalisis, pelabur, pemegang saham dan lain-lain pemegang kepentingan dalam tempoh masa yang tepat serta terbuka dan secara komprehensif (*Prinsip 7, Cadangan 7.1 bagi MCCG 2012*).

Keputusan Suku Tahun

Keputusan kewangan suku tahunan Maybank dikeluarkan pada waktu rehat dagangan tengah hari yang segera diikuti dengan taklimat media dan penganalisis dan/atau sidang panggilan. Taklimat media dan penganalisis dikendalikan serentak dengan sidang panggilan dalam tempoh separuh tahun dan tahun kewangan penuh. Sidang panggilan pula diadakan dalam suku pertama dan ketiga. Penyata kewangan, kertas pembentangan dan siaran media turut dihantar secara e-mel selain disediakan untuk tontonan umum di laman sesawang korporat bagi menyediakan pemahaman lebih baik kepada pemegang saham mengenai prestasi Maybank. Tempoh berdiam diri selama dua minggu sebelum pengumuman keputusan kewangan diambil bagi mengelakkan prestasi kewangan terkini terdedah secara tidak sengaja.

Persidangan dan Promosi Bergerak

Perhubungan pihak berkepentingan dikendalikan melalui persidangan dan promosi bergerak yang dianjurkan di dalam atau luar negara, di mana pengurusan kanan akan berkomunikasi mengenai strategi Kumpulan, kemajuan pelbagai inisiatif dan maklumat terkini untuk membolehkan pihak berkepentingan memahami operasi Maybank dengan lebih baik (*Cadangan 8.3 dari MCCG 2012*).

Mesyuarat Pelabur

Unit Perhubungan Pelabur mengadakan mesyuarat pertemuan secara bersemuka dan berkumpul dengan penganalisis, pelabur dan pelabur berpotensi sepanjang tahun bagi menyediakan maklumat yang konsisten untuk komuniti pelabur. Pertemuan dengan pengurusan kanan turut disediakan bagi memastikan penganalisis dan pelabur-pelabur yang penting boleh bertemu dengan eksekutif utama. Unit Perhubungan Pelabur turut berhubung dengan rakan di Indonesia, menyelar aktiviti IR bagi penganalisis dan pelabur untuk bertemu dengan pengurusan syarikat subsidiari Maybank, Bank Internasional Indonesia.

Hari Pelabur

Hari pelabur dianjurkan beberapa kali dalam setahun untuk menyediakan platform bagi unit-unit perniagaan terpilih, diketuai oleh ahli Jawatankuasa Eksekutif masing-masing, bertemu dengan para penganalisis dan pelabur. Ia bertujuan menjelaskan mengenai strategi perniagaan, operasi dan prestasi kewangan yang membolehkan ketelusan lebih besar dan pemahaman lebih terperinci mengenai fungsi-fungsi perniagaan utama dalam Kumpulan Maybank.

Laman Sesawang Kumpulan

Laman sesawang korporat Maybank di www.maybank.com menyediakan laluan pantas untuk maklumat mengenai Kumpulan. Maklumat yang terkandung di laman sesawang ini termasuk profil korporat, profil pengurusan kanan, saham dan maklumat dividen termasuk Pelan Pelaburan Semula Dividen, pembentangan kertas kerja pelabur, keputusan kewangan, laporan tahunan, berita korporat, dan operasi Maybank dan syarikat subsidiarinya di seluruh dunia. Sebagai tambahan, maklumat tentang Struktur Tadbir Urus dan rangka kerja Kumpulan juga disiarkan dalam Laman web Korporat Kumpulan (*Cadangan 7.2 daripada MCCG 2012*).

Pengunjung laman sesawang ini juga boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai Maybank menggunakan e-mel dan saluran RSS menerusi langgan di laman sesawang. Selain itu, pemegang kepentingan boleh mendapatkan pengumuman yang dibuat Maybank kepada Bursa Malaysia di laman sesawang Bursa Malaysia di www.bursamalaysia.com.

Laporan Tahunan

Laporan tahunan Maybank menyediakan laporan yang lengkap mengenai operasi dan prestasi kewangan Kumpulan bagi tahun dalam kajian. Ia menyediakan pendedahan penuh dan mematuhi peraturan yang sewajarnya untuk memastikan ketelusan. Laporan tahunan juga dicetak dalam bentuk ringkasan disertakan bersama dengan CD-ROM. Laporan tahunan versi dalam talian juga boleh didapati di laman sesawang korporat Maybank.

Liputan Media

Liputan media mengenai Maybank dan pengurusan kanan, sama ada menerusi media cetak atau liputan TV turut menjadi alat perhubungan untuk menyediakan publisiti yang meluas dan meningkatkan pemahaman umum mengenai perniagaan Maybank di kalangan pelabur dan awam.

Penarafan Kredit

Penarafan kredit Maybank disediakan oleh lima agensi penarafan iaitu Standard and Poor's, Fitch Ratings, Moody's Investors Services, RAM Ratings Services Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad (MARC) sebagai sebahagian daripada penyediaan aliran bebas maklumat kepada para pemegang kepentingan dan juga umum.

Maklumat terperinci jurucakap IR:

Mohamed Rafique Merican
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan
Hubungi: (6)03 2074 7878
E-mel: rafique@maybank.com.my

Narita Naziree
Ketua, Pelaporan Prestasi Kumpulan & Perhubungan Pelabur
Hubungi: (6)03 2074 8017
E-mel: naritanaziree.a@maybank.com.my

Untuk maklumat mengenai aktiviti perhubungan pelabur yang dikendalikan dalam tahun kewangan, sila rujuk ke muka surat 128.

MESYUARAT AGUNG

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) dan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Kumpulan merupakan pentas utama untuk interaksi dua hala secara terus antara pemegang-pemegang saham, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kumpulan. Selari dengan demokrasi pemegang saham dan polisi ketelusan yang digunapakai oleh Kumpulan, kelulusan pemegang saham diperlukan dalam setiap perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada pemilihan dan pelantikan pengarah-pengarah, penggabungan yang signifikan, pembelian dan penjualan serta pelantikan juruaudit dan pembayaran dividen.

Kehadiran pemegang saham pada mesyuarat agung Kumpulan adalah tinggi sebagaimana ditunjukkan dengan kehadiran 2,754 pemegang saham dalam AGM ke-53 bagi tahun kewangan 2012. Penyertaan aktif pemegang saham adalah digalakkan semasa AGM, yang menjadi platform terbuka kepada pemegang saham untuk mengemukakan soalan-soalan yang berkaitan dengan item-item dalam agenda AGM dan reaksi bersesuaian serta penjelasan yang wajar diberikan segera oleh ahli Lembaga kepada para pemegang saham. Bank meneruskan amalan menggalakkan para pemegang saham untuk menghantar soalan-soalan secara bertulis lebih awal sebelum mesyuarat bermula, menggunakan borang-borang yang disediakan semasa pendaftaran. Saluran tambahan ini yang memberi peluang kepada pemegang saham menanyakan soalan mereka, membolehkan Bank menyediakan jawapan lebih awal dan mengumpulkan soalan-soalan yang sama supaya jawapan yang lebih komprehensif dapat diberikan. Langkah berkenaan menyebabkan mesyuarat berjalan secara lebih berkesan dan Bank juga boleh menangani lebih banyak soalan daripada peserta. Ia bukanlah untuk menyekat hak para pemegang saham daripada bercakap di dalam mesyuarat. Malah para pemegang saham masih lagi boleh mengutarakan soalan atau memberi pandangan selepas sesi soal jawab bertulis selesai.

Selain itu, pertanyaan yang dibuat oleh MSWG mengenai perniagaan Maybank atau isu-isu tadbir urus penting lain yang ditimbulkan sebelum mesyuarat serta maklum balas Maybank telah dikongsi dengan semua para pemegang saham semasa AGM. Keputusan undian bagi setiap resolusi juga diumumkan segera kepada para pemegang saham di dalam AGM selepas proses undian.

Selari dengan Cadangan 8.2 MCGG 2012 mengenai undian pemilihan, Maybank sentiasa membuat persediaan bagi pemilihan untuk semua resolusi di AGM. Maybank turut memberi perhatian terhadap Cadangan 8.2 MCGG 2012 mengenai pemilihan dalam talian, 'e-voting' dan akan mencari kesesuaian dan kemungkinan untuk menggunakan pendekatan elektronik bagi kedua-dua proses mengangkat tangan dan undian pemilihan. Ini dapat memudahkan penyertaan pemegang saham berikutan asasnya yang lebih besar dan kerumitan berkaitan logistik dengan mengambil kira tentang keutuhan aplikasi itu, kesesuaian penggunaannya, kos dan keberkesananannya.

Selain daripada AGM dan EGM, para pemegang saham dan pemerhati pasaran juga dialu-alukan untuk mengemukakan persoalan pada bila-bila masa melalui Bahagian Hal Ehwal Korporat dan Bahagian Perhubungan Pelabur Kumpulan.

STRUKTUR PEMILIKAN

Saham-saham Maybank kebanyakannya dipegang oleh pemegang saham institusi yang menguasai struktur pemilikannya. Sehingga 31 Disember 2013, tiga pemegang saham teratas ialah Skim Amanah Saham Bumiputra (ASB) dengan pegangan 38.22%, Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja sebanyak 13.41% dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) 5.70%, menjadikan jumlah keseluruhan 57.33%.

Walaupun ketiga-tiga pemegang saham Maybank menguasai lebih separuh daripada jumlah modal berbayarnya, Maybank tidak tertakluk kepada sebarang pengaruh daripada para pemegang saham utama yang juga tidak memegang jawatan pengurusan dalam Kumpulan. Pengaturan sebegini memastikan tahap tadbir urus korporat berada pada paras tertinggi dan membolehkan Kumpulan sentiasa berusaha untuk mewujudkan nilai bagi pemegang sahamnya.

Struktur pemegang saham adalah telus dan dinyatakan di muka surat 174 Laporan Tahunan ini. Sebarang maklumat terkini dalam struktur pemegangan saham boleh didapati dengan mengemukakan permintaan kepada kakitangan pengurusan yang menjaga Perhubungan Pelabur. Struktur pemegangan saham sedia ada secara keseluruhannya mengandungi Saham Biasa yang tidak mempunyai perbezaan kelas. Tiada had bagi pemegangan Asing dan Tatacara dan Tataurus Syarikat tidak mempunyai sebarang peruntukan jelas yang menghalang sebarang pemerolehan. Bagaimanapun, Bank adalah tertakluk kepada FSA, yang mengandungi sekatan tertentu terhadap pemilikan saham.

Sebagai sebahagian daripada usaha Maybank untuk mengembangkan kecairan dan asas pemegang saham, ia telah menubuhkan Program American Depository Receipt (ADR) Tajaa Tahap 1 yang diurus niaga secara tidak rasmi di Amerika Syarikat sejak bulan Mei 2005 pada asas satu ADR bersamaan dua saham Maybank. Perkhidmatan Kustodi Maybank pula memegang sekuriti untuk Maybank dan jumlah baki ADR ialah 10,542,333 setakat 31 Disember 2013. Peratusan sekuriti yang mana ADR telah diterbitkan berbanding modal saham terbitan dan berbayar Maybank ialah 0.12%.

KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN AUDIT

Pelaporan Kewangan dan Pendedahan

Pelaporan Kewangan

Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab fidusiari untuk membentangkan penilaian yang jelas, seimbang dan bermakna terhadap kedudukan kewangan, prestasi dan prospek Kumpulan dan bank kepada para pemegang saham dan awam. Lembaga Pengarah dibantu oleh Jawatankuasa Audit untuk menyelia proses laporan kewangan dan mutu penyata kewangan tersebut.

Pendedahan mengenai Sorotan Kewangan dan Petunjuk Kewangan

Sorotan kewangan Kumpulan dan Bank dan petunjuk bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013 dikemukakan pada muka surat 34 hingga 39 dalam Laporan Tahunan ini.

Penyata Tanggungjawab Pengarah

Lembaga Pengarah juga memastikan bahawa penyata-penyata kewangan Kumpulan dan Bank yang disediakan setiap tahun kewangan memberi satu pandangan yang benar dan adil selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Keperluan Akta Syarikat, 1965 di Malaysia.

Penyata Tanggungjawab Pengarah berhubung persediaan penyata kewangan beraudit bagi Kumpulan dan Bank dinyatakan dalam muka surat 11 buku Penyata Kewangan Laporan Kewangan 2013.

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Kawalan Dalam

Lembaga Pengarah secara keseluruhannya bertanggungjawab memastikan sistem kawalan dalaman yang kukuh, merangkumi kawalan kewangan, operasi dan pematuan serta pengurusan risiko bagi memastikan pelaburan pemegang saham, kepentingan pelanggan dan aset Kumpulan dilindungi.

Keberkesanan pengurusan risiko dan kawalan dalaman sentiasa disemak secara berterusan untuk dipastikan mampu berfungsi dengan baik. Jawatankuasa Audit (AC) menilai dari semasa ke semasa, keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan dengan meninjau tindakan yang diambil terhadap isu-isu berkaitan yang dikenal pasti dalam laporan-laporan yang disediakan oleh Audit Kumpulan di mesyuarat-mesyuarat yang dijadualkan. Jawatankuasa Audit juga menyemak cadangan dan maklum balas pengurusan terhadap cadangan-cadangan yang berkenaan.

Penyata Pengarah berhubung Pengurusan Berisiko dan Kawalan Dalam telah dikemukakan pada muka surat 160 Laporan Tahunan ini dan ia memberikan gambaran keseluruhan keadaan kawalan dalaman Kumpulan.

Dasar Pemberi Maklumat

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa rangka kerja pemberi maklumat dikenali sebagai Dasar Integriti (sebelum ini dikenali sebagai Dasar Pelaporan Penyelewengan) yang dilaksanakan pada tahun 2004 mencukupi. Semua kakitangan Kumpulan boleh melaporkan sebarang penyelewengan atau salah laku termasuk, tetapi tidak terhad kepada, kejadian tidak beretika seperti kegiatan jenayah atau pelanggaran undang-undang/peraturan oleh kakitangan lain atau sesiapa yang berurusan dengan Kumpulan melalui saluran-saluran berikut tanpa bimbang dengan akibat yang akan timbul kerana membuat laporan yang benar:

- Talian Bebas Tol bagi Rakaman Mesej 1-800-38-8833 atau dari seberang laut 603- 20268112
- Alamat e-mel yang dilindungi di integrity@maybank.com.my
- Alamat Peti Surat Terjamin, Peti Surat 11635, 50752 Kuala Lumpur, Malaysia

Saluran-saluran ini melindungi kakitangan yang khuatir untuk memberi maklumat kerana bimbang dengan akibat yang akan timbul berikutan membuat laporan yang benar, dan jaminan identiti mereka dirahsiakan. Semua maklumat dan identiti pemberi maklumat dilindungi di bawah dasar tersebut. Aduan yang dibuat tanpa menyatakan nama juga boleh dipertimbangkan sekiranya aduan itu jelas dan spesifik. Maklumat lanjut tentang dasar itu dinyatakan pada muka surat 172 Laporan Tahunan ini.

Hubungan dengan Juruaudit

Audit Dalam

Audit Kumpulan melaporkan kepada Jawatankuasa Audit Bank dan mempunyai akses tidak terhad kepada Jawatankuasa Audit. Fungsinya adalah bebas daripada sebarang aktiviti atau operasi unit-unit lain. Audit Kumpulan secara kerap menilai keberkesanan proses pengurusan berisiko, mengkaji semula keberkesanan sistem kawalan dalaman dan kawalan pematuan di seluruh Bank dan Kumpulan. Ketua Audit Eksekutif Kumpulan dijemput untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit untuk memudahkan cara penyampaian laporan audit. Minit mesyuarat itu kemudiannya akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk makluman dan rujukan berguna khususnya jika terdapat isu-isu penting yang ingin diketengahkan kepada Lembaga Pengarah.

Juruaudit Luar

Jawatankuasa Audit dan Lembaga Pengarah memberikan tumpuan yang penting terhadap objektif dan kebebasan Juruaudit Bank, iaitu Tetuan Ernst & Young, dalam menyediakan laporan yang relevan dan telus kepada pemegang saham. Sebagai pengukur bagi memastikan pendedahan penuh perkara berkenaan, Juruaudit Bank kerap kali dipelawa untuk menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Audit (dan juga Mesyuarat Agung Tahunan), selain daripada perbincangan dua kali setahun dengan Jawatankuasa Audit tanpa kehadiran pengurusan kanan.

Laporan penuh Jawatankuasa Audit yang menggariskan peranan berkenaan kepada juruaudit dalam dan luaran dikemukakan dalam muka surat 162 hingga 164 Laporan Tahunan ini.

Kod Etika dan Perilaku Kumpulan Maybank

Selain BNM/GPI dan Kod Etika Pengarah Syarikat yang diwujudkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Kumpulan juga mempunyai Kod Etika dan Perilaku yang menyatakan prinsip-prinsip yang baik dan piawaian amalan terbaik dalam industri perkhidmatan kewangan, yang dipatuhi oleh para Pengarah dan kakitangannya. Kedua-dua pihak itu dikehendaki supaya menjunjung integriti yang tertinggi ketika menjalankan tugas dan berurusan dengan pihak berkepentingan, pelanggan, rakan pekerja dan pengawal selia. Ini adalah selaras dengan Nilai-nilai Teras Kumpulan yang menekankan etika perilaku ketika berurusan dengan pihak ketiga dan kakitangan (*Cadangan 1.3 daripada MCCG 2012*).

Ikrar Integriti Korporat

Kumpulan Maybank mengukuhkan komitmen terhadap kebertanggungjawaban dan ketelusannya pada tahap yang tinggi apabila menjadi institusi kewangan pertama di Malaysia memeterai Ikrar Integriti Korporat Malaysia pada bulan Ogos 2011.

Ikrar ini adalah hasil daripada usaha sama antara:

- Bursa Malaysia Berhad;
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- Institut Integriti Malaysia;
- Suruhanjaya Anti-Rasuah Malaysia & Jabatan Pemantauan Rasuah & Koordinasi NKRA;
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- Transparency International Malaysia dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.

Ikrar ini membuktikan kepada umum sokongan Kumpulan dan pendiriannya terhadap anti rasuah di Malaysia dan juga berusaha untuk mewujudkan persekitaran bebas rasuah dalam pelaksanaan perniagaan dan juga interaksi dengan rakan perniagaan serta kerajaan.

Tanggungjawab Korporat

Lembaga Pengarah berpuas hati bahawa satu keseimbangan yang baik berjaya dicapai antara usaha mewujudkan nilai dengan tanggungjawab korporat. Perincian inisiatif tanggungjawab korporat Kumpulan dinyatakan pada muka surat 122 hingga 127 Laporan Tahunan ini.

Akta Persaingan 2010

Akta ini berkuat kuasa pada 1 Januari 2012 dan satu Sekretariat Bersama Jawatankuasa Anti Pecah Amanah Kumpulan Maybank (Sekretariat Bersama) terdiri daripada wakil utama daripada Perkhidmatan Korporat dan Undang-undang Kumpulan, dan juga Pematuan Kumpulan, telah membangunkan Buku Panduan Akta Persaingan 2010 (Buku Panduan) yang telah disebar kepada semua kakitangan menerusi e-portal Kumpulan. Buku Panduan ini bertujuan memudahkan cara pematuan Akta ini di seluruh Kumpulan.

Buku panduan ini akan membantu semua kakitangan Maybank memahami elemen asas Akta ini dan isu-isu peraturan persaingan secara umum serta memastikan operasi perniagaan dan tindak tanduk kami yang tidak bercanggah dengan persaingan, berjalan seperti biasa. Akta ini mengetengahkan dua larangan utama, iaitu perjanjian anti persaingan dan penyalahgunaan kedudukan utama.

Kakitangan Maybank telah dimaklumkan bahawa sebarang pertanyaan lanjut, berkaitan peraturan ini boleh dikemukakan sama ada menerusi e-mel kepada Sekretariat Bersama atau kepada antitrust@maybank.com.my.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) berkuat kuasa pada 15 November 2013.

PDPA merupakan undang-undang mengawal selia pengumpulan, penstoran, pemrosesan, pendedahan dan penggunaan data peribadi yang meliputi sebarang data atau maklumat yang berkait secara langsung atau sebaliknya kepada seseorang individu ("subjek data") dan termasuk sebarang pernyataan pendapat tentang subjek data tersebut.

Bank telah mengambil langkah-langkah untuk mematuhi keperluan PDPA termasuk menerbitkan Notis Privasi Bank di laman sesawang Bank dan pemberitahuan kepada para pelanggannya melalui portal pesanan pada mesin-mesin ATM Bank dan penyata akaun pelanggan bahawa Notis Privasi Bank boleh didapati dalam laman webnya.

MAKLUMAT PEMATUHAN TAMBAHAN PADA 31 DISEMBER 2013

1. Penggunaan Perolehan

- (a) Nota Senior HKD1.55 bilion di bawah Program Nota Jangka Sederhana Berbilang Matawang bernilai AS\$5.0 bilion.
 - Diterbitkan pada 23 September 2013. Perolehan yang diraih daripada Nota Kanan HKD adalah bertujuan membiayai modal bekerja cawangan Maybank Hong Kong, perbankan am dan tujuan-tujuan lain korporat.
- (b) Nota Senior AS\$200 juta di bawah Program Nota Jangka Sederhana Berbilang Matawang bernilai AS\$5.0 bilion
 - Diterbitkan pada 15 Mei 2013. Perolehan yang diraih daripada Nota Senior AS adalah bertujuan membiayai modal kerja cawangan Maybank Hong Kong, perbankan am dan tujuan-tujuan lain korporat.
- (c) Pelan Pelaburan Semula Dividen (DRP) – Sedang dijalankan
 - Jumlah bersih daripada DRP (Selepas ditolak anggaran perbelanjaan DRP) adalah bertujuan membiayai pertumbuhan berterusan dan pengembangan Kumpulan Maybank.

2. Belian Balik Saham

Maybank tidak membuat sebarang cadangan bagi pembelian balik saham pada tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

3. Opsyen, Waran atau Sekuriti Boleh Tukar

Maybank tidak menerbitkan sebarang opsyen, waran dan saham boleh tukar sepanjang tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013, kecuali opsyen berkaitan Skim Saham Kakitangan.

4. Pengenaan Sekatan dan/atau Penalti

Tiada sebarang sekatan dan/atau penalti telah dikenakan ke atas Maybank dan subsidiarinya, pengarah atau pihak pengurusan oleh badan-badan kawal selia berkaitan, yang diumumkan kepada pihak awam dalam tahun berakhir pada 31 Disember 2012.

5. Fi Bukan Audit

Fi Bukan Audit mesti dibayar kepada juruaudit-juruaudit luar, Ernst & Young, untuk tahun ini berjumlah RM5,324,000 untuk Kumpulan dan RM3,235,000 untuk Bank.

6. Kelainan dalam Prestasi

Tiada unjuran keuntungan yang dikeluarkan oleh Maybank dan subsidiarinya dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

7. Jaminan Keuntungan

Tiada sebarang jaminan keuntungan dikeluarkan oleh Maybank dan subsidiarinya dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

8. Kontrak Material

Tiada kontrak material telah dimeterai oleh syarikat dan subsidiarinya melibatkan pengarah-pengarah dan pemegang saham utama, sama ada masih lagi kekal wujud pada akhir tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013 atau dimeterai sejak akhir tahun kewangan sebelumnya.


9. Dasar Penilaian

Kumpulan tidak menilai semula hartanah bertanah yang dikelaskan di bawah Hartanah dan Peralatan. Dasar penilaian semula hartanah bertanah di klasifikasi sebagai Pelaburan Hartanah dinyatakan dalam Nota 2.3(xi) Penyata Kewangan Laporan Tahunan 2013.

10. Urus Niaga Berulang dengan Pihak Berkaitan dalam Bentuk Perolehan atau Perdagangan (RRPT)

Syarikat tidak memeterai atau mendapatkan mandat daripada para pemegang sahamnya terhadap sebarang RRPT bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Penyata ini dibuat selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah bertarikh 23 Januari 2014.



TAN SRI DATO' MEGAT ZAHARUDDIN MEGAT MOHD NOR
Pengerusi Lembaga Pengarah

PENYATA PENGURUSAN RISIKO & KAWALAN DALAMAN

tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013

Pengenalan

Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman ini disediakan selaras dengan Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad yang memerlukan Lembaga Pengarah untuk memasukkan ke dalam Laporan Tahunan syarikat mengenai keadaan kawalan dalamannya. Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia yang telah disemak semula memerlukan semua syarikat tersenarai untuk mengekalkan satu sistem kawalan dalaman yang kukuh demi menjaga pelaburan para pemegang saham serta aset-aset syarikat.

Sehubungan itu, Lembaga Pengarah telah menyediakan Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman yang selaras dengan “Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman – Garis Panduan untuk Pengarah Syarikat Senarai Awam” yang diterbitkan oleh Bursa Malaysia Securities Berhad. Ia menggariskan proses-proses yang akan digunapakai oleh Lembaga Pengarah dalam menyemak kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan.

TANGGUNGJAWAB

Lembaga Pengarah sedar akan tanggungjawab menyeluruhnya untuk mengekalkan sistem-sistem kawalan dalaman yang kukuh bagi menjaga kepentingan para pemegang saham serta aset-aset Kumpulan. Lembaga Pengarah berpendapat bahawa rangka kerja kawalan dalaman adalah direka untuk menguruskan risiko-risiko Kumpulan di dalam lingkungan tahap risiko yang boleh diterima, dan bukan untuk melenyapkan risiko kegagalan dalam mencapai matlamat perniagaan dan objektif Kumpulan. Dengan itu, ianya hanyalah memberikan kepastian yang munasabah dan bukan kepastian sepenuhnya akan keberkesanan terhadap sebarang kesilapan penyata pengurusan serta maklumat kewangan ataupun terhadap kerugian kewangan dan penipuan.

Lembaga Pengarah telah menyediakan struktur kawalan dan proses yang bersesuaian untuk mengenal pasti, menilai, mengawasi dan menguruskan risiko-risiko ketara yang mungkin menjejaskan pencapaian matlamat-matlamat perniagaan. Struktur kawalan dan proses yang telah di institusikan ke seluruh Kumpulan ini telah dikemaskini dan disemak semula dari semasa ke semasa untuk disesuaikan dengan perubahan dalam persekitaran perniagaan. Proses yang berterusan ini telah wujud sepanjang tahun kewangan yang ditinjau sehingga tarikh kelulusan penyata ini untuk dimasukkan ke dalam laporan tahunan.

Peranan Pengurusan termasuk:

- Menenal pasti dan menilai risiko-risiko yang dihadapi dan pencapaian matlamat perniagaan dan strategi-strateginya;
- Membentuk dasar yang berkaitan dan prosedur untuk mengurus risiko-risiko yang tersebut;
- Merangka, melaksana dan memantau keberkesanan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman;
- Melaksanakan dasar-dasar yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah; dan
- Melaporkan kepada Lembaga Pengarah dari semasa ke semasa mengenai sebarang perubahan berkenaan risiko dan tindakan pembetulan.

STRUKTUR KAWALAN DALAMAN

Proses-proses utama yang telah diwujudkan oleh Pengarah di dalam menyemak semula kecukupan serta kecekapan rangka kerja pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman termasuk seperti berikut:

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

- Lembaga Pengarah telah mewujudkan satu struktur organisasi yang mempunyai garis-garis tanggungjawab yang jelas, had bidang kuasa serta akauntabiliti yang seiring dengan keperluan-keperluan perniagaan dan operasi yang menyokong penyelenggaraan kawalan persekitaran yang kukuh. Ia telah meluaskan tanggungjawab Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (ACB) untuk meliputi penilaian kawalan-kawalan dalaman, melalui fungsi Audit Dalaman.
- Lembaga Pengarah juga telah menyerahkan tanggungjawab untuk menyemak semula keberkesanan pengurusan risiko kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC). Keberkesanan sistem pengurusan risiko diawasi dan dinilai oleh fungsi Pengurusan Risiko Kumpulan secara berterusan. RMC membantu Lembaga Pengarah untuk memantau kecekapan pengurusan risiko Bank, yang mana fungsi Pengurusan Risiko adalah untuk membantu pemantauan berterusan dan penilaian sistem pengurusan risiko bank. Sebarang kelulusan dasar dan kerangka yang dibentuk untuk mengenal pasti, mengukur dan memantau pelbagai komponen risiko akan disemak semula dan dicadangkan oleh RMC kepada Lembaga Pengarah. Selain itu, RMC juga menyemak dan menilai tahap kecukupan dasar-dasar pengurusan risiko bagi memastikan yang infrastruktur, sumber dan sistem sentiasa tersedia bagi pengurusan risiko.
- Struktur risiko tadbir urus diselaraskan di seluruh unit perniagaan, unit luar negara, dan subsidiari Kumpulan. Pelarasan ini dibuat dengan cara memperhalusi rangka kerja risiko, dasar-dasar dan struktur organisasi bagi menanamkan dan meningkatkan pengurusan risiko serta budaya risiko.
- Prinsip pengurusan, dasar, prosedur dan amalan risiko dikemaskini dengan kerap untuk memastikan ia relevan dan mematuhi undang-undang dan peraturan semasa dan boleh digunapakai. Ia juga disediakan dan diberi maklum kepada semua kakitangan. Kumpulan turut mengunapakai dasar pemberi maklumat, menyediakan saluran kepada kakitangan untuk membuat laporan terhadap penyelewengan yang berlaku atau yang disyaki, salah laku atau pencabulan dasar-dasar Kumpulan dan peraturan, dengan menggunakan pendekatan yang selamat dan sulit.
- Dasar Kawalan Pengurusan (MCP) dan Dasar Kawalan Dalaman (ICP) secara bertulis juga disediakan daripada Pengurusan. MCP menggariskan tanggungjawab khusus pelbagai pihak termasuk Pengurusan, Jawatankuasa Audit Dalaman (IAC) dan Jawatankuasa Audit berkaitan kawalan dalaman. ICP bertujuan mewujudkan kesedaran di kalangan semua kakitangan mengenai komponen kawalan dalaman dan dasar kawalan asas.

- Terdapat Garis Panduan Anti-Penipuan dilaksanakan yang menyediakan prinsip, strategi dan dasar meluas bagi Kumpulan untuk digunapakai dalam urusan berkaitan penipuan bagi menggalakkan piawaian integriti yang tinggi. Garis panduan ini mewujudkan program yang mantap dan lengkap selain kawalan bagi Kumpulan dan juga mengetengahkan mengenai peranan dan tanggungjawab pada setiap tahap bagi mengelak serta bertindak balas terhadap penipuan.
- Kumpulan telah menubuhkan tiga barisan konsep Pertahanan – unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko dan audit dalaman. Unit pengambilan risiko menguruskan pengurusan risiko dalam aktiviti perniagaan setiap hari, manakala unit kawalan risiko bertanggungjawab bagi menetapkan garis panduan pengurusan risiko dan membangunkan keperluan dan pendekatannya. Audit dalaman pula menjadi pelengkap dengan menyediakan jaminan bebas mengenai kecekapan pendekatan pengurusan risiko.

Fungsi Audit Dalaman

- Fungsi Audit Dalaman termasuklah mengendalikan semakan lazim bagi Operasi Kumpulan dan sistem kawalan dalaman. Semakan yang lazim dikendalikan mengenai proses-proses perniagaan untuk memeriksa dan menilai kecukupan dan keberkesanan kawalan kewangan dan operasi serta mengutarakan risiko ketara dan ketidakpatuhan yang memberi kesan kepada Kumpulan. Di mana perlu, mereka memberikan cadangan untuk mempertingkatkan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus. Pihak pengurusan akan membuat tindakan susulan dan kajian semula mengenai status tindakan yang diambil ke atas usul yang dibuat oleh juruaudit dalaman. Semakan oleh Audit Dalaman akan dikendalikan terhadap unit yang telah dikenalpasti, menggunakan pendekatan berasaskan risiko dengan mengambil kira input daripada pihak Pengurusan, ACB dan Lembaga Pengarah.
- Jawatankuasa Audit Dalaman (IAC) ialah jawatankuasa pengurusan yang dipengerusikan oleh Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dan terdiri daripada wakil-wakil kanan dari barisan perniagaan yang berbeza. IAC bermesyuarat dengan kerap bagi mempertimbangkan semua hasil audit dan laporan penyiasatan yang telah ditandatangani dan memutuskan tindakan bersesuaian yang diperlukan untuk menyelesaikan isu-isu audit yang meliputi segala aspek perniagaan Bank dan operasinya. Apabila diperlukan, wakil dari pihak yang sedang diaudit akan diminta menghadiri mesyuarat IAC bagi membolehkan perbincangan yang lebih terperinci dan penyelesaian pantas bagi perkara yang dibincangkan. Minit mesyuarat IAC kemudiannya dibentangkan bersama laporan audit. IAC juga menyusuli sebarang tindakan yang diputuskan oleh ACB.
- Jawatankuasa Audit Lembaga Pengarah (ACB) bertemu pada masa yang ditetapkan untuk menyemak isu kawalan dalaman dalam laporan yang disediakan oleh Audit Dalaman, dan seterusnya menyemak keberkesanan dan kecukupan sistem kawalan dalaman Kumpulan. ACB meninjau secara aktif perkara berkaitan kebebasan Audit Dalaman, skop kerja dan sumber. Ia turut menyemak fungsi Audit Dalaman, khususnya mengenai skop pelan audit tahunan dan kekerapan aktiviti-aktiviti audit dalaman. Minit mesyuarat ACB kemudiannya akan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah. Maklumat terperinci aktiviti yang dikendalikan oleh ACB dinyatakan dalam Laporan Jawatankuasa Audit.

Lain-lain Elemen Kawalan Dalaman

Lain-lain elemen utama bagi prosedur yang diwujudkan oleh Lembaga Pengarah untuk menyediakan kawalan dalaman yang berkesan termasuklah:

- Perancangan perniagaan tahunan dan belanjawan diusulkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah. Pencapaian prestasi akan disemak berbanding dengan keputusan sasaran secara bulanan bagi membolehkan tindak balas yang cepat serta tindakan pembetulan yang perlu diambil untuk mengurangkan risiko. Lembaga Pengarah mengulas laporan lazim daripada pengurusan mengenai statistik operasi utama, juga bagi hal-hal berkaitan undang-undang dan peraturan. Lembaga Pengarah juga meluluskan sebarang perubahan atau pindaan terhadap dasar-dasar Kumpulan.

- Beberapa Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah ditubuhkan bagi membantu Lembaga Pengarah untuk menjalankan fungsi-fungsi pemantauannya iaitu Jawatankuasa Semakan Kredit, Jawatankuasa Penamaan dan Imbuhan dan Jawatankuasa Skim Saham Kakitangan. Tanggungjawab khusus telah diamanahkan kepada Jawatankuasa Lembaga Pengarah ini, yang mana semuanya mempunyai terma-terma rujukan yang rasmi. Jawatankuasa ini mempunyai kuasa untuk memeriksa kesemua perkara yang berada di dalam bidang kuasa mereka dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah berserta dengan syor-syor mereka. Untuk maklumat yang lebih terperinci mengenai Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, sila rujuk muka surat 154 hingga 156.
- Pelbagai Jawatankuasa Pengurusan Tahap Eksekutif (ELC) diperkenalkan oleh Pengurusan untuk membantu dan menyokong pelbagai Jawatankuasa Lembaga Pengarah untuk memerhati bidang teras operasi perniagaan. ELC ini termasuk Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan, Jawatankuasa Risiko Eksekutif, Jawatankuasa Pengurusan Aset dan Liabiliti, Jawatankuasa Pemerolehan Kumpulan, Jawatankuasa Pemandu IT Kumpulan, Jawatankuasa Kakitangan Kumpulan dan Jawatankuasa Disiplin Sumber Manusia.
- Dasar/garis panduan bagi pengambilan dan kenaikan pangkat di dalam Kumpulan diadakan bagi memastikan hanya mereka yang berkaliber sahaja dipilih bagi menjawab jawatan yang disediakan. Program latihan secara formal sama ada secara berhadapan atau melalui e-pembelajaran, penilaian prestasi separa tahun dan tahunan dan lain-lain prosedur yang berkenaan telah disediakan bagi memastikan kakitangan adalah cekap dan terlatih secukupnya bagi membolehkan mereka melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan berkesan. Garis panduan yang rapi juga telah dirangka untuk pemberhentian kakitangan.
- Satu rangka kerja terperinci yang jelas beserta dengan had bidang kuasa yang sesuai telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah untuk pemilihan dan pelupusan aset, penganugerahan tender, pelupusan item-item operasi dan kredit, sumbangan dan juga meluluskan perbelanjaan am dan operasi.
- Terdapat dasar-dasar serta prosedur-prosedur yang disediakan bagi memastikan pematuhan kepada kawalan dalaman serta undang-undang dan peraturan yang ditentukan. Dasar-dasar dan prosedur-prosedur ini dinyatakan di dalam Arahan Amalan Piawaian Kumpulan dan dikemaskini dari semasa ke semasa sejajar dengan perubahan persekitaran perniagaan dan garis panduan kawal selia.


Jaminan pihak Pengurusan

Lembaga telah menerima jaminan yang munasabah daripada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan bahawa pengurusan risiko Kumpulan dan sistem kawalan dalaman adalah beroperasi dengan cukup baik dan berkesan dalam semua aspek material, berdasarkan kepada model pengurusan risiko yang digunapakai dalam Kumpulan.

ULASAN PENYATA OLEH JURUAUDIT LUAR

Juruaudit luar telah membuat semakan mengenai Penyata Kawalan Dalaman ini untuk dimuatkan ke dalam laporan tahunan berakhir pada 31 Disember 2013. Juruaudit luar mengendalikan semakan ini selaras dengan Cadangan Panduan Amalan 5 (Pindaan): Panduan untuk Juruaudit bagi Ulasan Penyata Pengarah mengenai Kawalan Dalaman (RPG 5) yang dikeluarkan oleh Institut Akauntan Malaysia. Semakan ini telah dijalankan bagi menilai sama ada Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman telah disokong oleh kedua-dua dokumen yang telah disediakan oleh/atau untuk para Pengarah dan secara wajarnya mencerminkan proses-proses yang digunapakai oleh para Pengarah dalam mengkaji semula kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman Kumpulan tersebut. RPG 5 tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman Pengarah merangkumi semua risiko dan kawalan, atau untuk membentuk satu pendapat tentang keberkesanan prosedur risiko dan kawalan Kumpulan. RPG 5 juga tidak memerlukan juruaudit luar untuk mempertimbangkan sama ada proses untuk berdepan dengan aspek kawalan dalaman yang penting bagi sebarang perkara besar yang didedahkan di dalam laporan tahunan, sebenarnya akan mengurangkan risiko yang telah dikenalpasti atau memulihkan masalah yang akan timbul. Berdasarkan kepada ulasan mereka, juruaudit luar telah melaporkan kepada Lembaga Pengarah bahawa tiada perkara yang timbul pada pemerhatian mereka, yang boleh menyebabkan mereka percaya bahawa Penyata Pengurusan Risiko & Kawalan Dalaman ini tidak konsisten dengan pemahaman mereka berkaitan proses-proses yang telah digunapakai oleh Lembaga Pengarah di dalam kajian semula mengenai kecukupan dan integriti kawalan dalaman Kumpulan.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT



Ahli Jawatankuasa Audit Maybank:

1. Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil (Pengerusi)
2. Dato' Johan Ariffin (Ahli)
3. En Cheah Teik Seng (Ahli)
4. En Erry Riyana Hardjapamekas (Ahli)

A. KOMPOSISI DAN TERMA RUJUKAN

Komposisi

1. Jawatankuasa dilantik oleh Lembaga Pengarah daripada kalangan pengarah-pengarah bukan eksekutif dan haruslah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli. Pengerusi dan majoriti daripada ahli Jawatankuasa Audit mestilah merupakan pengarah-pengarah bebas dan sekurang-kurangnya seorang (1) daripada mereka mestilah:
 - merupakan ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA); atau
 - jika bukan ahli MIA, beliau mesti mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pengalaman bekerja; dan
 - i. beliau mesti telah lulus peperiksaan yang dikhususkan di bawah Bahagian I Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967; atau
 - ii. beliau mestilah seorang ahli bagi satu (1) daripada persatuan akauntan yang telah dikhususkan di bawah Bahagian II Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967.
2. Apabila Pengerusi tidak dapat menghadiri mesyuarat, ahli-ahli hendaklah melantik salah seorang daripada mereka sebagai Pengerusi.
3. Semakan semula keahlian adalah dilakukan sekali setiap tiga (3) tahun. Semakan semula ini adalah berkenaan dengan terma-terma penjawatan dan prestasi ahli.

Mesyuarat

1. Mesyuarat harus diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan atau mengikut kekerapan yang akan diputuskan oleh Jawatankuasa. Jawatankuasa boleh menjemput mana-mana individu perseorangan untuk menghadiri mesyuarat bagi membantu perbincangannya. Sekurang-kurangnya sekali setahun, Jawatankuasa boleh mengadakan pertemuan dengan juruaudit luar tanpa kehadiran pihak pengurusan.
2. Jawatankuasa akan mengawal selia prosedurnya sendiri terutamanya yang berkaitan dengan makluman untuk mengadakan mesyuarat, notis yang perlu diberikan untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat tersebut, pengundian serta perjalanan mesyuarat, penyimpanan minit-minit mesyuarat serta penjagaan, penerbitan dan pemeriksaan minit-minit tersebut.
3. Atas permintaan juruaudit luar, suatu mesyuarat akan diadakan untuk menimbang sebarang perkara yang difikirkan perlu untuk diberi perhatian oleh para pengarah dan pemegang saham.

Korum

Korum terdiri daripada dua (2) orang yang mana kedua-duanya merupakan pengarah bebas.

Setiausaha

Kaunsel Am & Setiausaha Syarikat, En Mohd Nazlan Mohd Ghazali adalah Setiausaha bagi Jawatankuasa Audit (ACB).

Bidang Kuasa

Jawatankuasa diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk:

1. Menyiasat mana-mana kegiatan atau perkara di dalam lingkungan terma-terma rujukannya.
2. Melaporkan dengan segera kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") mengenai perkara-perkara yang tidak dapat diselesaikan dengan cara yang memuaskan, yang melanggar Keperluan Penyenaian Bursa Securities.
3. Mendapatkan nasihat profesional daripada pihak luar yang berkecuali, sama ada dari segi perundangan atau apa-apa yang dirasakan perlu.
4. Mengekalkan saluran-saluran komunikasi secara terus dengan juruaudit luar yang mengendalikan fungsi atau aktiviti juruaudit dalaman, dan juga dengan pengurusan kanan Bank serta syarikat-syarikat subsidiarinya.
5. Mengadakan mesyuarat dengan juruaudit luar dan juruaudit dalaman tanpa kehadiran pihak pengurusan, bilamana perlu.

Dalam menjalankan fungsi-fungsi yang di atas, ACB telah diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah untuk mempunyai:

- Sumber-sumber yang diperlukan untuk melaksanakan tugas-tugasnya.
- Akses penuh tanpa had kepada sebarang maklumat dan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti-aktivitinya.

B. TUGAS-TUGAS & TANGGUNGJAWAB

Tugas-tugas utama serta tanggungjawab Jawatankuasa Audit (ACB) berkenaan dengan fungsi Audit Dalaman (IA) Kumpulan Maybank, juruaudit-juruaudit dalaman, laporan kewangan, urus niaga pihak yang berkaitan, laporan tahunan dan penyiasatan adalah seperti berikut:

1. Audit Dalaman

- Menyemak semula kecukupan skop IA dan perancangannya, fungsi-fungsi serta sumber-sumber audit dalaman, Piagam Audit dan sama ada ia (Audit Dalaman) mempunyai kuasa yang perlu untuk menjalankan tugasnya.
- Menyemak semula laporan-laporan audit dalaman bagi memastikan bahawa tindakan pembaikan yang perlu telah diambil oleh pihak Pengurusan dengan kadar segera bagi menangani kecuai kawalan atau prosedur yang dikenalpasti oleh IA.
- Meluluskan pelantikan atau pemberhentian Ketua Eksekutif Audit serta Ketua-Ketua Jabatan IA.
- Menilai prestasi Audit Dalaman, menentukan dan meluluskan pembayaran serta kenaikan gaji tahunan kakitangan IA.
- Mengenal pasti peletakan jawatan kakitangan IA serta sebab-sebabnya.

2. Audit Luar

- Menyemak semula pelantikan dan prestasi juruaudit luar, yuran audit dan sebarang persoalan mengenai peletakan jawatan atau pemecatan, serta mengusulkan cadangan-cadangan kepada Lembaga Pengarah.
- Menilai kelayakan, kepakaran, sumber-sumber serta keberkesanan juruaudit luar.
- Memantau keberkesanan prestasi juruaudit luar serta keberkecualian dan objektiviti mereka.
- Menyemak semula skop serta perancangan juruaudit luar, termasuk sebarang perubahan terhadap skop kepada pelan audit yang dirancang.
- Menyemak semula penemuan utama yang dikemukakan oleh juruaudit luar serta tindak balas pihak Pengurusan termasuk status usul-usul audit terdahulu.
- Menyemak semula bantuan kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai Kumpulan kepada juruaudit luar serta apa-apa kesukaran yang ditempuhi semasa menjalankan tugas tersebut, termasuk sebarang halangan terhadap skop aktiviti atau akses kepada maklumat yang diperlukan.
- Meluluskan perkhidmatan-perkhidmatan bukan audit yang diberikan oleh juruaudit luar.

3. Laporan Kewangan

Menyemak semula penyata-penyata kewangan suku tahunan dan akhir tahun dengan memberi tumpuan kepada:-

- Sebarang perubahan dalam dasar perakaunan serta amalannya.
- Peristiwa yang ketara dan di luar kelaziman.
- Pematuhan terhadap Piawaian Laporan Kewangan yang diguna pakai serta lain-lain peraturan perundangan dan peraturan kawal selia.

4. Urus niaga Pihak Yang Berkaitan

Menyemak semula mana-mana urus niaga pihak yang berkaitan serta situasi percanggahan kepentingan yang mungkin timbul di dalam bank atau Kumpulan Maybank termasuk urus niaga, prosedur atau perlakuan yang boleh menimbulkan pertikaian mengenai integrity pihak Pengurusan.

5. Laporan Tahunan

Melaporkan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Audit bagi tahun kewangan.

6. Penyiasatan

Mengarahkan sesuatu penyiasatan dilakukan ke atas mana-mana aktiviti atau perkara di dalam lingkungan terma rujukannya.

7. Perkara-perkara lain

Bertindak di atas perkara-perkara lain yang dianggap perlu atau sebagaimana yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah.

C. AKTIVITI-AKTIVITI JAWATANKUASA AUDIT SEPANJANG TAHUN

Pada tahun kewangan ini, Jawatankuasa Audit dalam melaksanakan pertugasannya, telah melakukan aktiviti-aktiviti berikut:

Kehadiran Mesyuarat

Sebanyak 14 mesyuarat telah diadakan dalam tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013. Maklumat mengenai kehadiran setiap ahli Jawatankuasa mesyuarat sepanjang tahun adalah seperti berikut:

Komposisi dan nama ahli jawatankuasa	Bilangan mesyuarat yang dihadiri sepanjang tempoh yang dikaji
1. Tan Sri Datuk Dr Hadenan A. Jalil (Pengerusi) - Dilantik pada 15/7/2009 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	14/14
2. Dato' Johan Ariffin (ahli) - Dilantik pada 26/8/2009 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	14/14
3. En Cheah Teik Seng (ahli) - Dilantik pada 26/8/2009 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	14/14
4. En Erry Riyana Hardjapamekas (ahli) - Dilantik pada 25/6/2012 - Pengarah Bebas Bukan Eksekutif	13/14

Jawatankuasa Audit terdiri daripada empat (4) Pengarah-pengarah Bebas Bukan Eksekutif. Seorang daripada ahlinya (En Cheah Teik Seng) merupakan ahli Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales. Ini memenuhi syarat Peraturan Penyenaraian Bursa Securities yang memerlukan sekurang-kurangnya seorang akauntan yang bertauliah sebagai ahli Jawatankuasa Audit.

Jawatankuasa Audit bertemu mengikut jadual yang ditetapkan. Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dan Ketua Eksekutif Audit Kumpulan (GCAE) akan dipelawa untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat ini. Juruaudit Luar juga dipelawa untuk membincangkan Surat-surat Pihak Pengurusan, Memorandum Perancangan Audit dan perkara-perkara lain yang berkenaan.

Sebagai tambahan kepada mesyuarat yang telah dijadualkan, ahli-ahli Jawatankuasa Audit juga mengadakan dua (2) sesi pertemuan dengan Juruaudit Luar tanpa kehadiran pihak Pengurusan.

Jawatankuasa Audit juga bertemu bagi membincang dan menyemak hasil keputusan kewangan suku tahunan yang belum diaudit dan penyata kewangan tahunan yang telah diaudit bagi Bank dan Kumpulan Maybank. Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GPCEO) dan Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan (GCFO) dijemput menghadiri mesyuarat tersebut, bersama-sama dengan Juruaudit Luar.

Audit Dalam (IA)

- Menyemak semula pelan audit dalaman tahunan bagi tahun kewangan berakhir 2013 untuk memastikan skop yang mencukupi, liputan mengenai aktiviti Bank dan Kumpulan serta keperluan sumber audit dalaman untuk menjalankan fungsinya secara efektif.
- Menyemak semula laporan audit dalaman, usul-usul audit dan penerimaan pihak pengurusan terhadap usul tersebut.
- Menyemak semula laporan status berdasarkan usaha pihak Pengurusan untuk menyelaraskan baki isu audit bagi memastikan kecuai kawalan dapat ditangani.
- Menyemak semula laporan bulanan prestasi audit untuk memastikan kecukupan, prestasi, perkembangan, pencapaian dan liputan mengenai fungsi audit dalaman dan menyatakan sebab-sebab pemberhentian kakitangan audit.
- Menyemak semula laporan audit yang dikemukakan oleh pihak yang mengawal selia, jawapan pihak Pengurusan terhadap usul yang dikemukakan oleh pengawal selia, dan tindakan penyelesaian yang diambil untuk memperbaiki kelemahan yang telah dikesan.
- Menyemak semula Laporan Jawatankuasa ACB syarikat-syarikat subsidiari untuk meninjau pengurusan risiko serta sistem kawalan dalaman syarikat-syarikat subsidiari tersebut.
- Mengemukakan penilaian berkecuali mengenai prestasi dan pakej remunerasi kakitangan audit berdasarkan kepada peraturan pengawal selia.
- Meluluskan pelantikan jawatan utama kakitangan audit.
- Mengarahkan penyiasatan terhadap mana-mana aktiviti atau perkara di dalam lingkungan terma-terma rujukannya.
- Menyemak semula Laporan Jawatankuasa Audit serta Penyata Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman.
- Menyemak semula minit-minit mesyuarat Jawatankuasa Audit Dalam bagi meninjau perbincangan serta tindakan-tindakan pembaikan yang telah diambil oleh pihak Pengurusan terhadap kecuai kawalan yang dikemukakan oleh juruaudit-juruaudit dalaman.

Laporan Kewangan

- Menyemak semula keputusan suku tahunan yang belum diaudit serta penyata kewangan tahunan Bank serta Kumpulan Maybank yang telah diaudit bagi memastikan laporan kewangan serta keperluan pendedahan maklumat adalah mematuhi piawaian perakaunan, dengan tumpuan khusus diberikan kepada perubahan dalam dasar perakaunan, dan juga transaksi/kejadian ketara dan luar biasa.

Audit Luar

- Menyemak semula bersama juruaudit luar:-
 - Memorandum Perancangan Audit dan skop kerja mereka untuk tahun tersebut.
 - Hasil audit, laporan-laporan audit yang berkenaan dan Surat-surat Pihak Pengurusan berserta penerimaan/komen pihak Pengurusan terhadap hasil penemuan tersebut.
- Meluluskan perkhidmatan bukan-audit yang diberikan oleh juruaudit-juruaudit luar. Ketika mempertimbangkan kelulusan bagi perkhidmatan ini, ACB mengambil kira pertimbangan mengenai proses dan keperluan (termasuk yuran) yang diwujudkan di bawah dasar pelantikan berkenaan.
- Menilai semula prestasi juruaudit luar dan membuat saranan kepada Lembaga mengenai pelantikan berkenaan.

Skim Saham Kakitangan (ESS)

- Menyemak peruntukan yang berkenaan bagi memastikan ia selari dengan syarat yang diluluskan.

Latihan Para Pengarah

- Latihan yang dihadiri oleh Jawatankuasa adalah dilaporkan di bawah Penyata Tadbir Urus Korporat di muka surat 146 hingga 159.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

D. FUNGSI AUDIT DALAMAN

Kumpulan mempunyai Audit Dalaman (IA) sendiri yang diwujudkan untuk membantu Lembaga Pengarah mengawasi pihak Pengurusan dalam menyediakan pengurusan risiko, kawalan dalaman serta sistem tadbir urus yang kukuh. Kos penyelenggaraan fungsi IA bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2013 berjumlah kira-kira RM37 juta, terutamanya bagi penggajian, perbelanjaan perjalanan dan penginapan serta elaun sara hidup bagi tugas-tugas audit.

Fungsi Audit Dalaman (IA) adalah berpanduan kepada Piagam Audit di mana dari segi fungsinya, ia melaporkan kepada Lembaga Jawatankuasa Audit Bank dan dari segi pentadbiran pula kepada Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GPCEO). Ia juga adalah berkecuali daripada aktiviti-aktiviti serta operasi unit-unit operasi yang lain. Tanggungjawab utama IA adalah melakukan penyemakan semula sistem-sistem kawalan dalaman secara lazim dan sistematik, untuk memberikan kepastian yang munasabah bahawa sistem-sistem tersebut telah dan akan terus beroperasi dengan lalin dan berkesan. Bagi memastikan IA dapat menguruskan tanggungjawab secara efektif, kakitangan audit dihantar menjalani latihan dari semasa ke semasa untuk melengkapkan diri mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan khususnya dalam bidang Syariah, Perbendaharaan, Kredit, Perbankan Pelaburan, Teknologi Maklumat dan Insurans & Takaful. Skop liputan IA merangkumi kesemua unit serta operasi Bank, termasuk syarikat-syarikat subsidiari. Pemilihan unit-unit yang akan diaudit, daripada bentuk pengauditan hingga ke perancangan audit tahunan adalah berdasarkan suatu pendekatan berasaskan risiko. Adalah menjadi tanggungjawab IA untuk memberikan Jawatankuasa Audit dengan laporan yang berkecuali dan objektif mengenai keadaan dan tahap pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses pentadbiran.

Fungsi Audit Dalaman bagi operasi Maybank dan syarikat-syarikat subsidiarinya di Malaysia dan Papua New Guinea disusun mengikut asas Kumpulan dalam Maybank. Ketika meluluskan Pelan Audit Tahunan, ACB menyemak semula keperluan kakitangan IA Maybank untuk memastikan fungsinya mencukupi dan wajar. Fungsi IA bagi setiap syarikat subsidiari di Filipina, Indonesia, Singapura, Thailand dan Kemboja diselaraskan dengan baik dan disokong oleh kumpulan audit dalaman residen dengan tanggungjawab langsung kepada Jawatankuasa Lembaga Audit bagi syarikat-syarikat subsidiari yang berkenaan. Sokongan teknikal dan latihan dalam bidang audit tertentu seperti kredit, perbendaharaan, teknologi maklumat, pengurusan aset dan perbankan pelaburan, disediakan oleh Audit Kumpulan, bila-bila perlu bagi memastikan keseragaman dalam guna pakai standard dan pemprosesan pengauditan.

Laporan-laporan audit yang memberikan hasil audit yang dijalankan dari segi risiko pengurusan unit tersebut, keberkesanan operasi kawalan-kawalan dalaman, pematuhan keperluan-keperluan dalaman serta pengawalan dan keseluruhan pengurusan unit, diserahkan kepada Jawatankuasa Audit masing-masing untuk semakan semula. Isu-isu kawalan utama, risiko-risiko ketara serta usul-usul adalah diketengahkan, bersama dengan jawapan serta pelan tindakan pihak Pengurusan untuk penambahbaikan dan/atau pembetulan, di mana sesuai. Ini membolehkan Jawatankuasa Audit melakukan fungsi kawal selia dengan membentuk satu pendapat mengenai kecukupan langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Pengurusan.

Semua aktiviti audit dikendalikan selari dengan matlamat dan dasar Bank; sejajar dengan gunapakai undang-undang dan peraturan. Ini juga sejajar dengan pematuhan dasar dan garis panduan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti dan yang dinyatakan dalam Kod Etika dan Standard Antarabangsa bagi Amalan Profesional Audit Dalaman (Standard) yang dikeluarkan oleh Institut Audit Dalaman (IIA).

Bagi 2013, IA telah melaksanakan aktiviti-aktiviti berikut:

1. Membangunkan pelan audit tahunan berdasarkan pendekatan berasaskan risiko dan selari dengan pelan pengembangan perniagaan Kumpulan, dengan mengambil kira input daripada Pengurusan Kanan dan ACB.
2. Melaksanakan penilaian bebas dan jaminan objektif terhadap kecukupan dan keberkesanan pengurusan risiko, kawalan dalaman dan proses tadbir urus menerusi semakan berstruktur terhadap unit dan operasi yang dikenalpasti dalam pelan audit tahunan.
3. Melaksanakan apa-apa tugas atau semakan semula khas bila mana diarahkan oleh ACB.
4. Memastikan tahap pematuhan dengan dasar-dasar dan prosedur-prosedur yang sudah tersedia serta keperluan berkanun.
5. Cadangan penambahbaikan dan peningkatan kepada system kawalan dalaman yang sedia ada serta prosedur/proses kerja.
6. Menyediakan semakan bebas dan objektif terhadap kecukupan dan kewajaran terhadap penguatkuasaan kawalan dalaman yang diguna pakai untuk mengenali sebarang pendedahan risiko dalam pelancaran produk baru atau pengenalan sistem IT baru.
7. Selain aktiviti-aktiviti jaminan risiko, IA juga menjalankan audit terhadap perkakasan komputer, sistem-sistem operasi dan aplikasi juga rangkaian teknologi komunikasi maklumat (ICT) Kumpulan Maybank.
8. Melaksanakan penyiasatan audit ke atas aktiviti-aktiviti atau perkara-perkara seperti yang diarahkan oleh ACB dan Pengurusan Kanan.
9. Menjadi saksi kepada proses pembukaan tender bagi pemerolehan atau aset.
10. Menyediakan Laporan Jawatankuasa Audit dan Penyata Kawalan Dalaman bagi Laporan Tahunan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.
11. Mengendalikan semakan fungsi IA di syarikat-syarikat subsidiari untuk menilai prestasi mereka dengan penggunaan Standard IIA dan bagi mengenal pasti peluang-peluang dan menyediakan saranan untuk penambahbaikan, di mana perlu.

PENGURUSAN RISIKO

SEPINTAS LALU

MESEJ KEPADA
PEMEGANG SAHAM

SIAPA KAMI

STRATEGI & PENCAPAIAN
KUMPULANULASAN
PERNIAGAANTANGGUNGJAWAB
KAMIKEPIMPINAN
KAMITADBIR URUS
KORPORATLAIN-LAIN
MAKLUMATMAKLUMAT
AGM

“Kami mencatat kemajuan yang amat menggalakkan dalam hala tuju budaya risiko prestasi tinggi bagi Risiko Kumpulan 2015 ketika kami membina asas yang kukuh dan stabil bagi membolehkan kami mewujudkan nilai yang menyokong aspirasi serantau Kumpulan.”

Dr John Lee
Ketua Pegawai Risiko Kumpulan

PENCAPAIAN UTAMA KAMI PADA 2013

- Menerapkan kepentingan pengurusan risiko ke dalam strategi dan perancangan perniagaan kami bagi memastikan aktiviti pengambilan risiko selari dengan pengurusan risiko yang lebih efektif.
- Mendefinisikan, menyelaraskan dan melaksanakan rangka kerja Tahap Risiko di seluruh Kumpulan untuk memberi takrifan yang lebih baik terhadap sempadan pengambilan risiko kami.
- Menambah baik kedinamikan Ganjaran-Risiko di seluruh Kumpulan bagi meningkatkan keputusan penetapan harga dan prestasi yang berdasarkan risiko.
- Terus mengurangkan struktur kos penyataimbangan dan mengoptimumkan modal di seluruh Kumpulan.
- Terus mendorong penambahbaikan di semua rangka kerja, sistem dan pemprosesan risiko untuk memberikan perkhidmatan bernilai tambah kepada perniagaan secara kos efektif dan meningkatkan penglibatan pemegang kepentingan.
- Menubuhkan Pusat Kecemerlangan (COE) bagi membina pengkhususan profesional risiko untuk menyediakan nilai tambah pendapat mengenai risiko bagi menyokong membuat keputusan perniagaan.
- Meningkatkan pelan tindakan Pengurusan Risiko Tenaga Mahir kami untuk meningkatkan kemahiran sumber insan dan menetapkan platform bagi merapatkan jurang kecekapan.
- Memulakan pelbagai pengukuhan sistem risiko untuk memastikan keupayaan risiko yang mantap menerusi penggunaan teknologi.

PENGURUSAN RISIKO

ULASAN

Di tengah-tengah persekitaran ekonomi global yang mencabar, Risiko Kumpulan kekal komited dalam melaksanakan keutamaan strategi 2013 untuk meningkatkan dan menyepadukan risiko ke dalam perniagaan serta mengukuhkan pengurusan risiko secara berkesan di seluruh Kumpulan. Pengurusan risiko kami yang baik terus memainkan peranan penting dalam memacu penciptaan nilai bagi menyokong aspirasi Kumpulan.

Dalam tahun kewangan ini, usaha-usaha transformasi risiko Kumpulan didorong oleh faktor-faktor luaran dan dalaman yang berikut:

Faktor Luaran

- Persekitaran ekonomi dan kos yang mencabar;
- Tekanan pengawal selia terhadap model perniagaan dan struktur kos;
- Meningkatkan keperluan data dan infrastruktur teknologi maklumat; dan
- Kekurangan tenaga mahir di seluruh rantau.


Faktor Dalaman

- Inisiatif-inisiatif transformasi Kumpulan yang mencapai tahap yang kritikal;
- Kerumitan lebih dalam model Operasi Kumpulan;
- Produk menjadi semakin canggih dan teknikal; dan
- Keperluan untuk mengintegrasikan pengambilalihan strategik.

Dengan faktor-faktor luaran dan dalaman, Keutamaan Strategik Risiko Kumpulan pada 2013 adalah:

JANGKA SEDERHANA

Meningkatkan dan mengintegrasikan
Mengoptimumkan dan mengintegrasikan risiko ke dalam perniagaan untuk mendorong penciptaan nilai untuk Kumpulan



TADBIR URUS RISIKO

Seiring dengan struktur dan aspirasi serantau Kumpulan, kami terus meningkatkan pendekatan pengurusan risiko berintegrasi terhadap kecekapan pengurusan risiko di seluruh enterpris. Kumpulan berpendapat proses pengurusan risiko keseluruhan dengan pendekatan yang teratur dan berdisiplin selari dengan strategi, dasar, proses, kakitangan dan teknologi dengan matlamat khusus untuk menilai semua jenis risiko selaras dengan usaha meningkatkan nilai pemegang saham.



Struktur Tadbir Urus Risiko

Lembaga Pengarah
Lembaga Pengarah adalah “badan pentadbiran utama” Kumpulan Maybank yang bertanggungjawab secara keseluruhan mengawasi risiko. Ia meluluskan rangka kerja pengurusan risiko Kumpulan, had risiko, rancangan dan sasaran prestasi bagi Kumpulan dan syarikat-syarikat subsidiari operasi utama, pelantikan pegawai-pegawai kanan, delegasi pihak berkuasa untuk mengawal risiko kredit dan lain-lain risiko serta penubuhan prosedur kawalan yang berkesan.

Jawatankuasa Peringkat Lembaga

Jawatankuasa Pengurusan Risiko (RMC)
RMC adalah Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab terhadap fungsi pengawasan risiko di dalam Kumpulan. Ia bertanggungjawab terutamanya untuk mengkaji semula dan meluluskan rangka kerja risiko utama dan dasar-dasar untuk pelbagai risiko.
Jawatankuasa Semakan Kredit (CRC)
CRC ditugaskan oleh Lembaga Pengarah untuk mengkaji semula/meluluskan/menolak permohonan pinjaman baru atau tambahan tertakluk kepada had kuasa yang ditetapkan terlebih dahulu sebagaimana yang disyorkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan.

Jawatankuasa Pengurusan Peringkat Eksekutif

Jawatankuasa Risiko Eksekutif (ERC)	Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi Kumpulan (GORMC)	Jawatankuasa Pengurusan Aset & Liabiliti (ALCO)	Jawatankuasa Pengurusan Kredit Kumpulan (GMCC)
ERC, GORMC, ALCO dan GMCC merupakan Jawatankuasa Eksekutif yang bertanggungjawab terhadap semua risiko berunsur kebendaan di dalam Bank. Skop ERC merangkumi semua jenis risiko, manakala GORMC pula khusus untuk semua urusan risiko operasi. ALCO bertanggungjawab terutamanya terhadap pembangunan dan pelaksanaan strategi dan polisi yang luas untuk menguruskan penyataimbangan terkumpul dan risiko yang melibatkannya. GMCC pula diberi kuasa sebagai jawatankuasa kelulusan pinjaman berpusat bagi Kumpulan.			

Rangka Kerja Pengurusan Risiko

Komponen utama rangka kerja Pengurusan Risiko Enterpris (ERM) termasuk:

PERANAN ERM DAN FUNGSINYA					
Kaedah	Jawatankuasa Risiko menetapkan hala tuju strategik dan keutamaan program pengurusan risiko dan kawalan dalaman.				
Sistem & Struktur Binaannya	Risiko Kumpulan menyediakan analisis dan laporan untuk agensi-agensi pusat dan pengawal selia, membangunkan dasar dan menyusun aktiviti seharian.				
Dasar	Pengurus Risiko memantau penilaian risiko, latihan dan inisiatif, pemudah cara, pengurusan maklumat dan pelaporan.				
Standard	Strategi	Proses	Pelaporan	Organisasi & Tadbir Urus	Kakitangan & Budaya

Selaras dengan pendekatan pengurusan risiko enterpris, Kumpulan telah menggunakan dan setia mengamalkan amalan Tujuh Prinsip Umum dalam Pengurusan Risiko untuk memastikan integrasi matlamat, dasar, metodologi dan sistem di seluruh pusat operasi serantau.

SEPINTAS LALU

MESEJ KEPADA PEMEGANG SAHAM

SIAPA KAMI

STRATEGI & PENCAPAIAN KUMPULAN

ULASAN PERNIAGAAN

TANGGUNGJAWAB KAMI

KEPIMPINAN KAMI

TADBIR URUS KORPORAT

LAIN-LAIN MAKLUMAT

MAKLUMAT AGM

PENGURUSAN RISIKO

Tujuh Prinsip Umum Pengurusan Risiko Kumpulan Maybank

Tujuh Prinsip Umum mentakrif prinsip-prinsip utama dalam kebertanggungjawaban, kebebasan, struktur, dan skop.

Prinsip-prinsipnya

1. Pendekatan pengurusan risiko melibatkan tiga barisan pertahanan – unit pengambilan risiko, unit kawalan risiko dan audit dalaman.
2. Unit pengambilan risiko bertanggungjawab bagi pengurusan risiko yang wujud dalam aktiviti perniagaan mereka sehari-hari manakala unit kawalan risiko yang bertanggungjawab untuk menetapkan rangka kerja pengurusan risiko dan membangunkan kaedah untuk mengenal pasti, mengukur, memantau, mengawal dan menilai risiko. Peranan ini diperlengkapkan oleh audit dalaman yang menyediakan jaminan bebas tentang keberkesanan pendekatan pengurusan risiko.
3. Pengurusan risiko menyediakan pengawasan risiko bagi kategori utama termasuk risiko kredit, risiko pasaran, risiko mudah tunai, risiko operasi dan lain-lain risiko industri.
4. Pengurusan risiko memastikan bahawa teras polisi risiko Kumpulan adalah konsisten, menetapkan tahap toleransi risiko dan memudah cara pelaksanaan rangka kerja penilaian penyesuaian risiko bersepadu.
5. Pengurusan risiko berfungsi dan ditadbir secara bebas daripada sektor perniagaan dan unit-unit pengambilan risiko lain dalam Kumpulan Maybank.
6. Lembaga Pengarah Maybank, menerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko, adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap fungsi pengawasan risiko dalam Kumpulan.
7. Pengurusan risiko yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan pelbagai dasar risiko dan keputusan yang berkaitan dengan perniagaan yang diberi kuasa oleh Lembaga Pengarah.

Inisiatif strategik yang dilaksanakan oleh Kumpulan tahun ini untuk menyempurnakan transformasi risiko dinyatakan di bawah.

STRATEGI

• Meningkatkan Pengukuran Prestasi Penyelarasan Risiko (RAPM)

Kumpulan terus meningkatkan metodologi RAPM dan terus menanam langkah-langkah RAPM ke dalam pengurusan/peningkatan proses pelanggan.

Mendorong Nilai daripada Penetapan Harga Berdasarkan Risiko

Dalam menunjukkan pengurusan risiko sebagai strategi utama yang membezakan Kumpulan, kami telah meningkatkan proses RAPM untuk memacu kedinamikan risiko-ganjaran. Kami telah mengendalikan penetapan harga berdasarkan risiko di seluruh Kumpulan dan menanamkan disiplin yang lebih besar dalam penetapan harga berasaskan jajaran risiko-ganjaran.

Inisiatif ini selari dengan jangkaan peraturan seperti ditetapkan dalam garis panduan Penetapan Harga Berasaskan Risiko yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM). Kami percaya wujud sokongan yang lebih besar terhadap standard yang mengistilahkan tanggungjawab penyedia perkhidmatan kewangan untuk menggunakan pendekatan risiko dimaklumkan dalam penetapan produk pinjaman/pembiayaan runcit. Ini bagi memastikan keputusan terhadap penetapan harga pinjaman/pembiayaan runcit konsisten dengan tahap risiko yang diluluskan. Ketika ini, penyedia perkhidmatan kewangan seharusnya menjelaskan dengan terang ukuran risiko dan mekanisma penetapan harga serta mengawal kos bagi memenuhi matlamat memaksimumkan keuntungan. Garis panduan ini menggariskan standard penting dalam bidang-bidang yang berikut:

- ▶ Jangkaan Lembaga Pengarah dan dasar-dasar dalaman terhadap penetapan harga pinjaman/pembiayaan; dan
- ▶ Komponen penetapan harga minimum yang akan dimasukkan dalam penetapan harga pinjaman/pembiayaan dan jangkaan penyeliaan terhadap metodologi yang digunakan bagi anggaran komponen berkenaan.

Dengan matlamat untuk mengekalkan daya saing dan menghasilkan pulangan yang mencukupi untuk pemegang saham, penyedia perkhidmatan kewangan diperlukan untuk meneliti operasi mereka bagi memastikan pendapatan aset mereka diperolehi secara berkesan. Dalam konteks ini, penyetap harga pinjaman/pembiayaan yang sewajarnya menjadi amat penting daripada perspektif perniagaan dan peraturan.

Risiko Kumpulan komited untuk terus menerapkan dan meningkatkan penetapan harga risiko di seluruh Kumpulan bagi memperbaiki prestasi kami. Manfaat yang diperolehi daripada inisiatif ini adalah seperti berikut:

- ▶ Membolehkan institusi untuk mengetahui lebih awal jenis-jenis penetapan harga/fi yang bersesuaian dengan pilihan risiko/pulangan;
- ▶ Meningkatkan nilai pemegang saham dengan memastikan bahawa risiko yang terlibat dengan transaksi berkaitan, diukur dan diberi penetapan harga yang sewajarnya; dan
- ▶ Meningkatkan pencapaian matlamat dan objektif portfolio kredit.

• Menyelaraskan Tahap Risiko Kami

Kumpulan telah berjaya menerapkan Rangka Kerja Tahap Risiko di seluruh Bank, syarikat-syarikat subsidiari utama dan cawangan-cawangan utama. Rangka Kerja Tahap Risiko mentakrifkan keupayaan risiko kami, mengesahkan minat risiko kami dari semasa ke semasa, menterjemahkan tahap risiko ke dalam had risiko dan kemampuan sebagai panduan dan kerap mengukur serta menilai profil risiko kami dari semasa ke semasa.

Elemen utama Rangka Kerja Tahap Risiko merupakan satu set Penyata Tahap Risiko (RAS) yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Ia mentakrifkan sempadan dan pendorong yang telah dipilih oleh Kumpulan untuk mengehadkan atau mempengaruhi jumlah risiko yang mampu diterimanya. Rangka Kerja Tahap Risiko Kumpulan dan RAS ini pertama diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 2011 dan sejak itu ia telah disemak serta dikemaskinikan setiap tahun.

Matlamat pengurusan risiko bukan bermatlamat untuk menghapuskan risiko tetapi untuk menguruskannya secara berkesan supaya pemegang kepentingan kami mendapat pulangan jangka panjang yang sepadan dengan risikonya. Sementara itu, RAS Kumpulan merupakan penyata hasrat dan postur Lembaga Pengarah dan Pengurusan terhadap aktiviti pengambilan risiko dan juga pengurusannya.

Blok Binaan Tahap Risiko



Menyeimbangkan Strategi Risiko dan Strategi Perniagaan

Daripada perspektif organisasi, tahap risiko menghubungkan strategi risiko Kumpulan dengan strategi perniagaannya, antara lain, menerusi penarafan sasaran yang dikehendaki, turun-naik pendapatan dan had risiko. Proses membangunkan RAS telah diintegrasikan ke dalam bajet tahunan dan kitaran perancangan perniagaan Kumpulan, ketika kami memastikan bahawa risiko, pulangan dan modal diuruskan secara berintegrasi.

Penetapan proses Tahap Risiko telah juga meletakkan konsep 'Postur Risiko', yang merupakan maklumat tentang kesediaan perniagaan untuk mengambil risiko dengan mengambil kira faktor luaran dan dalaman serta pandangan masa hadapan. 'Postur Risiko' akan ditentukan oleh strategi perniagaan, yang mana ia akan memacu keupayaan pengambil risiko oleh Kumpulan dan kemudiannya menetapkan RAS.

- Meningkatkan Budaya Risiko**

Budaya Risiko ditakrifkan oleh Institut Kewangan Antarabangsa (IIF) sebagai "norma dan tradisi tingkah laku individu dan kumpulan-kumpulan dalam sesebuah organisasi yang menentukan cara mereka mengenal pasti, memahami, berbincang dan bertindak terhadap risiko yang dihadapi dan ditanggapi oleh organisasi."

Kami berpendapat Budaya Risiko sebagai asas yang mana rangka kerja pengurusan risiko enterpris yang kukuh dibina dan merupakan blok binaan penting bagi tadbir urus risiko berkesan. 'Indeks Budaya Risiko' bermatlamat untuk mengukur kedudukan budaya risiko semasa dalam Kumpulan berjaya dilancarkan dalam suku keempat 2012. Keputusan kaji selidik dibentangkan kepada Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Eksekutif Kumpulan, Jawatankuasa Pengurusan, Unit Perniagaan Strategik dan entiti di seluruh Kumpulan pada 2013.

Daripada hasil kaji selidik ini, pelan tindakan khusus dan inisiatif telah dibangunkan dan beroperasi di seluruh Kumpulan pada 2013. Di peringkat industri, sokongan kuat bagi melaksanakan 'Budaya Risiko Yang Betul' ditunjukkan menerusi penyertaan aktif kami sebagai anggota utama dalam Kumpulan Penasihat Pemantauan Efektif dalam menerbitkan Garis Panduan Lembaga Kestabilan Kewangan Mengenai Budaya Risiko. Kami berusaha untuk terus menanamkan budaya ini di dalam Kumpulan dengan melaksanakan pertumbuhan yang mampan dengan kaedah yang bertanggungjawab dan berhati-hati terhadap risiko.

KAKITANGAN

- Menginstitusikan Garis Panduan Pengurusan Tenaga Mahir**

Kumpulan telah membangunkan garis panduan pengurusan tenaga mahir untuk menetapkan dengan terperinci kecekapan risiko teras yang diperlukan oleh profesional risiko kami. Garis panduan ini telah diperkenalkan kepada unit perniagaan utama dan syarikat-syarikat subsidiari pada Disember 2013.

Kumpulan telah menamakan semula Penilaian Dalaman bagi Program Kakitangan Kredit Teras kepada Program Akreditasi Kredit Dalaman Maybank (MICAP) untuk memberi gambaran lebih baik terhadap peranan kredit. MICAP telah dilaksanakan sepenuhnya di sektor-sektor domestik yang berkenaan dalam tahun kewangan, manakala Maybank Kemboja merupakan unit luar negara pertama yang melaksanakan program ini pada Julai 2013. Program ini juga akan dilaksanakan di Maybank Hong Kong dan Maybank Filipina dalam suku ketiga 2014 dan seluruh Kumpulan menjelang 2015. Program ini bermatlamat untuk mengukuhkan punca kredit kami dan memberi impak positif terhadap keseluruhan kualiti aset di seluruh Kumpulan apabila ia dilaksanakan.

Dalam usaha berterusan untuk meningkatkan pengurusan risiko kakitangan, Kelas Induk Risiko Tahunan telah dianjurkan dengan jayanya untuk tempoh tiga tahun berturut-turut. Pakar dalam bidang risiko dari seluruh Kumpulan berkongsi pengetahuan mereka mengenai pelbagai topik pengurusan risiko dan aliran risiko semasa.

PEMROSESAN

- Menubuhkan Pusat Kecemerlangan (COE)**

Dalam tahun kewangan, fungsi Risiko Kumpulan diberi tanggungjawab untuk mewujudkan pusat kecemerlangan risiko untuk mendorong kecekapan. COE ditubuhkan untuk membina pengkhususan risiko profesional, bagi menyediakan maklumat risiko nilai tambah dan menyokong proses membuat keputusan perniagaan serta meningkatkan ekonomi bidangan untuk menurunkan kos pelaksanaan.

COE yang disediakan ini juga telah menetapkan standard dari segi laporan risiko enterpris, struktur binaan dasar risiko dan model pelaksanaan risiko dalam Kumpulan.

PENGURUSAN RISIKO

• Menginstitusikan Pematuhan Syariah

Prinsip syariah merupakan asas bagi amalan kewangan Islam menerusi pematuhan garis panduan, kedudukan dan prinsip yang ditetapkan oleh Syariah seperti yang disyaratkan oleh Jawatankuasa Penasihat Syariah (SAC) BNM dan Suruhanjaya Sekuriti serta Jawatankuasa Syariah Maybank Islamic Bank. Pematuhan komprehensif terhadap prinsip Syariah dalam aktiviti dan operasi perniagaan akan memberikan keyakinan kepada pemegang kepentingan.

Selaras dengan keperluan peraturan BNM, Kumpulan telah melaksanakan Rangka Kerja Tadbir Urus Syariah yang komprehensif bagi memastikan pandangan yang efektif dan berkesan oleh Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Lembaga serta Jawatankuasa Syariah mengenai aktiviti dan operasi perniagaan produk dan perkhidmatan Islam yang dijalankan oleh perniagaan perbankan Islam Kumpulan.

• Meningkatkan Sistem Amaran Awal Risiko Utama

Kumpulan telah menginstitusikan proses untuk mengenal pasti kemungkinan berlaku risiko. Proses ini termasuk:

- ▶ Mengendalikan gerak kerja perancangan senario;
- ▶ Menilai risiko mengikut kemungkinan dan impak untuk tempoh lima tahun akan datang; dan
- ▶ Menggunakan keputusan ujian tekanan, pengurusan modal dan had yang ditetapkan.

Selain menguruskan risiko yang mendatang, pasukan risiko di negara-negara yang berkaitan dan pasukan risiko sektor perniagaan sedang membangunkan petunjuk risiko utama dengan mengambil kira situasi masa depan supaya mengenal pasti risiko dengan berkesan.

• Meningkatkan Pengurusan Peraturan

Risiko Kumpulan telah merangka strategi-strategi untuk meningkatkan penarafan peraturan. Pelaksanaan inisiatif strategik dan bidang-bidang bagi penambahbaikan ini sedang disiapkan.

Kumpulan tekun dalam usahanya untuk menggunakan Pendekatan Standard (TSA) Pengiraan Caj Modal Risiko Operasi. Penggunaan TSA ini tertakluk kepada kelulusan BNM. Untuk tujuan ini, Kumpulan telah merangka aktiviti perniagaan ke dalam lapan barisan perniagaan seperti disyaratkan oleh Basel II dan Rangka Kerja Kecukupan Modal Wajaran Risiko BNM.

Kumpulan sedang membuat persediaan untuk memenuhi keperluan peraturan Basel III melibatkan pematuhan modal dan mudah tunai.

• Meningkatkan Teknik Modal & Mudah Tunai

Pendekatan Kumpulan terhadap pengurusan modal didorong oleh objektif strategik dan mengambil kira semua peraturan yang wajar serta persekitaran ekonomi dan komersial di mana Kumpulan beroperasi. Kumpulan berpendapat, memiliki kedudukan modal yang kukuh amat penting untuk strategi perniagaan dan kedudukan daya saing Kumpulan. Untuk itu, implikasi kedudukan modal Kumpulan turut diambil kira oleh Lembaga dan pengurusan kanan sebelum melaksanakan keputusan perniagaan utama untuk memulihara kekuatan keseluruhan modal Kumpulan.

Teras utama Kumpulan terhadap pengurusan modal dan perancangan adalah untuk mempelbagaikan sumber modalnya, memperuntukkan dan menyalurkan modal secara efektif mengikut keperluan untuk mengekalkan perhubungan penting antara modal yang ada dengan risiko perniagaan yang dijadikan ukuran; dan untuk memenuhi jangkaan pemegang kepentingan utama, termasuk pelabur, pengawal selia dan agensi penarafan.

Pengurusan modal Kumpulan tertakluk kepada Garis Panduan Pengurusan Modal Kumpulan bagi memastikan konsistensi serta selaras dengan dasar dan prosedur pengurusan modal dalam Kumpulan. Garis Panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini digunakan di seluruh Kumpulan dan entitinya.

Tahap risiko mudah tunai telah diluluskan oleh RMC, manakala ERC dan ALCO bertanggungjawab terhadap keseluruhan pelaksanaan operasi dan kawalan yang berdasarkan rangka kerja pengurusan risiko mudah tunai dan dasar yang diluluskan.

Kumpulan telah mengendalikan senario tekanan mudah tunai untuk menilai jika ada bidang yang daya tahannya berkurangan, dan menentukan keupayaan pembiayaannya serta kecukupan dalam situasi biasa serta keadaan pasaran yang sedang tertekan. Kumpulan turut mengaktifkan Pelan Pembiayaan Kontingensi (CFP) untuk mengalihkan sebarang bencana melibatkan mudah tunai yang menjejaskan kekuatan mudah tunai dan keupayaan kewangannya.

Selari dengan amalan utama, Kumpulan sedang sedia untuk memenuhi pematuhan Nisbah Liputan Mudah Tunai (LCR) Basel III menjelang 1 Januari 2015 sambil menimbangkan keperluan bagi Nisbah Pembiayaan Stabil Bersih (NSFR), yang akan dikuatkuasakan pada 1 Januari 2018.

Mengoptimumkan Aset Wajaran Risiko (RWA)

Program Mengoptimumkan RWA (ROP) direka sebagai usaha bersama antara Risiko Kumpulan dan sektor Perniagaan untuk melaksanakan pelbagai inisiatif bagi mengoptimumkan RWA Kumpulan sebagai sebahagian daripada proses pengurusan modal yang berterusan.

ROP terus mengoptimumkan RWA Kumpulan menerusi faktor-faktor penentu yang berikut:

- ▶ Model Perniagaan – kesan terhadap profil risiko seperti punca pinjaman dan tumpuan perniagaan strategik;
- ▶ Pengurusan Risiko – pendekatan untuk kiraan kredit, pasaran dan risiko operasi, semakan biasa model risiko dan kaedah-kaedahnya;
- ▶ Proses – impak langsung dan tidak langsung RWA, meliputi pejabat operasi hadapan dan sokongan seperti pengurusan proaktif ‘penarafan lapuk’; dan
- ▶ Pengurusan cagaran.

SISTEM

• Struktur Arkitek Teknologi Risiko

Kini terdapat lebih banyak keperluan untuk mendapatkan pandangan menyeluruh terhadap lanskap risiko daripada perspektif perniagaan dan teknologi. Di masa hadapan, Kumpulan akan menggunakan struktur arkitek risiko yang berlandaskan perniagaan untuk meningkatkan pengurusan risiko utama di seluruh enterpris. Penyelesaian dalam sektor enterpris untuk memenuhi keperluan unik setiap pengguna perniagaan akan mempercepatkan perubahan perniagaan dan peraturan ke pasaran dan juga bagi mengoptimumkan proses perniagaan.

Pelaras strategik yang kukuh antara risiko dan perniagaan akan meningkatkan pengurusan risiko Kumpulan menerusi peruntukan maklumat bagi analisis masa hadapan secara tepat dan mengikut masa. Beberapa manfaat utama daripada struktur IT yang mantap adalah:

- ▶ Kecekapan proses perniagaan;
- ▶ Sumber risiko maklumat tunggal;
- ▶ Platform yang anjal untuk menjalankan analisis impak perniagaan; dan
- ▶ Lebih cepat untuk memberi maklum balas terhadap keperluan peraturan atau perubahan perniagaan.

Untuk anugerah dan pengiktirafan, sila rujuk di muka surat 63.

INISIATIF STRATEGIK PADA 2014

Berlatarbelakangkan ekonomi global yang semakin pulih dan lebih banyak perubahan dalam pengawal seliaan, pihak bank akan bersaing untuk mendapat manfaat daripada pemulihan pasaran negara maju, menggunakan lanskap peraturan baru dan turut meraih manfaat daripada gelombang pengembangan seterusnya di pasaran-pasaran bertumbuh pantas. Di masa hadapan, keperluan terhadap Risiko Kumpulan semakin meningkat untuk diintegrasikan sepenuhnya ke dalam perniagaan kami supaya dapat mewujudkan pekerjaan yang lebih efektif bagi menambah nilai ke dalam Kumpulan.

Pada 2014, Risiko Kumpulan akan melaksanakan tema strategik yang berikut yang sejajar dengan Kumpulan bagi menggerakkan usaha penciptaan nilai.

Usaha sama dan inovasi	Regionalisasi Risiko	Optimisasi dan Kecekapan
- Menguatkan peranan Risiko Kumpulan sebagai rakan perniagaan dalam Kumpulan. - Meningkatkan pengurusan perhubungan dengan pemegang saham dalam Kumpulan.	- Meregionalisasikan sumber-sumber risiko, sistem, rangka kerja dan proses. - Memastikan peruntukan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan.	- Mengoptimalkan sumber-sumber secara efektif dan cekap di seluruh Kumpulan. - Meningkatkan sinergi dalam perniagaan dengan memanfaatkan pengurusan risiko sebagai kelebihan daya saing untuk mengoptimalkan pulangan. - Memastikan penambahbaikan pemprosesan secara konsisten untuk kecekapan yang lebih baik.

Berdasarkan kepada tema strategik berkenaan bagi 2014, kami telah mengenal pasti inisiatif-inisiatif utama yang berikut dengan matlamat untuk menubuhkan platform serantau bagi membolehkan peningkatan skala dan menyelaraskan amalan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan. Sambil kami meneruskan jejak serantau ini, kami percaya kejayaan pelaksanaan inisiatif ini akan menggerakkan Risiko Kumpulan bagi mencapai aspirasi serantau kami.

1	Menguatkan Peranan Pengurusan Risiko dalam Keputusan-keputusan Strategik	- Menghubungkan proses penetapan penyata Tahap Risiko dengan bajet dan perancangan perniagaan. - Memastikan rangka kerja dan proses Tahap Risiko ditanamkan di seluruh Kumpulan.
2	Meningkatkan Penyelidikan dan Pengetahuan Asas Risiko Kumpulan	- Membina keupayaan penyelidikan dan pengetahuan Risiko Kumpulan untuk menyediakan sokongan yang lebih baik di seluruh Kumpulan. - Terus mengkhusus secara mendalam terhadap risiko profesional untuk menyediakan pandangan risiko bernilai tambah bagi menyokong perniagaan di seluruh Kumpulan.
3	Menambah baik Pengurusan Pengawal Seliaan	Meningkatkan perhubungan dengan pihak berkuasa pengawal seliaan di dalam dan di seluruh rantau untuk menjadi lebih proaktif dalam pengurusan dan penyertaan dalam perbincangan tentang peraturan.
4	Membangunkan Struktur IT Risiko Kumpulan	- Membangunkan struktur binaan Risiko IT di seluruh Kumpulan bagi menyokong aspirasi serantau Kumpulan. - Menyatukan sistem tersendiri sebagai platform operasi risiko serantau.
5	Menggerakkan Inisiatif Regionalisasi	- Menggerakkan dan melancarkan amalan pengurusan risiko di seluruh Kumpulan. - Memastikan kejelasan dan konsistensi amalan risiko terhadap sokongan perniagaan serantau di seluruh Kumpulan. - Menubuhkan Pusat Kecemerlangan.
6	Mewujudkan Tingkahlaku Budaya Risiko Yang Betul dan Kesedaran Risiko di Seluruh Kumpulan	- Terus memastikan bahawa Budaya Risiko Yang Betul ditanamkan di seluruh Kumpulan. - Terus meningkatkan pencapaian Indeks Budaya Risiko.
7	Meningkatkan Hala Tuju Pengurusan Tenaga Mahir dalam Kumpulan	- Memanfaatkan struktur serantau Risiko Kumpulan bagi mengoptimalkan sumber-sumber risiko di seluruh Kumpulan dan menyediakan pengurusan risiko tanpa halangan kepada perniagaan. - Membangunkan rangka kerja kecekapan tenaga mahir serantau dan mengurangkan jurang daya saing.
8	Mengoptimalkan Amalan Modal dan Mudah Tunai	- Mengoptimalkan struktur kos menerusi optimisasi RWA dan pengurusan penyataimbangan. - Terus meningkatkan teknik pengurusan mudah tunai dan memenuhi keperluan pengawal selia.
9	Meningkatkan Analisis Ganjaran Risiko dan Dinamik Kumpulan	- Menginstitusikan pemakluman penetapan harga-risiko di seluruh Kumpulan. - Meningkatkan sistem amaran risiko sebagai sebahagian daripada pelaporan risiko. - Meningkatkan dan mengautomasi pemprosesan risiko untuk memudahkan cara analisis ganjaran risiko yang lebih baik. - Meningkatkan analisis risiko kami untuk berfungsi lebih baik terhadap perniagaan bagi mengoptimalkan pulangan kepada kumpulan.
10	Meningkatkan Pemprosesan Risiko	- Meningkatkan pemprosesan kualiti kredit kami termasuk langkah-langkah utama untuk meningkatkan pemantauan dan pelaporan kredit yang melibatkan Proses, Kakitangan dan Sistem. - Memanfaatkan struktur Risiko Kumpulan bagi menyediakan pengurusan risiko tanpa halangan kepada perniagaan dalam Kumpulan.

Sila rujuk kepada "Pendedahan Basel II Tunggak 3" untuk maklumat lanjut mengenai Pengurusan Risiko.

PEMATUHAN KUMPULAN

IKRAR INTEGRITI KORPORAT

Maybank, yang merupakan institusi pertama di Malaysia memeterai Ikrar Integriti Korporat Malaysia pada Ogos 2011, meneruskan komitmennya untuk menyokong dan mempertahankan Prinsip Anti Rasuah di kalangan Pertubuhan di Malaysia.

Ikrar ini adalah hasil daripada usaha sama antara:

- Bursa Malaysia Berhad;
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- Institut Integriti Malaysia;
- Suruhanjaya Anti Rasuah Malaysia serta Bahagian Pemantauan Rasuah dan Koordinasi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA);
- Suruhanjaya Sekuriti Malaysia; dan
- Transparency International Malaysia dan Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri.

Talian Hubungan Integriti (dulunya dikenali Talian Laporan Penipuan), yang telah dilaksanakan sejak 2004, membolehkan kakitangan untuk melaporkan salah laku sebenar atau diragui menerusi saluran yang selamat dan dirahsiakan.

Semua kakitangan boleh mengemukakan kebimbangan berkenaan sebarang salah laku dan kesalahan seperti penipuan, aktiviti jenayah, ketidakjujuran, penyelewengan yang dilakukan oleh kakitangan lain atau mana-mana individu yang berurusan dengan Kumpulan menerusi Talian Pesanan Tol Percuma Yang Direkodkan, alamat e-mel yang dilindungi dan alamat kotak mel P.O.

Kesemua kaedah berkenaan melindungi kakitangan yang membuat pengaduan untuk mendedahkan penipuan daripada menjadi mangsa dan gangguan. Semua perkara yang dikemukakan dan identiti pengadu dirahsiakan sebagai perlindungan. Kebimbangan yang dikemukakan tanpa penama juga akan diambil kira asalkan aduan itu jelas dan terperinci.

PROJEK AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010

Kumpulan telah memulakan projek untuk dilaksanakan dibawah Akta Perlindungan Data Peribadi Malaysia 2010 (PDPA). Projek ini yang dimulakan pada Mei 2012, diterajui bersama oleh bahagian Pematuhan Kumpulan dan Cukai Kumpulan bagi memastikan bahawa seluruh Kumpulan mematuhi syarat keperluan.

PDPA diperkenalkan untuk mengawal pemprosesan data peribadi yang digunakan ketika 'transaksi komersial' oleh pengguna data (iaitu Kumpulan Maybank) untuk melindungi kepentingan subjek data (iaitu pelanggan Kumpulan Maybank). Akta ini mentakrifkan 'transaksi komersial' sebagai apa juga transaksi yang bersifat komersial, sama ada kontraktual atau tidak, yang mengandungi apa juga perkara berhubungan urusan pembekalan atau pertukaran barangan dan perkhidmatan, agensi, pelaburan, pembiayaan, perbankan dan insurans. Akta ini telah diwartakan pada 14 November 2013 dan dikuatkuasakan pada 15 November 2013.

Langkah pertama bagi pematuhan PDPA ini adalah untuk mendaftar dengan Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia (JPDPM), badan yang mentadbir akta ini di Malaysia di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kumpulan Maybank berbangga menjadi entiti pertama di Malaysia yang berdaftar dengan JPDPM.

Rahsia pelanggan telah dan sentiasa menjadi keutamaan kami. Dengan pelaksanaan PDPA, Kumpulan akan terus meningkatkan pemprosesan dalaman, dasar-dasar dan sistem kami untuk memastikan data peribadi pelanggan kekal dirahsiakan dan dilindungi pada setiap masa.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalani oleh pasukan projek PDPA adalah seperti berikut:

- Terbitan Notis Sulit di semua titik sentuhan pelanggan untuk menyatakan hak pengguna dan obligasi Kumpulan di bawah Akta berkenaan.
- Memasukkan Dasar PDPA Kumpulan Maybank dan dasar-dasar dalaman yang lain ke dalam pemprosesan dalaman dan prosedur Maybank untuk memastikan semua kakitangan mematuhi keperluan PDPA ini.
- Mengukuhkan sistem dalaman Kumpulan bagi memastikan keizinan pelanggan diuruskan dengan baik. Kami menghormati permohonan pelanggan untuk tidak menerima komunikasi maklumat pemasaran daripada syarikat-syarikat dalam Kumpulan Maybank.
- Meningkatkan sistem dalaman untuk menyediakan pelanggan dengan laluan kepada data peribadi yang terkandung di dalam sistem kami. Langkah ini merupakan pematuhan dengan Prinsip Laluan di bawah PDPA.

Kumpulan berhasrat untuk mematuhi sepenuhnya dengan keperluan PDPA dalam jangka masa yang ditetapkan oleh JPDPM.

RANGKA KERJA PENGURUSAN PEMATUHI

Lembaga Maybank dan Pengurusan Kanan terus menunjukkan komitmen mereka ke arah pematuhan yang berkesan serta program Pencegahan Penggubahan Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT).

Komitmen Kumpulan ini jelas ditunjukkan menerusi penubuhan dasar pematuhan yang kukuh dan garis panduan, termasuk amalan AML/CFT, untuk memastikan risiko bukan-pematuhan Kumpulan diuruskan dengan berkesan. Langkah-langkah seumpama ini membantu menurunkan kos menjalankan perniagaan yang timbul daripada penalti, penyiasatan dan kes-kes AML/CFT dan juga melindungi integriti dan reputasi Kumpulan.

Dalam menunjukkan komitmen kami untuk memerangi pemindahan dan pembiayaan wang haram oleh aktiviti keganasan, kami telah menempatkan Pegawai-pegawai Pematuhan di semua unit tempatan, luar negara, syarikat-syarikat subsidiari, manakala Pematuhan Kumpulan diberi tanggungjawab untuk memastikan seluruh Kumpulan mematuhi undang-undang, peraturan, pengawal seliaan dan garis panduan yang disediakan.

Kumpulan sentiasa berhati-hati dengan tahap pematuhan, termasuk peraturan dan langkah-langkah AML/CFT, di setiap sektor perniagaan/sokongan. Semakan pematuhan dan ujian tematik terhadap operasi Kumpulan akan dilaksanakan seperti biasa bagi memastikan pematuhan terhadap undang-undang, peraturan, garis panduan dan standard. Pendekatan ini melengkapkan sektor perniagaan/sokongan bagi mencapai penarafan yang baik daripada audit dalaman dan luaran serta pihak pengawal selia. Amalan Pematuhan Kumpulan akan menggunakan pendekatan nasihat dan rundingan ketika semakan ini dilakukan dengan gangguan minimum terhadap operasi perniagaan.

Pematuhan Kumpulan akan meningkatkan penglibatannya dalam pematuhan tertentu dan program latihan serta pensijilan untuk kekal mantap. Kami mengendalikan program latihan dan pendedahan sepanjang tahun untuk mengurangkan sebarang jurang pematuhan dan menanamkan budaya pematuhan dalam Kumpulan.

Setiap Lembaga Pengarah dalam semua entiti Kumpulan disediakan dengan laporan status pematuhan sekerap mungkin. Sehubungan itu, Lembaga Pengarah dan Pengurusan Kanan Kumpulan sentiasa sedar dan akan terus memastikan pengetahuan yang mencukupi terhadap langkah-langkah pematuhan dan AML/CFT yang diambil oleh Kumpulan.

Sepanjang tahun kewangan 2013, Pematuhan Kumpulan telah mencapai kejayaan dalam memenuhi keperluan pematuhan, seperti yang dinyatakan di bawah:

- Menyertai sesi dialog dan komunikasi dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Rangkaian Pegawai-pegawai Pematuhan Kumpulan berkenaan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Garis Panduan AML/CFT bagi Deposit Perbankan – Institusi Pengambil (Sektor 1);
- Melantik anggota Sekretariat Akta Daya Saing Kumpulan 2010;
- Meminda Dasar AML/CFT Kumpulan, dengan memasukkan keperluan yang diperhalusi daripada BNM dan juga memasukkan keperluan Kumpulan Kerja Tindakan Kewangan semasa.
- Menerajui industri dalam usaha mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010. Komitmen serius Kumpulan ini terbukti apabila kami diiktiraf sebagai Organisasi Pertama di Malaysia yang berdaftar sebagai 'Pengguna Data' dengan JPDP; dan
- Menerajui Kumpulan dalam pematuhan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing 2010.

ANALISIS PEMEGANG SAHAM

pada 10 Februari 2014

Modal Saham Dibenarkan : 10,000,000,000
Modal Saham Berbayar : 8,863,261,481
Kelas Saham : Saham biasa RM1 sesaham
Hak Mengundi : 1 undi bagi setiap saham biasa

Saiz Pemegang Saham	Bilangan Pemegang Saham	% Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Modal Terbitan
Kurang dari 100	3,858	6.43	135,135	0.00
100 hingga 1,000 saham	12,308	20.54	7,811,485	0.09
1,001 hingga 10,000 saham	32,538	54.29	113,684,068	1.28
10,001 hingga 100,000 saham	9,510	15.87	253,850,496	2.86
100,001 hingga kurang dari 5% saham terbitan	1,714	2.86	3,334,073,522	37.62
5% dan melebihi saham terbitan	3	0.01	5,153,706,775	58.15
JUMLAH	59,931	100.00	8,863,261,481	100.00

PEMEGANG SAHAM UTAMA MENGIKUT PENDAFTARAN PEMEGANG SAHAM UTAMA

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
1.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: Skim Amanah Saham Bumiputera)	3,429,987,458	38.70
2.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Lembaga Tabung Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)	1,219,913,237	13.76
3.	Permodalan Nasional Berhad	503,806,080	5.68

TIGA PULUH PEMEGANG SAHAM UTAMA MENGIKUT REKOD PENDEPOSIT

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
1.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: Skim Amanah Saham Bumiputera)	3,429,987,458	38.70
2.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Lembaga Kumpulan Wang Simpanan Pekerja)	1,219,913,237	13.76
3.	Permodalan Nasional Berhad	503,806,080	5.68
4.	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	186,179,241	2.10
5.	Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	176,039,559	1.99
6.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: Amanah Saham Wawasan 2020)	146,773,860	1.66
7.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for State Street Bank & Trust Company (West Clt OD67))	138,245,275	1.56
8.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: Amanah Saham Malaysia)	120,447,470	1.36
9.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association(U.S.A))	82,096,923	0.93
10.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: BBH and Co Boston for Vanguard Emerging Markets Stock Index Fund)	79,459,588	0.90
11.	Cartaban Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for Eastspring Invesments Berhad)	68,689,678	0.77

TIGA PULUH PEMEGANG SAHAM UTAMA MENGIKUT REKOD PENDEPOSIT (SAMBUNGAN)

No.	Nama Pemegang Saham	Jumlah Saham Yang Dipegang	% Saham
12.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: GIC Private Limited for Government of (Singapore (C)))	68,254,212	0.77
13.	Malaysia Nominees (Tempatan) Sendirian Berhad (B/P: Great Eastern Life Assurance (Malaysia) Berhad (Par 1))	63,282,289	0.71
14.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for the Bank of NewYork Mellon (Mellon Acct))	61,824,031	0.70
15.	AmanahRaya Trustees Berhad (B/P: AS 1Malaysia)	55,008,974	0.62
16.	Lembaga Tabung Angkatan Tentera	54,390,900	0.61
17.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association (Saudi Arabia))	48,397,078	0.55
18.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association (U.A.E.))	48,387,027	0.54
19.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: HSBC BK Plc for Saudi Arabian Monetary Agency)	41,871,541	0.47
20.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for AIA Bhd.)	41,265,023	0.47
21.	Valuecap Sdn Bhd	36,175,900	0.41
22.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association (Norges BK Lend))	35,088,067	0.40
23.	Citigroup Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: Employees Provident Fund Board (NOMURA))	30,697,125	0.35
24.	Maybank Nominees (Tempatan) Sdn Bhd (B/P: MaybankTrustees Berhad for Public Regular Savings Fund (N14011940100))	27,736,307	0.31
25.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association (Netherlands))	25,300,904	0.29
26.	Cartaban Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: RBC Investor Services Bank for Vontobel Fund - Emerging Markets Equity)	24,422,453	0.28
27.	Pertubuhan Keselamatan Sosial	24,217,093	0.27
28.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Exempt AN for JPMorgan Chase Bank, National Association (U.K.))	22,959,451	0.26
29.	Citigroup Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: Legal & General Assurance (Pensions Management) Limited (A/C 1125250001))	22,415,056	0.25
30.	HSBC Nominees (Asing) Sdn Bhd (B/P: BNY Brussels for Wisdomtree Emerging Markets Equity Income Fund)	21,619,125	0.24
JUMLAH		6,904,950,925	77.91

KLASIFIKASI PEMEGANG SAHAM

pada 10 Februari 2014

Kategori	Bilangan Pemegang Saham		Jumlah Saham Dipegang		% Jumlah Pemegang Saham	
	Malaysian	Asing	Malaysian	Asing	Malaysian	Asing
INDIVIDU						
a. Bumiputera	3,091		22,811,384		0.26	
b. Cina	40,080		294,846,555		3.33	
c. India	1,592		10,020,627		0.11	
d. Lain-lain	243	2,050	1,730,355	46,819,382	0.02	0.53
BADAN KORPORAT						
a. Bank/Institusi Kewangan	69	2	4,561,055,950	424,000	51.46	0.00
b. Pelaburan/Amanah	11		13,293,605		0.15	
c. Persatuan	15		446,779		0.01	
d. Industri	693	50	80,066,991	18,589,142	0.90	0.21
AGENSI KERAJAAN/INSTITUSI						
PENAMA	14		246,524,002		2.78	
LAIN-LAIN	8,750	3,270	1,743,266,537	1,823,287,802	19.67	20.57
JUMLAH	54,559	5,372	6,974,141,155	1,889,120,326	78.69	21.31

PERUBAHAN DALAM MODAL SAHAM

MODAL SAHAM DIBENARKAN

Modal saham dibenarkan Bank masakini ialah RM10,000,000,000 dibahagikan kepada 10,000,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Butir-butir perubahan modal dibenarkan sejak Bank ditubuhkan adalah seperti berikut:-

Tarikh	Peningkatan dalam Modal Saham Dibenarkan	Jumlah Modal Saham Dibenarkan
31-05-1960	20,000,000	20,000,000
06-09-1962	30,000,000	50,000,000
09-04-1977	150,000,000	200,000,000
17-01-1981	300,000,000	500,000,000
06-10-1990	500,000,000	1,000,000,000
09-10-1993	1,000,000,000	2,000,000,000
19-06-1998	2,000,000,000	4,000,000,000
11-08-2004	6,000,000,000	10,000,000,000

MODAL SAHAM TERBITAN DAN BERBAYAR

Butir-butir perubahan modal terbitan dan berbayar Bank sejak penubuhan adalah seperti berikut:-

Tarikh Peruntukan	Bilangan Peruntukan Saham Biasa	Nilai Setara RM	Cara Penyelesaian	Jumlah Modal Terbitan dan Berbayar RM'000
31-05-1960	1,500,000	5.00	Tunai	7,500,000
18-05-1961	500,000	5.00	Tunai	10,000,000
